



# PENYATA RASMI

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU MESYUARAT YANG PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

Pada

PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012

*bersamaan*

1, 2, 3 DAN 4 JAMADILAKHIR 1433

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT YANG PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012

*bersamaan*

1, 2, 3 DAN 4 JAMADILAKHIR 1433

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG PERTAMA  
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

**KANDUNGAN**

| <b>BIL.</b> | <b>PERKARA</b> | <b>MUKA SURAT</b> |
|-------------|----------------|-------------------|
|-------------|----------------|-------------------|

**ISNIN, 23 APRIL 2012**

|    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | Nama Ahli-ahli.  | 1 |
| 2. | Doa.   | 5 |
| 3. | Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. | 5 |

**SELASA, 24 APRIL 2012**

|    |   |    |
|----|---|----|
| 1. | Nama Ahli-ahli.   | 16 |
| 2. | Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.  | 20 |
| 3. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:  |    |
|    | (i) Soalan-soalan Bertulis  | 22 |
|    | (ii) Soalan-soalan Lisan  | 24 |
| 4. | Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:  | 56 |
|    | (i) Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. |    |

|      |  |     |
|------|--|-----|
| (ii) | Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu. | 135 |
|------|--|-----|

**RABU, 25 APRIL 2012**

|    |   |     |
|----|---|-----|
| 1. | Nama Ahli-ahli.   | 137 |
| 2. | Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:                                  |     |
|    | (i) Soalan-soalan Lisan.  | 141 |
|    | (ii) Soalan-soalan Lisan (26 April 2012)                                | 170 |
| 3. | Pelantikan Ahli Dewan Negara.   | 193 |
| 4. | Rang Undang-Undang:   |     |
|    | (i) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M. | 197 |
| 5. | Tangguhan   | 233 |
| 6. | Lampiran<br>[Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]                | 234 |

---

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 23 APRIL 2012

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.

WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.

WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.

WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawī bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

**TIDAK HADIR**

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 10.30 PAGI

## **DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU UNTUK BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

## **TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wabihi Nastain. Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, Beta mengucapkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat Beta dan Sultanah hadir di Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada pagi yang berbahagia dan penuh kerahmatan ini.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sollallahu Alaihi Wasallam yang membawa rahmat ke seluruh alam. Anugerahkanlah kesejahteraan dan limpah rahmat ke atas Baginda, kaum keluarga, para sahabat, para ulama, muslimin dan muslimat sekalian.

Alhamdulillah dalam Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini, kita dapat bersua kembali setelah lima tahun Beta berangkat menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Beta ingin mengambil kesempatan

mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan kerajaan negeri yang diketuai Memanda Menteri Besar Dato' Seri Haji Ahmad bin Said yang telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab semasa ketiadaan Beta dalam negeri. Beta juga merasa amat gembira dengan sokongan ikhlas dan kerjasama yang telah diberikan semua pihak dalam memacu pembangunan negeri.

Sepanjang tempoh lima tahun Beta memerintah negara sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Beta sentiasa mengikuti perkembangan pembangunan negeri Terengganu dari masa ke semasa. Beta sukacita kerajaan negeri telah memberi keutamaan tinggi dalam menangani masalah rakyat terutama golongan miskin melalui slogan "Tradisi Membela Rakyat".

Berdasarkan statistik semasa, kadar kemiskinan negeri ini telah berjaya dikurangkan sehingga pada tahap 3.18% pada Disember 2011. Penyaluran bantuan kepada golongan miskin telah dapat mengurangkan bebanan yang dihadapi dan dapat meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik. Beta menggesa kerajaan memperbanyakkan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya agar golongan ini mempunyai daya saing dalam merebut peluang ekonomi dan pekerjaan, sekaligus mampu keluar daripada belenggu kemiskinan.

Seiring dengan usaha Kerajaan Negeri merealisasikan agenda "Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan Negeri" dan Wawasan 2020 iaitu Negara Maju dan Negara Berpendapatan Tinggi menjelang 2020, maka agenda membasmi kemiskinan sememangnya menjadi cabaran utama.

Justeru itu Beta ingin menyarankan Kerajaan Negeri memberi fokus khusus kepada kumpulan miskin tegar, dengan usaha mentransformasikan minda mereka ke arah penjanaan pendapatan untuk membina kehidupan yang lebih baik. Usaha murni ini perlu diteruskan agar kumpulan ini dapat dikeluarkan dari senarai *e-Kasih* seterusnya dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna.

Beta juga tertarik dengan komitmen Kerajaan Negeri melaksanakan pembinaan Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik sebagai langkah ke arah menyediakan perumahan yang mencukupi khususnya untuk golongan rakyat berpendapatan rendah. Sepanjang tempoh 2008-2012, sebanyak 6,737 unit rumah telah dibina yang melibatkan semua daerah dengan perbelanjaan sebanyak RM659.73 juta. Bakinya sebanyak 3,263 unit akan diteruskan pembinaan untuk

mencapai matlamat 10,000 unit yang disasarkan dalam tempoh Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu dalam tahun semasa. Beta berharap dengan komitmen yang tinggi ini, maka matlamat Kerajaan Negeri untuk menyediakan tempat kediaman yang lebih selesa dan berkualiti tercapai.

Langkah kerajaan menubuhkan Tabung Dana Pinjaman Perumahan Rakyat bagi memberi peluang kepada rakyat yang ingin membina rumah di atas tanah milikan sendiri yang tidak memenuhi syarat pembiayaan daripada institusi kewangan amat dialu-alukan. Dana ini hendaklah diagihkan kepada rakyat yang tidak mempunyai pendapatan tetap dengan pendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan dengan had maksimum pinjaman sebanyak RM50,000.00.

Beta gembira dengan kejayaan demi kejayaan yang dicapai dalam keputusan peperiksaan awam bagi semua peringkat dengan begitu cemerlang sekali. Beta ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana Terengganu terus berjaya mengungguli dan mengekalkan kecemerlangan keputusan peperiksaan UPSR buat kali ke-11 berturut-turut pada tahun lepas, diikuti juga kejayaan dan kecemerlangan berterusan dalam PMR dan SPM bagi tahun 2011 memperolehi Gred A dalam semua mata pelajaran selaras dengan matlamat menjadikan Terengganu Negeri Anjung Ilmu.

Saban tahun bilangan kanak-kanak yang khatam Al-Quran semakin meningkat di mana sehingga akhir tahun 2011 seramai 24,445 orang manakala bilangan pelajar KAFA khatam Al-Quran pula berjumlah 65,188 orang. Program khatam Al-Quran di kalangan kanak-kanak tadika dan pelajar KAFA telah terus diperkasa dan disuntik dengan idea-idea baru dengan kaedah pembelajaran yang lebih menyeronokkan ke arah melahirkan Generasi Celik Al-Quran.

Sektor pelancongan kini pula menjadi penyumbang penting kepada ekonomi Negeri Terengganu. Pembangunan Kawasan Bebas Cukai di Pulau Bayas Tasik Kenyir dan produk Kenyir Island Hopping dijangka mampu menarik lebih ramai pelancong luar negara nanti. Berasaskan statistik terkini sejumlah 275,241 pelancong telah berkunjung ke Tasik Kenyir pada tahun 2011 berbanding 225,570 pelancong pada tahun 2010.

Beta juga difahamkan para pelabur juga turut berminat untuk bersama dengan Kerajaan Negeri dalam memajukan Tasik Kenyir melalui pembangunan

resort-resort di Tasik Kenyir. Pembinaan Pulau Sukan yang berasaskan Tourism yang pertama di rantau ini, difahamkan bakal dibangunkan mulai 2013 di Pulau Serindik dengan jumlah pelaburannya RM550 juta.

Beta berharap kecantikan dan keunikan Tasik Kenyir sebagai sebuah tasik buatan perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Kerajaan Negeri perlu sentiasa peka mempelbagaikan daya tarikan di Tasik Kenyir dan berusaha untuk memartabatkannya agar menjadi destinasi pelancongan Aqua Eko yang terkenal di dunia. Dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang oleh Kerajaan Negeri, InsyaAllah, Beta percaya usaha murni membangunkan Tasik Kenyir akan menemui kejayaan dan mampu menjana ekonomi penduduk setempat khususnya dan rakyat Negeri Terengganu amnya.

Terengganu juga telah mula dikenali di seluruh dunia melalui penganjuran acara bertaraf antarabangsa. Sukacita Beta mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri membantu menganjurkan Pertandingan Endurance Antarabangsa, Jambori Pengakap Malaysia Ke-12, pertandingan Monsoon Cup dan Le Tour de Langkawi. Beta juga berharap lebih banyak lagi penganjuran acara bertaraf antarabangsa dapat diadakan terutama pada tahun hadapan sesuai dengan Tahun Melawat Terengganu 2013. Persiapan awal dan promosi perlu disusun rapi bagi "Membawa Terengganu ke Mata Dunia dan Membawa Dunia ke Persada Terengganu". InsyaAllah Terengganu akan menjadi destinasi pelancongan pilihan utama.

Pada tahun ini satu Persidangan dan Ekspo Perlebahan Peringkat Asia Ke-11 bersama Seminar Sains Propolos Peringkat Dunia Ke 4 akan diadakan di Negeri Terengganu Darul Iman. Hampir 300 peserta dari luar negara yang terdiri dari 22 buah negara telah menunjukkan minat untuk menghadiri dan menyertai Persidangan dan Ekspo ini. Justeru itu Beta berharap Kerajaan Negeri dapat memainkan peranan utama dan mengambil tindakan awal agar persidangan ini dapat berlangsung dengan jayanya dan mengambil manfaat atas penganjurannya untuk kebaikan negeri di samping meraikan peserta-peserta persidangan dengan sebaik mungkin.

Peningkatan taraf hidup kaum petani, penternak dan nelayan perlu diberikan perhatian seiring dengan hasrat menjadi Negara Berpendapatan Tinggi. Sektor ini perlu diberi suntikan untuk dimajukan dengan aktiviti bersumberkan

industri. Kaedah kontrak *farming*, pengeluaran pertanian berskala besar dengan menggunakan teknologi dan pemerosesan produk melalui industri, mampu menjana dan meningkatkan pulangan pendapatan yang lebih baik kepada rakyat. Dalam hal ini pelaksanaan projek aquakultur ternakan udang bersepadu *I'sharp* di Penarik Setiu adalah contoh terbaik dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Beta juga difahamkan projek seumpama ini juga akan dilaksanakan di Marang nanti. Oleh itu semua jabatan dan agensi terlibat perlulah mengambil peranan ke arah menarik lebih banyak pelabur bagi membangunkan sektor pertanian.

Beta juga sedia maklum berkait dengan cadangan penubuhan daerah baru Kuala Nerus yang melibatkan kawasan seluas 39,890.0 hektar. Kawasan tapak pusat pentadbirannya telah dikenalpasti atas tanah milikan kerajaan seluas 245.94 hektar. Perancangan pelan tata atur pusat pentadbiran ini sedang dibuat dengan mengambilkira kedudukannya dalam Lembah Jiring dan keperluan bagi menempatkan beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang penting. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan awal sebanyak RM 20.0 juta bagi kerja-kerja tanah. Penubuhan Daerah Kuala Nerus ini nanti diharapkan akan dapat memberi manfaat yang besar kepada rakyat dari segi sistem penyampaian kerajaan, pembangunan hartanah, peluang perniagaan dan pekerjaan. InsyaAllah penubuhan Daerah Kuala Nerus ini akan menjadi kenyataan pada tahun ini.

Dalam bidang sukan pula, Terengganu telah berjaya menghasilkan ahli-ahli sukan yang terkenal bukan sahaja di rantau Asia malah ke peringkat dunia dan Olimpik. Bidang lumba basikal begitu terserlah dengan pelumba-pelumba hebat seperti Azizul Hasni Awang, Anuar Manan dan Fatehah Mustafa. Tidak ketinggalan juga nama-nama pelumba baru adik beradik seperti Mohd Haris Salleh dan Zamri Salleh yang telah mengharumkan nama Terengganu dalam Le Tour de Langkawi.

Bagi mengenang jasa mereka yang telah mengharumkan nama negeri dan negara dalam bidang sukan, alangkah baiknya jika Galeri Sukan Rakyat diadakan bersama dengan pusat kemudahan sukan sebagai suatu penghargaan. Gambar-gambar dan filem kecemerlangan kejayaan mereka dipamerkan bukan sahaja untuk menjadi pembakar semangat dan bahan tatapan bagi ingatan kepada generasi masa depan tetapi juga sebagai bahan rujukan membentuk kejayaan masa depan yang lebih cemerlang.

Beta menyarankan supaya pendekatan yang lebih profesional diambil bagi pengurusan dan pengimarah masjid. Buat permulaan tiga buah masjid telah dipilih sebagai "*pilot project*" iaitu Masjid Abidin, Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang dan Masjid Hadhari di Jerteh. Beta ingin mengucapkan tahniah kepada pengurusan masjid terlibat yang telah menghidupkan pelbagai aktiviti bagi kepentingan masyarakat seperti mengadakan Kegiatan Agama, Pendidikan Agama, Pembangunan Belia dan Keluarga, Perkhidmatan Sebaran Maklumat dan Rujukan di samping menjadikan Masjid Mesra Belia dan Masjid Mesra Keluarga. Beta berharap masyarakat dapat menyambut baik dengan menyertai sama aktiviti seperti dirancang demi untuk faedah bersama.

Budaya membaca dan budaya ilmu di kalangan masyarakat perlu diterapkan dengan lebih meluas ke arah membangunkan modal insan berpengetahuan dan berkepakaran tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu selaras dengan wawasan 2020. Masyarakat yang bertamadun adalah masyarakat yang memiliki budaya ilmu dan amat menghargai ilmu pengetahuan. Justeru Beta menyarankan perkhidmatan Perpustakaan Awam ditransformasikan dengan memperkasakan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) selari mengikut kehendak masyarakat dan keperluan semasa.

Beta difahamkan bahawa secara keseluruhannya ekonomi dunia masih lagi belum pulih. Ekonomi dunia masih lagi dalam keadaan suram dan lembab. Pertumbuhan sederhana di negara kuasa baru ekonomi seperti Cina dan India, dijangka memberi kesan kepada industri negara khususnya yang berorientasikan eksport. Namun begitu ekonomi negara mampu menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.1% bagi keseluruhan tahun 2011. Pencapaian ini adalah hasil permintaan dalam negeri yang menggalakkan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Persekitaran ekonomi negara yang semakin baik akibat pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan inisiatif polisi makroekonomi turut menyediakan persekitaran kondusif kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu. Keadaan ini telah menjana KDNK Negeri Terengganu pada tahap pertumbuhan sebanyak 4.5% pada tahun 2011. Jumlah pelaburan tempatan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM531.98 juta dengan anggaran peluang pekerjaan sebanyak 1,664 orang, manakala jumlah pelaburan asing sebanyak RM1.087 bilion dengan anggaran peluang pekerjaan sebanyak 2,701 orang. Sepanjang 2011 juga,

sebanyak empat projek besar telah diluluskan di Negeri Terengganu iaitu projek Bioteknologi CJ-Arkema, projek besi keluli Eastern Steel Sdn Bhd, projek *pallet* Besi Perwaja Steel Sdn Bhd dan projek silika TRG Industrial Minerals Sdn Bhd.

Jika persekitaran ekonomi ini dapat bertahan, dijangkakan KDNK Negeri akan mencapai pertumbuhan 4.5% hingga 5% pada 2012. Dalam keadaan ekonomi begini, maka dasar Kerajaan Negeri mengamalkan perbelanjaan berjimat cermat dan berhemah adalah menjadi pilihan terbaik dengan memastikan hanya projek-projek berimpak tinggi kepada rakyat sahaja diutamakan.

Kerajaan menghadapi cabaran besar dalam membangunkan rakyat dan negeri dalam menuju Terengganu Maju menjelang 2020. Masa yang ada agak suntuk dan berbaki tidak sampai 8 tahun saja lagi. Tempoh yang ada ini perlu digunakan sepenuhnya terutama untuk memacu program-program dalam pelaksanaan agar rakyat benar-benar mendapat impak dan menikmati pembangunan sebagaimana yang dirancang.

Kita juga sepatutnya boleh menggambarkan bentuk landskap pembangunan fizikal yang akan terjadi menjelang 2020 berdasarkan perancangan dan pelaksanaan projek yang sedang berjalan. Sekiranya masih ada ketidaksempurnaannya maka inilah masanya untuk kita bergerak pantas membetulkan dan menambahbaik kepada yang sepatutnya. Pembangunan yang sedang dilaksanakan perlu difokus dan dipantau bagi memastikan ianya benar-benar berkesan dan bermanfaat kepada rakyat.

Marilah kita sama-sama turut berusaha menggalas cabaran menuju Negeri Maju 2020. Pemimpin dan pentadbir yang berwawasan dapat menggerakkan negeri menjadi sebuah Negeri Maju. Kita perlu bergerak lebih pantas membangunkan negeri dengan merangka perancangan yang lebih jitu dan luar biasa untuk membawa rakyat ke arah menikmati perubahan kemajuan dengan lebih cepat. Pendekatan baru berteraskan rakyat perlu diberi keutamaan. Pertumbuhan ekonomi negeri perlu diberi perhatian dengan membangunkan sumber-sumber yang ada sepenuhnya seperti silika dan sumber air Tasik Kenyir.

Semangat kerjasama dan perpaduan antara rakyat merupakan prasyarat utama dalam menjayakan program pembangunan dan merealisasikan Terengganu Maju menjelang 2020. Jangan biarkan program transformasi negara berhasil

di peringkat negara sahaja sedangkan kita terus terbelenggu dengan kemiskinan. Apa jua usaha yang menggagalkan program transformasi kerajaan untuk kepentingan rakyat hendaklah dibanteras.

Program Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan perlu diteruskan. Pastikan segala perancangan dan pelaksanaan benar-benar memberi impak kepada golongan sasaran utama iaitu golongan miskin. Pendekatan yang lebih berkesan secara inovatif dan kreatif perlu dipertingkatkan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada semua rakyat. Projek Rimbunan Kasih di bawah program Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre*) hendaklah dilaksanakan secara berkesan.

Pembangunan perindustrian dilihat amat penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi ke arah menuju Negeri Maju Menjelang 2020. Anak-anak syarikat kerajaan negeri perlu berkembang dan bersatu menjadi syarikat konglomerat kerajaan. Beta yakin dengan mewujudkan perkongsian pintar kerajaan negeri dan swasta akan dapat mempercepatkan pembangunan negeri dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat yang akan dapat meningkatkan taraf hidup sekaligus mengurangkan kadar pengangguran golongan muda negeri ini.

Kerajaan negeri juga perlu memberi perhatian kepada tadbir urus yang lebih baik yang menjadi prasyarat utama kepada pelabur. Pelabur akan tertarik kerana yakin dengan kecekapan dan amalan sektor awam. Kecekapan, keberkesanan, penyediaan maklumat berkualiti, prosedur yang jelas dan urusan tanpa karenah birokrasi akan menjimat masa dan memudahkan pelabur membuat keputusan segera.

Beta suka mengingatkan dalam kita menuju ke arah Negara Maju janganlah pula kita mengabaikan kepentingan sektor pertanian yang menjadi nadi kehidupan rakyat. Penyediaan makanan asasi yang mencukupi yang memenuhi keperluan rakyat perlu diutamakan dan tidak boleh diketepikan.

Kawasan penanaman padi yang sesuai di negeri ini sudah agak terhad dan semakin berkurangan. Keperluan kepada kawasan tanaman padi menjadi semakin nyata sedangkan dalam masa yang sama tanah-tanah ini ditimbus bagi memenuhi keperluan pembangunan perumahan yang semakin meningkat. Kita tidak

seharusnya bergantung kepada orang lain untuk membekal makanan utama untuk kita hidup. Meskipun sukar kita perlu mencari dan menyediakan kawasan tanaman padi seluas 28,000 hektar bagi menampung keperluan hidup sehingga 2020.

Justeru itu Beta menyarankan langkah awal diambil bagi memastikan kawasan penanaman padi sedia ada dikekalkan manakala dalam masa yang sama kawasan baru yang berpotensi bagi tanaman padi dikenalpasti. Di samping itu juga hasil pertanian lain seperti buah-buahan yang mempunyai pasaran yang baik seperti *rock melon* dan salak perlu dilipatgandakan bagi memenuhi keperluan dalam negeri.

Dari perancangan dan pembangunan wilayah pula, terdapat beberapa daerah yang agak ketinggalan sedikit. Pembangunan pusat-pusat bandar di daerah khusus di kawasan KETENGAH tidak menampakkan perubahan yang nyata sejak lima tahun yang lepas. Oleh yang demikian Beta berharap kepentingan perancangan di peringkat daerah perlu diperkuatkan kerana pentadbiran daerah lebih mengetahui kehendak penduduk setempat. Pembangunan perbandaran di setiap daerah akan memberi impak yang besar kepada rakyat bukan sahaja dari segi sistem penyampaian tetapi yang lebih penting dapat mengubah persepsi terhadap kesungguhan dan tanggungjawab kerajaan negeri membela nasib rakyat terutama dalam menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan ke arah meninggikan pendapatan rakyat.

Belia masa kini adalah menjadi pewaris bangsa. Belia berilmu dan berakhlak adalah diperlukan pengganti tampuk pemerintahan negeri untuk memacu pembangunan masa depan. Bagaimana kita sayangkan anak begitu jugalah sayangnya kerajaan kepada belia. Justeru itu, seiring langkah menuju Negeri Maju, belia perlu dilengkapi dengan pengetahuan ICT dan budaya membaca secara berterusan ke arah melahirkan belia berpengetahuan, ingin tahu, kreatif, berdaya saing dan bermaklumat. Kita juga perlu melahirkan tokoh-tokoh belia yang hebat dan boleh diketengahkan bukan sahaja di peringkat negara bahkan juga di peringkat antarabangsa. Kita juga memerlukan tokoh-tokoh belia berwawasan untuk memacu pembangunan masa depan.

Perpaduan dan kesefahaman adalah amat penting dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara kita. Perpaduan dan persefahaman akan menjamin keharmonian hidup pelbagai kaum. Kita perlu mengambil pelajaran dan tauladan

melalui kisah bagaimana Nabi Muhammad Sollallahu Alaihi Wassallam telah berjaya menyatupadukan golongan Aus dan Khazraj yang begitu lama bertelagah dan berbalah di Madinah akhirnya dipersaudarakan dengan golongan Muhajirin yang berpindah bersama Baginda dari Mekah, hidup dalam suasana harmoni, hormat menghormati dan aman damai. Hasilnya umat Islam menjadi kuat dan mencapai kejayaan berganda.

Beta merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk angkatan tentera, polis dan bomba yang berusaha siang dan malam bagi menjamin kemajuan, kemakmuran dan keselamatan rakyat di negeri yang dikasihi ini. Beta juga berharap supaya rakyat Beta bersama-sama dengan penjawat awam, berusaha menjamin keamanan dan kemakmuran Negeri Terengganu Darul Iman supaya dapat diwariskan kepada anak-anak dari generasi ke generasi.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mulia ini, hendaklah sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan semasa bersidang supaya perjalanan Sidang Dewan Undangan Negeri berjalan dengan teratur dan sempurna, serta dengan penuh rasa hormat menghormati antara satu dengan lain tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing. Ini adalah kerana matlamat setiap Ahli Dewan Undangan Negeri adalah sama iaitu memberi perkhidmatan demi kebajikan dan kesejahteraan kepada rakyat dan negeri.

Akhirnya, Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada rakyat dan kerajaan Beta di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Seri Haji Ahmad bin Said untuk memajukan rakyat seiring dengan matlamat menjadikan Terengganu maju menjelang 2020 dan Negara Berpendapatan Tinggi demi maruah bangsa, agama dan negeri. Semoga semua usaha murni akan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala dan negeri kita dijauhi dari malapetaka yang tidak diingini.

Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir Rahmanir Rahim, Beta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas.

Selamat Bersidang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti Titah Ucapan Diraja bagi membuat perbahasan pada hari besok, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga pagi esok, Selasa, 24 April 2012, jam 9.30 pagi.

Sebelum kita bersurai marilah sama-sama kita membaca dengan ikhlas Surah Al-'Asr. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.15 PAGI.

---

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 24 APRIL 2012

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.

WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.

WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.

WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

**TIDAK HADIR**

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

## PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahirrabbi alamin wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin. Waala-alihi wasahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita dengan ikhlas kita sama-sama membaca Ummul Kitab mudah-mudahan mesyuarat kita dan perbincangan kita ini diberkati oleh Allah S.W.T., insyaAllah. Al-Fatihah.

### **UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan sidang Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah mari kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini. Dan insyaAllah akan berlangsung seterusnya bermula daripada semalam dan berakhir pada 26 April 2012 iaitu hari Khamis dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedua Belas kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya pada kali ini merupakan pada tahun yang kelima walaupun sebenarnya tempoh masa yang belum genap 5 tahun. Alhamdulillah, majlis Pembukaan Penggal Persidangan Dewan kali ini telah berlangsung pada hari semalam dan disempurnakan dengan jayanya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan sekalian telahpun mendapat teks penuh Titah Ucapan Diraja yang diedarkan oleh pihak Urus Setia Dewan pada hari semalam. Dan kita mengalu-alukan insyaAllah, perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sidang pada kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agenda yang telah kita susun sepanjang 3 hari, insyaAllah, kita akan teruskan dengan Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan

Lisan. Sepanjang sidang ini pihak Urus Setia Dewan telah menerima sebanyak 125 soalan-soalan, soalan yang berbentuk; 51 Soalan Bertulis dan 74 Soalan Lisan. Atas Notis Usul yang diberi oleh pihak Kerajaan kita akan memberi ruang dan peluang seluas-luasnya dan sepenuhnya untuk Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan Titah Ucapan Diraja. Seterusnya kita akan membentangkan Usul Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu dan satu enakmen iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu untuk diterima dan diluluskan oleh Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara ikhlas sekali lagi saya mengulang nasihat untuk memberi nasihat saya kepada sidang sekalian, insyaAllah kita mempunyai cukup masa dan gunakanlah kesempatan ini untuk berbahas ataupun memohon penjelasan ataupun mengemukakan soalan-soalan tambahan dengan penuh bijaksana dan elakkan emosi yang keterlaluan, elakkan daripada menyebut soal peribadi yang akan membangkitkan kemarahan di kalangan ahli-ahli kita, mudah-mudahan masa yang kita peruntukkan tidak akan membazir dan kita dapat menggunakan sepenuhnya serta memberi menafaat yang tinggi bagi pembangunan negeri yang kita kasihi ini dengan cemerlang, terbilang di masa-masa akan datang. Ibarat kata orang-orang tua:

Jika menegur hendaklah penuh bijaksana,  
jika mengajar biarlah dengan penuh bestari,  
kalau mengata cari punca serta tidak dusta,  
seeloknya marah biarlah berperai dan tidak parah.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mudah-mudahan Persidangan kita kali ini diberkati oleh Allah S.W.T. dan diberi rahmat sepenuhnya kepada kita semua. Selamat Bersidang. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

## SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

### SOALAN-SOALAN BERTULIS

[ LAMPIRAN ]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya memulakan soalan, sukacita kita mengalu-alukan kedatangan Pemerhati-Pemerhati kita daripada sekolah di seluruh negeri:

| <u>Jumlah Pelajar</u> |   | <u>Nama Sekolah</u>   |
|-----------------------|---|---|
| 55 orang              | - | Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai, Kuala Terengganu.                      |
| 62 orang              | - | Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengadang Telipot, Kuala Terengganu        |
| 65 orang              | - | Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam, Kuala Terengganu.                       |
| 24 orang              | - | Mahasiswa Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu |
| 79 orang              | - | Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu.                  |

Selamat Datang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jumlah Pemerhati pada pagi ini ialah 285 orang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini dan soalan-soalan berkenaan adalah daripada:-

1. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib  
(Wakil Manir)
2. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad  
(Wakil Hulu Besut)
3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)

4. Y.B. Haji Ramlan bin Ali  
(Wakil Jabi)
5. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
6. Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh  
(Wakil Tepoh)
7. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
8. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail  
(Wakil Kuala Berang)
9. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
10. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
(Wakil Kota Putera)
11. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli  
(Wakil Sura)
12. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggai)
13. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
14. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk Soalan Lisannya yang pertama kita jemput Yang Berhormat Wakil Alur Limbat, dipersilakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Jelaskan status pembinaan PAKR Alur Limbat setakat ini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati sekalian. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina Rumah PAKR Alur Limbat setakat ini, namun demikian Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk melaksanakan Perumahan Mampu Milik (RMM) sebanyak 500 unit di kawasan Alur Limbat dan insyaAllah jika tiada apa halangan tender akan dikeluarkan antara bulan September dan Oktober tahun 2012. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada soalan tambahan, ya. Saya jemput Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan serta Ketua-ketua Jabatan, hadirin dan hadirat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya kemukakan soalan saya yang pertama –

*Berapa unitkah projek Perumahan Mampu Milik yang dapat disiapkan oleh Kerajaan bagi tahun 2008 hingga 2011. Berapa unitkah yang telah diberikan oleh*

*Kerajaan kepada peserta-peserta terpilih dan berapa unitkah yang masih berbaki?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bermula dari tahun 2008 hingga 2011 sebanyak 5 Projek Perumahan Mampu Milik telahpun disiapkan berjumlah 678 unit manakala sebanyak 3 Projek Perumahan Kos Rendah telahpun disiapkan dengan jumlah 523 unit menjadikan jumlah keseluruhan yang telahpun siap sejak 2008 hingga kini adalah sebanyak 1,201 unit dan masih belum diagihkan kerana baru sahaja mendapat CF dan sebahagian lagi dalam proses mendapat CF. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Daripada jumlah yang tersebut itu yang telah siap berapa peratus mengikut perkiraan Kerajaan yang telah siap dan berapa peratus yang belum siap?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membina kira-kira 10,000 unit Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik di negeri Terengganu dalam tempoh 5 tahun iaitu bermula daripada 2008 hingga 2013. Ini melibatkan 43 projek, Dato' Yang Dipertua dan melibatkan kos melebihi RM700 juta. Dan kalau boleh saya jelaskan Dato' Yang Dipertua iaitu perancangan telah dibuat sehingga kini mengikut daerah adalah sebagaimana berikut:-

1. Daerah Kemaman –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 1,451 unit sedang berjalan. Manakala projek baru akan dimulakan bulan akan datang sebanyak 500 unit lagi.
2. Daerah Kuala Terengganu –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 2,374 unit tidak termasuk 1,002 unit yang dibina oleh Kerajaan Pusat di Padang Hiliran.
3. Daerah Besut –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 1,245 unit.

4. Daerah Setiu –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 133 unit.
5. Daerah Marang –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 383 unit.
6. Daerah Dungun –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 1,133 unit.
7. Daerah Hulu Terengganu –  
Jumlah pembinaan terlibat sebanyak 626 unit.

Menjadikan keseluruhannya (tambahan) 6,937 dicampur dengan 408 unit Rumah Ladang Tok Pelam 7,345 unit dan yang terbaharu tambahan pada bulan lepas iaitu sebanyak 1,100 unit lagi menjadikan jumlah keseluruhan sehingga kini rumah yang akan dibina di Terengganu sebanyak 8,445 unit tidak termasuk 1,002 unit yang didirikan oleh Kerajaan Pusat di Padang Hiliran, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Hulu Besut atau ada soalan tambahan lagi Yang Berhormat, ada lagi? Sila, sila. Tidak ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mencelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Ya, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya lihat jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri tadi ada kaitan dengan soalan saya esok, kalau boleh saya tanya terus pada hari ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Amat Berhormat telah jawab untuk hari ini, esok Yang Amat Berhormat akan jawab lagi tapi hari ini kalau ada soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan saya ialah kita berterima kasihlah kepada Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita kerana usaha untuk membina rumah ini sangat banyak dan begitu baiklah kepada rakyat. Cuma saya nak tahu di sini apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk memiliki Rumah Mampu Milik dan jugak kalau boleh apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk nak mengkaji semula syarat-syarat kepada rakyat kita untuk memiliki Rumah Awam Kos Rendah kerana kita dapati hari ini dengan masa yang sudah berubah maknanya kita lihat gajipun naik dan pendapatanpun tinggi. Jadi syarat yang dikenakan terutamanya untuk Rumah Kos Rendah itu merupakan syarat yang telah diguna pakai dan saya dapati telah dilaksanakan bermula dari tahun 1980 an lagi, sudah lama dah, 30 tahun yang lepas. Jadi apakah pandangan Kerajaan dalam perkara ini, apakah Kerajaan ingin mengkaji semula syarat Perumahan Awam Kos Rendah dan apakah syarat-syarat untuk rakyat memiliki Rumah Mampu Milik yang akan dilaksanakan pada masa ini. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan sedar tentang perkembangan harga dan juga syarat hak kelayakan. Justeru itu, bagi pendapatan Rumah Kos Rendah Kerajaan Negeri telah menaikkan pendapatannya daripada RM1,500 kepada RM2,000 dan bagi Rumah Mampu Milik RM3,000. Dan begitu juga dengan harga Rumah Kos Rendah telah dinaikkan di antara RM40,000 hingga RM45,000 mengikut lokasi dan Rumah Mampu Milik sehingga RM68,000 maksimum, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya, kalau ikut syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan antaranya ialah penjawat awam yang bertaraf Kerani ke atas hari ini memang tidak layak untuk memiliki Rumah Awam Kos Rendah, apakah mereka berpeluang untuk memiliki Rumah Mampu Milik sebagaimana kata Dato' Seri Menteri Besar tadi yang berpendapat RM3,000 ke atas kerana syarat yang dikenakan di mana hari ini kalau Kerani N17 ke atas tidak

layak untuk memiliki rumah ini kerana mereka ada peluang untuk mendapat pinjaman daripada Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat BertORMAT sebut RM3,000 tadi Yang BertORMAT bukan RM3,000 ke atas, RM3,000 ya. Sila Yang Amat BertORMAT.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang BertORMAT Dato' Yang Dipertua, telah saya jawab tadi mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah boleh membuat permohonan Rumah Mampu Milik termasuk golongan Perkeranian. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Maksud saya Yang BertORMAT Dato' Yang Dipertua, syarat itu RM3,000 ke bawah, masalahnya contohnya seorang Cikgu kalau baru keluar .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang BertORMAT, soalan ke perbincangan Yang BertORMAT?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan. Contohnya Cikgu kalau baru keluar daripada .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang BertORMAT, Yang BertORMAT boleh bahas nanti dalam sesi perbincangan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Maksud saya dalam golongan .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya faham maksud itu. Saya jemput Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang BertORMAT Dato' Yang Dipertua, Yang Amat BertORMAT Menteri Besar serta sidang Dewan. Soalan saya soalan 1 -

*Apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi masalah sembahyang dua Jumaat dalam satu Qariah (dalam satu kampung) yang masih berlaku di Hulu Besut?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan daripada Wakil Hulu Besut ialah apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi masalah sembahyang dua Jumaat dalam satu Qariah (dalam satu kampung) yang masih berlaku di Hulu Besut?

Sebenarnya telah banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan termasuklah dengan memberi penerangan tentang hukum mengadakan dua solat Jumaat dalam satu qariah dan fatwa telah dikeluarkan pada tahun 1981 mengenai salah satu kes yang berlaku di negeri Terengganu. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menyiasat dan melihat perkembangan masjid-masjid tersebut dan apabila ada syarat-syarat yang mencukupi untuk diluluskan ada setengah-setengah masjid telah diberi kelulusan untuk dibenarkan ataupun dibenarkan untuk mendirikan sembahyang Jumaat walaupun dalam satu kampung termasuklah apabila kampung itu besar, penduduknya ramai dan sebagainya. Dan yang terakhir, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Penyatuan Jumaat Dalam Satu Mukim yang mana panel-panel yang dilantik dan satu pasukan khas yang bebas terdiri daripada pensyarah-pensyarah UniSZA juga telah ditubuhkan untuk membuat kajian terperinci mengenai punca-punca dan cadangan-cadangan untuk dipertimbangkan bagi menyelesaikan masalah ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya dengar ceritalah, pihak Kerajaan telah berbincang dengan Yang Berhormat Rhu Rendang dan Yang Berhormat Rhu Rendang telah bersetuju untuk turun ke Hulu Besut bagi menarik semula amanat yang dikeluarkan oleh Wakil Rhu Rendang pada tahun 1982 di Banggol Peradong, betul atau tidak?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini tidak ada maklumat lagi secara rasmi mengenai perkara itu tapi amat baik sekalilah jika Wakil Rhu Rendang cuba membetulkan semula perkara ini kerana mengikut laporan yang saya terima

ataupun yang dilaporkan kepada Majlis Agama mengenai Sembahyang Jumaat Dua Dalam Satu Kampung ini sebahagian besar daripada orang-orang yang ditemuramah ataupun dibawa berbincang oleh jawatankuasa yang ditubuhkan ini mengatakan bahawa mereka sebenarnya terikat ataupun mengikut kepada apa yang diberitahu ataupun yang difatwakan oleh pemimpin mereka suatu masa dulu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Jabi dulu, lepas ini Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak mintak penjelasan. Penjelasan yang pertama ialah yang manakah yang sah hak Kerajaan ke atau hak yang dibuat oleh PAS tu? Yang kedua, nak tahu sejauh manakah jawatankuasa bertindak ini bertindak di atas penyelesaian Sembahyang Dua ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, mengikut dalam mazhab Shafie jelas, apabila berlaku Dua Jumaat Dalam Satu Kampung sudah tentulah yang diberi pengiktirafan ataupun yang diperakui oleh Kerajaan itulah yang sah. Walau bagaimanapun, secara umum dalam keadaan tidak ada pengiktirafan dan sebagainya mana-mana yang dulu itulah yang sah. Sebab itulah suatu masa dulu sebelum fatwa dan juga penjelasan dibuat, mereka berlumba-lumba nak mengadakan Sembahyang Jumaat dengan cepat supaya mereka boleh buktikan sembahyang mereka sah kerana mereka buat sembahyang dulu.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, jawatankuasa ini baru sahaja diwujudkan dan sebahagian hasil daripada perbincangan dan juga kajiannya masih belum sesuai untuk saya bentangkan dalam sidang Dewan kali ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pun tak tahulah macam mana duk ulang bertahun-tahun berhubung isu Sembahyang Dua Jumaat Dalam Satu Qariah ataupun kampung. Benda ini berlaku bukan sahaja di Hulu Besut, kampung-kampung saya, saya pun boleh sebut juga di Kampung Paloh ada dua masjid dalam satu kampung, di Sungai Rengas dua masjid satu kampung, tidak ada masalah, tidak timbul perpecahan. Yang lebih bermasalahnya sekarang Dato' Yang Dipertua, saya nak rujuk soalan rakan saya daripada Jabatan nombor 2, masalah pelajar-pelajar sekolah sekarang ini tidak reti nak sembahyang, apa tindakan kita sekarang ini, baik sekolah rendah, sekolah menengah dalam negeri Terengganu ini sekarang ini tidak sembahyang, budak-budak, anak-anak kita ni tidak reti nak sembahyang. Biarlah kita fokus kepada masalah yang lebih besar. Orang .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabatan): Dah guana lari ke sebelah Jabatan tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya kaitkan soalan Jabatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam ini yang tak fokus ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak sempat habis lagi nak jawab dah?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): .... masa kita duk soalan lain dia pergi tanya yang soalan lain itu makna tidak fokus.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, ini bab sembahyang yang saya nak kaitkan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, baik, soalnya begitu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ini Sembahyang Jumaat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang lebih penting sepatutnya Kerajaan lebih tumpukan kepada masalah .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang ini bab hak Sembahyang Jumaat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yalah, Sembahyang Jumaat ke, sembahyang dok Jumaat ke .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dulu ada Titah Tuanku mintak supaya selesaikan, biar lebih fokuslah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini nak buat penjelasan ke soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Saya ingat dah faham soalan itu. Sila Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, yalah Wakil Wakaf Mempelam ini dia pandai bercakap Dato' Yang Dipertua. Dia cakap kita tak fokus tapi dalam masa kita bincang tentang Sembahyang Dua Jumaat Dalam Satu Qariah dia pergi baham soal budak-budak tak reti nak sembahyang, mana fokus dianya. Jadi inilah macam orang panggil tunjuk ke orang lain tapi diri sendiri yang banyak buat salah, kuman di seberang laut nampak tapi gajah di depan mata tak nampak, fokuslah, kalau nak fokus kita fokus molek-molek, tak ada masalah kita berbincang dalam Dewan ini. Ramai pelajar di atas duk perhati, tunjuklah kita bijaksana sikit Dato' Yang Dipertua.

Soalan mengenai Dua Jumaat Dalam Satu Kampung biasa. Itu betul, sebab itu saya kata Kerajaan meneliti iaitu mana-mana Dua Jumaat Dalam Satu Kampung apabila diperhatikan, dikaji dan apabila cukup syarat dan boleh diberi kelulusan

kerana menepati tuntutan syarak, kita boleh lulus dan ada masjid-masjid yang kita telah beri kelulusan walaupun dalam satu kampung kerana mencukupi syarat, jaraknya sesuai dan jemaahnya pun ramai. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih. Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

*Apakah status terakhir maklumat kecurian barangan dan kelengkapan di Stadium Sultan Mizan dan bilakah stadium yang menelan belanja ratusan juta itu akan dapat digunakan semula?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati. Soalan daripada Wakil Batu Burok, apakah status terakhir maklumat kecurian barangan dan kelengkapan di Stadium Sultan Mizan dan bilakah stadium yang menelan belanja ratusan juta itu akan dapat digunakan semula?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, status maklumat kecurian barangan dan kelengkapan di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin masih di peringkat siasatan di bawah pihak yang berwajib.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin melahir rasa kekesalan saya dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri mengenai status Stadium Sultan Mizan yang nilainya hampir RM300 juta. Nilai ini Dato' Yang Dipertua lebih besar daripada skandal fidlot. Stadium Sultan Mizan ini asalnya kos pembinaannya adalah RM191 juta tetapi ianya meningkat dan melambung kepada hampir RM300 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ia sudah hampir 3 tahun tidak dapat digunakan selepas berlakunya keruntuhan bumbung, yang kita kesali di Dewan ini adalah siapa yang menjaga segala kelengkapan dan juga keselamatan yang ada di stadium itu, bagaimana boleh berlaku kecurian segala kelengkapan yang ada di stadium itu walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencuba untuk *deny* ataupun menafikan kecurian kerana akhbar-akhbar perdana menyatakan kecurian bernilai tidak kurang daripada RM50 juta kelengkapan-kelengkapan yang ada. Isunya bukan nilai tetapi isunya di mana maruah kita dahlah stadium yang bernama Tuanku Sultan telah runtuh dalam masa setahun .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat, soalannya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Stadium yang bernama Tuanku Sultan kita juga berlaku kecurian. Ini suatu yang memalukan. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco adalah suatu yang tidak bertanggungjawab. Kita patut bertanggungjawab dengan suatu jumlah yang besar yang perlu diambil pertanggungjawapan oleh kita semua di Dewan yang mulia ini. Mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertamanya, ialah dikaitkan stadium dengan nama Tuanku Al-Sultan. Nak letak nama ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kena dapat perkenan bukan suka-suka saja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal kecurian, kecurian ini Dato' Yang Dipertua dan untuk makluman sidang Dewan, Kompleks Sukan Negeri ini saya ditanya jugak tentang siapa dari segi dipertanggungjawabkan. Kompleks Sukan Negeri ini diuruskan oleh Unit Pengurusan Kompleks Sukan Negeri yang diletak di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Terengganu. Pentadbiran SUK ini telah melantik Syarikat MN Milenium Security Sdn. Bhd., dia ada syarikat sekuriti bukan serah begitu takdok orang jaga untuk melaksanakan tugas-tugas sekuriti dan keseluruhan Kompleks Sukan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sejak tahun 2008 dah memangpun ada syarikat sekuriti ini yang diberi tanggungjawab dengan bayaran bulanan. Dan jumlah kakitangannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk makluman yang menjalankan tugas sekuriti di dalam Kompleks Sukan Negeri adalah seramai 30 orang. Dan soal kecurian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada 6 laporan

Polis yang telah dibuat dan kini pihak Polis sedang menyiasat kes kecurian tersebut dan Polis juga telah membuat siasatan forensik ke lokasi-lokasi yang terlibat sejurus menerima laporan dan hingga kini siasatan bagi semua laporan masih berjalan. Taksiran kecurian masih dalam penelitian pihak Jabatan Kerja Raya, yang dikatakan RM50 juta dan sebagainya itu memang adapun akhbar yang melapor dan ada penafian yang telah dibuat. Dan daripada laporan-laporan ini tidak tahulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sama ada saya perlu membacanya tetapi ada 6 laporan telah dibuat, kalau boleh saya baca. Laporan-laporan Polis yang telah dibuat ada 6 bertarikh:

12.2.2012 –  
Kehilangan 50 unit Copper Pipe.

26.1.2012 –  
Kehilangan Cable Lalan ke bilik TNB sepanjang 5 meter yang telah dipotong.

11.1.2012 –  
Kehilangan 3 unit Motor Pump di Bilik Janakuasa Tunggu Sedia.

11.1.2012 –  
Kehilangan 3 unit Flush Valve di tandas stadium.

13.12.2012 –  
Kehilangan sistem telefon, sistem pencegah kebakaran

4.6.2011 –  
Kehilangan wire tembaga elektrik untuk lampu limpah sepanjang lebih kurang 6 meter telah dipotong.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya selepas berlaku runtuhnya bumbung memangpun ada syarikat sekuriti dan kita bayar secara bulanan dan ada 30 orang sekuriti dan selepas adanya laporan kehilangan peralatan-peralatan yang saya sebut ini maknanya laporan Polis telah dibuat. Dan 6 Laporan Polis sebagaimana yang saya sebut tadi sedang dalam siasatan pihak yang berwajib.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, stadium ini kalau kata tadi dan dalam Dewan yang lepas pun ada disebutkan tentang kajian integriti yang telahpun disiapkan dan ada jawapan bertulis Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di muka 36. Wakil Bukit Tunggul juga bertanya tentang kajian syarikat perunding yang dilantik itu dan ada perkara-perkara tetapi Dato' Yang Dipertua, sudah ada dah belaka dengan kita ni tak payahlah saya baca satu persatu. Tadi saya ada sebut tentang usaha-usaha yang sedang dibuat secara berperingkat-peringkat untuk membaiki dan bagi kerja-kerja skop sivil dan struktur, tender telah dikeluarkan dan dijangka akan dapat dimulakan dalam masa yang terdekat dan dapat disiapkan seawal 2013 dan barulah kerja-kerja mekanikal dan elektrik termasuk bumbung baru yang akan dibuat selepas kita membuat kerja-kerja secara berperingkat bersesuaian dengan kajian yang telah dibuat oleh Syarikat Perunding Integriti yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya mintak soalan saja bukan syarahan, ya. Saya tak benarkan syarahan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya cukup kesal apabila diberitahu ada 30 orang yang menjaga stadium boleh berlaku kecurian yang sedemikian, ini suatu yang cukup mengaibkan dan memalukan kita, itu satu. Yang kedua, saya ingin tahu tarikh jangka siap stadium itu dan boleh digunakan oleh seluruh rakyat Terengganu yang lebih 3 tahun dah tidak dapat menggunakan stadium itu dan sekarang ini berasak-asak apabila ada perlawanan bola sepak terpaksa berasak-asak di stadium yang kecil yang sepatutnya diruntuhkan 3 tahun yang lepas. Jadi ini suatu yang cukup penting Dato' Yang Dipertua, untuk kita selesaikan segera. 3 tahun *is a long time* dengan izin, dan jumlah yang kita belanjakan ada suatu yang terlalu besar, boleh kita selesaikan masalah kemiskinan, kita boleh beri biasiswa kepada anak-anak Terengganu dengan kos RM300 juta itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Kerajaan menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya nampak

Kerajaan menjawab dengan teliti, kita tak hendak perbincangan kita ini ditertawakan terutamanya macam kita lihat pencuri ini ataupun orang yang mencuri ini agak profesional, mereka mendengar kita berbincang mereka ketawakan kita. Ya, kita tak nak macam tu. Sila Yang Berhormat Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, stadium itu sendiri boleh muat 50,000, ramai tu Dato' Yang Dipertua, mungkin 30 orang ni tak cukup untuk nak jaga/sekuriti dan kita membelanjakan hampir RM100,000 sebulan dari segi sekuriti ini yang melibatkan hampir 30 orang. Walaupun tadi ada saya sebut 6 laporan, cuma tidak dinilai tapi banyakkah yang kata 3 meter, 5 meter paip dan kabel yang telah dipotong jadi kalau kata gambaran yang hendak diberi seolah-olah kecurian itu bernilai RM50 juta, masalahlah kita. Kalau kata RM50 juta maknanya betul, tak terjaga dan tak teruruslah. Tapi saya sebut tadi ada syarikat sekuriti yang dilantik, ada orang yang jaga cuma tadinya yang saya tak dapat berinya ialah nilai daripada 6 laporan Polis tu tapi kalau kita tengok ada yang 3 meter, 5 meter dan sebagainya, tentunya kalau kita tengok secara profesional atau secara tak profesional Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak sampai RM50 juta.

Bila stadium ini akan siap dan boleh digunakan? Saya sebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tentang kajian-kajian yang telah dibuat, kalau perlulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kena sebut semulalah Dato' Yang Dipertua. Pasal benda-benda ini pun kadang-kadang diberi gambaran yang tidak jelas, kalau kata stadium disebut RM200 – RM300 juta tapi dalam Dewan yang lepas pun saya ada sebut yang terlibat atau yang runtuh hanyalah bumbung yang nilainya hanya RM35 juta, mahal juga tapi RM35 juta bukannya RM300 juta. Jadi dari segi Kajian Integriti yang telah dibuat walaupun ada jawapan bertulis, mustahak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua disebut tentang kajian ini terutamanya tentang Sistem Asas ataupun *Foundation*, dengan izin. Yang ini dari segi kajian itu didapati mencukupi dan mematuhi kehendak reka bentuk, yang ini yang penting maknanya di bawah itu Sistem Asas mengikut kajian ini mencukupi dan mematuhi kehendak reka bentuk. Walau bagaimanapun, yang ini perlu disemak apabila kita bercakap ataupun kita mencadangkan untuk dapat beban baru daripada sistem bumbung yang baru. Jadi bila hari ini, sekarang memang dari segi Kajian Integritinya dari segi Sistem Asas itu, okey. Tetapi apabila kita nak bina bumbung baru ini kita kena buat semakan semula ke atas sistem itu dengan bebanan bumbung yang baru itu, ini penting Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang keduanya, dari segi Struktur Konkrit, ini struktur dia. Kajian-kajian ini membincang hal-hal ini. Memang terdapat bahagian rasuk dan tiang yang tidak mencukupi nisbah Keperluan Pada Had Muktamad, dengan izin, *Ultimate Limit Condition* dan yang ini perlu pembaikan, kena buat penguatan atau penggantian. Jadi di bawah struktur boleh dipakai, jadi yang kena diatasi ialah tentang bumbung. Dan mengikut kajian itu juga membuat beberapa *recommendation* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ada 12 perkara, sivil dan teknikal yang kita kena beri tumpuan dan dibuat secara berperingkat. Pertamanya tadi sepertimana yang saya sebut Dato' Yang Dipertua supaya benda ini jelas supaya tidak dimanipulasi di luar. Satu, pembaikan struktur yang rosak. Ini yang tadi struktur yang rosak, yang di bawah tak payah. Lepas itu menguatkan struktur, bukan semua struktur yang rosak, ada struktur yang perlu diperkuatkan. Lepas itu, *Water Proofing Structure*, ini yang ada tempat-tempat kena *Water Proofing* kalau tidak air masuk dan sebagainya dan akan menjejaskan kepada struktur-struktur yang lain. Kemudiannya, *plumbing* dan *sewerage* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, lepas itu pintu, tingkap, jubin, pembaikan bilik, *rain water down and rolling*, kerja luar dan kerja permulaan, untuk kajian itu inilah yang patutnya ditumpukan dari segi sivil dan mekanikal sehingga benda ini siap. Saya sebut tadi maknanya kerja-kerja sivil dan struktur yang akan dimulakan dalam masa yang terdekat dan dijangka siap Januari 2013, kemudiannya ialah fasal kerja-kerja mekanikal dan *electrical* dan bumbung baru. Kita harapnya semua kerja-kerja ini dapat diselesaikan sebelum ataupun dipenghujung 2013 supaya insyaAllah, seawal 2014 stadium ini boleh digunakan semula. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Rantau Abang. Saya jemput seterusnya Jabi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya mohon izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk membuat pembedaan atas dakwaan Wakil Batu Burok sebentar tadi kerana saya ingin memperbetulkan kalau tidak saya anggap ini fitnah kerana saya tidak pernah menafikan bahawa berlakunya kecurian di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin sebagaimana didakwa oleh ADUN Batu

Burok. Apa yang saya nyatakan ialah jumlahnya tidaklah sebagaimana didakwa oleh pihak-pihak tertentu jadi dia ada satu kekeliruan berlaku yang dikeluarkan sama ada sengaja atau disengajakan oleh ADUN Batu Burok. Contohnya, kalau dulu RM50 juta kehilangan Genset sedangkan Genset itu ada di dalamnya dan tidak boleh dibawa keluar kerana tidak muat pintu untuk dibawa keluar dan yang hilangnya adalah sebahagian alat-alatan keperluan di situ termasuk wayar dan sebagainya, kalau nak angkat Genset itu kena pakai *Crane*, Dato' Yang Dipertua. Inilah sebenarnya pembetulan yang perlu dibuat dan janganlah buat tuduhan dan sebagainya. Saya mengakui, saya buat kenyataan bahawa kecurian berlaku tetapi tidak sebagaimana yang didakwa RM50 juta tetapi yang disebut oleh ADUN Batu Burok tadi: "MB menafikan berlaku kecurian." Dua *statement* yang berbeza, dua kenyataan yang berbeza yang merupakan satu fitnah bagi saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang BertHormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Saya pohon penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang BertHormat, saya jemput Jabi. Saya jemput Jabi, panjang masa kita di sini. Jabi sila.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang BertHormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua ditolak Yang BertHormat.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak ada notis ini Dato' Yang Dipertua. Ditolak? Tak apalah kalau ditolak kita pergi kepada soalan saya yang nombor 1 -

*Berapakah jumlah pendaftaran perkahwinan dan penceraian seluruh Negeri Terengganu sepanjang 2011 yang lalu?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan nombor 1 daripada Wakil Jabi, berapakah jumlah pendaftaran perkahwinan dan perceraian seluruh Negeri Terengganu sepanjang 2011 yang lalu?

Sepanjang tahun 2011 yang lalu, jumlah perkahwinan yang didaftarkan di Terengganu berjumlah 10,982 dan perceraian yang direkodkan adalah sebanyak 2,367. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah punca-punca perceraian yang selalu berlaku kerana saya tengok dari segi penilaian yang saya lihat di Jabi ramai di kalangan pasangan muda yang ramai bercerai, apakah punca-punca perceraian ataupun kes-kes berlakunya perceraian?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Faktor-faktor ataupun punca-punca berlakunya perceraian di Terengganu ini mengikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dan juga data-data yang dikutip sepanjang pengurusan kes-kes ini. Pertamanya, kerana tidak bertanggungjawab suami ataupun isteri lebih kurang 32%. Campur tangan pihak yang ketiga, campur tangan ibu mentua, abang ipar dan apa semuanya ini lebih kurang 23.8%. Masalah akhlak ataupun sosial, lari apa semua itu lebih kurang 15.7%. Masalah komunikasi, salah faham dan sebagainya 9.9%. Lemah didikan agama, ini ada lebih kurang 7.5%. Masalah ekonomi, tak cukup belanja apa semua dan ada campur tangan pihak ketiga dan sebagainya 5%. Dan ada hal-hal lain itu dalam 6%. Ke nak tahu jugak hal-hal lain...(dalam gelak)...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, daripada penjelasan pihak Kerajaan, saya sangat berpuas hati tetapi apakah langkah-langkah jabatan yang berkaitan untuk mengadakan satu modul supaya kita boleh mengelakkan daripada pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin ini daripada berlaku perceraian?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa prihatin dan melihat kes-kes perceraian yang berlaku dalam negeri Terengganu ini. Maka kerana itulah berbagai program telah dirancang dan difikirkan. Sebab itulah kalau ada mana-mana cadangan yang sesuai dan difikirkan sesuai untuk dilaksanakan untuk mengelakkan berlakunya

perceraian di kalangan pasangan-pasangan dalam negeri Terengganu ini khususnya pasangan-pasangan muda ini kita mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan. Walau bagaimanapun, suka saya sebutkan di antaranya yang kita telah buat, Kursus-kursus Pra Perkahwinan. Ini adalah untuk memberi kefahaman kepada bakal-bakal pengantin tentang tanggungjawab, tentang apa yang bakal mereka hadapi dalam dunia perkahwinan dan pelbagai lagi perkara-perkara yang akan menjadikan mereka faham apakah dunia perkahwinan yang mereka akan lalui. Selain daripada itu juga, YPK telah mengadakan berbagai kursus untuk pasangan-pasangan yang telah berkahwin untuk tempoh masa yang tertentu, ini bagi menguatkan lagi hubungan suami isteri dan sebagainya dan sudah tentulah pendidikan yang kita adakan melalui berbagai program di masjid, surau dan sebagainya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan terakhir Dato' Yang Dipertua, pohon juga penjelasan kerana kita rakyat Terengganu sekarang ini boleh dikatakan ramai juga ibu tunggal-ibu tunggal yang berkahwin dengan orang-orang asing daripada Indonesia, Myanmar, Bangladesh dan sebagainya. Apakah jabatan juga dapat merekodkan kes-kes perceraian ini, banyak ataupun sedikit? Kalau banyak, saya mencadangkan agar supaya 'memperpayahkan' perkahwinan antara ibu tunggal dengan warga asing.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, data ataupun bilangan kes-kes seperti ini saya perlu notis. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat ini bukanlah kes yang mempunyai bilangan yang besar. Ada beberapa risiko kalau kita nak buat bagaimana yang dicadang oleh Y.B. Jabi tadi kalau kita payahkan perkahwinan perempuan kita dengan warga asing, nanti dia bawa lari berkahwin di kampung dia lagi payah Dato' Yang Dipertua, macam hak-hak lari dan sebagainya. Jadi ini akan difikirkan dan dipertimbangkan secara menyeluruh. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita jemput Wakil Rhu Rendang untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

*Sila senaraikan ajaran sesat yang wujud di Negeri Terengganu dan jumlah siasatan dan pendakwaan yang telah dilakukan?*

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan pertama daripada Wakil Rhu Rendang, sila senaraikan ajaran sesat yang wujud di negeri Terengganu dan jumlah siasatan dan pendakwaan yang telah dilakukan?

Untuk makluman sebagai jawapan, sehingga kini terdapat empat ajaran yang telah difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu sebagai ajaran dan sebagai fahaman yang bertentangan dengan akidah dan Syariah Islamiah serta mengelirukan dan boleh menyesatkan masyarakat Islam yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sebagaimana berikut:-

- (i) "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang telah dibawa oleh Haji Ashaari Muhamad.
- (ii) Ajaran dan pegangan Ayah Pin yang kita sedia maklum di Besut.
- (iii) Ajaran Azhar bin Abdul Wahab.
- (iv) Syarikat Rufaqa' Corporation dan rangkaian syarikat-syarikat gabungannya yang masih lagi membawa Aurad Muhammadiyah yang diharamkan.

Dan sehingga kini Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah mendakwa seramai 52 orang yang terlibat dengan ajaran sesat Ariffin Mohamad iaitu Ayah Pin termasuklah Ariffin sendiri manakala tiga lagi ajaran-ajaran sesat yang disebutkan tadi masih berada dalam siasatan dan tidak ada pendakwaan yang dibuat. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya, apakah garis panduan yang dipakai oleh Kerajaan ataupun Jabatan Agama dalam menentukan ajaran sesat ini, adakah mengambil kira garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis

Ulama' Antarabangsa ataupun Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Islam ataupun mempunyai garis panduan yang tersendiri ataupun dibuat penyelarasan atau penyesuaian yang dilakukan?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya telah jelaskan tadi penyenaian ajaran-ajaran sesat tadi berdasarkan pada Majlis Fatwa, jadi apabila ada laporan, apabila ada maklumat maka Jawatankuasa Fatwa akan membincangkan perkara ini, mengkaji dan akan membuat keputusan. Maka seperti yang saya sebut tadi, Jawatankuasa Fatwa sudah tentulah membuat keputusan ini berdasarkan kepada mana-mana ajaran yang bercanggah dengan akidah serta Syariah Islamiah, Al-Sunnah Wal Jamaah serta Mazhab Shafie kita ini dari segi fekahnya maka itulah yang akan digunapakai yang disenaraikan sebagai ajaran sesat. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan daripada Wakil Kerajaan, apabila kita lalu dari Kemaman ke Besut, Besut ke Kemaman kita jumpa sepanduk-sepanduk kata PAS Ajaran Sesat, boleh pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Jabi, terima kasih juga kepada Wakil Rhu Rendang yang memulakan tajuk ini. Seperti yang kita sedia maklum, Parti PAS juga telah banyak melakukan penyelewengan dan pembohongan ataupun menyalahguna fakta agama. Maka kerana itulah hari ini kita banyak dengar slogan-slogan PAS Parti Ajaran Sesat. Walau bagaimanapun, Kerajaan melihat isu ini adalah isu yang berkait rapat dengan politik. PAS telah mempolitikkan agama, telah mempergunakan agama untuk kepentingan politik. Maka dalam keadaan yang sedemikian adalah kurang bijaksana jika Kerajaan mengambil tindakan berdasarkan kepada tindakan melalui proses yang dilakukan oleh pentadbiran kerana nanti orang akan mengatakan bahawa Kerajaan mengambil tindakan kepada parti ini untuk mengekalkan kuasa Parti Kerajaan. Maka kerana itulah ia juga dibuat penjelasan balik melalui tindakan politik. Sebab itulah hari ini Parti Kerajaan telah mengadakan pelbagai tema ceramah dan sebagainya menjelaskan kepada masyarakat kita bahawa PAS parti yang memperjuangkan agama Islam dengan cara yang tidak betul ataupun sesatlah dengan bahasa yang lain. Inilah akibatnya apabila kita mempolitikkan agama.

Dato' Yang Dipertua, saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa memanglah agama Islam ini merangkumi semua perkara dalam hidup kita termasuklah politik, termasuklah berniaga, termasuklah makan, termasuklah beristeri dan sebagainya. Tetapi tidak semua perkara-perkara politik, berniaga dan sebagainya adalah agama, kalau saya sebut ayam bertelur tidak semestinya semua telur itu telur ayam, mungkin telur itik, mungkin telur ular, mungkin telur biawak tapi ayam memang bertelur. Jadi begitu juga dalam kes ini, agama merangkumi semua perkara dalam kehidupan kita tapi tidak semua perkara dalam kehidupan kita ini agama, sembahyang betul agama, makan itu hal dunia, begitu jugak politik pentadbiran dunia tetapi agama ajar kita bagaimana nak berpolitik, agama kita ajar kita bagaimana nak makan dan ini telah disebut dengan jelas oleh Nabi kita S.A.W. Kalau dengan sekadar kita kata politik ini jangan duduk, dibawa masjid, ini urusan dunia, jangan duk campur aduk terus kita dituduh sekular, ini orang yang tidak banyak belajar Hadis Nabi S.A.W., Dato' Yang Dipertua sebab Nabi sendiri pernah sebut beberapa perkara bahawa ini dunia. Nabi menyebut yang bermaksud: "Mu lebih tahu mengenai urusan duniamu." Ini Rasulullah sebut apabila Rasulullah pergi ke Madinah, ada segolongan masyarakat di Madinah pada masa itu kahwinkan bunga kurma mereka, Nabi bertanya: "Bakpe buat lagu ni?" Lalu mereka tak kahwinkan bunga-bunga kurma mereka menyebabkan hasil kurma tidak berapa bagus pada tahun itu. Apabila disebut isu ini kepada Rasulullah .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): .... Rasulullah pun berkata: "Aku tak tahu begitu." Maka kerana itu: "Kamu lebih tahu menyelesaikan urusan dunia kamu." Dan banyak lagi hadis-hadis lain, macam Nabi sebut yang bermaksud: "Dikasihkan padaku dua perkara menerusi dunia kamu, wanita dan juga perempuan." Ini menunjukkan bahawa bau-bauan itu Nabi kata 'dunia'. Ini menunjukkan bahawa wanita itu urusan dunia tapi bukanlah takdok kena mengena dengan agama. Boleh nak bergaul dengan wanita, kena kahwin, kena pinang dulu, ada cara perkahwinan, ada cara perceraian, begitu juga politik. Politik ini sebahagian daripada agama tetapi politik ini urusan dunia kita, yang mengatakan politik ini urusan agama ini ialah orang Syiah kerana Syiah ini menganggap bahawa politik, kuasa pemerintah ini ialah kuasa Nabi yang mesti selepasnya diturunkan kepada sesiapa yang diwasiatkan oleh Nabi kepadanya iaitulah keturunan Nabi, Sayyidina Ali dan sebagainya. Maka kerana itulah Dato' Yang Dipertua, PAS Parti Ajaran Sesat ini sebenarnya adalah suatu tindakan yang bijak dibuat oleh Kerajaan

melalui parti kerana ini telah dipolitikkan oleh Pembangkang yang telah banyak menimbulkan kerosakan dalam masyarakat kita, itulah puncanya seperti yang disebut oleh Wakil Hulu Besut tadi, kita Sembahyang Jumaat Dua Dalam Satu Kampung yang kecil kadang-kadang kita berlawan baca khutbah, tidak ikut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan walaupun arahan tersebut adalah arahan yang baik yang tidak bertentangan dengan agama kita. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya jemput Wakil Bukit Payong dulu Yang Berhormat. Soalan tambahan saja Yang Berhormat, ya. Sebelum tu Bukit Payong, duduk kejap, saya tak benarkan pencilan sebab ini sesi Soalan, Yang Berhormat boleh bertanya soalan tambahan. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak minta penjelasan kerana penjelasan yang meleret daripada Yang Berhormat Batu Rakit dan dalam waktu yang sama saya minta penjelasan tentang dua ucapan pemimpin negara. Yang pertama, kenyataan Dato' Seri Najib Tun Razak pada 20 April 1993 kepada para wartawan: "Negara akan huru-hara sekiranya Undang-Undang Islam dilaksanakan." Yang kedua, Dato' Rais Yatim di Hotel Equatorial, Bangi semasa merasmikan Seminar Interface Commission (IFC) yang diterbitkan di dalam Infoline Majlis Peguam: "Tiada orang yang boleh mendakwa bahawa agamanya adalah agama terbaik dengan mengenyepikan agama-agama lain kerana dengan mengatakan demikian akan memusnahkan prinsip persamaan agama dan prinsip kemanusiaan." Mintak penjelasan kerana ini adalah kenyataan dua pemimpin besar dalam UMNO. Tak siap lagi ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila siapkan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Siaplah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, siaplah ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah saya bangun tadi kata tak siap lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak payah suruhlah, duduklah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya bangun kata tak siap lagi, tadi siap dah .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Duduk, duduklah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Cakappun tak betul, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, duduk dulu Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Cakappun tak betul, ini menipulah ni, inilah bohong dalam Islam .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak betul macam mana, bohong macam mana, tak bohong-bohong, tak siap lagi.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tadi saya tanya dah siap, kata takdok dah, habis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Bohonglah tu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bila kata takdok?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Satni .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak, tak siap lagi ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Satni kata siap. Adik-adik tengoklah Pemimpin PAS Negeri Terengganu. Inilah orangnya, perjuangkan Parti Islam tapi cakap tak betul. Pembohong!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Rakit, duduk dulu. Bukit Payong, duduk dulu. Sila duduk Bukit Payong. Bukit Payong .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ....(Berucap/ mikrofon dikawal oleh Yang Dipertua) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Gagah Bukit Payong ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Payong, duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ....(Masih berucap dengan tidak mengendahkan arahan Yang Dipertua/mikrofon dikawal oleh Yang Dipertua) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat Bukit Payong!

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ni, lawan hak Jabi ni, kita main di luar, hah.... itu dia .... (dalam gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk dulu. Saya mintak bertenang dulu. Sila Batu Rakit jawab.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, ungkapan-ungkapan pemimpin tertinggi di dalam negara kita harus dilihat dalam konteks yang menyeluruh dan konteksnya yang tersendiri. Apabila seorang Perdana Menteri mengatakan bahawa pelaksanaan Undang-undang Islam tak boleh dilaksanakan, nanti negara akan huru-hara. Satu, kita kena faham apa makna Undang-undang Islam di sini sebab sebahagian besar Undang-undang Islam telah dilaksanakan di dalam negara kita. Hukum yang berkaitan dengan perkahwinan, pembahagian harta dan sebagainya telahpun dilaksanakan di dalam negara kita. Jadi ini harus diperhalusi maknanya undang-undang yang dimaksudkan di situ undang-undang yang tertentu yang saya faham termasuklah

undang-undang yang dikategorikan di bawah Hudud. Jadi mungkin pada masa ini oleh kerana kita tidak mencukupi dari segi syarat-syarat dan prasyarat seperti yang saya sebut dalam sidang Dewan yang lalu maka menjadikan pelaksanaan Undang-undang Hudud untuk masa ini akan menimbulkan huru-hara. Jadi ini suatu kenyataan yang benar tetapi harus dilihat di dalam konteks yang tepat, jangan kita ambil pukul rata begitu. Sebab kita dah laksanakan sebahagian besar daripada Undang-undang Islam di negara kita. Begitu juga ucapan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya rasa tidak perlu saya huraikan kerana dia bukan berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Rhu Rendang. Tetapi sehingga hari ini sukacita saya maklumkan para Pembangkang belum lagi menjawab cabaran Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang suatu masa dulu sebut PAS Parti Ajaran Sesat, kemudian mereka kata 'tarik balik', kita bagi masa 3 hari, sekarang dah 3 bulan Dato' Yang Dipertua. ....(tepukan sokongan dari Dewan) ....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Tepoh untuk soalan seterusnya.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama -

*Semenjak Tabung Pesakit Kronik diwujudkan, berapakah jumlah pesakit yang telah mendapat faedah daripadanya dan nyatakan jumlah bantuan yang telah dikeluarkan?*

YANG BERTHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, rasa macam takmbah jawab dah soalan ni sebab macam orang nak *gomol* sebab rasa mari *naik she*, rasa mari jugak ni. Tapi tak apalah dalam keadaan begini ni saya nak perbetul suasana biar tenang semula.

Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Tepoh mengenai Tabung Kronik iaitu semenjak Tabung Kronik diwujudkan seramai 1,204 orang pesakit telah mendapat faedah daripadanya dengan jumlah bantuan sebanyak RM1,771,599.40 hingga bulan Mac 2012. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya, apakah jenis-jenis penyakit utama yang mana Tabung Kronik ini boleh mengeluarkan bantuan? Jenis penyakit utamanya.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jenis-jenis penyakit kronik yang dipertimbangkan dalam kategori penyakit kronik ini ialah seperti berikut:-

1. Penyakit yang berkaitan dengan jantung.
2. Penyakit yang berkaitan dengan kanser.
3. Penyakit yang berkaitan dengan buah pinggang.

Dan lain-lain penyakit yang dianggap boleh melayakkan dia untuk dipertimbangkan (consider) dalam Tabung Kronik ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sepanjang Tabung Pesakit Kronik ini diwujudkan, ada atau tidak permohonan yang ditolak dan nyatakan sebabnya kalau ada?

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jawapan dia ada. Sebab ditolak, pertama, tidak memenuhi perkara-perkara ataupun prosedur yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan ataupun pihak tabung. Yang kedua, ada sesetengahnya telahpun menggunakan peruntukan melalui Tabung Sosial Perubatan daripada hospital. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan terakhir. Saya mintak pihak Kerajaan maklumkan berapakah jumlah yang tertinggi pernah Tabung Pesakit Kronik keluarkan kepada individu, maksudnya individu itu berapakah jumlah paling tinggi setakat ini dikeluarkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, untuk menjawab soalan Tepoh yang terakhir ini, saya tidak boleh memberi suatu kes yang spesifik (*specific case*) secara individu tapi apa yang saya boleh beri dari segi jumlah perbelanjaan mengikut kategori penyakit. Kalau penyakit yang melibatkan jantung kos yang melibatkan perbelanjaan setakat bermula daripada tahun 2010 hingga 2012 ialah sebanyak RM551,300.20. Kalau buah pinggang melibatkan RM533,395.00. Kalau kanser ialah RM358,715.65. Dan lain-lain penyakit dianggap kronik ialah RM328,188.55 dan jumlahnya yang dianggap kronik ini hampir mencecah ke angka RM1.8 juta. Jadi *specific case*, saya tidak boleh nyatakan kerana data yang kita ada ini melibatkan secara umum iaitu sebanyak 1,204 orang yang dikategorikan berpenyakit kronik. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato'. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya tak *dang* ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita sudah dah, kalau Yang Berhormat nak bertanya untuk jawab saja bolehlah untuk soalan tambahan saya tak benarkan, dah cukup 1 jam. Yang Berhormat boleh bertanya, dijawab oleh pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekurang-kurangnya dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 –

*Sila nyatakan jumlah Wakil Rakyat dan bekas Wakil Rakyat daripada UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang dikurnia dan mendapat tanah tapak rumah dan tanah pertanian di negeri ini dari tahun 2008 hingga kini?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila pihak Kerajaan. Tiada soalan tambahanlah Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada 2008 hingga kini seramai 13 orang bekas Wakil Rakyat dan Wakil Rakyat telahpun dianugerahkan tanah iaitu Wakil Rakyat Barisan Nasional oleh Kerajaan Negeri iaitu:-

Tahun 2008 hingga 2009 tiada yang terlibat.

Tahun 2010 – 1 orang terlibat.

Tahun 2011 – 3 orang.

Tahun 2012 – 9 orang.

Jumlahnya 13 orang melibatkan tapak pertanian – 11, tapak rumah – 2. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, tak ada soalan tambahan. Saya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasihlah takdok soalan tambahan. Saya ada perkara nak sebut .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah dapat selesaikan dalam 1 jam Soalan Lisan, jadi saya nak ..... Yang Berhormat ada soalan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada usul.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya pun ada usul untuk dikemukakan di bawah Fasal 30 Peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya beri kepada Alur Limbat dulu. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua -

Usul Di Bawah Perkara 30 Peraturan-Peraturan Dan  
Perintah-Perintah Tetap Dewan  
Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya Alias bin Abdullah, Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kawasan Alur Limbat mohon mencadangkan bahawa Persidangan ini hendaklah ditangguhkan menurut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan Isu Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Negara atau dengan izin, National Key Result Area yang memberi tumpuan kepada kebajikan rakyat negara Malaysia amnya dan negeri Terengganu khususnya menerusi Bantuan One-Off, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan, Bantuan Persekolahan RM100 kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah serta Bantuan Baucer Pembelian Buku bernilai RM200 kepada pelajar tingkatan 6 dan institut pengajian tinggi sepanjang tahun 2012. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat yang diterajui oleh Barisan Nasional telah memberikan BR1M kepada sejumlah 338,000 orang rakyat negeri Terengganu setakat ini yang melibatkan bayaran sejumlah RM169 juta. Dan Bantuan Persekolahan RM100 kepada 253,435 orang murid melibatkan bayaran berjumlah RM3,650,057.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bagi memastikan Malaysia berada pada landasan yang lebih kukuh bagi menghadapi berbagai cabaran dan rintangan untuk mencapai Wawasan 2020, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengilhamkan dan melancarkan

Program Transformasi Kerajaan atau dengan izin, Government Transformation Programme dan Program Transformasi Ekonomi atau Economy Transformation Programme pada bulan April 2009 yang dirangka berdasarkan Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'. Program Transformasi Kerajaan, menggariskan secara terperinci objektif keberhasilan dan set tindakan permulaan dalam bidang keberhasilan utama negara bagi menghasilkan perubahan yang diharapkan melalui Program Pembangunan Dan Sistem Pencapaian Kepada Rakyat. Dalam melaksanakan NKRA, Kerajaan telah memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat khususnya kos sara hidup. Kerajaan Barisan Nasional tidak hanya sekadar mencanang slogan 'Negara Berkebajikan' malah mentafsirnya dalam bentuk tindakan dan pelaksanaan dengan tujuan ikhlas dan rasa penuh tanggungjawab demi membantu rakyat yang terhimpit akibat daripada kos sara hidup yang tinggi yang semakin meningkat melibatkan rakyat bandar dan luar bandar tanpa mengira sempadan bangsa, agama atau fahaman politik. Bagi meringankan beban tersebut, Kerajaan telah merangka pelan jangka pendek, sederhana dan panjang berasaskan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau dengan izin, National Blue Ocean Strategy. Antara langkah jangka pendek bersifat One-Off yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia sebanyak RM500 bagi setiap isi rumah warga negara yang layak yang memanfaatkan hampir 4 juta isi rumah di seluruh negara termasuk 338,000 isi rumah rakyat negeri Terengganu yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Kerajaan juga memberi Bantuan Persekolahan RM100 untuk setiap pelajar sekolah rendah dan menengah melibatkan 5.3 juta pelajar di seluruh negara. Manakala sejumlah 1.3 juta orang pelajar institut pengajian tinggi dan tingkatan 6 seluruh negara diberi Bantuan Baucer Buku bernilai RM200. Kesemua bantuan tersebut melibatkan peruntukan kewangan hampir RM3 bilion.

Saya selanjutnya mengusulkan agar Kerajaan Pusat meneruskan Bantuan One-Off sedemikian setiap tahun bagi memastikan nasib rakyat di negara ini dan juga rakyat negeri Terengganu terus terbela. Memandangkan peruntukan dan perbelanjaan Kerajaan yang sebegitu besar dan mendatangkan menafaat kepada sebahagian besar rakyat negeri Terengganu, maka saya berpendapat bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu yang mustahak demi kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Alur Limbat. Saya mintak Bentara serahkan kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sekejap. ....(menunggu Kertas Usul oleh Yang Berhormat Wakil Alur Limbat) .... Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya juga pagi ini ingin mengemukakan di bawah fasal yang sama satu cadangan, Fasal 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, duduk Yang Berhormat. Kita Fasal 30 ni jelas, satu perkara satu usul untuk satu mesyuarat. Sila Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lain-lain lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya perkara ini perkara penting melibatkan orang ramai dan saya tak tahu yang kawan saya ada juga bawa usul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah, dah, inipun Fasal 30, Fasal 30 hanya satu, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal ini melibatkan Penarikan Balik Saman Kes Royalti Kerajaan Negeri Terhadap PETRONAS.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh Yang Berhormat. Sila duduklah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau saya baca aje Yang Dipertua kalau nak tolak, tolaklah, saya baca aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hanya satu usul saja di bawah Fasal 30 sama ada perkara kecil (1), (2) atau (3), jelas peraturan kita. Yang Berhormat sekalian kita tangguh sementara untuk kita minum pagi. Sila masuk semula ke Dewan untuk mesyuarat jam 11.05 minit pagi.

PUKUL 11.15 PAGI

**USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum itu menyambung kepada usul yang telah dibangkit di bawah Fasal 30 oleh Yang Berhormat Alur Limbat sebelum kita tangguh Dewan sebentar tadi. Saya telah meneliti usul ini, memang berkenaan dengan Usul Di Bawah Fasal 30 iaitu kepentingan bagi orang ramai, perkara-perkara yang khusus tetapi memandangkan antara perkara utama yang dibangkitkan dalam usul ini sedang berlangsung sekarang ini penerangan-penerangan, majlis-majlis sedang berlaku terutamanya Bantuan Rakyat 1Malaysia di seluruh negara termasuklah negeri kita. Saya percaya ianya sangat telah mendapat pendedahan dan juga penjelasan di peringkat rakyat maka ianya tidak perlu disegerakan. Jadi kita tidak perlulah membahaskan usul yang dibentangkan itu. Sila Setiausaha.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, rakan media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

***“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah DiRaja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal***

***Persidangan Kelima Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya.”***

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir dan Tepoh yang telah menyokong usul ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ya, sila Yang Berhormat Tepoh sebagai penyokong.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin...(membaca mukaddimah petikan ayat Quran dan selawat ke atas Rasulullah dan para Sahabat).

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati serta sidang Dewan yang dirahmati Allah S.W.T. Pertama sekali, terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kerana mengizinkan untuk saya memulakan perbahasan kepada usul yang telah dikemukakan oleh Wakil Seberang Takir. Sebagai pembahas yang pertama, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas Titah Ucapan Diraja bersempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Kedua Belas yang telahpun berlangsung semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya di dalam Titah Ucapan Tuanku Sultan semalam terlalu banyak perkara-perkara yang telah disentuh dan dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Dalam pengamatan saya terhadap

Titah Ucapan tersebut dari awal sehinggalah ke akhirnya, saya melihat seakan-akan tidak ada titah yang dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan soal perpaduan dan persaudaraan sesama Islam khususnya. Tetapi akhirnya di penghujung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sebelum Tuanku mengakhiri titahnya sebagaimana yang terdapat di dalam muka surat ke-13 Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan menyebutkan tentang soal perpaduan, keperluan kepada kepersefahaman untuk menjamin kehidupan yang harmoni. Yang ironinya saya cukup tertarik apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan bila menyebutkan tentang soal perpaduan dan kesefahaman ini, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyebutkan sebagaimana berikut: "Kita perlu mengambil pelajaran dan teladan melalui kisah bagaimana Nabi Muhammad S.A.W. telah berjaya menyatupadukan golongan Aus dan Khazraj yang begitu lama bertelagah dan berbalah di Madinah akhirnya dipersaudarakan dengan golongan Muhajirin yang berpindah bersama Baginda dari Mekah, hidup dalam suasana harmoni, hormat menghormati dan aman damai. Hasilnya umat Islam menjadi kuat dan mencapai kejayaan berganda." Saya nak menyebutkan bila Tuanku menyebutkan tentang soal persaudaraan yang pernah dilakukan dalam sejarah keagongan Islam di mana Peristiwa Hijrah telah membawa kepada penyatuan dan perpaduan kepada umat Arab yang selama ini bergaduh, bersengketa di antara satu sama lain khususnya umat Arab, kaum Aus dan Khazraj. Ada di kalangan kedua kaum ini telah meminta bantuan daripada musuhnya iaitu Yahudi yang turut berada di Madinah untuk melawan di antara satu sama lain, sebab itulah dalam tempoh sebelum penghijrahan Nabi S.A.W. berlakunya pertemuan di antara Nabi S.A.W. dalam Peristiwa Perjanjian-Perjanjian Aqabah yang berlaku dan akhirnya membawa kepada penghijrahan Rasul S.A.W. Dengan penghijrahan ini, mereka telah disatukan oleh Nabi bukan setakat Muhajirin disatukan dengan Ansar tetapi sesama golongan Ansar, Aus dan Khazraj itu disatukan dan persaudaraan Muhajirin dengan Ansar ini sampai kepada peringkat mempersaudarakan di antara Muhajirin seperti Abdul Rahman bin Auf dengan Sa'ad bin Rabi' al-Ansari. Inilah peristiwa yang pernah berlaku di permulaan kehebatan dan keagongan Islam di bawah Baginda Nabi S.A.W. Saya mengambil perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai nak menyebutkan kepada Dewan betapa sebenarnya urusan kehidupan kita sama ada dalam soal urusan kita dengan Allah S.W.T., urusan kita dalam mentadbir, berpolitik serta urusan-urusan yang lain, sebenarnya perlu berada di bawah naungan persefahaman, perpaduan dan kesatuan di antara kita. Dalam konteks ini kita umat Melayu Islam khususnya di Malaysia, penduduk-penduduk di Malaysia perkara ini merupakan perkara yang cukup penting dan kita

dapati sehingga hari ini kesatuan di kalangan Melayu Islam khususnya berada di tahap yang cukup rapuh, yang boleh membawa kepada akibat-akibat yang buruk kepada agama, bangsa dan negara itu sendiri sekiranya kesatuan itu tidak diperkukuhkan. Dalam konteks Malaysia tradisionalnya yang lama, kita melihat peristiwa kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dengan adanya nama-nama seperti Dato' Mandaliar, Si Kitil dan seumpamanya. Dan dalam konteks sejarah Malaysia Moden, diawal ataupun prakemerdekaan serta di pasca kemerdekaan negara, keadaan perpecahan umat Melayu Islam khususnya di negara ini jugak berlaku dan sehingga kini di antaranya yang nampak jelas berlaku dalam konteks pertentangan politik lebih-lebih lagi apabila berlakunya penubuhan sebuah parti iaitu Parti Islam SeMalaysia (PAS) pada tahun 1951 dan didaftarkan secara khusus pada tahun 1955. Ini adalah hasil daripada rasa kecewa kalangan seorang yang berada dalam UMNO ketika itu yang kalah dalam pertandingan akhirnya keluar dan membawa kepada penubuhan sebuah Parti Melayu Islam, namanya Parti Islam SeMalaysia (PAS). Demikianlah berlangsungnya sehinggalah ke akhir tahun 1970an, awal 1980an, keadaan ini menjadi lebih parah apabila kepimpinan-kepimpinan PAS pada masa itu telah mula dikuasai di kalangan ulama-ulama muda antaranya ialah Al-Marhum Ustaz Fadhil Noor, juga antaranya Dato' Nik Aziz dan termasuk juga salah seorang yang berada di dalam Dewan ini, Wakil Rhu Rendang. Inilah permulaan lahirnya dikatakan bahawa PAS bergerak ke arah untuk maknanya 'Membangun Bersama Ulama' dan slogan yang dibawa pada ketika itu adalah untuk nak mewujudkan sebuah 'Negara Islam'. Maka timbullah perkara-perkara yang lebih dahsyat, ke arah membawa kepada perpecahan di kalangan umat Melayu Islam khususnya. Dalam tempoh ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, umat Melayu Islam telah berpecah berdasarkan kaedah kepada politik yang berdasarkan kepada kaedah hukum. Pemimpin-pemimpin PAS lebih banyak menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis untuk menghukum dan menidakkan keislaman orang lain. Ketika itulah timbulnya pelbagai istilah, kata-kata serta ejekan dan gelaran yang diberikan kepada musuh politik mereka iaitu UMNO/Barisan Nasional dengan menyebutkan bahawa UMNO itu Taurut, UMNO itu kafir termasuk UMNO itu sesat, *assabiyah* dan seumpamanya. Dan apabila ditanya pada tempoh 80an itu, mengapa persoalan perpaduan ini begitu rapuh, mengapa tidak ada perpaduan di kalangan umat Melayu Islam. Antara jawapan yang dikemukakan oleh kalangan orang-orang tertentu menyebutkan bahawa kita tidak boleh berpadu kerana ada satu pihak hendak kepada Islam dan satu pihak tak nak kepada Islam. PAS hendak kepada Islam, UMNO takmboh kepada Islam. PAS nak tegakkan 'Negara Islam', UMNO menegakkan 'Negara Sekular'. Inilah yang berlaku yang akhirnya

membawa kepada perkara-perkara perpecahan yang begitu rumit dalam masyarakat. Antaranya seperti apa yang telah kita dengarkan tadi dalam soalan yang dikemukakan. Ketika inilah timbul soal Sembahyang Dua Masjid Di Dalam Satu Kampung/Qariah. Adanya Sembahyang Dua Jemaah Di Dalam Satu Masjid kerana timbul persoalan bahawa yang PAS itu adalah Islam, berimam kepada yang PAS itu menjadi sah, kalau berimamkan kepada Imam UMNO menjadi tidak sah. Berlaku perkara-perkara ini sampai kepada peringkat dalam erti kata sembelihan orang UMNO pun tidak boleh dimakan, ini membawa unsur kepada perpecahan ke arah tidak berpadunya umat Islam Melayu ketika itu. Ada yang berlakunya dalam konteks yang lebih dahsyat, bernikah kadang-kadang ada laki-bini yang bercerai semata-mata kerana berlainan fahaman politik, suami UMNO, isterinya PAS maka berlaku penceraian, ini ada berlaku. Dan perkara ini pernah saya lalui Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ketika mana saya diberi amanah oleh Kerajaan untuk menjadi salah seorang Pentadbir Agama Negeri ketika mana saya menjadi Kadi/Pegawai Agama di beberapa daerah Dungun, Marang dan jugak Hulu Terengganu. Dan kes yang banyak berlaku ketika mana saya menjadi Kadi di daerah Marang, saya nak bawa dua contoh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila seorang hamba Allah datang untuk .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dibenarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tepoh. Soalan saya kepada Wakil Tepoh, apakah fenomena-fenomena yang disebutkan tadi Sembahyang Dua Imam Dalam Satu Masjid, Dua Jumaat Dalam Satu Qariah, penceraian dan sebagainya tidak disedari oleh pimpinan PAS di peringkat negeri dan pusat, betul atau tidak? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Wakil Ajil. Memang sedar tetapi buat tidak sedar. Memang tahu tapi buat tidak tahu. Pasal apa? Pasal kepentingan politik mengatasi kepentingan agama itu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Manir sila, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, diberi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tadi Wakil Jabi tanya masalah perceraian sebab-sebab dan sebagainya dan Wakil Batu Rakit pulak jawab. Saya tak dengarpun, mungkin telinga saya tersilap yang Wakil Batu Rakit kata sebab-sebab perceraian di antaranya ialah disebabkan berlainan fahaman politik. Boleh Yang Berhormat Wakil Tepoh menjelaskan di mana asas yang dia cakap itu?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia nak *start* panas telinga tu. Memanglah yang jawapan yang dikeluarkan tadi itu di tahun baru-baru ini, 2011, 2010, hak saya duk cerita ini tahun 80an, 90an adalah. Di antaranya saya nak sebut ni, saya dok sebut hak kait dengan hak cerai, ini masa saya jadi Kadi Marang. Ada seorang hamba Allah tu dia mari mintak kebenaran kahwin Dato' Yang Dipertua, ini hak nak menikah hak seorang baru bukan dua-tiga, tidak, hak baru nak bernikah. Jadi dia duduk di Mercang, ada dua Jurunikah yang duduk di Mercang, saya kata pilihlah yang mana-mana satu, ini ayah kepada pengantin perempuan, dia kata: "Ustaz saya takmboh belaka Jurunikah dua-dua orang tu." Pasal apa saya kata takmboh: "Takkan ustaz tak tahu dua-dua itu bapak UMNO." Dia jawab begitu. Lepas itu saya kata: "Apa kaitan dengan UMNO?" "Ah! Ustaz orang agama, tak tahu bab ni? Kan UMNO tu tolak Islam. UMNO takmboh Hudud. Bila orang tolak Islam, takmboh Hudud ertinya keluar Islam jadi kafir. Saya bimbang kalau nikah anak saya dengan Tok Imam UMNO jadi anak saya nikah tak sah, jadi zina." Ini berlaku. *Last, last*, saya berbalah apa semua, saya kata: "Beginilah pakcik, kalau takdok arah apa semua, dah pakcik takmboh dua-dua tu belaka sebab kaedah tu memang tak boleh keluar hak lain, dah pakcik nak hak mana?" Dia kata: "Nak hak Jurunikah duduk di Rusila." Tetapi bukan Wakil Rhu Rendang, Wakil Rhu Rendang dok kait dengan hak ni, ada seorang tu, saya kenallah sebab saya jadi Kadi saya boleh khaborlah benda ni. Jadi akhir tu saya kata kalau nak hak tu tak boleh, hak peraturan mukim tak boleh keluar kecuali ada tauliah yang lebih besar, tauliah seluruh daerah ke, tauliah nikah seluruh negeri, macam hamba ini tauliah seluruh negeri ni, nak menikah bolehlah. Jadi nak royatnya bila disebut itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kata kalau begitu nak mudah, nak senang Yang Dipertua: "Pakcik nikah sendirilah anak pakcik

sebab pakcik adalah Wali Mujbir, Wali yang paling utama, anak pakcik itu hak pakcik, pakcik nak beri ke siapapun nak akad nikah, pakciklah hak tukang nikah, Jurunikah hak Mercang itu biar dia mari tukang tulis ajelah sebab nak buat terbit surat nikah, kalau takdok dia tak boleh keluar surat nikah." Bila kita *offer* supaya dia menikah sendiri, dia jawab: "Kalau hak itu ustaz weh saya tak reti, minta maafah saya tak boleh." Bila kita beri amanah yang patutnya dia menikahkan anak dia sendiri, dia tolak dia kata tak boleh tapi soal hukum orang, kata Jurunikah itu dua-dua orang tu bapak UMNO sampai ke peringkat kalau dia nikahkan sampai tak sah, sanggup menyebutkan begitu tetapi untuk melaksanakan tugas amanah sebagai ayah, Wali Mujbir tak nak buat, ini yang berlaku, kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak nampak.

Kes yang kedua, yang berlaku di Marang jugak, ini dia mari berkait dengan hal nikah jugak sebab Kadikan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diberi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tepoh. Penjelasan yang pertama, cerita yang pertama tu *dok sut*, akhirnya siapa hak yang menikahkan. Adakah menikah dengan Yang Berhormat Tepoh sendiri ke atau dengan orang lain?

Yang kedua, kalau ada di kalangan kita ni, Ketua Jabatan ke, Pemerhati ke, nak nikah dengan Uzbi', boleh tidak Yang Berhormat Tepoh ni jadi Tok Kadi lagi, tukang nikah, tu yang nak tanya?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya takmboh lari jauhlah tu Dato' Yang Dipertua. Cerita hak tadi tu memang akhirnya dia ambil jugak Jurunikah hak yang kita cadang tu tapi saya terima maklumat daripada Penguatkuasa, sebab saya tak habis cerita tadi, saya sengaja sampai di situ kerana ia cukup menyedihkan. Apabila Jurunikah yang Mercang itu telahpun kembali ke rumahnya, saya dimaklumkan oleh Penguatkuasa, akad nikah kali yang kedua dilakukan oleh Jurunikah yang dikehendaknya jugak, ini yang berlaku.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada kes yang kedua. Seorang hamba Allah juga di Marang yang duduk di Bukit Gasing, Bukit Gasing bersebelah sahaja dari Jambatan Marang tu. Di mana datang jugak untuk nak mintak Jurunikah yang mereka kehendaki tetapi kita tak bagi, hasilnya sampai kepada peringkat bila saya bertanya: "Sembahyang Jumaat kat mana?" Dia jawab: "Sembahyang di masjid kitalah." Saya tanya: "Masjid mana?" Dia kata: "Masjid kita, Masjid Bukit Gasing, masjid kitalah." Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ketika itu Masjid Bukit Gasing tidak lagi diiktiraf sebagai masjid yang sah berjumaat mengikut syarak dan mengikut perundangan Enakmen Pentadbiran Agama Terengganu. Masjid Bukit Gasing yang duduk dalam qariahnya ialah Masjid Seberang Marang, jadi ertinya di situ sudah wujud Sembahyang Dua Jumaat Dalam Satu Mukim, di mana masjid yang dibenarkan berjumaat adalah Masjid Seberang Marang, yang di sebelah sungai ini Masjid Bandar Marang tetapi ada kumpulan yang sembahyang di situ khususnya penyokong PAS sembahyang di Masjid Bukit Gasing yang kita sebut sebagai Surau Bukit Gasing tapi orang PAS kata itu masjid, dia sembahyang Jumaat sokmo di situ. Saya kata: "Pasal apa sembahyang di situ?" Dia kata: "Daripada sembahyang hak Masjid UMNO, baik kita sembahyang masjid kita, Imam kita." Saya bertanya: "Pakcik, ada tak Tok Guru mari ceramah, mari sembahyang di sini?" Senang saya *direct*, saya sebut dalam majlis ini, Tok Guru itu adalah Wakil Rhu Rendang yang telah menjadi Wakil ketika itu. Saya baru menjadi Kadi, Kadi kecil sekali. Jadi dia kata: "Ada, Tok Guru mari sembahyang, mari ceramah di sini, sembahyang waktu." Saya kata: "Nak tanya Sembahyang Jumaat, baca khutbah, jadi Tok Imam di Masjid Bukit Gasing ni, ada tak?" Dia kata: "Takdok." "Dah, takkan dia tak pergi Sembahyang Jumaat sebab dia da masjid diakan Masjid Rusila." Untuk makluman Yang Berhormat, Dato', memang Masjid Rusila tu masjid yang diiktiraf, masjid sah dalam enakmen tapi nak buat macam mana orang PAS kuasai, Pejabat Agama nak pakai main-main pergi, tak boleh, orang PAS kuasai. Jadi katanya bahawa Tok Guru tak boleh tinggallah masjid dia, sebab masjid dia, dia ada. Dah saya kata: "Amboi! Takkanlah tak boleh tinggal langsung, yang hari itu sampai berebut tarik orang pergi Masjid Kampung Laut tu?" Masjid di Kampung Laut sampai ada tarik Tok Imam kerana nak buat naik Wakil Rhu Rendang jadi Tok Imam, hari Jumaat di Masjid Kampung Laut, ini peristiwa yang pernah berlaku. Saya kata kalau begitu pasal apa dia tak boleh mari dah dia tidak boleh tinggal masjid dia. Pakcik tahu tak dari segi kaedah hukum, apa kaedah dari segi hukum Sembahyang Dua Jumaat Dalam Satu Kampung .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, cerita satnipun tak habis Dato' Yang Dipertua, saya nak minta penjelasan Yang Berhormat Tepoh mengenai hak Kampung Laut, macam mana angkat tu, cara macam mana, itu sedap sikit cerita tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, beri sejamlah ke saya, *neh*. Tapi ialah orang tahu cerita ini, orang tahu hak sepatutnya jadi Tok Imam dan yang telahpun diberikan tauliah tak pasal-pasal dia ditarik ke belakang duduk dalam sah dengan orang, kemudian tolak pulak Wakil Rhu Rendang buat naik. Yang saya nak sebut ini bukan hak tu sangat tapi nak khabornya, saya khabor ke pakcik itu, ada dok Tok Guru mari Sembahyang Jumaat di sini, baca khutbah di sini dan dia kata takdok. Pasal apa takdok, Tok Guru takkan nak tinggal masjid dia, ramai orang di sana. Tak, saya nak tanya pakcik pernah fikir dok, pasal apa dia tak mari Sembahyang Jumaat di sini, dia tak baca khutbah, pakcik tahu tak kaedah hukum dalam Mazhab Shafie kita apakah hukum Dua Jumaat Dalam Satu Qariah? Yang dijawab oleh sahabat saya Wakil Batu Rakit tadi. Nak beritahu bahawa bila satu qariah itu ada dua masjid, dua Jumaat maka Jumaat yang sahnya mengikut Shafie kita adalah Jumaat yang diiktiraf oleh pemerintah kerana urusan berjumaat, urusan kutip zakat adalah urusan Ulil Amri, bukannya urusan orang-orang tertentu, bukan urusan politik-politik tertentu tapi hak Kerajaan. Maka masjid yang diiktiraf di situ adalah Masjid Seberang Marang, Bukit Gasing tidak pernah diiktiraf Sembahyang Jumaat. Jadi saya kata, ini menunjukkan bahawa Tok Guru dia tahu perkara ini .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Dipertua, saya tertarik juga pasal di tempat saya ada dua Sembahyang Jumaat, satu, di Kampung Tok Dat, zaman PAS pun tak selesai tapi terus buat Sembahyang Jumaat, satu lagi di Jabi, atas tu Markas PAS di bawahnya buat Sembahyang Jumaat. Kalau lagu tu apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Tepoh tu awak-awak dia Sembahyang Jumaat di situ tak sahlah, ke guana Ustaz?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ini sedar buat tak sedar. Tapi tak apalah mungkin Pembangkang dia boleh bercakap dalam penghujahan tapi saya berani bertanggungjawab di atas fakta yang saya sebutkan dalam Dewan pada hari ini. Dia tak Sembahyang Jumaat di situ kerana masjid itu tidak diiktiraf kalau sembahyang jugak boleh menjadikan bahawa Jumaat itu tidak sah, sampai timbul pada masa itu kalau nak jugak berlumba siapa yang angkat

takbir dulu, ini berlaku di dalam DUN Pengkalan Berangan lebih kurang dalam 60 meter sahaja di antara masjid Kerajaan dengan masjid yang PAS bina. Saya pernah buat operasi ketika jadi Kadi dulu, akhirnya sampai ke peringkat berlawan siapa angkat takbir dulu, pakat baca khutbah pendek belaka kerana nak angkat takbir dulu sampai pakat baca khutbah pendek belaka. Lepas tu *dang* ke hak PAS angkat takbir dulu, sampai ke tahap begitu. Dah inilah yang dikatakan berlakunya perpecahan dalam agama, ini yang dibawa oleh doktrin-doktrin PAS sebab itu bila kita sebutkan PAS Parti Ajaran Sesat ada kemunasabahannya. Saya sebenarnya lama dah nak bongkar benda ni tapi hari ini rasa sedap sikit nak bongkar, tak apalah, kes boleh daerah baru. Habis dah sebab hak tu takdok dah, kita tunggu aje jawapan MB. Dato' Yang Dipertua, jadi nak menggambarkan bahawa memang betul dia tidak tinggal Masjid Rusila kerana itu masjid yang dia duk tadbir, duk mengajar dan sebagainya tapi dia tak pergi bersembahyang Jumaat di situ kerana tidak ada pengiktirafan yang sah. Jadi sampai pakcik itu kata: "Dah bakpe Tok Guru tak khabor begitu." Saya kata: "Inilah masalah politik, kalau khabor orang pakat lari, orang tidak percaya kepada Tok Guru." Sebab itu yang disebutkan oleh Jabi, oleh Besut, kita duk tunggu ni pergi tarik balik apa yang pernah disebutkan sebelum ini supaya semua kembali sembahyang di masjid yang telah diiktiraf tidak kiralah pada masa PAS memerintah hari itupun banyak masjid yang diiktiraf kita terima, hari ini takdok kita tidak tolak satupun. Ini mengikut kaedah hukum yang telahpun disebut oleh rakan saya, sahabat saya Wakil Batu Rakit sebentar tadi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, demikianlah pada ketika itu yang saya nak sebutkan berlaku perpecahan bila ayat Al-Quran pilihan dibaca lebih-lebih kepada ayat-ayat hukum, antaranya yang sering dibaca: "*Waman lam yahkum bima anzalallah faulaika humul kafirun. Waman lam yahkum bima anzalallah faulaika humuz-zalimun. Waman lam yahkum bima anzalallah faulaika humul fasiqun.*" Ada ayat-ayat ini maka pakatlah pemimpin-pemimpin penceramah PAS duk ceramah di rata-riti, beritahu bahawa barang siapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka dia adalah kafir, zalim. Baru duk teriak di luar "Siapa zalim, UMNO zalim" yang ramai-ramai duk di tepi pintu pagar tu, kes benda pun saya tak tahu, ingatkan 50,000 kita tengok dalam sekitar 1,000 lebih aje. Itu kita duk dengar tadi "Siapa zalim UMNO zalim. Hidup Islam". Bakpe kita ini tak Islam? Ingat PAS aje yang Islam? Kita Islam jugak tapi penafian yang berlaku bila disebut barang siapa tidak melaksanakan hukum yang diturunkan oleh Allah kafirlah dia, zalimlah dia, fasiqlah dia. Siapa yang dituding zalim itu, UMNO.

Siapa yang dikatakan fasiq itu, UMNO. Siapa yang dikata zalim, kafir, fasiq itu, UMNO. PAS? PAS, Islam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Begitu jugak ketika itulah timbul berbagai perkara dibacakan ayat, antaranya ayat dibacanya Surah Ali-Imran, ini ayat-ayat yang dibaca dulu sekarang ini dia tidak baca ayat-ayat ini dah, saya hairan dia tak baca ayat-ayat ini ni (petikan dari Surah Ali-Imran ayat 28 yang bermaksud): "Tidak boleh di kalangan orang-orang beriman mengambil orang-orang kafir jadi pemimpin atau teman setia, teman rapat dengan meninggalkan orang Islam, orang beriman yang lain." Ayat ini dibaca rata-riti tahun 80an – 90an, nak beritahu bahawa orang UMNO/Barisan ini tak betul. Pasal apa? UMNO berkawan dengan orang kafir MCA, MIC, bila berkawan dengan orang kafir ertinya boleh jadi kafir, boleh maknanya buat benda-benda yang tak molek. Maka rata-riti seolah-olah orang terpengaruh, seolah-olah dia Islam, kita keluar Islam kerana berkawan dengan orang kafir, ayat ini dibaca. Memang betul ayat ini ada tetapi di mana letak ayat ini, berapa ramai pemimpin PAS yang membaca ayat ini dalam berkempen politik, berkempen parti pada hari ini, saya cabar pemimpin-pemimpin PAS baca ayat ini balik. Ini soal perpaduan yang kita cakapkan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua mintak laluan, ini isu hangat sikit. Saya nak mintak penjelasan daripada Tepoh, ayat-ayat itu sekarang ini tidak dibaca, lepas itu PAS sekarang ini bersama PKR, DAP, apa bezanya sewaktu UMNO bersama MIC, MCA, lagu mana keadaannya?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak sangat soalan itu sebab saya nak sebut tetapi biarlah buah akhirlah sikit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itulah akhirnya bawa kepada berlakunya dikatakan fatwa yang dikatakan Amanat Haji Hadi 1982 di Banggol Peradong. Antara yang disebutkan ..... Ini Wakil Rhu Rendang boleh nyatakan ini betul atau tidak. Saya mengambil kesimpulan bahawa yang menentangnyanya UMNO dia kata kita tentang BN ini bukan kerana nama dia UMNO, bukan nama dia BN tetapi kita tentang UMNO-BN ni kerana UMNO-BN ini mengekalkan undang-undang perlembagaan penjajah, undang-undang kafir, maka kalau kita berlawan dengan kita jihad, kalau mati kitapun mati Syahid. Pasal apa dia lawan UMNO-BN, UMNO mengekalkan perlembagaan penjajah, seolah-olahnnya

kita ini keluar boleh lawan kita kerana kita ini penjajah. Tapi semenjak berpakat dengan DAP-PKR dalam Buku Jingga, PAS jugak yang mengatakan bahawa kita mengekalkan akan tadbir mengikut perlembagaan yang ada. Apa benda ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lalan sekali lagi Yang Dipertua. Terima kasih Wakil Tepoh. Bersetuju atau tidak kalau saya beri pandangan dalam Dewan yang mulia ini kita mintak oleh kerana masalah perpecahan ini bermula daripada PAS, kita mintak Wakil Rhu Rendang pergi ke kawasan-kawasan yang masih berlaku perpecahan tersebut menarik balik amanat tersebut, kalau setuju kita mintak keputusan Dewan. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, ke arah yang baik apa benda yang kita tidak setujunya. Kita setuju sangat, lama dah kita mintak dia pergi ni, lama do'oh dah ikat perpaduanlah sebenarnya. Moleklah tu, saya setuju benar terserah kepada Dato' Yang Dipertualah.

Cuma saya nak sebut Dato' Yang Dipertua, bila kait dengan soal isu gabungan dengan DAP-PKR, maka disebutkan jugak keluarlah ayat yang disebutkan tentang soal/kaedah Tahaluf Siyasi iaitu kerjasama politik, boleh nak kerjasama atas nama atau demi untuk politik. Saya nak sebutkan mungkin Tahaluf Siyasi ini boleh kita rujuk kepada ayat yang saya baca tadi dalam Surah Ali Imran iaitu Allah S.W.T. menyebutkan secara jelas kepada kita tentang tidak boleh kita mengambil di kalangan orang-orang kafir untuk menjadi pemimpin ataupun sahabat kita. Ayat ini sebenarnya berbunyi begini (membaca petikan Surah Ali-Imran ayat 28), yang saya baca tadi adalah sebahagian ayat tetapi masa PAS dulu dia tak baca ayat ini menyeluruh, dia baca setakat itu saja, hak dia nak kata ke BN, nak kata ke UMNO. Tapi ayat ini menggambarkan bahawa tak boleh kita ambil orang-orang kafir jadi pemimpin dan jugak untuk menjadi teman dengan meninggalkan orang-orang mukmin yang lain. Barang siapa yang melakukannya, kata Allah, maka dia itu bukan maknanya Allah akan tolak dalam urusan-urusannya takkan diredhai kecuali dia bersatu, berpakat dengan orang kafir tersebut atas tujuan untuk mencari ketakwaan, untuk tujuan takwa atau dalam keadaan takut dia melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan umat Islam, ajaran Islam dari jatuh dan sebagainya boleh nak berpakat dengan sebab nak jaga agama. Inilah yang disebutkan, jadi justeru itu, dalam gabungan yang ada pada hari ini disebutkan Tahaluf Siyasi ketika mana dia nak bergabung dengan DAP, dia menggunakan

Tahaluf Siyasi, ketika mana dia tak pernah bergabung dengan orang lain, masa dia bersendirian dia katakan BN-UMNO ini kafir kerana bergabung dengan orang kafir sedangkan itulah sebenarnya Tahaluf Siyasi. Barisan Nasional/UMNO telahpun buat Tahaluf Siyasi semenjak belum merdeka lagi sebab itu kaedah Tahaluf ini menurut kalangan ulama, antaranya Sheikh Wahab Khalaf, dia menyebutkan bahawa konsep boleh bertahaluf yang pertama sekali, umat Islam itu sedikit, umat Islam boleh Tahaluf dengan orang kafir yang ramai untuk bagi maksud orang kafir yang ramai itu dan orang kafir itu pulak memegang kuasa pemerintahan, kuasa penentu, tujuan bertahaluf adalah untuk menjaga supaya umat Islam dapat hidup dengan baik dan syiar agama dapat dilakukan oleh orang Islam. Tujuannya kalau orang Islam sedikit, orang kafir ramai, orang kafir itu pulak yang jadi ketua, dia pegang tampuk kekuasaan jadi orang Islam boleh nak bekerjasama demi nak jaga agama yang ada sebab ini adalah merupakan *Dharuriyyah alhabsy* maknanya kepentingan yang lima, jaga agama, jaga nyawa. Kalau kita orang Islam sedikit duduk dalam negara orang kafir perintah, kita kena berpakat dengan dia, kena ambil hati supaya kita dapat jaga Islam kita, itulah konsep antara yang boleh Tahaluf. Kemudian umat Islam, kalau umat Islam itu ramai tapi umat lain ada jugak boleh bertahaluf atas dasar berikut; untuk mencari keharmonian hidup dalam masyarakat majmuk, sebagaimana yang kita lakukan. Kita ini ada orang Islam, ada orang Melayu, ada orang Cina, ada orang India dan sebagainya kita bertahaluf, maknanya bekerjasama dah, tujuan kita bekerjasama untuk nak menjaga keharmonian sebab kita ada pelbagai kaum, kalau kita nak perintah sendiri orang Melayu-Islam apa kata orang lain jadi kita bertahaluf, bekerjasama tapi Tahaluf ini mestilah pertama sekali, orang Islam lebih ramai, orang Islam lebih kuat, dia yang sebab nak jaga agama, dia yang kena perintah, kena tadbir agama, orang lain kena ikut dia. Sebagaimana yang kita buat inilah dan umat Islam mestilah kena menjadi kuasa yang dominan, Melayu-Islam itu mesti dominan supaya kerjasama itu tak menggadaikan agama, UMNO adalah dominan. Alhamdulillah, sehingga sekarang ini agama Islam tetap menjadi agama utama, agama rasmi, agama Persekutuan, inilah hasil Tahaluf, kita buat kerjasama. Sebab itu saya nak menjawab tadi soalan yang dikemukakan tadi, antaranya ialah saya nak katakan bahawa pada hari ini kita sebenarnya sudah membuat kerjasama lebih awal tapi UMNO pernah berkerjasama MCA, MIC, kita bekerjasama bukan nak jatuhkan orang, kita bekerjasama adalah untuk nak bangunkan negara, untuk nak memerdekakan negara supaya kita hidup dalam harmoni, kita dapat hidup yang baik tetapi yang dominennya, yang berkuasanya adalah orang Melayu-Islam, yang menjadi pemimpin nombor 1 adalah orang Melayu-Islam sebab nak jaga agama,

hingga sekarangpun orang Melayu-Islam yang mentadbir negara maka agama dapat dijaga. Ini yang berlaku. Kita bergabung bukan nak buat khianat ke orang, kita bergabung bukan nak jatuhkan orang tapi kita bergabung untuk nak cari perdamaian, untuk nak harmoni, nak perintah negara. Tapi apa yang berlaku kepada gabungan PAS, DAP dan jugak PKR, apakah PAS bergabung dengan DAP untuk tujuan agama? Dalam kes ini PAS (Parti Orang Islam) bergabung dengan DAP, parti kafir bahkan boleh disifatkan Harbi, bila bergabung orang Islam dengan orang kafir tujuan bergabung itu untuk apa? Nak jatuhkan Kerajaan yang ada. Siapa Kerajaan yang ada? Kerajaan yang ada adalah Kerajaan Barisan Nasional. Siapa yang dominan dalam Barisan Nasional? UMNO. Siapa UMNO? Orang Melayu. Siapa orang Melayu? Orang Islam. Maka PAS bergabung dengan DAP, orang kafir nak jatuhkan Kerajaan Melayu-Islam yang berkuasa maka apa hukum di sini? Apakah hukum di sini bergabung dengan orang kafir nak jatuhkan Kerajaan Islam yang telah memerintah? Bergabung untuk nak menjatuhkan orang. UMNO bergabung dengan MCA bukan nak menjatuhkan orang, nak bangunkan negara, nak harmoni tetapi mereka bergabung untuk nak menjatuhkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Tahun 1999 hingga 2004, PAS perintah, katanya Barisan takmboh jatuh tapi macam mana yang jatuh tu tahun 1999 – 2004 yang jatuh tu guana, kita Kerajaan masa itukan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Bukan jatuh tapi orang tak percaya dah ke demo, orang toksir, orang serik doh weh, masihkah kau ingat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kerja buat siapa? Barisan Nasionalkan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Bakpe yang jadi rasa gitu tu? Kena batang hidunglah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulunglah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Okey Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sebab itu ada bab-bab ini ada satu cerita tu baru lagilah, bila banyak-banyak bendera Dato' Yang Dipertua, ada orang naikkan

bendera PAS, bendera PKR pun naik juga, lepas itu tak tahulah macam mana orang ni pergi buat naik juga bendera DAP sama-sama dengan bendera PAS dan jugak PKR, orang-orang PAS marah, dia tak beri bendera DAP itu buat naik, ini sudah rasa pelik, maknanya nak khabor orang-orang kampungpun rasa tak boleh nak telan air liur bila PAS gabung dengan DAP ni, nampak orang bawah tu tak berkenan tu, tak berapa berkenan gabung-gabung gitu kalau bergabung dengan PKR boleh tahan jugak. Saya takmboh kata mungkin orang lain boleh ulas bab DAP ni, hak kita tahu dah do'oh lalu. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau mengambil kaedah Usul Feqah, Wakil Rhu Rendang dan lain-lain kita boleh bincang sebenarnya perkara ini, Kaedah Darul Maafasiq Muqaddam Al-Jamabil Musolih, menolak berlakunya suatu kerosakan hendaklah diutamakan buat dulu untuk nak mencari kebaikan, mencari masalah. Dalam bab ini memang saya nampak ada masalahnya tetapi gabungan itu lebih banyak membawa kepada kerosakan, kerosakan kepada Islam dan sebagainya. Sebab itulah saya katakan menolak gabungan yang ada pada hari ini, rakyat Malaysia, rakyat Terengganu menolak gabungan yang ada atas nama PAS dan jugak DAP .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Buah akhir ni, buah akhir ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak mintak sikit aje Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam mintak boleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sepanjang saya bahas ini jadi acap dah .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya nak mintak penjelasan boleh tak?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya nak perhabis dah, nak perhabis dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sebelum perhabislah tu nak mintak penjelasan ni.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hah! Ambillah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Dipertua. Payahnya nak beri peluang. Saya begininya Dato' Yang Dipertua, Wakil Tepoh kawan saya ini dia duk sebut pasal bergabung, bergabung, bergabung. Bilanya kita bergabung? Kita hanya berpakat, namapun Pakatan. Masalah sekarang ni, ahli UMNO, pemimpin UMNO masuk terus DAP, masuk DAP sekarang ni. Jadi biarlah guna istilah yang betul, bercakap biar rasional, jangan gok duk main cakap 'gabung', 'gabung'. Jadi benda tu gabung lain, pakat lain.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Okey, saya fahamlah tu. Panas telinga weh. Dia pusing ikut tu pulak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukannya pusing.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Eh! Pakat tu pakatlah, pakat duk buat hak dok molek, pakat jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa benda hak dok molek kita pakat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Pakat dah tu. Saya nak perhabis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Memang saya tahu dah bila saya cakap bab ini memang dia panas.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Siapa dia panas?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Puak-puak demolah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bila kita panas?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Kita relaks, tenang aje takdok apa-apa masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Inilah sebab itu saya katakan bahawa gabungan-gabungan, pakatan seumpama ini perlu jugak dilihat dan dinilai. Gabungan dan pakatan ini boleh membawa kerosakan yang lebih besar kepada Islam dan Melayu itu sendiri sebenarnya. Sebab itulah sebenarnya langkah rakyat kalau dalam erti kata menolak pakatan ini adalah merupakan rakyat mengambil Kaedah Darul Maafasiq Muqaddam Al-Jamabil Musolih.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu jugaklah sebab itu saya nak katakan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tutuplah Yang Berhormat, ayat akhirilah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Bila berlaku Tahaluf ini macam-macamlah ..... banyak lagi tu tapi tak apalah saya ambil buah-buah yang akhir saja Dato' Yang Dipertua. Bila begitu berlakulah kecelaruan yang cukup banyak dalam Parti PAS itu sendiri. Pada hari ini PAS tidak banyak bersuara dalam isu-isu yang timbul kalau adapun lebih bersifat pandangan peribadi, tokoh-tokoh ulama sudah mula hilang, suara-suara seperti Dato' Harun Din, Dato' Ismail Kamus sudah mula hilang sebab mereka ini antara orang-orang yang tak suka dengan pakatan-pakatan ini sebenarnya. 'Membangun Bersama Ulama' sudah mula tiada, pemimpin-pemimpin baru yang lahir bukan kalangan ulama agama tapi lebih kepada profesional. Timbalan Presiden PAS pun orangnya bila disebut tentang soal diletak kalungan bunga kepada gambar pemimpin utama negara, dia

kata: "Saya tak tahu benda ini kena tanya orang agama." Nak khabor dia tu bukan tokoh ulama. Naib Presiden ketiga-tiga pun bukan tokoh ulama. Pasal apa orang ini naik? Kerana orang ini lebih mudah berpakat dengan Lim Kit Siang, jenis tak berapa pakai jubah ini mudah sikit berkawan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Lalan Yang Dipertua. *Buah Gharib*. Terima kasih Yang Dipertua. Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu, ulama kot?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya takmbah sebutlah tu. Kemudian pergerakan PAS semakin bercampur aduk dengan unsur-unsur tidak Syari'e, berarak hak Bersih, ada ke munasabah dia berarak di belakang orang perempuan, Ambiga .... tak munasabah. Dah tak berapa Syari'e dah, dulu duk cerita Syari'e .... Syari'ie. PAS tidak konsisten dalam pelaksanaan Hudud. Bila bercakap dengan sama-sama kita orang Melayu-Islam, duk cakap pasal Hudud, bila bercakap Hudud terbit pulak di Kelantan kata nak laksana. Tubuh Jawatankuasa Teknikal Hudud di Kelantan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua pada bulan 10 tahun lepas Jawatankuasa Teknikal tubuh balik hingga bulan 4 sekarang ini mesyuarat sekali habuk pun tak buat lagi, apa benda ni? Dah masuk 7 bulan tak buat mesyuarat lagi, katanya Timbalan Menteri Besar yang sepatut mengengerusinya dia banyak kerja tak boleh. Allah! Hudud yang lebih besarkan?

Begitu juga Dokumen Negara Islam, duduk di mana dah? Dan sesungguhnya kewajipan menegakkan Negara Islam adalah sama penting dengan kewajipan melaksanakan ibadah-ibadah wajib yang lain berpandukan kepada Kaedah Fiqh yang maaruf. Jadi dalam keadaan ini tiba-tiba keluar Negara Berkebajikan. Negara Islam duduk di mana? Semua itu terbit kerana nak ambil hati DAP, dah kalau betul nak jaga, kekallah Negara Islam, berjuanglah atas Negara Islam, pasal tukar kepada Negara Berkebajikan? Kerana nak ambil hati DAP, perjuangan apa begitu. Kemudian PAS tidak lagi dipimpin, saya sebut dah. PAS sanggup tukar dasar, saya sebut dah. PAS sanggup pecat keahlian, dipecat ahli pemimpin utama, kesian Dato' Hassan Ali, dia bukannya buat benda dok molek, dia berjuang untuk molek tapi dah kerana benda yang dia buat itu nampak berlawanan do'oh dengan PKR, dengan DAP, dipecatnya. Jarang sejarah PAS pecat orang-orang besar macam ini. Kesian Dato' Hassan Ali, kesian .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ambillah mu nak.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Mujur baru.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah kesian sangat, ambillah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Di Pulau Pinang, YDP Majlis Agama Islam Pulau Pinang hingga hari inipun kelam kabut lagi Dato' Yang Dipertua. Sepatutnya seorang Wakil Rakyat PAS sepatutnya dulu lagi dah boleh jadi YDP, Dato' Salleh Man seorang Presiden maknanya Penasihat Parti Keadilan Rakyat pun khabor kata bila kita menang kita akan beri kepada Dato' Salleh Man tapi hingga lening dok sampai habis dah tempoh Ustaz Alias Zakaria, tiba-tiba naik Exco Agama dia jadi. Lepas itu dia kata kita tersalah hantar nama ke Agong, ada ke dia kata kita tersalah hantar, katanya nak bubuh nama orang lain tapi tersalah bubuh Exco Agama dia. Jadi kita berkira nak menghadap semulalah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, laluan sekali lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Guana weh? Jadi hak tinggi dengan hak rendah ni susah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Ajil, pendek aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa kes Pulau Pinang tersebut PAS telah *dikecek*?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): *Kecek hidup-hidup*. Bukan telah *dikecek* tapi *dikecek hidup-hidup*. Inilah yang berlaku sebenarnya, nampak sangat kecelaruannya. Sebab itulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, amat wajar kita melihat tentang perkara ini dalam sudut kepentingan Melayu-Islam itu sendiri demi agama, bangsa dan negara.

Akhirnya, saya katakan juga Dato' Yang Dipertua bahawa berdasarkan kaedah tadi, saya sanggup untuk mengatakan begini: Menolaknya PAS dalam pilihan raya akan datang adalah merupakan suatu tindakan yang tepat bahkan menjadi syarie demi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara. Ertinya kita perlu mempertahankan Kerajaan yang ada 'Barisan Nasional-UMNO' dan menolak PAS. Wajib kita menolak PAS tetapi kalau PAS keluar daripada Pakatan Rakyat, PAS tidak bergabung, berpakat dengan DAP, saya tarik balik kenyataan ini tetapi selagi PAS berpakat dengan DAP, saya suka katakan bahawa 'Menolak PAS menjadi wajib dalam pilihan raya akan datang.' ...(tepukan sokongan) ....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhirnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua kali akhir dah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ini hak akhir sungguhlah. Saya juga merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di mana dalam Titah Ucapan semalam di muka surat 6 telah menyebutkan tentang soal penubuhan Daerah Kuala Nerus. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan mudah-mudahan apa yang telah dititahkan insyaAllah, penubuhan Daerah Kuala Nerus ini akan menjadi kenyataan pada tahun ini juga. Terima kasih banyak-banyaklah Dato' Seri. Dan alhamdulillah, kelmarin kita telah membuat lawatan ke tapak pusat bandar, Dato' Seri sendiri hadir, ini menampakkan kesungguhan dan ini merupakan hadiah yang cukup besar kepada rakyat Kuala Nerus yang selama ini menginginkan suatu pentadbiran yang lebih efisien, suatu suasana yang perlu maknanya kebajikan mereka dalam suasana perkembangan yang berlaku begitu hebat di sekitar di Kuala Nerus maka perlu ada pentadbirannya sendiri, Pejabat Daerah, Pejabat Agama, Bomba sendiri dan sebagainya. Maka saya kira dalam tahun ini pada saya penduduk-penduduk Kuala Nerus akan merasa cukup bertuah dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas apa yang telahpun dinyatakan ini. Mudah-mudahan realiti sebenarnya daerah Kuala Nerus, pusat bandar itu akan betul-betul berlaku pada tahun ini. Itu harapan kami seluruh warga Kuala Nerus .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang Yang Berhormat, nafas terakhir Yang Berhormat ini panjang sangat ni. Habis Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak apalah, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya menyokong Usul yang dikemukakan oleh Wakil Seberang Takir sebentar tadi. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Batu Burok. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Saya ingin menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Terengganu yang telah berkenan merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu Kedua Belas.

Titah Tuanku menyentuh banyak persoalan umat tetapi kesemuanya berkisar kepada peringatan dan nasihat Tuanku bahawa Ahli-ahli Dewan Negeri tidak terlepas dari tanggungjawab untuk mengangkat agenda rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi bagi menjamin kesejahteraan seluruh negeri Terengganu Darul Iman yang kita sama-sama sayangi ini.

Dato' Yang Dipertua, politik dunia dan politik negara telah berubah. Rakyat tidak mahu lagi mendengar soal-soal yang remeh-temeh. Rakyat mahu mendengar dan meneliti tentang polisi dan dasar-dasar yang dibawa oleh mana-mana parti-parti politik dan calon-calon menjelang Pilihan Raya Umum Yang Ketiga Belas yang akan datang. Generasi muda yang ada di negara kita sekarang ini tidak mahu lagi mendengar perkara-perkara yang dengan izin, *substandard*. Kita mahu berbahas di Dewan ini soal polisi, kita mahu mendengar dan bersoal jawab di Dewan yang mulia ini soal *Good Governance* dengan izin. Soal bagaimana kita boleh menyelesaikan salah urus dan salah tadbir dalam setiap pemerintahan. Bagaimana kita menyelesaikan masalah rasuah dan salah guna kuasa dan bagaimana kita dapat mencari jalan untuk kita menyelesaikan persoalan kemiskinan yang ada bagi rakyat di negeri Terengganu. Dato' Yang Dipertua, negeri Terengganu terkenal dengan kesantunan budaya serta hasil mashul minyak dan sumber gas yang

dianggap cukup penting. Kita sedar bahawa 90% hasil negeri bergantung kepada industri minyak dan gas. Negeri ini menerima wang royalti secara langsung bernilai lebih RM25 bilion selama hampir 30 tahun. Bagi negeri Terengganu, setiap tahun ia mencatatkan bajet tertinggi di seluruh Semenanjung dengan Belanjawan Tahunan lebih daripada RM2 bilion setiap tahun sejak dari tahun 2008 hingga sekarang. Secara rasional dan logiknya negeri Terengganu yang kaya dengan hasil minyak dan sumber gas yang diperolehi sepatutnya sudah dapat memastikan kemakmuran dan kekayaan terhasil dikecapi oleh setiap lapisan masyarakat. Begitu juga dengan kedudukan kemiskinan yang ada di negeri yang sepatutnya sudah lama kita dapat atasi. Malangnya ini semua masih lagi gagal dan terbantut akibat pengurusan Kerajaan Negeri yang tempang dan tidak mendahului kepentingan rakyat ramai. Negeri Terengganu masih mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi dan rakyatnya miskin kebanyakannya bergantung kepada subsidi, kepada wang ehsan, walaupun pendapatan perkapita Terengganu adalah yang kedua tertinggi di Semenanjung Malaysia.

Dato' Yang Dipertua, sepanjang 4 tahun Terengganu di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dewan ini telahpun meluluskan Bajet melebihi RM8 bilion, dalam bahasa yang mudah dengan izin, *with a spending of more than RM8 billion for the past four years, we can do wonders to the rakyat of Terengganu.* Dengan perbelanjaan lebih daripada RM8,000 juta selama 4 tahun, kita boleh memberikan sesuatu yang terbaik untuk seluruh rakyat Terengganu. Dengan perbelanjaan ini sepatutnya kepimpinan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sudah dapat memastikan kemakmuran dan kekayaan terhasil dikecapi oleh setiap lapisan rakyat. Dengan perbelanjaan lebih dari RM8 bilion ini sepatutnya sudah lama dapat merapatkan jurang antara yang kaya dan yang miskin serta mengatasi ketidakseimbangan perbelanjaan tahunan. Tapi malangnya ini gagal dan terbantut akibat pengurusan yang tempang, ketirisan yang nyata dan salah urus yang tidak mendahului kepentingan rakyat. Apa tidaknya, apabila Wang Royalti sejumlah lebih dari RM17 bilion sepanjang 10 tahun terakhir ini sepatutnya kita urus secara mampan dan telus. Dato' Yang Dipertua, apa relevannya hasil yang besar ini kepada rakyat Terengganu? Sedangkan rakyat marhain yang miskin di bandar-bandar kini menjadi pelarian di negeri sendiri. Kenapakah dengan hasil yang sebanyak ini masih terlalu ramai petani, nelayan, pengayuh beca, yang hidup kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang. Kenapakah dan sampai bilakah budaya subsidi dengan Dana Khas dan Bantuan Kemiskinan, Bantuan Hari Raya, Bantuan Atap Biru dan Bumbung akan terus

dipancing kepada rakyat Terengganu yang rata-rata miskin. Dan siapakah yang akan memantau ketelusan perjalanan projek-projek mega yang ada di negeri ini seperti sebagai contohnya kegagalan Stadium Sultan Mizan yang bernilai hampir RM300 juta. Dan kini kelewatan LPT 2 yang mencecah lebih daripada RM4,000 juta. Begitu jugak dengan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir yang dijangka mencecah lebih daripada RM300 juta, begitu juga dengan Zoo di Bukit Takal, Kemaman yang mencecah hampir RM100 juta. Apakah tidak perlu lagi diwujudkan KPI bagi setiap perbelanjaan projek pembangunan negeri dengan berbelanja sewenang-wenangnya tanpa rasa tanggungjawab akibat persengkokolan jijik politikus yang rakus dan segelintir, saya ulang, segelintir penjawat awam yang tidak bermaruah.

Dato' Yang Dipertua, status terakhir Stadium Sultan Mizan yang runtuh sebagaimana yang telah disebut di Dewan yang mulia pada pagi tadi, kes kecurian yang berlaku di Stadium Sultan Mizan adalah suatu yang amat-amat memalukan kita, bayangkanlah stadium yang bernilai hampir RM300 juta ini telah hampir 3 tahun ianya mengalami keruntuhan tidak dapat dibaiki. Tidak cukup dengan itu kita membayar RM1.2 juta setahun untuk keselamatan dengan adanya 30 Pengawal tetapi masih berlaku kecurian. Amaunnya, jumlahnya tidak penting RM50 juta ke, RM5 juta ataupun RM5,000 ke tetapi yang penting adalah bagaimana kita menguruskan sebuah stadium yang bernilai RM300 juta ini dengan berlakunya perkara-perkara yang amat-amat memalukan.

Dato' Yang Dipertua, isu NFC mendapat perhatian ramai selepas Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2010 yang dibentangkan di Parlimen. Nilai NFC RM250 juta dan ianya menjadi isu besar apabila diseret suami kepada seorang Menteri Kabinet Pusat ke mahkamah. Sementara itu dalam kes Stadium Sultan Mizan Kuala Terengganu yang runtuh pada 2 Jun 2009 sehingga kini hanya seorang Jurutera Perunding yang boleh kita anggap sebagai bilis kecil yang bernama Wan Manan Wan Ali telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu. Beliau didakwa atas tuduhan menipu dan berpura-pura bertindak sebagai pemeriksa yang diiktiraf mengeluarkan dokumen mengenai sistem teras bumbung utama dan kerja yang berkaitan dengannya. Isu Stadium Sultan Mizan yang dianggap tercanggih di seluruh negara ini suatu yang cukup-cukup penting kepada kita, nilainya lebih besar daripada NFC tetapi projek mega yang gagal ini dan sehingga kini telah lebih 3 tahun tidak dapat diperbaiki walaupun telah ada satu Jawatankuasa Khas Penyiasat ditubuhkan oleh Kementerian Kerja Raya dan telah dilaporkan kepada

Jawatankuasa Kira-Kira wang Negara (PAC) di bawah Parlimen telah ada beberapa cadangan-cadangan awal dari segi *safety* dan keselamatan yang ada di stadium ini kita telah berbelanja lagi untuk mencari seorang konsultan ataupun Jurutera Perunding untuk memberikan nasihat kepada Kerajaan Negeri. Namun sehingga kini rakyat Terengganu masih tertanya-tanya walaupun begitu banyak laporan Polis dan laporan kepada SPRM, hanya seorang Jurutera Perunding yang dianggap bilis ini telah diseret ke mahkamah. Jerung-jerung besar yang telah mengaut laba berganda dalam projek pembinaan stadium yang bernilai hampir RM300 juta ini masih lagi bebas, malahan mereka berpoya-poya dengan keuntungan yang mereka dapat. Ramai yang tertanya-tanya Dato' Yang Dipertua, di manakah hasil laporan terperinci oleh pihak SPRM setelah hampir 3 tahun menjalankan siasatan rapi, apakah tidak ada langsung elemen rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam skandal yang sebesar ini dan kenapakah laporan yang dibuat oleh pihak JKR kepada PAC tidak diambil tindakan oleh pihak SPRM ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Oleh kerana Wakil Batu Burok mendedahkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini ada satu jerung kecil yang ditangkap yang dibawa kemuka pengadilan, didakwa tetapi masih banyak terdapat jerung-jerung besar, jadi saya berharap sekiranya ada bukti daripada Wakil Batu Burok, kemukakanlah kepada SPRM supaya jerung-jerung ini diseret sama. Kita tak hendak ini merupakan satu fitnah, satu pembohongan, satu pernyataan berasas kepada spekulasi semata-mata. Berjumpalah dengan pihak SPRM dan katakan siapakah mereka itu. Saya juga ingin melihat mereka ini dibawa ke muka pengadilan. Ini seolah-olah mencabar kewibawaan SPRM, seolah-olah SPRM tidak telus dalam siasatan hanya membawa ikan bilis tetapi tidak dibawa ikan jerung. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, sekurang-kurangnya dalam proses Projek Lembu NFC setelah diasak dengan laporan kepada pihak Polis dan SPRM serta berbagai pendedahan ada individu besar yang dibawa ke mahkamah. Berbeza dengan kes skandal Sultan Mizan walaupun semua punca keruntuhan telah dikenal pasti oleh pihak Kementerian Kerja Raya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok, tolong betulkan ayat Yang Berhormat, skandal apa tadi?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Skandal Sultan ..... Skandal Stadium Sultan Mizan, minta maaf. Walaupun semua punca keruntuhan telah dikenal pasti oleh pihak Kementerian Kerja Raya dan telah ditaklimat kepada PAC namun setelah hampir 3 tahun laporan lengkap ini telah siap kenapakah masih belum ada yang didakwa dan diseret ataupun dibawa ke mahkamah.

Dato' Yang Dipertua, begitu juga dalam isu royalti. Perlu diingat bahawa negeri Terengganu mendapat hasil lebih daripada RM24 bilion sejak 26 tahun yang lalu. Malah antara tahun 2000 hingga 2009, negeri Terengganu menerima royalti lebih daripada RM15.4 bilion. Penjelasan kedudukan royalti minyak kepada Terengganu adalah amat penting bagi kita sebagai pemimpin di Dewan ini dan rakyat kerana telah berlaku suatu pencabulan hak dan boleh menggugat amalan demokrasi negara serta Sistem Federalisme yang menjadi asas penubuhan Malaysia. Bagi saya tindakan untuk kita terus menyepikan dan tidak menjawab persoalan kedudukan royalti minyak untuk negeri Terengganu ini adalah suatu yang tidak tepat dan perlu kepada penjelasan. Semalam kita menerima berita bahawa Terengganu telah menarik balik saman terhadap Kerajaan Persekutuan dan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) berhubung tuntutan pengembalian royalti minyak yang dibuat lebih 10 tahun yang lepas. Saya pun ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apakah penarikan balik saman ini dilakukan selepas Kerajaan Negeri telah menerima surat rasmi daripada Kerajaan Persekutuan berhubung pengembalian semula royalti minyak kepada Terengganu sepertimana yang dijanjikan di dalam Dewan ini pada tahun 2008. Sekiranya sebaliknya berlaku Yang Amat Berhormat Menteri Besar perlu memberi jawapan yang jelas di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang Dipertua, ramai telah melahirkan rasa kecewa dengan tindakan Kerajaan Negeri Terengganu yang bertindak membatalkan serta merta penajaan pendidikan di bawah Yayasan Terengganu kepada 9 pelajar Terengganu yang belajar di Mesir setelah mereka didapati bersalah terlibat dalam Himpunan Aman Bersih di Cairo pada tahun lepas. Tindakan ini adalah suatu tindakan yang tidak matang dan lebih bermotifkan kepada campur tangan politik pemimpin-pemimpin UMNO sendiri. Alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa keputusan menarik balik tajaan atas pelajar-pelajar berkenaan adalah kerana pelajar yang sedang menuntut di sana didapati bersalah kerana terlibat dengan Himpunan Demonstrasi rentetan usaha untuk mendesak pemansuhan Akta

Universiti dan Universiti Kolej dan Bersih 2. Apa yang lebih pelik apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhujah bahawa tindakan pelajar yang terbabit dalam Himpunan Bersih itu sebagai kegiatan yang tidak bermoral yang merugikan mereka sendiri kerana tidak berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan terlibat dengan Perhimpunan Bersih. Bagi saya tindakan ini adalah suatu tindakan yang kebudak-budakan dan perlu kepada pengkajian yang sepenuhnya. Kalaulah 9 orang pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada keluarga yang miskin diambil tindakan yang sedemikian, bagaimana pula kita boleh memberikan biasiswa dan pinjaman kepada individu yang bernama Wan Abdul Muhaimin bin Wan Ahmad, nombor kad pengenalan 900220115939 yang sekarang ini menuntut di Royal College of Surgeon Ireland di bidang perubatan tahun 5 dan Kerajaan Negeri berbelanja RM1,268,170.00. Di mana pelajar ini adalah tidak mencukupi syarat tetapi telah diberikan biasiswa yang sama dengan sekim pelajar cemerlang. Perlu kepada jawapan di Dewan ini bagaimana individu ini boleh mendapat biasiswa dan anak-anak pelajar yang hanya memakai baju Bersih di Cairo, 9 orang yang terdiri daripada keluarga yang miskin telah ditarik biasiswa dan pinjaman mereka. Ini merupakan suatu tindakan yang kejam yang dilakukan.

Dato' Yang Dipertua, pada Persidangan Dewan Parlimen baru-baru ini, Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mendedahkan tentang kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan dalam pembinaan Projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) yang menelan kos RM3.7 bilion. Ia masih tidak dapat digunakan sepenuhnya akibat berlakunya kelewatan yang ketara dan tarikh jangka siap yang sepatutnya pada tahun 2010 telah ditangguhkan kepada 2012 dan 2013. Kerugian tersebut disebabkan terdapat beberapa kontraktor yang sepatutnya disenaraihitamkan dari mendapat tender telah dianugerahkan mendapat tender oleh pihak Kerajaan. Sebelum itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa mengadakan lawatan ke LPT2 menyatakan bahawa banyak faktor yang telah menjejaskan pencapaian LPT ini termasuk mendapan tanah disamping kenaikan harga barang dan kecurian kabel elektrik. Beliau telah mengumumkan bahawa dua kontraktor yang terlibat dalam pembinaan Lebuhraya (LPT2) ini telah menarik diri alasan yang dikemukakan oleh kontraktor tersebut bagi menarik diri adalah berikutan harga bitumen yang merupakan bahan utama bagi kerja-kerja menurap melambung tinggi dan jika mereka teruskan juga kerja-kerja itu mereka akan mengalami kerugian. Kedua-dua kontraktor yang menarik diri adalah GPQ Bukit Puteri dan JV yang merupakan syarikat usahasama antara Kerajaan Negeri dengan syarikat awam yang telah dianugerahkan Pakej 1C dan Pakej 11 manakala Arah

Jitu Sdn. Bhd. mendapat Pakej 8 dan Pakej 9B. Melalui kedua-dua tender anugerah ini GPQ Bukit Puteri JV meraih projek bernilai hampir RM150 juta, dengan Pakej 1C bernilai RM90 juta dan Pakej 11 bernilai RM50 juta, Bukit Puteri JV telah menarik diri dari membina Pakej 1C kerana sehingga April 2009 syarikat tersebut telah gagal mencapai sasaran dan hanya melaksanakan 3.7% kerja dari sasaran 15.1% sebagaimana yang dijadualkan. Namun sebagaimana yang telah dilaporkan di Parlimen kegagalan projek ini adalah suatu pakatan kerjasama, sepatutnya *Financial Procedure* ataupun Prosedur Kewangan itu jelas, mana-mana syarikat yang gagal maka semua anak-anak syarikat itu dikecualikan daripada mendapat tender semula. Akan tetapi ini telah diberikan pengecualian Pakej 8 dianugerah kepada Syarikat Arah Jitu RM80 juta, mansuh November 2009 kemudian ditender semula dan diberikan balik kepada Arah Jitu dengan harga RM76 juta. Ini kontrak apa yang sebegini, ia gagal dan kita anugerahkan semula. Jadi kontraktor yang gagal untuk melaksanakan dua pakej 8B dan 9B dipilih semula dengan harga yang jauh lebih tinggi. Kerajaan juga didapati gagal menuntut kembali bayaran yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat yang gagal menyiapkan projek yang diberikan. Menurut laporan di Parlimen, kontrak 1A dan Pakej 1A yang bernilai RM41 juta telah dianugerahkan kepada Essenvest Sdn. Bhd., dimansuhkan kepada April 2010 setelah membayar RM27.2 juta, ditender semula dan dianugerah kepada Q-Bena dengan harga RM31.1 juta dengan tambahan dana, kontraktor pertama patut membayar gantirugi. Pakej 4 dianugerah kepada KOBENA Corporation dengan harga RM61 juta, gagal lagi disiapkan dan diberi kepada syarikat baru dalam Pakej 3.

Dato' Yang Dipertua, memang menjadi etika setiap penjawat awam dalam sistem .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau boleh saya nak tambah sikit sebelum pergi kepada tajuk lain. Saya akan bercakap jugak tapi oleh kerana rakan saya Batu Burok tadi menyebut berhubung dengan kes LPT hak tarik diri lepas itu beri balik, bukan satu pakej tapi sampai dua pakej. Saya buat *search* jugak bila sebut ada beberapa syarikat tadi, salah satunya berhubung dengan kes GPQ Bukit Puteri JV, hak *joint venture* ini. Saya buat *search* dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, saya tengok Bukit Puteri ni yang *joint venture* dengan GPQ, Bukit Puteri nama syarikat ini Bukit Puteri Development Sdn. Bhd., sebelum pada ini nama syarikat ini dulunya nama lain nama dia Namisu Sdn. Bhd., nombor

syarikatnya sekian, sekian, sekian, alamat berdaftar di Lot 242, Tingkat 1, Jalan Haji Husain, Jertih, Besut. Saya *check* lagi tentang profail syarikat ini dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia rupa-rupanya dia ada 4 orang Lembaga Pengarah, dan 2 orang Lembaga Pengarahnya berada dalam Dewan ini. Yang pertama, saya sebut Muhammad Pehimi bin Yusof, alamat 37A, Alur Lintah, Jertih. Yang kedua, Nawi bin Mohamad, alamat Batu 5, Kampung Darau, Jertih. Jadi inilah maknanya dah tak mampu dah tapi beri balik dengan harga kontrak yang ditambah harga kontrak dan inilah yang kita kata kroni tu dan sebabnya rakyat akhirnya rugi, kerja tak siap, kemampuan takdok, pitih baham dahlah tanah dapat, kontrak dapat. Inilah saya sekadar tambahan yang disebut oleh saudara, rakan saya daripada Batu Burok. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, memang menjadi etika setiap *civil servant* atau penjawat awam dalam sistem demokrasi di mana-mana negara sekalipun agar mereka menjalankan tugas secara telus dan beramanah kepada *the government of the day* ataupun Kerajaan yang memerintah. Lebih-lebih lagi mereka diajar agar bersikap neutral dan tidak berpihak apabila melaksanakan tugas mereka di semua peringkat. Dalam menjalankan tugas, mereka diajar menghindari sebarang salah guna kuasa dan rasuah, begitu jugak apabila membuat sesuatu keputusan, mereka tidak boleh mendiskriminasi rakyat kerana semata-mata berbeza fahaman politik ataupun parti. Namun yang lebih penting mana-mana Kerajaan yang memerintah tidak boleh sesekali memaksa mana-mana *civil servant* ataupun penjawat awam untuk menyokong dan mengundi mereka dalam pilihan raya, penjawat awam mempunyai hak dan kebebasan untuk memilih mana-mana parti dan wakil rakyat yang boleh diyakini dan boleh memimpin menjadi Kerajaan. Ini adalah hak berpolitik mereka yang tidak boleh diganggu gugat oleh mana-mana pihak termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Cuma di negeri Terengganu Darul Iman ini timbul persoalan yang besar, apakah penjawat awam yang dilantik oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional sahaja yang diminta untuk menjalankan tugas secara telus dan beramanah, bagaimana pula dengan pemimpin-pemimpin yang telah diberikan amanah untuk memimpin Kerajaan Terengganu dan dilantik oleh rakyat setiap 4 atau 5 tahun melalui peti undi dan pilihan raya. Apakah mereka juga tidak terlepas daripada menjalankan tugas dengan telus dan beramanah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Di negeri Terengganu semua kalangan termasuk penjawat awam sendiri kini sedang menilai dengan teliti corak kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Kerajaan yang memerintah. Apakah rakyat dan penjawat awam yang berkhidmat sekarang sudah merasa berpuas hati dengan cara pemerintahan dan melaksanakan pentadbiran dan arahan di negeri ini dan apakah dasar pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri, apakah ia benar-benar berkonsepkan merakyatkan pentadbiran dan membela rakyat Terengganu yang rata-rata hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Saya yakin penjawat awam di negeri Terengganu dapat membuat pertimbangan yang jelas, prestasi dan legasi kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan yang ada sekarang ini. Walaupun Terengganu diwarwarkan dengan projek pembangunan baru namun keuntungan sebenarnya dinikmati bukan kepada golongan rakyat bawahan yang rata-rata miskin dan hidup bergantung kepada subsidi sebaliknya ianya banyak mengalir kepada kroni-kroni yang berkepentingan. Lihat sahajalah tender-tender pemberian hasil balak, sumber perhutanan ia dianggap sebagai anugerah kepada kroni yang setia dan bukannya amanah yang patut dijaga dengan baik. Begitu juga dengan pembangunan yang tempang yang hanya mementingkan untung semata-mata yang mengakibatkan satu demi satu perkampungan tradisi orang-orang Melayu di bandar Kuala Terengganu ini seperti di Tanjung, Paya Keladi, Ladang dan kini Cabang Tiga hilang dengan sekelip mata, ini yang berlaku. Rasuah dan salah tadbir telah mengakibatkan Stadium Sultan Mizan yang bernilai hampir RM300 juta runtuh dan tidak dapat digunakan. Begitu juga dengan perbelanjaan yang terlalu bobrok dan terus berbelanja mewah dan besar dengan bajet lebih daripada RM2 bilion setiap tahun serta projek-projek yang tidak menguntungkan.

Dato' Yang Dipertua, sebagai contoh yang spesifik adalah Projek Bebas Cukai di Kenyir yang bernilai lebih daripada RM300 juta. Projek Bebas Cukai ini adalah dianggap sebagai *a pet project* di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebuah syarikat yang bernama Rimbun Tekad pada 23hb. Mac, pihak Jabatan Kerja Raya Terengganu telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Yang Tidak Siap (*Certificate of Non Completion*) kepada Syarikat Rimbun Tekad bagi Projek Taman Ilmu. Tapi malang, malangnya beberapa hari selepas pihak Jabatan Kerja Raya mengeluarkan *Certificate of Non Completion* dalam Projek Taman Ilmu ini, Kerajaan Negeri Terengganu telah menganugerahkan Rimbun Tekad Premix ini kerja-kerja membina dan menyiapkan Bangunan Terminal Utama, Jeti Servis Dan

Kerja Berkaitan Untuk Pembangunan Kenyir Trade Center di Pulau Bayas, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu nilainya RM70,993,030.30 sahaja. RM70 juta lebih telah dianugerahkan dalam beberapa hari sahaja selepas pihak Jabatan Kerja Raya mengeluarkan *a Certificate of Non Completion*. Dato' Yang Dipertua, inilah persoalan yang perlu dan dilihat dan bagi kita rakyat menjadi penentu setiap 4 ataupun 5 tahun. Pilihan raya dan demokrasi jugalah yang akan menentukan siapa dan parti mana yang akan memegang tampuk pemerintahan. Terengganu Darul Iman bukan sahaja kaya dengan budaya tapi kaya dengan hasil mashul yang ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya yakin setiap penjawat awam yang mempunyai sifat terpuji seperti amanah, tekun dan senantiasa berkhidmat untuk masyarakat tidak akan menyokong dan memilih mana-mana parti dan mana-mana calon yang tidak amanah, angkuh, bobrok, rakus dan rasuah dalam menjalankan tugas mereka.

Dato' Yang Dipertua, sebagai penutupnya, Saya yakin rakyat akan terus bangun dan membuat perubahan bagi menghadapi pilihan raya kita rasa-rasanya adalah sidang Dewan yang terakhir. Saya mengucapkan selamat kepada rakan-rakan saya di semua pihak tetapi biarlah kita berlawan di gelanggang politik ini dengan dasar dan politik. Tawaran kita kepada seluruh rakyat negeri Terengganu, kita menang kita akan turunkan harga minyak, kita menang kita akan turunkan kadar elektrik, kita menang kita akan berikan gaji minima kepada kakitangan Kerajaan dan swasta sebanyak RM1,100 sebagai minima, kita menang kita akan hapuskan Pinjaman PTPTN dan mengembalikan kepada biasiswa dan dermasiswa. Dan bagi rakyat Terengganu secara khusus kita menang royalti minyak bukan lagi 5% tetapi royalti minyak kepada Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri lain akan ditingkatkan kepada 20%. Dato' Yang Dipertua, saya yakin rakyat Terengganu .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ... akan melaksanakan tuntutan yang akhir bagi menghadapi pilihan raya ini dan pilihan yang bijak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... dalam era bermaklumat ini, saya yakin rakyat Terengganu akan membuat perubahan yang besar. Sila kalau diizinkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sebelum ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pernah mendengar semasa saya menjadi Pegawai Kerajaan, dalam Dewan yang mulia ini juga pernah Wakil Batu Burok pada ketika itu menggambarkan Kerajaan yang memerintah kalau tak silap saya dalam tahun 1997, 1998, 1999 sebagai Kerajaan yang bodoh kerana tidak menuntut royalti sehingga 20% dan hanya menerima 5% sahaja. Jadi pada hari ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pun tak berapa faham, kalau rakyat Terengganu sebelum ini telah tertipu pada tahun 1999 dengan memberikan mandat kepada Kerajaan PAS untuk berkuasa tetapi apabila mereka memerintah jangankan nak kata 20% malah yang 5% telah ditarik balik oleh pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan PAS pada masa itu tidak mampu berbuat apa-apa kecuali hanya turun ke gelanggang berjumpa rakyat ..."Oh, Kerajaan UMNO merampas, merompak royalti." Itu saja. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya harap seluruh rakyat Terengganu celik mata, masiakah kita ingat apa yang berlaku ketika mereka memerintah, nescaya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau PAS memerintah jangankan nak kata 5% bahkan 1% atau 2% pun mungkin tak mampu rakyat Terengganu kecapi hasil royalti petroleum Terengganu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Akhirlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebagai akhirnya, sebagaimana yang saya sebutkan tadi politik dan lanskap politik negara telah berubah. Kita akan menghadapi pilihan raya dan saya yakin rakyat akan membuat penilaian apa yang mendasari setiap parti dan calon-

calon dalam pilihan raya yang akan datang di peringkat negeri, di peringkat pusat biarlah kita bertarung di atas gelanggang demokrasi ini *at a level plain field*, di atas laras padang yang sama. Biarlah rakyat menilai dengan demokrasi dan pilihan raya ini dengan penilaian yang terbaik bagi mereka untuk membuat pilihan. Tawaran kita adalah jelas, menang Putrajaya, royalti minyak Terengganu akan naik kepada 20%. Adalah jelas menang Putrajaya, PTPTN kita akan hapuskan dan mengembalikan biasiswa dan dermasiswa. Menang Putrajaya, kita akan tutup ruang-ruang rasuah yang selama ini terlalu banyak diberikan kepada kroni-kroni yang berkepentingan. Menang sahaja Putrajaya, kita akan mengembalikan hak rakyat dari segi kebebasan media, menghapuskan ISA, menghapuskan segala akta-akta yang mencengkam dan menakutkan rakyat. Sekian, wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Saya jemput Yang Berhormat yang mana nak berucap. Sila Yang Berhormat, Yang Berhormat yang ingin berucap. ....[menunggu seketika].... Tidak ada? Kita gulunglah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, saya jemput Kuala Besut untuk gulung. Sila Kuala Besut. Saya dah buat tawaran untuk berucap tadi, tidak ada. Sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini perkara mustahak dalam Dewan jangan duk main. Kita ada ramai lagi nak bercakap, saya pun tak bercakap lagi. Jadi nak main gulung, gulung, nak main jenis perangkap samar sokmo, tak jadi begini Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk kejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempengerusikan mesyuarat, saya ikut peraturan, saya telah membuat tawaran kepada Yang Berhormat untuk sambung berucap, kita ada masa lagi. Bila dah tawaran dibuat beberapa kali, tidak ada, saya tidak mahu menanggungkan mesyuarat dengan keadaan begini. Jadi saya meneruskan agenda mesyuarat dengan seterusnya penggulungan dari pihak Kerajaan. Saya rasa tidak ada permainan,kita dengan Batu Burok tadi dengan

semangat beliau, saya tak tahu betul ke tidak betul. Ini pihak Kerajaan kena jawab. Sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut):  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Jadi saya mengambil peluang di sini juga untuk bersama-sama merakamkan dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kerana menyampaikan Titah Diraja. Cuma di dalam Titah tersebut apa yang dapat saya sentuh adalah mengenai perkara yang juga disebut oleh Wakil Tepoh iaitu mengenai perpaduan. Dan saya melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional di peringkat negeri Terengganu, kita melalui jabatan telah melakukan berbagai-bagai program transformasi terutamanya melalui Program Transformasi Rukun Tetangga, Program SRS, TBK Perpaduan, Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Mediasi Komuniti dan program-program pendidikan. Kita juga mengadakan sambutan Minggu Perpaduan, koir-koir lagu patriotik, Debat Perpaduan, lawatan-lawatan integrasi di mana program-program kemasyarakatan juga telah kita adakan di setiap pelosok di dalam negeri dalam memastikan perpaduan rakyat khususnya di negeri Terengganu ini di tahap yang optima sekali. Suka saya memaklumkan bahawa di dalam negeri Terengganu sehingga kini kita mendapati 356 kawasan Rukun Tetangga yang telah dijadikan sebagai platform kepada jabatan kita untuk memastikan kita dapat memupuk semangat perpaduan sehingga ke peringkat akar umbi. Itulah yang dapat saya sentuh dari segi perpaduan di dalam negeri Terengganu secara amnya.

Cuma menyentuh kepada Wakil Tepoh yang bertanyakan berkaitan dengan Tabung Kronik tadi dan ada disebut juga mengenai Tabung Kebajikan Sosial Perubatan. Suka saya memaklumkan kepada Dewan bahawa semenjak dari tahun 2007 sehingga 2011, setelah Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM10 juta di bawah Tabung Sosial Perubatan ini. Dan daripada tempoh 5 tahun tersebut kita telah meluluskan seramai 3,857 permohonan-permohonan alat-alat dan bantuan-bantuan kewangan kepada rakyat negeri Terengganu. Untuk tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menambah sebanyak RM2 juta peruntukan di bawah tabung ini dan sehingga April 2012 kita telah meluluskan sebanyak 122 permohonan

bantuan melalui Tabung Kebajikan Sosial Perubatan ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM374,400. Jadi itulah sedikit makluman yang saya dapat maklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Jadi saya mohon menyokong Usul Menjujung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sikit. Ini kira takdok beri peluang dah ini untuk bercakap ni, pakai gulung teruslah ni? Saya ni sebeb ni ....(sambil menunjukkan dokumen yang dibawa) .... Banyak benda ni pasal kita kalau nak bubar dah, nak pilihan raya dah tak apa, macam esok nak bubar dah.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi kalau boleh biarlah diberi kesempatan, berlaku adil .....

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima notis daripada Yang Berhormat Wakaf Mempelam untuk berucap esok, saya terima secara lisan, saya kata okey Yang Berhormat tetapi saya tidak boleh menangguhkan atau mepengerusikan mesyuarat dengan tiada ahli yang berucap. Ini kaedahnya, maksudnya dah putus dan untuk besok tu sepatutnya Yang Berhormat agihkan kepada ahli-ahli yang lain supaya hari ini ada yang berucap, lepas seorang, seorang dan sebagainya. Saya duk ingat Batu Burok tadi macam dah terakhir dah nak pilihan raya dah. Jadi saya buka kepada Backbenchers nampaknya barangkali nak beri kepada pihak Kerajaan.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Tadi Wakil Bukit Payong bangun mungkin Yang Berhormat tak perasan kot, dua kali dia bangun tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak, saya jelas lihat. Tak apalah, ini pengajaran kepada kita kalau sidang kita ini ada lagi makna saya jelas, saya beri peluang kepada Tepoh selama 40 minit, 11.20 pagi sepatutnya habis pada pukul 11.50, tambahan diberi sampai 12.10 tengah hari. Saya beri lagi kepada Batu Burok 12.10 tengah hari, saya tak kacau masa, dia berucap sepatutnya habis 12.30 tengah hari, saya beri sampai 12.42 tengah hari. Lepas itu, Alur Limbat balik sampai 12.47 tadi. Jadi saya catat Yang Berhormat, saya catat apa yang berlaku. Jadi Yang Berhormat tidak boleh katakan saya begitu, tidak ada pakatan, tidak ada apa. Saya mempengerusikan di sini seboleh-bolehnya dengan adil supaya insyaAllah terutamanya pelajar-pelajar, Pemerhati dapat melihat keberkesanan untuk membangun negeri atas peluang yang diberi. Saya minta maaf Yang Berhormat, insyaAllah kita boleh berehat sebentar untuk solat Zuhur dan makan tengah hari. Satu pengumuman untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan Pemerhati sekalian termasuk Ketua-ketua Jabatan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju untuk memberi Jamuan Makan Tengah Hari di Tingkat 18 kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dijemput juga kepada Pemerhati di dataran di luar, jangan seorangpun tidak makan sebab membazir. Kita agak dengan jumlah yang hadir ini saudara-saudara sudah mohon hadir dan dikehendaki hadir supaya tidak membazir makanan kita.

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk penggulungan di sebelah petang saya tangguh dulu mesyuarat kita ini dan kita masuk semula pada pukul 2.30 petang. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.55 TENGAH HARI.

## PUKUL 2.30 PETANG.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan sekalian Persidangan kita diteruskan semula. Bagi meneruskan sesi penggulangan kita pada petang ini, dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Batu Rakit. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillhir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin. Wassalatuwassalamu-alarasulillahi waala-alih wasahbihi ajmain. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan Wakil Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Pembangkang. Para Pemerhati yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan sama ada daripada Jabatan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, seterusnya para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, walaupun kali ini Dewan agak luar biasa, tak ramai yang mengambil bahagian perbahasan pada sesi pagi tadi tetapi dua orang yang berbahas, salah seorang daripadanya Yang Berhormat Tepoh telah menyentuh banyak isu-isu yang berkaitan dengan agama. Maka suka saya teruskan dalam sesi penggulangan ini dengan menjelaskan lagi bahawa Dato' Yang Dipertua sebenarnya apa yang berlaku dalam masyarakat kita, apa yang dialami oleh masyarakat kita sehingga wujudnya perpecahan, Jumaat dalam satu kampung dua masjid, kafir-mengkafir, pulau-memulau dan sebagainya adalah dimulai berpunca daripada ajaran yang difatwakan oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang dalam ceramah-ceramah mereka, yang menjadikan seolah-olah parti mereka itu adalah agama. Sesiapa yang tidak menyokong parti mereka maka dia tidak menyokong agama dan sudah tentulah orang yang tidak menyokong agama ataupun Islam ini dia terkeluar daripada Islam. Pada hal seperti yang saya sebutkan tadi, agama memanglah merangkumi semua aspek kehidupan kita termasuklah berpolitik, termasuklah berniaga, termasuklah hubungan kita lelaki-perempuan dalam perkahwinan dan sebagainya tapi tidak semua urusan kehidupan kita itu agama. Macam yang saya sebutkan tadi 'ayam bertelur tapi tak semua telur itu telur ayam.' Jadi urusan kita semua ada diajar, dipandu oleh agama tetapi tetap ada perkara-perkara yang memang agama dan tetap ada perkara-perkara yang memang ini urusan dunia.

Maka kerana itulah dalam Quran ada ayat mengatakan yang bermaksud: "Apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang membantu mereka membuat perundangan '*minaddin*' dalam perkara agama, '*maalamya'lam bihillah*' yang tidak diizinkan oleh Allah." Maknanya dalam perkara-perkara yang bukan agama ini kita bebas, Dato' Yang Dipertua. Hari ini *traffic light* kita, kalau lampu hijau kita boleh lalu, kalau lampu merah kita kena berhenti. Ini urusan dunia, kalau suatu masa nanti Kerajaan rasa nak tukar lampu merah boleh jalan, lampu hijau kena berhenti tak ada masalah sebab ini urusan dunia tapi kalau ibadat sembahyang, ini urusan agama, serajin mana kita sekalipun, sekuat mana kita sekalipun tak boleh kita nak kata sembahyang Subuh kita kata kita nak buat empat rakaat sebab saya bangun awal, saya kuat. Sebab ini telah ditentukan oleh Allah S.W.T. dan ia adalah isu agama. Maka kerana itulah .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan daripada Kerajaan bahawa dalam kempen-kempen pilihan raya yang dulu-dulu pun sampai ke hari ini pun ada disebut '*Undi PAS Masuk Syurga*', adalah ini ajaran agama?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, inilah yang saya nak masuk dalam perbahasan ataupun penggulungan saya. Saya nak sebutkan di sini akibat daripada agama dipolitikkan, walaupun agama itu merangkumi politik maka wujudlah huru-hara dan perpecahan dalam masyarakat kita. Seperti yang saya sebutkan tadi memanglah semua perkara ini ada tunjuk ajar dalam agama tapi tidak semua perkara itu agama. Telah saya bentang dan saya hurai tadi dengan jelas maka kerana itulah sebenarnya Dato' Yang Dipertua, dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan kita, kita seharusnya mengambil agama sebagai panduan, kita nak berkahwin ini haruslah dilihat dalam pandangan agama, macam mana nak pilih calon isteri, macam mana sepatutnya perkahwinan, macam mana tanggungjawab isteri dan suami. Sebab soal hubungan lelaki dan perempuan ini, ini adalah fitrah yang telah diciptakan untuk manusia, ada orang tak kahwin pun tak apa tapi biasanya orang nak kahwin maka agama mengajar kita macam mana cara perkahwinan dalam Islam sebab itulah hal ehwal perempuan ini Nabi sebut termasuk dalam urusan dunia. Jadi kita tidak boleh mengelirukan masyarakat kita dengan mengatakan bahawa oleh kerana politik ini juga ada tunjuk ajarnya dalam agama maka semua politik itu agama. Jadi kalau kita kata politik ini jangan dibawa ke masjid, isu politik jangan

dibahaskan dalam konteks agama sehingga memecahbelahkan masyarakat. Kita harus faham bahawa ini konteks politik dalam negara kita konteks politik berpartian. Maka sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya selalu sebut, kita selain daripada politik, agama juga mengajar kita berkaitan dengan *muamalat* ataupun jual beli dan sebagainya. Jual beli ini adalah urusan dunia tetapi Allah S.W.T. dalam Al-Quran menceritakan kepada kita tentang jual beli dan konsep jual beli ini. Mestilah ada '*antaradin*' dan sebagainya dihuraikan dengan hadis-hadis pula '*wahallah hulbai'a waharramariba*' maka kerana itulah kalau kita nak mengajar jual beli dalam masjid, ini tak ada masalah, kita nak mengajar jual beli, hukum jual beli, bagaimana seorang peniaga sepatutnya berakhlak, bagaimana kalau kita nak membeli, apa hak kita, apa tanggungjawab kita sebab dalam Al-Quran ada banyak sebut mengenai hak-hak antara satu sama lain dalam pertukaran barang, urusan *muamalat* dan sebagainya, tak boleh kita nak mengurang hak orang, tak boleh kita ambil lebih hak orang. Maka kerana itu kalau kita nak mengajar hal jual beli dalam masjid, ini tidak dihalang tetapi jika kita masuk dalam masjid kita bercakap tentang jual beli, kita buat keluar produk-produk kita, kita kempen dalam masjid: "Kena beli barang saya. Kena beli ini barang bagus. Kalau tuan-tuan beli barang saya, saya untung saya boleh keluar zakat, tuan-tuan boleh pahala. Beli barang saya, saya buat budu cap apa-apa, sekian-sekian, kalau tuan-tuan beli insyaAllah boleh pahala, barang saya bersih, halal apa semua." Ini tidak wajar sebab ini telah memasukkan perdagangan, perniagaan dalam masjid, nak cerita hal niaga boleh tetapi berniaga tidak boleh. Begitu juga nak bercakap tentang politik dalam masjid boleh, kita boleh cerita tentang adab-adab berpolitik dalam Islam, tanggungjawab orang politik, tanggungjawab pemimpin kepada rakyat. Kita boleh bicara tentang perkara ini tapi apabila kita masukkan produk kita, parti politik kita ke dalam masjid, inilah yang merosakkan institusi masjid kita dan inilah yang telah menimbulkan porak peranda dalam masyarakat kita. Dato' Yang Dipertua, sebab itulah apabila politik ini dijadikan bahan dagangan maka dia akan merosakkan masyarakat. Ini bukan benda baru dalam masyarakat kita, sejak daripada awal Islam dulupun kita lihat bagaimana permulaan perpecahan berlaku di kalangan umat Islam adalah kerana kaitannya dengan politik. Apabila berlaku perselisihan di antara Sayyidina Ali dan sahabat-sahabat yang lain, ia juga adalah didasari oleh fahaman politik kerana mereka merasakan mereka hendak membuat lebih baik dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, merujuk kepada apa yang disebut oleh Wakil Jabi tadi. Kempen 'Undi PAS masuk Syurga', inilah di antara kempen-kempen yang kita sebut

sebagai kempen yang menyeleweng daripada agama, kempen yang menyesatkan sehingga orang beranggapan bahawa mengundi ini akan menjamin mereka masuk Syurga walaupun kita dalam agama kita, kita tahu bahawa banyak lagi tuntutan-tuntutan, banyak lagi perkara-perkara yang kita mesti laksanakan. Memang ada hadis sebut apabila kita berbuat sesuatu kita masuk Syurga tetapi inipun dihurai dengan panjang lebar oleh ulama-ulama. Dato' Yang Dipertua, dalam satu hadis Nabi ada sebut yang bermaksud: "Siapa yang akhir kalam dia, dia 'Laailaha-ilallah' dia masuk Syurga." Memang betul, siapa-siapa kalau orang bukan Islam saat akhir dia nak mati dia mengucap 'Laailaha-ilallah', dia masuk Islam memang dia masuk Syurga. Tapi dalam keadaan biasa, orang macam kita, orang Islam kalau dia mati dengan 'Laailaha-ilallah' memanglah ini adalah suatu mati yang baik *husnulqhatimah* tetapi ulama-ulama mengatakan bergantung kepada amalannya jika amalannya baik insyaAllah dia masuk Syurga tetapi jika amalan-amalannya banyak yang rosak misalnya dia tak sembahyang dan sebagainya dia masuk Syurga tetapi masuk Syurga lepas daripada dihukum ke atas kecuaiannya dia mungkin kerana dosa dia tak sembahyang dan sebagainya, maknanya hadis ini 'akhirnya dia masuk Syurga.' Jadi semua amalan kita sebenarnya sebagai orang Islam selagi kita Islam kita akan masuk Syurga, selagi kita Islam, tidak rosak akidah kita, tak rosak amalan kita, kita akan masuk Syurga tetapi bergantung kepada amalan kita. Inilah perkara-perkara yang mesti kita jelaskan, inilah perkara-perkara yang kita sebut sebagai penyelewengan di dalam Parti Pembangkang yang mereka telah buat, mereka kata bila kita berbaik dengan orang bukan Islam kita ada pakatan gabungan dengan MCA, MIC, dia kata ini suatu pakatan yang menyalahi apa yang dituntut oleh agama. Dia kata apa yang kita buat ini bukan *tahaluf siasi* tetapi *wala'* kepada orang bukan Islam. Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu *tahaluf siasi* ini bahasa Arab, dalam bahasa Melayunya *tahaluf siasi* ini maknanya kerjasama politik. *Tahaluf siasi* ini boleh jadi *tahaluf siasi* yang diizinkan oleh agama dan boleh jadi *tahaluf siasi* yang dilarang oleh agama, dia ada dua. Yang diharuskan oleh agama seperti yang disebut oleh Wakil Tepoh yang mencukupi syarat-syarat yang ada untuk masalah yang tidak mengorbankan prinsip-prinsip agama. Kita bekerjasama dengan orang kafir tetapi Islam masih terpelihara. Kita bekerjasama dengan orang bukan Islam, masalah orang Islam terjaga. Kita bekerjasama dengan orang bukan Islam tapi kita boleh menjaga kepentingan dan kita boleh menyekat anasir-anasir yang tidak baik dalam masyarakat kita. Kalau kita bekerjasama dengan orang bukan Islam, kita bekerjasama dengan parti bukan Islam, Yang Dipertua Majlis Agama pun kita tidak boleh nak pegang pada hal inilah satu-satu jawatan yang paling besar dalam sesebuah negeri apa maknanya *wala'*

kita maknanya kita ikut orang bukan kita menguasai orang. Dalam semua negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional kita memegang jawatan-jawatan yang utama tapi kita lihat di Selangor apabila berlaku *tahaluf siasi* yang disebut oleh Wakil Rhu Rendang, dia kata hak dia *tahaluf siasi*, apa yang terjadi di Selangor, arak yang dirampas daripada sebuah kedai pun terpaksa dihantar balik, ini amat memalukan Islam Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah Pembangkang sebenarnya telah menggunakan agama untuk kepentingan mereka, Pembangkang sebenarnya telah memperalatkan Islam untuk kemenangan pilihan raya mereka. Pembangkang bukan memperjuangkan Islam tetapi memperalatkan Islam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ..... semata-mata untuk meraih sokongan. Hari ini apa yang mereka dakwa dahulu telah memakan diri mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, lualan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil, diberi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Kerajaan. Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa pemimpin-pemimpin PAS tidak memahami konsep dan definasi *tahaluf siasi*?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kalau pimpinan hak hari ini macam Timbalan Presiden itu saya rasa memang tak faham sebab dia bukan dari ahli agama. Wakil-wakil pimpinan Pembangkang yang ada hari ini macam Mat Sabu tu memang dia tak faham tapi Presiden dia, Ketua Dewan Ulama dia, saya rasa mereka faham tetapi mereka masih angkuh untuk mengakui kebenaran. Maka kerana itulah mereka sentiasa putarbelitkan isu-isu agama ini demi untuk menunjukkan bahawa mereka memperjuangkan Islam sedangkan pada mereka Islam hanyalah alat.

Dato' Yang Dipertua, banyak lagi perkara-perkara yang boleh kita kemukakan sebagai contoh selain daripada *tahaluf siasi*, dulu mereka mengatakan bahawa

apabila kita memperjuangkan atas nama bangsa mereka kata kita *asabiyah* sedangkan *asabiyah* dalam Islam bukannya kita dihalang untuk sayang dan kasih pada bangsa. Dalam agama kita, kita diberi hak untuk rasa kasih kepada bangsa kita, tanah air kita sebab kita bukan diminta untuk lahir sebagai orang Melayu, takdok seorang pun, kalau kita tanya Wakil Bandar pun, dia pun tak pernah mintak untuk jadi orang Cina tapi itulah yang telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T. maka sebagai orang Cina dia sudah tentu bangga dengan bangsa Cina dia dan kita sebagai orang Melayu sudah tentu kita rasa bangga dengan bangsa Melayu kita. Maka ini adalah hak-hak yang ada pada setiap manusia untuk dia rasa kasih dan bangga dengan bangsa dia. Tetapi jangan sampai kita melewati batas kerana kita sayangkan bangsa kita, kita menganiaya orang lain. Inilah yang dinamakan sebagai *asabiyah*. Maka zaman dahulu oleh kerana nama kita ni Parti Persatuan Melayu maka kita disebut sebagai parti yang memperjuangkan *asabiyah* kita telah dikafirkan dan kita telah dianggap sebagai parti yang memperjuangkan sesuatu yang bertentangan dengan Islam sedangkan disebalik perjuangan kita di sebalik bangsa kita, kita memperjuangkan Islam dalam konteks negara kita orang Melayu dan Islam tidak boleh dipisahkan. Tidak ada dalam negara kita ini orang Melayu yang kafir kerana definasi Perlembagaan kita telah menyebut bahawa orang Melayu ini orang yang berkulit sawo matang, bercakap bahasa Melayu, berbudaya Melayu dan beragama Islam. Maka sudah tentulah kalau orang itu tidak Islam dia bukan bangsa Melayu. Jadi sebab itulah Dato' Yang Dipertua, kerana memeralatkan agama maka dengan mudah mereka menuduh kita sebagai suatu parti yang *asabiyah* dan sebagainya sedangkan Nabi bersabda yang bermaksud: "*Asabiyah-asabiyah* itu ialah kamu membantu saudara kamu, kamu menolong saudara kamu melakukan kezaliman." Dato' Yang Dipertua, kerana mempolitikkan agama inilah masyarakat kita berpecah belah, maka sebab itulah saya sangat bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Wakil Tepoh kalaulah betul-betul Wakil Rhu Rendang (tidak ada dah pada petang ini), sedia untuk menarik balik apa yang dia ucapkan suatu masa dulu, apa yang pernah dia tabur dalam ceramah-ceramahnya dulu, kita sangat menyokong. Dan saya rasa inilah sebaik-baiknya langkah yang dia kena buat sebab dia kena membetulkan apa yang pernah dia kelirukan masyarakat suatu masa dulu. Kita sebagai manusia ini semua orang ada salah, kita sebagai manusia ini takdok orang sempurna, saya mungkin salah tetapi Nabi sebut: "Sebaik-baik orang yang bersalah orang yang bertaubat". Taubat ini Dato' Yang Dipertua, kalau kita dengan Allah S.W.T. kita tak sembahyang ia cukup dengan Allah S.W.T., kita qadha' sembahyang kita, kita sembahyang kita, insyaAllah Allah S.W.T. akan mengampunkan kita tetapi kalau

dosa kita dengan orang lain, kita ambil hak orang lain, kita tipu orang maka dosa kita bukan kita *istiqhafar* seorang dalam rumah kita .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Wakil Kerajaan tadi mengenai hal fatwa. Apabila diikuti fatwa-fatwa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Rhu Rendang dahulu, ramai di kalangan orang Melayu kita mengikuti fatwa sehingga berlaku penceraian, sehingga berlaku sembahyang Jumaat di dua tempat dalam satu kampung, apakah fatwa itu berdosa ke, tak berdosa?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, memang berdosa bila kita bercakap sesuatu yang tidak betul terhadap agama kita atas kapasiti pulak kita sebagai orang yang dipercayai, sebagai ulama dan sebagainya, kita mengelirukan masyarakat, ini sudah tentulah suatu dosa yang besar. Kalau orang jahil buat, dosa dia kerana kejahilan dia, orang yang alim buat dosa dia lebih besar kerana dia tahu kesalahan yang dia buat. Maka sebab itulah kita cadangkan kepada Wakil Pembangkang daripada Rhu Rendang biarlah dia kembali bertaubat mengaku kesilapan-kesilapannya kerana seperti yang saya sebut tadi Dato' Yang Dipertua, kalau kita bersalah dengan Allah S.W.T., kita tak sembahyang, kita tak berpuasa, ini kita dengan Allah S.W.T. kita boleh bertaubat, kita boleh qhada' puasa kita dan kita puasa semula di bulan-bulan Ramadan yang akan datang, hak mana kena bayar fidyah, kita bayar fidyah. Tapi kalau kita berdosa dengan orang lain, kita berdosa kerana kita ambil hak orang lain, kita pernah mencuri hak orang lain, kita kena bertaubat kepada Allah S.W.T. kerana kita melanggar perintah Allah S.W.T. yang melarang kita mencuri tapi dalam masa yang sama jugak kita mestilah meminta halal atau menyerah balik apa yang telah kita curi daripada orang. Maka begitu jugak apa yang telah dibuat oleh Pembangkang, mereka telah mengelirukan masyarakat, sampai hari ini pun masih ramai lagi orang yang berjemaah dua Jumaat dalam satu kampung. Hak yang kita lulus masjid itu pun setengah-setengahnya walaupun dah ada masjid yang diiktiraf oleh Kerajaan tapi giliran Tok Imam dia tak baca khutbah dia lari sembahyang ke masjid lain. Ini menunjukkan bahawa mereka masih lagi belum memahami, belum lagi menghayati, belum lagi diperbetulkan fahaman mereka terhadap hukum-hakam dalam Islam yang menyebabkan mereka masih beranggapan sembahyang di masjid yang tertentu yang telah diiktiraf oleh Kerajaan tak sah dan sebagainya. Maka kerana itulah Dato' Yang Dipertua, kita sangat menyokong kalau Wakil Rhu

Rendang ini sanggup untuk menarik balik, memperbetulkan semula ungkapan-ungkapan, fatwa-fatwa yang telah diceramah, kalau tidak Dato' Yang Dipertua, walaupun hari ini orang tak ramai dah bercakap, walaupun hari ini orang diam, hak dok Sembahyang Jumaat di kampung masih sembahyang di tempat lain dan sebagainya, walaupun tak ketara seperti zaman 80an dan awal 90an dulu tetapi beliau akan tetap menanggung dosa ini, penyelewengan yang telah dibuat terhadap agamanya dan dia kena ingat bahawa ini bukan suatu dosa yang kecil .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pun tak tahulah peraturan boleh ke tak boleh? Boleh tak pada hari ini kita buat usul supaya Wakil Rhu Rendang pergi ke mana-mana DUN untuk menarik balik fatwa dia?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya kena rujuk kepada Dato' Yang Dipertua, tapi kita menyokong jika beliau boleh berbuat demikian dan kita akan menghormati dia kalau dia boleh berbuat demikian. Sebab orang yang kuat dalam agama kita ini bukan orang yang kuat dalam perkelahian, bukan hak menang *gocoh*, kalau panggil saya *gocoh* menang diapun bukan bermakna dia kuat dalam agama. Dalam agama orang yang kuat ialah orang yang boleh *control* diri dia, orang yang boleh kawal diri dia sebab itu Nabi sebut yang bermaksud huraiannya: Nabi kata orang yang kuat ini bukan orang yang boleh kalahkan orang, bukan orang yang boleh *berlepuk* tumbuk orang, orang rebah itu bukan kuat lagi. Orang yang betul-betul kuat ialah orang yang boleh kawal diri dia ketika dia marah. Jadi kalaulah parti Pembangkang boleh kawal diri dia, boleh kawal perasaan dia, mengaku kesalahan dia ataupun membetul semula apa yang dia salah, inilah sebenarnya orang yang betul-betul kuat, inilah sebenarnya orang yang betul-betul *gentleman*, inilah sebenarnya orang yang betul-betul alim, inilah sebenarnya orang yang betul-betul berpegang pada agama. Tapi saya Dato' Yang Dipertua, apa yang mereka salah mereka diamkan, apa yang kalau kita buat salah mereka buka dengan begitu meluas sekali sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya selalu sebut mereka bukan memperjuangkan kebenaran, mereka bukan memperjuangkan Islam, mereka bukan memperjuangkan agama tapi mereka memperjuangkan parti mereka untuk mendapat kuasa dalam negeri dan negara kita. Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya ucap terima kasih kepada wakil-wakil yang telah membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

walaupun tak berapa ramai, saya juga ucap tahniah kepada Dato' Yang Dipertua kerana mengendalikan mesyuarat dan sidang Dewan kita dengan baik. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua para Pemerhati, Ketua-ketua Jabatan yang telah mengikuti Dewan kita dengan penuh teliti. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh sebab kita dah dapat maklum tadi ada dua cadangan Usul daripada Yang Berhormat mengenai perkara yang sama. Kita ada Peraturan 30 ataupun Peraturan Usul biasa jadi Yang Berhormat boleh gunakan mengikut peraturan mengenai soal-soal bagi kepentingan mengikut Peraturan Dewan ini. Jadi saya jemput seterusnya Wakil daripada Rantau Abang. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan yang dihormati.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap terima kasih kebetulan tadi samalah maknanya keadaan yang luar biasa hanya dua orang sahaja yang berbahas Titah Diraja. Dan saya nak ucap terima kasih kepada Wakil Batu Burok kerana ada beberapa perkara antara beberapa perkara yang disebut di dalam ucapannya ada sekurang-kurangnya dua perkara yang ada hubungkait dengan portfolio saya. Satu, ialah tentang stadium. Stadium ini tadipun memang dah ada soalan lisan yang panjang, penjelasanpun saya dah bagi setakat mana yang termampu dan juga soalan bertulis yang saya sebut juga dalam soalan Dewan tadi tentang dapatan daripada kajian integriti yang telah dibuat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Dewan yang sebelum inipun Kerajaan telah menyebutkan bahawa secara dengan izin, *contractually*, apa tindakan-tindakan yang boleh diteruskan melalui kontrak dan terma-terma dalam kontrak itu telah diambil tindakan. Tapi kita jangkakan kalau kata dari segi terma-terma kontrak ini tindakan yang boleh kita ambil kepada kontraktor akan mengambil masa yang panjang dan berkemungkinan juga sampai ke dengan izin, *arbitration* dan sebagainya. Selaku tanggungjawab kita, kita kena teruskan tugas kita termasuklah tadinya melantik konsultan yang mengkaji tentang integriti dan kajian

ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sangat penting kerana kajian integriti ini fokusnya adalah untuk menentukan sama ada struktur stadium itu boleh digunakan atau tidak. Maksudnya Dato' Yang Dipertua, kalau kata tidak boleh, kena robohkan seluruh stadiumlah. Jadi hasil daripada kajian itu sepertimana yang saya sebut beberapa kali sebelum ini dan juga pagi tadi, kajian yang telah dibuat menentukan bahawa asas itu asas (*foundation*) dia boleh, okey dan struktur sebahagian besarnya boleh digunakan dan ada yang perlu diperbaiki. Jadi tindakan susulan, tadi saya sebut 14 perkara daripada perkara-perkara yang akan diambil tindakan. Sekarang ini dalam urusan sivil dan struktur diambil tindakan kemudiannya barulah *mechanical, electrical* dan atap stadium itu. Itu proses yang perlu kita lalui. Jadi dalam proses itu tadi juga disebut pasal ada ikan bilis yang kena apa semua itu, yang itu kita serah kepada pihak yang berwajib Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk dibuat susulan, takut dok bilis doh mo'oh ...(sambil gelak) .... dan seterusnya. Tapi yang nak sebut ni *contractually*, akan mengambil masa yang lama, saya beri pandangan tadi mungkin juga sampai ke *arbitration* dan sebagainya. Dan adapun laporan-laporan ke SPRM yang telahpun dibuat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan soal kecurian Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, Batu Burok mintak laluan.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya satu *specific on the contractual*. Adakah Kerajaan Terengganu memeterai sebarang perjanjian dengan Sowon Pte. Ltd. daripada Korea Selatan yang terlibat dalam pembekal utama bumbung stadium yang berbentuk Space Frame itu. Kalau ada perjanjian, itu satu. Yang kedua, siapa yang menanggung segala kos ini, sama ada Kerajaan Negeri ataupun tiga kontraktor utama iaitu Bina Struktur, Imarcon dan Genggam Mercu Sdn. Bhd., pohon penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut tadi, dia ada terma-terma kontrak yang diserahkan ke pihak Legal, dengan izin dan sebagainya. Dan dia akan melihat dan belum tentunya maknanya kita akan melihat soal kepentingan ialah kepentingan Kerajaan, daripada kontrak itu kita nak menjaga kepentingan Kerajaan. Dan kita harapkan maknanya dari apa yang ada walaupun kontrak itu kontrak biasa ataupun kontrak yang ada penambahan-penambahan klausa dan

sebagainya ia akhirnya akan menguntungkan atau bagi dengan izin, *advantage* kepada Kerajaan, *contractually*. Jadi mana yang ini ialah maknanya kita nak teruskan urusan yang ada *contractually* supaya akhirnya ada *advantage* kepada Kerajaan dan kita juga nak menyelesaikan masalah yang kita ada di tapak itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Dan soal kecurian Dato' Yang Dipertua, dah jelas tadipun RM50 juta itu hanyalah andaian .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kerajaan Negeri dengan Sowon Enterprise daripada Korea ada sebarang perjanjian bertulis tak, mohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak ada maklumat tentang perkara itu, minta maaf. Dan soal kecurian tadi pun begitulah tentang gambaran yang diberi tentang RM50 juta dan sebagainya tapi kalau dilihat dari laporan Polis, ada enam laporan, ada syarikatpun yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengawasi soal keselamatan dan sebagainya dan kalau ada kecurian kita dah ambil tindakan untuk buat laporan. Jadi kita serah kepada pihak yang berwajib untuk ini, cuma gambaran yang cuba dibuat seolah-olah maknanya kita tak ambil apa-apa tanggungjawab tentang RM50 juta daripada peralatan dan sebagainya hilang di stadium itu. Dan tentunya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini tumpuan ialah nak menyelesaikan tentang bumbung yang runtuh bukan stadium yang bernilai RM300 juta. Saya sebut dah dalam Dewan yang lepas nilai bumbung ini banyak juga RM35 juta tapi itu sekurang-kurangnya alhamdulillah, makna struktur asas dan struktur-strukturanya boleh digunakan dan tumpuannya adalah untuk menyelesaikan hal bumbung ini.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang disebut oleh Wakil Batu Burok ialah tentang LPT2.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sikit. Berhubung dengan perkara tadi sebelum pergi ke LPT, kes bumbung tadi, hak runtuh tu memanglah runtuh dahlah RM35 juta tapi saya difahamkan bumbung yang tak runtuh lagi tu, dekat *West Stand* dan katanya memang tak selamat.

Saya tak tahu sama ada dah dipecat dah ke atau dibuang dah ke dan saya difahamkan sebelum pada ini katanya kosnya sampai RM6 juta. Hak tu RM6 juta tu kalau nak buang hak dok selamat tu hak tak runtuh lagi tu dan memang kena diperuntuh, hak tu siapa yang tanggung kos dia tu, RM6 juta tambahan kerana nak meruntuhkan bahagian bumbung yang belum runtuh kerana dia memang tak selamat?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hasil kajian integriti daripada konsultan, strukturnya okey tapi memang didapati yang kata bumbung di *West Stand* itu tidak selamat dan tender untuk menurunkan bumbung itu telah dikeluarkan, berapa harganya belum ditentukan, selepas kita tutup tender itu barulah kita tahu berapa harga sebenarnya. RM6 juta apa semua itu andaian-andaian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, pasal RM6 juta itu dijawab secara rasmi dalam Soalan Bertulis dalam Dewan Undangan Negeri ini. Ada jawapan rasmi RM6 juta, saya kod jawapan itu daripada jawapan yang diberikan kepada Dewan. Cuma saya nak tanya tadi siapa tanggung RM6 juta itu, siapa yang bayar? Kontraktor hak melakukan kesilapan ke berdasarkan *contractual* yang telah dibuat ataupun Kerajaan Negeri kena cari pitih lain pulak RM6 juta itu. Jadi nak mintak penjelasan hak itu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya telah sebut tadi kontraknya telahpun dikeluarkan dan baru saja ditutupkan, tutup tempoh kontrak ini dan RM6 juta itu bukanlah harga kontrak, itu adalah anggaran pada masa itulah. Dan walaupun kita ada sebahagian wang tahanan daripada kontrak yang asal itu sebahagiannya mungkin akan digunakan wang tahanan itu buat sementara ini, maknanya peruntukan akan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikannya. Tapi RM6 juta itu bukan harga kontrak sekaranglah, itu mungkin anggaran pada masa itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, disebut juga oleh Wakil Batu Burok tentang LPT, Lebuh Raya Pantai Timur 2 Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya pun dalam Dewan yang lalupun memberi gambaran tentang LPT ini. Sebagai contoh LPT1 dibuat oleh Syarikat Kongsesi, maknanya masa itu dibuat oleh satu syarikatlah,

Syarikat Konsesi LPT1 tetapi berlainan dengan LPT2 ini kerana LPT2 ini dibuat secara dengan izin, *Tender Conventional* dengan semangat pada masa itu untuk melibatkan ramai daripada kontraktor khususnya kontraktor Bumiputera di Terengganu. Dia ada 16 pakej bukan 1 pakej macam LPT1 tapi LPT2 ada 16 pakej dan semangatnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya ulangi ialah untuk memberi peluang kepada kontraktor tempatan khususnya Bumiputera. Dan akhirnya kerana kegagalan syarikat-syarikat tempatan Bumiputera ini selepas segala usaha diberi, segala bantuan dibuat dan akhirnya mereka sudah tidak lagi berkemampuan untuk meneruskan kerja dia. Dan itulah tadinya secara moleknnya dibincang untuk dengan izin, *Mutual Termination*. Maknanya yang ini dimansuhkan kontraknya dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Dan dalam persetujuan *Mutual Termination* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berbeza dengan *termination* biasa, maka dalam *Mutual Termination* ini diberi peluang, pertamanya, antara lainnya tidak disenarai hitam dan juga diberi peluang untuk memasuki tender semasa dia ditender semula, ini *Mutual Termination*, itu cara dan kaedah yang telah dibuat dan hasil daripada itu insyaAllah maknanya pendekatan yang diambil kita harapkan kerana kita juga mustahak soal LPT ini, kalau kata hari ini sebahagian Bukit Besi – Ajil – Telemong dan Gemuroh telahpun dibuka dan digunakan insyaAllah bulan depan sepanjang 64 kilometer daripada Bukit Besi dan Gemuroh juga boleh digunakan. Jadi itulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dua perkara tentang stadium dan LPT yang telah disentuh oleh Wakil Batu Burok. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, ada satu soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada soalan untuk Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Untuk Rantau Abang yang tidak dijawab tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang saya kemukakan semasa ucapan saya iaitu dua syarikat iaitu Essenvest Sdn. Bhd. yang telah dimansuhkan kontraknya setelah membayar

RM27.2 juta dan dianugerah semula kepada Q-Bena dengan harga RM31.1 juta. Jadi apakah statusnya, apakah dia perlu membayar balik atau macam mana?

Yang keduanya, KOBENA Corporation dengan harga RM61 juta, gagal siap jugak dan diberi kepada syarikat baru dalam pakej yang ketiga. Jadi apa status kedua-dua syarikat ini yang telah dapat duit dah tapi gagal menyiapkan projek ini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini sekali lagi tentang pemansuhan, disebut tadi tentang *Mutual Termination* dan *termination*. Dia kalau kata *termination* biasa memang syarikat yang kedua yang dipilih, contohnya saya beri supaya senang sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, contohnya kalau kata satu kerja itu berbaki RM5 juta dimansuhkan bukan secara *mutual* dan baki ada RM10 juta penender yang kedua termasuk dengan harga RM12 juta maka mengikut kontraknya penender yang kedua itu ataupun Kerajaan berhak untuk mendapatkan perbezaan sebanyak RM2 juta daripada kontrak yang asal, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan tentang *Mutual Termination*, biasanya memang bila dimansuhkan harga kontrak memang berubah, tak ada kalau kata apabila kontrak dimansuhkan harganya jadi bertambah rendah daripada baki kontrak yang ada. Dan dalam *Mutual Termination* ini antara perkara selain daripada tidak disenarai hitam dan diberi peluang untuk tender ialah perbezaan itu tidak sama dengan perbezaan yang kata *mutual*.

Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak perbetul maklumat, ada satu yang disebut oleh Wakil Batu Burok jugak tadi, disebut ada syarikat yang telah dimansuhkan kerja tapi dalam masa yang sama telah diberi peluang pula dalam tender yang lain. Saya tak tahu dari mana maklumat Wakil Batu Burok dapat ini tapi kalau kata disebut nama syarikat ini ikut maklumat yang kita ada Syarikat Rimbun Tekad Sdn. Bhd. ini, kerja Projek Infra di Taman Ilmu sebenarnya belum ditamatkan tapi dikenakan LAD mulai Januari 2012, kerja-kerjanya hampir siap iaitu 95% semasa walaupun jadualnya sepatutnya siap 100%. EOT (*Extension of Time*) No.8 sedang dipohon dan pelaksanaan projek berjalan seperti biasa dan tidak pernah ditamatkan ataupun diterminate, ini saya tak tahu maklumat dari mana oleh Wakil Batu Burok ini. Itulah status dia tentang kedudukan Syarikat Rimbun Tekad. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan, saya spesifik kepada surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya pada 27hb Mac yang ditandatangani oleh Saudara Haji Embong bin Said, Ketua Penolong Pengarah Kerja Raya yang mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) pada 27hb. Mac 2012 berkaitan dengan Membina Dan Menyiapkan Kerja-Kerja Infra di kawasan Pembangunan Taman Ilmu Bukit Keluang, Dendong, Mukim Tembila, Daerah Besut. Ini dikeluarkan pada 27 Mac. Pada 29hb Mac, Kerajaan telah menganugerahkan Syarikat Rimbun Tekad ini Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Bangunan Terminal Utama Jeti Penumpang di Pulau Bayas, Tasik Kenyir, nilai kontrak RM70,993,030.30. Jadi kontradik dengan kerja yang tidak siap, dua hari selepas itu Kerajaan menganugerahkan kepada sebuah syarikat yang tidak menyiapkan kerja yang sepatutnya disiapkan. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak apalah kalau dah kata ada surat boleh diserahkan boleh kita lihat, saya tak boleh jawab dengan tepat pada masa ini. Tapi itu saja maklumat yang saya adalah, rayuan kepada EOT (*Extension of Time*) yang kelapan sedang dibuat dan kerja-kerja sedang disiapkan kerana yang ada hanya 4% daripada kerja-kerja itu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Dijemput Pengkalan Berangan. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Membaca petikan ayat Quran/Doa mukadimah*). Yang dihormati Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi. Asalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Dalam gulungan saya pada petang ini Dato' Yang Dipertua, ada dua perkara. Pertama, saya ingin mengucapkan junjungan kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Titah Ucapan dalam Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu Kedua Belas pada tahun ini.

Yang kedua, oleh kerana Persidangan pada kali ini fesyen dia nampak ada fesyen baru sikit hanya dua orang sahaja yang membuat kupasan dan ulasan pada tahun ini. Cuma saya tertarik banyak daripada Wakil Tepoh yang telah banyak dijawab oleh Wakil Batu Rakit. Cuma saya cukup tertarik persoalan yang ditimbulkan oleh Wakil Jabi 'Undi PAS Masuk Syurga'. Pengkhususan pada topik ini, jadi asas pengkhususan topik 'Undi PAS Masuk Syurga' ini izinkan saya Dato' Yang Dipertua, saya ada sediakan 11 teka teki. Jadi orang duk gulung macam-macam, jadi saya nak berteka-teki dalam bentuk teka-teki, boleh tak Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Boleh, ya. Jadi terima kasih. Jadi teka-teki pertama saya berbunyi begini, teka-teki pertama saya persoalan hasil 'Undi PAS Masuk Syurga ini': Orang Islam yang mengundi PAS dalam pilihan raya akan masuk Syurga ataupun Neraka? Jawapan dia ialah masuk Syurga.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Eh! Dia jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya jawab, saya tak suruh orang jawab, saya gulung saya jawablah.

Teka-teki yang kedua, orang Islam yang tidak mengundi PAS dalam pilihan raya masuk Syurga ke, masuk Neraka? Ada orang nak jawab? Sudah tentunya masuk Neraka. Teka-teki yang ketiga, orang kafir yang mengundi PAS dalam pilihan raya masuk Syurga ke, masuk Neraka? Sudah tentunya masuk Syurga. Teka-teki yang keempat, orang kafir yang tidak mengundi PAS dalam pilihan raya, masuk Syurga ke, masuk Neraka? Sudah tentunya masuk Neraka. Teka-teki yang kelima .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dengar molek tu DUN Bandar, dengar molek.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jangan kacau tengah duk teka ni nak kacau jugak. Teka aje ni.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Teka-teki fesyen baru dijawab sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Teka-teki yang kelima, orang Islam yang tidak keluar mengundi dalam pilihan raya masuk Syurga ke, masuk Neraka? Sudah tentunya masuk Neraka. Teka-teki yang keenam orang kafir yang tidak keluar mengundi dalam pilihan raya masuk Syurga ke, masuk Neraka? Jawapan dia sudah tentunya masuk Neraka. Teka-teki yang ketujuh, orang Islam yang tidak mengundi PAS bagi kawasan PAS yang tidak bertanding masuk Syurga ke, masuk Neraka? Sudah tentunya masuk Neraka sebab takdok Parti PAS. Teka-teki yang kelapan, orang kafir yang tidak mengundi PAS bagi kawasan PAS yang tidak bertanding masuk Syurga ke, masuk Neraka? Jawapan dia mesti masuk Neraka. Teka-teki yang kesembilan, orang Islam yang tidak mengundi PAS dalam Pilihan Raya Kesebelas tetapi mengundi PAS dalam Pilihan Raya Kedua Belas masuk Syurga ke, masuk Neraka? Bermaknanya daripada Neraka ke Syurga. Hah! Bagus, alhamdulillah. ....(Dewan Gelak) .... Teka-teki yang kesepuluh, orang kafir yang tidak mengundi PAS dalam Pilihan Raya Kesebelas tetapi mengundi PAS dalam Pilihan Raya Yang Kedua Belas masuk Syurga ke, masuk Neraka? Masuk Neraka pulak? Jadi hak dari Syurga pergi ke Neraka, begitu? Teka-teki yang kesebelas, apa kedudukan pengundi-pengundi jika PAS dibubarkan atas sebab-sebab tertentu masuk Syurga ke, masuk Neraka ni? Sudah tentunya masuk Neraka sebab takdok Parti PAS. Itulah dia teka-teki saya Dato' Yang Dipertua, jadi hasil daripada kata PAS ajaran sesat ke, undi PAS masuk Syurga ke, boleh jadi betul jugak sesat pun betul, masuk Syurga pun betul, bermakna orang kafir hak dok mengundi PAS pun boleh masuk Syurga jugak sebab apa slogan yang digunakan itu menyeluruh, seluruh negara. Dalam Pilihan Raya Kecil di Kerduau dulu, saya sendiri masuk kampung jumpa brosur tu 'Undi PAS Dijamin Masuk Syurga', dia dok kata orang Islam ke, orang kafir, maknanya semua orang maknanya 'Undi PAS' sama ada kafir ke, tak kafir ke, janji dia, komitmen dia masuk Syurga belaka.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, mintak laluan, mintak penjelasan sekejap. Kitapun nak teka-teki jugak ni. Sekiranya dalam pilihan raya Parlimen undi BN, DUN undi PAS, masuk Syurga ke, masuk Neraka? ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jawapan dia masuk belaka, dua-dua dia boleh belaka ke dia seorang. Inilah kesannya, implikasinya, slogan-slogan yang digunakan oleh pihak PAS Dato' Yang Dipertua. Jadi sempena dengan gulungan saya ini, saya cukup yakin bahawa PAS adalah parti rekaan dan ciptaan manusia semata-mata, dia tidak melibatkan sebarang akidah, keluar Parti PAS tidak akan jadi murtad kerana Islam bukan hanya untuk orang PAS tapi Islam ialah untuk seluruh umat Nabi Muhammad S.A.W. sehingga ke akhir zaman, itu jelas. ....(tepukan sokongan) .... Jadi sempena dengan gulungan terakhir, kemungkinan, sebelum pilihan raya akan datang, jadi saya memberi seruan kepada semua yang hadir pada hari ini dengan tajuk dalam bentuk PAS Ajaran Sesat yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang menunggu-nunggu begitu lama bila lagi nak saman, tak sabar-sabar, dulu bagi notis dua hari, tiga hari, tarik balik, sampai sekarang tak saman, jadi kita sedang menunggu supaya samanlah cepat-cepat supaya kita dapat buktikan bahawa PAS adalah boleh dikatakan bahawa PAS Ajaran Sesat. Oleh itu, saya menyeru supaya rakan-rakan seperjuangan dan Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati yang ada dalam Dewan ini dalam pilihan raya yang akan datang kita pakat tolaklah PAS maka kita junjunglah Parti Barisan Nasional. Itu sahajalah Dato' Yang Dipertua gulungan saya pada petang ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan. Dua-tiga Yang Berhormat kata luar biasa, sebenarnya Dewan kita tidak ada luar biasanya Yang Berhormat, biasa sahaja ikut agenda. Jadi saya jemput Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya cuma nak menjawab satu soalan daripada Batu Burok yang berkait dengan isu 9 orang pelajar yang ditamatkan pinjaman oleh Yayasan Terengganu dan ada yang disebut tadi seperti katanya ada isu politik, katanya tindakan kebudak-budakan dan dikatakan tindakan yang kejam. Saya cuba nak kembalikan semula

dengan apa yang pernah berlaku pada bulan April tahun lalu. Apabila sebenarnya ada 6 orang yang terlibat tetapi 1 orang didenda, 5 orang sahaja yang digantung daripada pelajar Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di Kedah dan apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Azizan Abdul Razak, dia beritahu kalau pelajar buat kacau kena halang. Ini ada dikeluarkan pada 31 Januari 2012. Dan disebut lagi bahawa Yang Amat Berhormat menasihatkan pihak luar supaya tidak mencampuri isu dalaman Kolej Universiti itu kerana tidak mahu menimbulkan kekeliruan. Difahamkan 5 pelajar Kolej Universiti Insaniah dikenakan tindakan tatatertib, termasuk digantung pengajian mengikut peruntukan Akta IPTS 1996 bukannya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) seperti yang diwarwarkan oleh pihak luar. Jadi kita tak kisah, kita tak kiralah apa akta yang diambil tetapi tindakan telah dibuat sehinggalah 2 orang pelajar Kolej Universiti Insaniah yang digantung pengajian menyatakan dan disebut: "Hendak didik mahasiswa jiwa besar tapi tunjuk diktator. Janji Pakatan Rakyat mengarut", kata pelajar KUIN. Menyifatkan janji Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga, Memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) atau akta yang mirip dengannya hanyalah sia-sia dan mengarut. Sambil menyatakan kekecewaan terhadap tindakan ini, pelajar Fakulti Usuludin, Mohd. Faiz bin Mohd Arshad berkata: "Janji yang dinyatakan itu tidak selaras dengan tindakan kolej yang dimiliki Kerajaan Pakatan Kedah yang menggantung pengajian mereka. Pada kami janji Buku Jingga sia-sia sahaja, ia tidak selaras dengan Buku Jingga yang hendak hapuskan AUKU dan akta yang mirip dengannya. Tindakan dilihat lebih bersifat mencantas apabila mereka (mahasiswa) yang dihadapan dilarang bersuara, dinafikan hak itu bukan untuk memimpin rundingan di meja bulat pun tidak dibuat", katanya bila dihubungi oleh Malaysia Kini. Soalnya hari ini, adakah tindakan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ini juga adalah tindakan kebudak-budakan ataupun adakah tindakan ini juga adalah tindakan kejam sepertimana yang dilemparkan oleh Wakil Batu Burok tadi?

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua pohon penjelasan. Saya ingin merujuk terus apa yang dirujuk oleh Yang Berhormat Exco tadi kerana mungkin Yang Berhormat Exco tidak mengetahui isu sebenar dalam kes pelajar KUIN ini yang melibatkan ada kes pencerobohan dan pemecahan bangunan kolej di mana ada pintu dan tingkap-tingkap yang dipecahkan. Jadi apa yang berlaku di Mesir adalah suatu yang berlainan, sekiranya benar jugak apa yang berlaku di Kedah itu dengan izin Dato' Yang Dipertua, *two wrongs doesn't make it a right*, dua kesalahan tidak

membetulkan sesuatu tindakan yang kita lakukan ini. Jadi tidak boleh menjustifikasi perkara-perkara ini dengan kita mengambil sebahagian sahaja apa yang sebenarnya berlaku di Kedah itu, ini kesnya berlainan. Di Mesir pelajar-pelajar kita berhimpun secara aman .....

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, ala ke dia tu lain kes selalu.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Izinkan saya habiskan Dato' Yang Dipertua. Di Mesir pelajar berhimpun secara aman mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Mesir, mereka memakai baju kuning, itu saja. Dan menyokong usaha yang dibuat atas tuntutan Bersih 2, itu saja. Mereka bukan memecah bangunan ataupun cuba melakukan kekasaran kepada Pegawai-pegawai Yayasan Terengganu di Mesir dan sebagainya dan pelajar-pelajar ini adalah pelajar-pelajar yang *valid* untuk kita bantu. Pohon penjelasan?

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik. Saya sendiri pun tak tahulah sebab saya difahamkan bahawa Menteri Besar Kedah ini, Dato' Seri Azizan Abdul Razak ini dikehendaki beri penjelasan kepada PAS Pusat. Kalau dah kata tindakan dia betul kenapa pulak dia kena beri penjelasan kepada PAS Pusat? Menunjukkan bahawa PAS Pusat sendiri tidak bersetuju dengan tindakan yang dibuat. Inilah dikatakan *double standard*, dengan izin. Saya rasa tak betullah, kalau betul tak payah campur tanganlah. Kenapa pulak soal ini pihak PAS Pusat campur tangan, pihak .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, boleh saya mintak .....

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya nak terus ajelah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya kalau nak kaitkan jadi susahlah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak diberi Yang Bert hormat.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bila kena kepada kita dia marah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, biar berlaku adil.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya nak sebut beginilah tentang apakah kesalahan pelajar kita tadi kerana tindakan yang kita buat adalah merujuk kepada perjanjian dan merujuk kepada perundangan kerana dalam klausa perjanjian kita jelas, antara terma yang terkandung dalam Perjanjian Pinjaman yang ditandatangani oleh pelajar adalah di bawah Fasa 2 yang berbunyi: "Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa penuntut tidak boleh pada bila-bila masa dalam masa berjalan kuat kuasanya perjanjian ini iaitu dalam masa tempoh kursus latihan dan juga kemudian daripadanya sehingga tamat tempoh pekerjaannya di bawah perenggan 1 fasa 1 perjanjian ini mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan badan atau kumpulan orang iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat lembaga adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan." Jadi pelanggaran ke atas Perjanjian Pinjaman di bawah Fasa 2 ini membolehkan lembaga ini mengambil tindakan di bawah Fasa 3(ii) Perjanjian Pinjaman yang berbunyi: "Lembaga boleh menurut budibicara mutlaknya menamatkan perjanjian ini jika penuntut melakukan pelanggaran terhadap terkandung dalam Fasa 1 dan 2 perjanjian ini dan dengan itu penuntut tidaklah lagi mempunyai apa-apa hak atau tuntutan ke atas apa-apa faedah perjanjian ini dan Fasa 8 perjanjian yang berbunyi: "Lembaga berhak pada bila-bila masa dan tanpa memberi sebab-sebab dan tanpa menghiraukan kepada hak-haknya menurut di bawah perjanjian ini menarik atau memberhentikan daripada memberi mana-mana wang selanjutnya bagi pinjaman ini dan penuntut atau penjamin-penjamin atau salah seorang daripada mereka tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau hak menuntut ke atas lembaga bagi atau yang timbul daripada penarikan ini." Saya balik semula dengan apa yang disebut oleh Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar Kedah, bercakap kepada satu media hari ini beliau menjelaskan: "Rayuan boleh dibuat kepada Rektor, kalau pihak terlibat rasa tidak puas hati dengan keputusan Panel Tatatertib atau pentadbiran, dia boleh rayu kepada Rektor, kalau Rektorpun dia tidak puas hati juga dia boleh merayu kepada Menteri Besar sebagai Pengerusi kepada universiti." Tetapi setakat ini tak tahulah saya sendiripun tak dapat apa-

apa rayuan, saya tak tahulah takut Yang Amat Berhormat Dato' Seri dapat rayuan itu. Ada ke tidak Yang Amat Berhormat Dato' Seri mendapat rayuan daripada pelajar-pelajar ini atau ibu bapa, ada Yang Amat Berhormat Dato' Seri? Ya, lepas Yang Amat Berhormat Dato' Seri nak jawab. Setakat hari ini saya tidak menerima apa-apa rayuan, cuma saya tahu rayuan telah dibuat kepada pihak Yayasan Terengganu tetapi yang menjadi rasa sedih dan menjadi rasa terkilan saya ialah apabila hari Rabu baru-baru ini ada perhimpunan lebih kurang seramai 30 orang dalam pukul 2.30 petang, saya tak tahulah apa motifnya, nak jumpa saya ke, nak jumpa Dato' Seri ke, tapi tak jumpa jugak. Bila saya keluar dengan kereta saya, tak ada seorangpun yang tahan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan. Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Setuju tak Yang Berhormat Seberang Takir kalau saya katakan 9 pelajar tersebut adalah penyokong kuat PAS. Apa salahnya pelajar-pelajar ini diberi bantuan pula oleh tabung-tabung PAS seluruh negara ataupun negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tumpang jawab *retak* Dato' Yang Dipertua hak daripada Jabi. Saya rasa kalau dah parti Syurga tu molek dah cadangan Yang Berhormat Jabi tu Dato' Yang Dipertua, dah kalau orang PAS tu memang ahli Syurga dah jadi biarlah bapak Syurga yang tanggung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya pun sebenarnya nak jawab begitu jugak tapi *last* sekalilah. Tapi saya nak beritahu yang kemusykilan kepada kita hari ini adakah isu yang sekarang ini kita nampak begitu hangat dan saya difahamkan katanya esokpun ada juga satu rombongan saya hanya difahamkan ajelah tak tahu sama ada betul atau tidak wallahuwa'alam tapi saya nasihatkan tak payahlah. Baru-baru ini ada beberapa orang, kemudian pada 1 April 2012 sekumpulan pelajar seramai 16 orang, kita ada nama semua sekali, yang agak terkilannya kita dari 16 orang itu 9 orang adalah daripada luar Terengganu, jadi tidak ada kena mengena dengan pelajar-pelajar

Terengganu kita. Kemudian yang 7 orang pulak adalah pelajar di bawah tajaan Yayasan Terengganu di Trefound Edu Care. Jadi tidak adapun pelajar Terengganu yang mewakili IPT-IPT ataupun IPTS-IPTS yang bersama dengan 16 orang yang telah menyerahkan memorandum. Begitu juga 30 orang pelajar yang terlibat baru-baru ini, saya ada gambar-gambarnya belaka di hadapan Wisma Darul Iman baru-baru ini bila kita tengok dan perhati tidak ramai pelajar-pelajar daripada IPTA yang terlibat. Jadi saya nampak bahawa agenda ini ialah agenda politik dan kalaulah betul kita nak membantu pelajar ini bukan ini caranya. Sepertimana yang disaran oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah tadi ada cara-cara dan ada aturan-aturannya. Maknanya pertama sekali merayu di pihak Yayasan Terengganu. Yang kedua, kalau tak diperkenankan merayu kepada Exco Pelajaran dan Pengajian Tinggi. Dan yang akhir sekali boleh merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Dan kalau kata tak diluluskan barulah buatlah tindakan-tindakan yang sewajarnya. Saya rasa samalah pandangan dan pendapat saya Wakil daripada Pengkalan Berangan tadi, yang moleknnya kalau kita betul-betul nak membantu di pihak sebelah ini nak membantu saya rasa molek, 3 orang itu beri kepada Kerajaan Kelantan, 3 orang beri kepada Kerajaan Selangor, 3 orang beri kepada Kerajaan Pulau Pinang, jadi selesai masalah 9 orang pelajar tak payah buat reformasi, tak payah buat .....

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, itu jawapan yang tak cerdik, tak cerdik langsung. .... *So irresponsible*, tak bertanggungjawab langsung.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... *So irresponsible*, tak bertanggungjawab langsung.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Saya jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Pemerhati-pemerhati sekalian.

Turut sama menyampaikan Ucapan Menjunjung Kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan menyampaikan Titah Ucapan Perasmian sidang Dewan Undangan Negeri pada hari semalam. Sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang perkara-perkara yang dibangkitkan. Yang pertama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah menyebut secara jelas mengenai kemiskinan yang telah dapat dikurangkan. Sebagaimana kita tahu bahawa kadar kemiskinan di Terengganu pada tahun lepas (2011) ialah 3.18%. Walaupun sering kali diungkapkan, diratib oleh Ahli-ahli Pembangkang terutamanya telah disebut berulang kali oleh Yang Berhormat Wakil Batu Burok 'negeri kaya rakyat miskin', acap kali mengungkapkan kemiskinan dan sebagainya. Sedangkan hakikatnya kita telah berjaya mencapai ke tahap yang kita ada pada hari ini adalah berkat kerjasama, sokongan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional semenjak kita mencapai kemerdekaan semasa Perikatan dulu. Di Terengganu sendiri kita boleh buka rekod, semasa kita mencapai kemerdekaan kadar kemiskinan Terengganu ketika itu 89.9%, saya ulangi Dato' Yang Dipertua, saya mintak Wakil-wakil Pembangkang, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan semua Pemerhati sila semak kenyataan kemiskinan Terengganu semasa mencapai kemerdekaan 89.9%. Dan 2011 telah menurun kepada 3.18% sebagaimana dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku semalam. Bayangkanlah pencapaian kita ke tahap itu dan kemiskinan kita dulu berbanding dengan kemiskinan yang ada hari ini jauh berbeza. Kehidupan kita, lanskap ekonomi, budaya, politik kita jauh berbeza tetapi seolah-olah tiada langsung pengiktirafan, tiada langsung bakti, perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan selama ini seolah-olah semuanya gagal, semuanya miskin. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Batu Burok juga tapi tak tahulah kalau-kalau keluarga dia kaya dahulu tapi kini dia berubah kerana pendidikan dia perolehi yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional .....(tepukan sokongan) .... dan sebahagian besar Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri termasuk yang berada di dalam Dewan ini dulunya mereka juga susah tapi hari ini berjaya kerana pendidikan yang kita perolehi hasil daripada rancangan Kerajaan Perikatan/Barisan Nasional, tidak boleh dinafikan, kalau mereka menafikan ini adalah suatu pembohongan yang amat nyata terhadap fakta yang terdapat di hadapan kita.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, perkara yang sama seringkali diulangkan kadang-kadang saya nak jawabpun rasa malu tapi tak jawabpun terasa malu kerana dakwaan-dakwaan yang begitu rupa yang dhaif semata-mata. Contoh yang jelas, setiap kali ucapan Wakil Batu Burok seolah-olah semua orang ini berlaku

kebocoran, ketirisan, penyelewengan, rasuah, kroni, kais pagi makan pagi kais petang makan petang, golongan marhain dan sebagainya. Ini ungkapan-ungkapan orang yang mempunyai pandangan sosialis dan sebagainya yang seolah-olah menggambarkan kita gagal, kita tak berjaya, semuanya orang jahat, semuanya orang menyeleweng. Sehingga mempertikaikan apabila berlakunya runtunan di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, mempertikaikan kewibawaan SPRM membawa ikan bilis tapi tak bawa jerung-jerung besar. Saya cabar, saya mintak Wakil Batu Burok kemukakan nama-nama yang disyaki, bukti-bukti bawalah kepada SPRM supaya mereka ini diheret ke mahkamah. Sedangkan saya mendapat maklumat sebulan sekali nampak muka Yang Berhormat Batu Burok pergi ke SPRM. Saya dapat maklumat yang dia sentiasa pergi ke SPRM. Jadi kita mintaklah kalau ada bukti kemukakan, jangan menuduh melulu. Saya tahu SPRM buat kerja siang-malam, siasat kes kecil, kes besar. Saya pun nak tengok jugak sebab saya pun malu juga runtuh ni bukan saya tak malu. Yang Berhormat hanya sebut stadium penuh sesak, saya sekali habuk tak pernah lagi tengok Yang Berhormat pergi tengok bola, saya tengok sokmo, ini masalahnya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga dengan persoalan-persoalan lain, saya tengok seolah-olah Kerajaan ini tidak prihatin, dibangkitkan soal lebu ray dan sebagainya, ini bukan tugas kita di sini ini dilakukan oleh pihak Persekutuan, kita tak tahupun tender siapa yang dapat, siapa yang buat keputusan bukan kita Lembaga Tender di sini dalam soal lebu raya, yang memilih dan sebagainya, kita tak pernah campur tanganpun, tak pernah terlibatpun. Inilah yang kita jelaskan tapi seolah-olah macam kita yang buat keputusan, kita buat macam-macam.

Di samping itu kita lihat apabila kita nak buat penyusunan semula bandar, kita pun ada harga diri, kita pun ada tanggungjawab bukan kita nak halau orang kampung kita. Penyusunan semula ini kita beri balik, bayar balik harga tanah dengan harga yang tinggi lebih mahal daripada Shah Alam, lebih mahal daripada Kuala Lumpur. Orang semua terkejut, kita ambil balik kawasan tanah di Tok Pelam 15 ekar dengan harga RM80 juta, kita ambil balik di kawasan Ladang yang mencecah harga RM8 juta sehektar, lepas itu kita buat rumah kita beri subsidi 50%, adakah negeri lain memberi subsidi 50% Dato' Yang Dipertua? Tidak ada. Dan kita buat rumah dulu sebelum mereka dipindahkan, di Ladang Tok Pelam kita telah buat sekarang ini perumahan 408 unit untuk memindahkan mereka di masa akan datang. Kita tak zalim, kita beri peluang kepada mereka termasuk juga kita buat di Cabang Tiga. Saya dah sebut benda ini berulang-ulang tetapi dibangkitkan balik, saya terpaksa jawab balik. 2 hari sebelum pilihan raya, Yang Berhormat Wakil Rhu

Rendang, Menteri Besar ketika itu melancarkan projek perkedai di Cabang Tiga, saya dah bentang dulu, tunjuk semua dokumen dan ketika itu pihak Lembaga Tabung hanya dapat 30% tapi bila kita menang kita runding balik, syarikat ini syarikat yang dipilih oleh Kerajaan PAS ketika itu, dia tak mahu buat dia serah kepada orang lain dan kita runding balik kita dapat 50:50 kepada Lembaga Tabung. Dan untuk mengelakkan lebih banyak tanah diambil, kalau tidak lebih banyak tanah diambil, kita buat pasar baru di atas sungai untuk menjimatkan tanah dan sebagainya. Dan yang lebih mendukacitakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat ADUN Batu Burok menggunakan *loudspeaker*, menggunakan *hailer* pergi berkempen di Pasar Kedai Payang memberi janji bahawa sekiranya PAS menang perintah Terengganu, pasar basah Pasar Kedai Payang tidak akan dirobuhkan. Ini merupakan suatu pengkhianatan kepada orang Melayu yang berniaga di situ sebabnya Dato' Yang Dipertua pasar itu boleh runtuh pada bila-bila masa. Kita dapat laporan daripada JKR, kita mintak tempoh 1 tahun, JKR kata tak boleh, JKR hanya berani keluar surat 6 bulan sahaja kepada Kerajaan Negeri kerana bangunan ini tidak selamat lagi digunakan, semua besi-besi di bawahnya reput, tidak ada besi lagi, bila-bila saja boleh runtuh. Tapi adakah Yang Berhormat yang ada PhD ini bertanggungjawab, malu kita kalau runtuh dia kata Kerajaan tak bertanggungjawab sehingga runtuh, mati orang, cedera orang, bila nak dirobuhkan kita jadi hero sedangkan bangunan ini tak selamat. Saya boleh buat, saya boleh pergi jumpa peniaga, saya boleh beri peluang kepada peniaga dengan satu syarat, tandatangan satu surat perjanjian apa-apa berlaku Kerajaan tidak bertanggungjawab, itu satu. Tapi ada satu lagi, saya mesti pasang satu notis besar-besar: 'Kepada para pelanggan Pasar Basah Kedai Payang sekiranya apa-apa berlaku runtuh dan sebagainya Kerajaan Negeri tidak bertanggungjawab'. Jadi siapa yang nak pergi ke pasar, orang takkan pergi, pasar takkan laku, kesannya dia jugak akan merasa. Nak main politik mainlah Dato' Yang Dipertua, kita nak buat perubahan pasar yang baru, yang elok dan sempurna .....

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua .....

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti nak jawab dulu, kekji saya beri.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *Speak specific* mengenai dengan pasar tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekejap lagi saya beri, saya nak jawab dulu, tak ada masalah, masa panjang lagi. Sebab itu saya kata Dato' Yang Dipertua, kalau kita bertanggungjawab kita nak buat Pasar Kedai Payang biar sempurna kerana ini merupakan tempat tumpuan para pelancong ke Terengganu dan kita nakkan pasar yang lebih selesa. Dengan kedai pakaian lebih selesai, lebih luas, lebih sempurna dan ada aircond semua sekali. Dan pasar itu kita nak pindahkan ke Cabang Tiga, tak sesuai lagi kerana dulu pasar-pasar ini berada di pesisir sungai sebab dulu pengangkutannya ialah menggunakan bot, hari ini orang tak guna bot lagi dah, orang dah ada lori, ada van belaka dah. Sebab itu kita tengok sejarah pasar dulu semua tepi pantai, tepi sungai, Pasar Kemaman, Pasar Dungun, Pasar Marang tapi takkan nak bina di tepi sungai kalau tidak apa yang akan berlaku ke pasar-pasar di Kuala Lumpur, Pasar Selayang bukan di tepi sungai sebab hari ini sudah ada kemudahan transport dan tak sesuai lagi sebab itu kita nak pindahkan Pasar Basah ke Cabang Tiga kita buat di satu tempat. Kita akan buat dengan keadaan yang lebih sempurna, nak tambah lagi tapi tiba-tiba ini yang dilakukan. Okey, silakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya *specific* tentang pasar ini, isu dia adalah memindahkan. Macam Yang Amat Berhormat memindahkan mereka ke Cabang Tiga yang mana pasar baru ini dibina oleh Toh Ting Pau macam Yang Amat Berhormat sebut di atas satu taliair, longkang besar yang diberikan kepada Toh Ting Pau buat dan peniaga-peniaga ikan di Pasar Payang akan dipindahkan ke Cabang Tiga. Isu yang saya bawa ini kalau kita perintah, insyaAllah, kita tidak akan pindahkan mereka, jika runtuh kita baiki dan kita berikan jaminan bahawa kita tidak akan pindahkan mereka. Itu aje, bukan isu saya kata khianat dan sebagainya, kita *specific*. Apa rasional untuk kita nak pindahkan mereka ke Cabang Tiga? Tidak ada rasional di situ.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, apa tidak ada rasionalnya. Sekarang ini pasar itu dia pagi saja, petang tak pakai dah, dia melibatkan bau dan sebagainya, pelancong-pelancong yang datang nak membeli-belah sudah tidak sesuai dah. Pasar itu diuntukkan sebagai pasar kering untuk membeli pakaian dan sebagainya. Sebab itu kita pindahkan semua pasar ini ke satu tempat di Cabang Tiga, tak timbul dah soal sekarang ini pasar bergabung dan sebagainya. Jadi di situ hanya untuk pelancong saja yang datang untuk beli pakaian dan barang-barangan kering. Apa susahnyanya, itu tak rasional lagi? Dan

kontraktor itu juga dipilih oleh kontraktor PAS, saya sebut dah tadi yang mendapat projek itu ialah projek PAS, zaman PAS. Dan kontraktor itu dia berbincang dia serahkan kepada kawannya bukan kita yang pilih. Yang Berhormat tak tahu saya sudah sebut berulang kali, kita ada rekod, kita ada semua. Sebab apa disebut kroni sedangkan ia dipilih oleh PAS, kontraktor itu ialah yang dipilih oleh PAS. Dia tak mahu buat dah projek ini dia serahkan kepada orang lain. Dulu saya dah jawab dah Tuan Guru/Menteri Besar sendiri pergi rasmi 2 hari sebelum pilihan raya, 30% kepada Lembaga Tabung, apabila kita runding balik diserahkan kepada kita, kita dapat 50%, ini jauh lebih baik *dealnya*, dan dah ada perjanjian ketika itu. Ini fakta bukan kita bohong. Sebab itu saya kata tadi, tak sesuai dah pasar basah itu berada di tepi sungai dan kalau robohkan dibuat balik masih tak sesuai sebab kita ada perancangan lain untuk lebih sempurna. Kita nak buat Waterfront. Kita tengok sekarang ini masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bot penambang, bila air surut bersebelahan kawasan itu kawasan berbatu bot penambang tidak boleh menghampiri kawasan pasar berdekatan, kita terpaksa buat terusan sambungan dan nak tambah bot-bot ke Pulau Redang lebih banyak. Sekarang ini dua-tiga bot boleh muat, kita nak buat sampai 10 buah bot, ini perancangan kita akan datang. Yang Berhormat tak tahu apa yang kita rancang tapi Yang Berhormat bercakap saja, ini masalahnya nak main politik sepanjang jalan seolah-olah kita nak mengkhianat, seolah kita nak buat itu kerana nak undi berjanji macam-macam. Kita tengok sendiri apa yang disebutkan, kalau kena ke orang lain kroni, kita ada rekod. PAS memerintah 5 tahun aje berapa banyak ANZ dapat projek, saya dah baca senarainya dulu. Projek di Taman Rakyat Dungun, kita belanja tambun tanah, buat jalan, buat elektrik, tanah 60 ekar tapi bila PAS memerintah yang sepatutnya diserahkan kepada Korporat, Korporat pula diarah beri kepada ANZ dengan pulangan RM3 juta. Kita tambun tanah RM5.5 juta tak termasuk buat jalan, buat longkang, masuk bekalan air, api, tak termasuk harga tanah 60 ekar, Dato' Yang Dipertua. Berapa nilainya? RM3 juta saja beri kepada Korporat. Begitu juga projek di Paka, diarah supaya dibuat oleh EPIC tapi kontraktornya ANZ. Begitu juga projek di Tok Adis, EDV. Siapa mereka ini? Cina jugak kalau nak sebut Cina, lepas itu susahlah kalau kita kata begitu dia kata kita racist. Arahkan Pejabat Bandaran untuk tambun tanah, Pejabat Daerah tambun tanah lepas itu beri kepada swasta. Buat projek di Gelong Bilal, bercakap perjuang Islam, rumah beratus unit, surau takdok. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, 'cakup siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar', rakyat telah pernah memberi mandat kepada kita 'acu try test sekali', *try* dah, *test* dah sekali. Dan PAS mesti ingat PAS menang di dalam pilihan raya 1999 bukan kerana

PAS kuat, sejarah membuktikan PAS menang kerana kes Anwar bermata lebam, orang UMNO berpaling tadah bersimpati kepada Anwar beri sokongan kepada PAS, beri sokongan kepada Pembangkang sebab itulah PAS boleh menang. Sebab itu bila orang UMNO balik kembali kepada UMNO tahun 2004 kita menang, 2008 kita menang, 2013 insyaAllah, kita akan menang juga, kita tak takut. Okey sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yalah soal menang-kalah itu ketentuan Allah S.W.T. Cuma saya nak sebutnya lepas kita menang tahun 1999 untuk diambil balik ada satu kerja kuat yang secara khusus dirancang begitu rupa untuk buat masuk pengundi yang cukup ramai. Kita ada bukti dan sekarang ini tengah duk buat benda yang sama, satu *task force* tak padan dengan rakyat negeri ini, rakyat luar negara PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) diberikan kad pengenalan untuk dijadikan pengundi bagi memenangkan kawasan-kawasan dan negeri-negeri tertentu. Jadi jangan duk bercakap secara sembrono, kita ada bukti, cuma yalah bab menang-kalah tu bukan ketentuan kita, itu hak Allah S.W.T. tapi nak angkuh kata rakyat tolak belum tentu, kalau rakyat Terengganu sendiri belum tentu tapi oleh kerana ada macam di kawasan Yang Berhormat di DUN Kijal, saya sebut tahun lepas 5,006 orang rakyat Myanmar diberikan kad pengenalan di Langkawi mengundi di Air Putih, di Kijal, di Pekan. Ini kita ada maklumat dan kita serahkan, ada bukti tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang dibuat. Dia buat masuk secara apa ni .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah tu Dato' Yang Dipertua, giliran saya pulak nak menjawab. Saya faham, dibangkitkan perkara yang sama berulang kali. Saya tahu mereka ini telah mengundi di DUN Kijal sejak saya belum jadi Wakil Rakyat lagi dan saya tahu kalau diminta saya ada bukti yang pindahkan orang/pengundi itu PAS, boleh tengok balik rekod dengan SPR, Pejabat Daerah Kemaman tahun 2003 PAS memasukkan pengundi ke DUN Kijal 979 orang daripada DUN Air Putih, DUN Kemasik, DUN Cukai kerana dia punya strategi untuk mengalahkan saya di DUN Kijal. Pada masa itu Daftar Pemilih diadakan 42 hari dalam setahun, bila masa Daftar Pemilih dia buat Sukan Rakyat di DUN Kijal, dia maki kata ke saya tapi tak sedar tanah itu tanah arwah ayah saya, dia buat Sukan Rakyat atas tanah saya, dia maki ke saya. Saya buat bantahan, rekod ada boleh tengok, tuan-tuan boleh tengok, boleh *check* Suruhanjaya Pilihan Raya betul atau tidak kita buat bantahan 979 orang, orang PAS daripada DUN Air Putih, dari Bukit

Mentok satu kampung dipindah ke Seri Bandi menggunakan alamat lot kosong dalam *rok*, dalam semak tak ada rumah. Saya buat bantahan daripada 979 orang ini PAS .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Hak takdok alamat duduk dalam lot kosong itu adakah ini yang dinamakan Pengundi-pengundi Hantu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, Pengundi Hantu ini orang PAS pakai, dia kalau dah ada nama dalam senarai A tak panggil Pengundi Hantu dah. Sebab itu saya nak beritahu 979 orang, bila bantahan dibuat saya menang 976, PAS menang 3. PAS menang 3 ini kerana SPR mengatakan dia layak mendaftar di situ kerana emak mentuanya orang Kijal, salah seorang yang mendaftar di situ bekas guru saya, kalau diizinkan boleh saya sebut nama Dato' Yang Dipertua iaitu Yusof Haji Tahir duduk di Cukai mendaftar di Batu 9 kerana dia merancang untuk bertanding di DUN Kijal. Dalam masa perbicaraan dia bawa Geran, saya tahu dia kaya banyak tanah dia sebut depan saya dia kata orang dok tahu harta kita banyak di Batu 9, setongkol Geran dia, dia gulung. Saya jawab: "Cikgu soal Geran soal lain Cikgu, pengundi ialah pemastautin tetap bukan soal harta, betullah Cikgu banyak harta di Batu 9 tapi Cikgu menetap di Cukai." Kalau nak kira harta saya kata ramai orang Cina Air Jernih yang menjadi rakyat Singapura tanah masih ada di Air Jernih, dia tak boleh mengundi di Air Jernih sebab dia dah jadi warga Singapura tapi tanah masih banyak di sini. Ini dia tak faham, sengaja nak buat isu. Saya ada bukti, jelas boleh tengok dengan SPR, betul tidak DUN Kijal bantah 979 orang termasuk kita ada rekod yang didaftarkan di Rhu Rendang dari Penang, Kedah, Perak, Selangor menggunakan alamat satu rumah 6-7 orang. Ini bukan rumah kongsi Dato' Yang Dipertua sampai 6 orang pengundi baru serumah ni menggunakan alamat di Penjara Marang, kita ada rekod tapi nak buat macam mana dah masuk Senarai A sepatutnya kita bantah semasa dia dipamer dulu, setelah pameran Senarai A selesailah jadi pengundi dialah kalau tak jadi Pengundi Hantu pulak. Ini masalahnya, semua tak kena dituduh macam-macam. Di samping itu Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sama senasib dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di Jabi pun PAS bawa masuk pengundi daripada Kelantan seramai 425 orang yang alamatnya semuanya ialah di Pondok Matlain Badris.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita 'bercakap berdegar-degar tetapi kaki bergelumang dengan tahi'. Nak tunjuk kita ini hebat, bersih, alim tapi sebenarnya ini perbuatan yang mereka lakukan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bila duk cerita kononnya PAS buat masuk pengundi luar di Jabi, di Kijal semua sekali, kita pun ada rekod UMNO bukan sahaja rakyat tempatan dia bawa masuk dikumpulkan untuk UPU dan jugak peti undi tertentu, DUN-DUN tertentu yang melibatkan sekarang ini ialah warga asing pun dia beri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu Yang Dipertua, saya nak bercakap gok ganggu sokmo biar gok berlaku adil sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya arah duduk sekejap. Yang Berhormat saya nasihat dah pagi tadi, kalau mengata cari punca jangan dusta. Jadi Yang Berhormat kalau Yang Berhormat nak bangkit lagi perkara yang umum di sini, saya ingat kita bosan mendengar di sini. Yang Berhormat kalau bangkit sila sebut bukti macam kata di Jabi tadi ada bukti, Kijal bangkit dengan bukti tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia pun tidak tunjuk bukti kepada Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat kalau tidak saya tak benarkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, benda yang saya cakap ini kita bahas panjang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di mana Yang Berhormat, sila tunjuk bukti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Di Parlimen.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, cukuplah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi sekarang ini ada Laporan PAC .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bawa ke sini Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat nak saya boleh bagi, takdok masalah benda ada dalam Hansard Parlimen.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini Dewan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bila deme duk bercakap Dato' Yang Dipertua beri peluang, bila giliran saya suruh duduk sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat. Sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya duduk tak apa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduklah Dato' Yang Dipertua. Giliran saya pulak ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Guana kata?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Giliran saya nak berdiri awak duduklah pulak. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, tidak diberi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah kalau tak diberi boleh tahan kira tapi janganlah Yang Berhormat suruh saya duduk sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya suruh duduk tu Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sering kaitkan dengan Parlimen.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, fasalnya begini dah Yang Berhormat nak bukti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini bukan Parlimen, ini Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ada bukti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berilah bukti tunjuk ke saya ni, bercakap dengan bukti jangan bercakap sembarangan begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya Yang Berhormat kalau nak tunjuk bukti memang saya ada banyak. Jangan duk kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bawa ke saya, bawa ke sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, betul bukti benda apa yang nak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bentara sila ambil bukti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukti apa? Bukit apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukti yang Yang Berhormat cakap tu. Yang Berhormat selalu bercakap dengan Hansard Parlimen, bawalah hansard itu ke sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oh .... yang itu siapa-siapa pun boleh ambil Hansard Parlimen tu. Kalau Yang Berhormat tak boleh ambil, saya boleh tolong cari hansard hak mana satu Yang Berhormat nak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya boleh beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ini tak layaklah bercakap macam tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan soal tak layak, hak saya untuk bercakap dalam Dewan. Jadi kalau saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ketua Parti Islam di negeri Terengganu ini, macam ini ke bercakap?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, jangan begitu Yang Berhormat. Pagi tadi saya dah jumpa Yang Berhormat, saya kata kalau tak sempat petang ini boleh tak saya bercakap pagi besok. Yang Berhormat kata okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi hari ini tak boleh belaka. Lepas itu nak berhujah, nak beri pandangan pun semacam tidak diberi. Jadi saya ini seolah macam cakap mengarut begitu. Saya bertanggungjawab tentang apa yang saya bercakap, apa bukti yang Yang Berhormat nak saya boleh bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk. Sila bagi bukti kepada saya kalau tidak duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya tanya bukti apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukti yang Yang Berhormat bercakap? Yang Berhormat kata hansard tadi tu, bawalah hansard tu ke sini takkanlah saya nak pergi cari di Parlimen. Saya bekas Ahli Parlimen jugak, saya lebih dulu daripada Yang Berhormat jadi Ahli Parlimen. Sila duduk Yang Berhormat, kalau takdok bukti sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Laailahailallah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kijal.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Duduklah sekejap, saya pulak nak bercakap ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Amat Berhormat nak bercakap kita beri peluang, kita berkawan baik, takdok masalah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih, terima kasih. ....(Dewan Gelak) .... Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya kata tadilah, soal warganegara dan sebagainya, kita kalau sudah ada i.c. warganegaralah tu, dia ada kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dan sebagainya. Dan di samping itu saya juga nak memaklumkan perkara yang dibangkitkan mengenai soal Tasik

Kenyir dan sebagainya. Kita nak membangunkan Tasik Kenyir, kita rugi dengan kawasan yang begitu luas, begitu cantik, begitu indah tetapi tidak hasil sebab itu kita nak buat sebagai Pulau Bebas Cukai dan Kerajaan Pusat telah meluluskan, cuma masa yang akan menentukan, kemudahan-kemudahan kita sediakan. Sebagai contoh yang jelas Dato' Yang Dipertua. Dulu 2010 jumlah yang datang ke Tasik Kenyir menginap di chalet-chalet, boat house dan sebagainya seramai 225,570 orang. Tahun 2011 meningkat kepada 275,221 orang iaitu 50,671 orang dalam tempoh 1 tahun, itu belum ada lagi kemudahan, tiada lagi daya penarik lain dan kita yakin bila kita buat kemudahan-kemudahan lain termasuk Pulau Bebas Cukai ini pelancong-pelancong akan datang bertambah berkali ganda ke Terengganu, ini yang kita lakukan. Kalau kita tidak buat kata tidak buat benda satu, bila buat susah pulak jadi semua dianggap pandangan pesimis dan sebagainya. Saya yakin Dato' Yang Dipertua dengan apa yang kita lakukan ini akan boleh mengubah wajah pelancongan di negeri Terengganu, boleh membawa orang luar datang ke Terengganu. Ini harapan kita. Baru-baru ini sudah datang dua penerbangan *carter* ke Terengganu daripada Hong Kong untuk melihat, meninjau tentang keindahan dan kebudayaan serta kemudahan-kemudahan pelancongan di Terengganu, Dato' Yang Dipertua. Justeru itu, saya yakin dan percaya bahawa inilah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan demi masa depan anak bangsa kita sendiri. Dan saya sekali lagi .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, tentang Tasik Kenyir sikit kalau diizinkan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah Dato' Yang Dipertua, saya akhir dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak diberi Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang terakhir Dato' Yang Dipertua. Sebab itu kadang-kadang saya pun malu nak sebut berkait Batu Burok ni. Bila saya sebut begitu dia kata saya gelar ke dia, tak gelar kan kata *lok* saja, sebab benda-benda kenyataan yang dibuat itu tidak menggambarkan keintelektualan kita. Tadi dibaca satu nama katanya tak layak, tak cemerlang. Satu, pelajar ini telah berjaya masuk ke RCSI (Royal College of Surgeon Republic of Ireland), mana yang dia tak layak? Yang kedua, keputusan dia kata tak layak. Saya semak, pelajar ini dia sebut nama, saya sebut namalah, sepatutnya tidak

disebut nama tapi disebut nama kerana mungkin ada unsur-unsur tertentu dan niat di sebaliknya. Allahuwa'alam Dato' Yang Dipertua. Saya sebut, biarlah. Pelajar ini bernama Wan Abdul Muhaimin bin Wan Ahamad, belajar di Kolej Yayasan UEM, ditawarkan biasiswa Kerajaan Negeri Terengganu kerana mendapat tempat di Royal College of Surgeon Republic of Ireland dalam bidang perubatan. Keputusan dasar Kerajaan Negeri yang menaja pelajar-pelajar cemerlang mesti mendapat markah 13 point iaitu A-B-B, A-Level, syarat dia. Tapi pelajar ini mendapat 14 point, result dia A-A-B iaitu Biologi A, Chemistry B dan Matematik A mengatasi syarat kelayakan minimum yang ditetapkan iaitu 13 point dia dapat 14 point. Bagaimana dianggap pelajar ini tidak cemerlang, bagaimana boleh dikatakan pelajar ini tidak layak kecuali ada niat sebaliknya. Dato' Yang Dipertua, saya serahlah se kepada Batu Burok, ambillah satu, mana tahu nak bubuh frame ke.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan Dato' Yang Dipertua, tentang *specific case* ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak perlu penjelasan saya dah jelas dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kijal tidak beri Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak payah penjelasan, saya dah serahkan, tengoklah sendiri.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebab saya ada maklumat jugak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah maklumat itu, kita maklumat Kerajaan. Kita maklumat tepat, itu mungkin maklumat tak tepat, mungkin dakwaan. Jadi itulah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau boleh bagi jalan boleh saya beritahu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak payah. Cukuplah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Maklumat Yang Berhormat tidak lengkap, saya ada maklumat yang lebih lengkap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini ada Dewan serahkan kepada Yang Berhormat Batu Burok. Duduk Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya memohon persoalan tentang individu yang diberi biasiswa ini. Jadi Yang Amat Berhormat telah menjawabnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Kijal ada beri laluan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tak beri laluan dah. Giliran saya pulak ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kijal tak bagi Yang Berhormat. Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dia bersyarah dah tadi, kata macam-macam, tak layak, tak cemerlanglah. Kita beri berdasarkan keputusan. Kita ada lembaga yang buat interview yang mengesahkan pelajar itu layak atau tidak, resultnya ada, tidak ada masalah. Dan kita akan hantar ramai lagi pelajar-pelajar kita, 150 orang setahun Dato' Yang Dipertua untuk mengikuti bidang perubatan di luar negara, tahun lepas 97 orang saja yang boleh kita hantar. Ramai lagi yang kita nak hantar. Sebab itu kita kata dan termasuk juga apa yang disebut potong elaun 9 orang, kata ke kita pengkhianat dan macam-macam. Takkanlah saya nak jadi pengkhianat kepada bangsa saya sendiri. Kita dah buat macam-macam kepada pelajar-pelajar Terengganu kita. Nak masuk periksa beri RM1,000 seorang, STPM. Masuk universiti bagi RM1,000 bagi Ijazah, RM750 Diploma dan RM500 bagi Sijil, RM500 yang boleh masuk Asrama Penuh. Tahun lepas kita berbelanja RM17 juta one-off saja. Adakah ini suatu pengkhianatan? Nak suruh ramai anak-anak Terengganu berjaya, UPSR 11 tahun berturut-turut, Malaysia Book of Record. PMR, SPM, STPM cemerlang 408 orang anak Terengganu dapat straight A tahun lepas. Macam-macam yang telah kita buat, ini nak tandatangan lagi perjanjian dengan sebuah universiti di Indonesia untuk

menghantar pelajar perubatan. Kita hantar jugak pelajar-pelajar kita dalam Kejuruteraan Kapal Terbang ke China, Part 147 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Adakah ini suatu pengkhianatan? Lebih banyak peluang anak-anak Terengganu dapat pergi. Tetapi PASlah yang mengkhianat, meminta budak-budak ini berdemonstrasi, menentang Kerajaan, kononnya pilihan raya tidak bersih. Dia pun tak pernah pergi pilihan raya pun lagi, kalau tak bersih takkan BN kalah di Terengganu dalam pilihan raya 1999, Kelantan 26 tahun, Perak kalah, Pulau Pinang kalah, Selangor kalah kalau tak bersih. Nantilah dulu, saya nak jawab ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau bersih kalah belaka BN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Inilah yang dikata main macam to-nusut budak-budak, dia khabor dah tadi, dia bukan gabungan, dia pakatan pakat pakai bisik aje puak-puak ni, PKR, DAP dia berbisik macam main to-nusut sebab itu dia jadi ikatan, sebab itu dia guna parti berbeza lambang pilihan raya, PAS dengan PAS, DAP dengan DAP, kita dok. Kita berkawan, berkawan terus pakai satu simbol.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduklah, duduk, duduk.  
YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan. Kita mohon untuk buat satu tetapi tidak diluluskan sampai sekarang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduklah, duduk, duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duduk, duduklah, betullah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini giliran saya ni, tadi saya tak cara pun awak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yalah, mana beri ke saya peluang bercakap, Speaker tak beri peluang langsung nak bercakap.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduk, duduk. Saya nak beritahu, pilihan raya 2004 sejarah telah membuktikan PAS memerintah Kelantan 23 kerusi, BN kalah dengan 2 kerusi, PAS menang 23 kerusi, BN menang 21 kerusi di Kelantan 2004. Satu DUN BN kalah 2 undi di Kemuning, dah kalau BN tipu takkan 2 undi tak boleh tipu. Di Terengganu kita kalah di Ladang 31 undi kerana 1 beg Peti Undi Pos tidak dibuka, ada 137 kertas undi di dalamnya dan ralitnya, biasanya Peti Undi Pos ini BN menang tapi tidak dibuka dan peraturan kata kita boleh bawa petisyen ke mahkamah. Kita berbelanja RM350,000 untuk lantik lawyer, mahkamah telah buat keputusan kekal keputusan itu tak payah buka. Kita terima, kita tak kata pun Kerajaan tipu, kalau kena ke PAS mo'oh tipulah, pelawoklah, le bonglah kerana tak buka, kita terima, ikut peraturan. Sebab saya nak beritahu Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu walau pun Tuan Haji Abdul Wahid menang di Parlimen Kuala Terengganu 2,000 lebih tapi di DUN Ladang BN menang 500 lebih dah, itu hakikat, macam mana kita tipu. Nak masuk *check* semua, *check i.c.* semua sekali. Sebab itu kata pelajar-pelajar ini telah ditarbiyahkan begitu rupa diberi maklumat yang tidak tepat kata tidak bersih pilihan raya, dia tak rajin pergi pilihan raya pun. Ini yang dikata merosakkan pemikiran kita. Saya tak pernah pergi ke Rusia Dato' Yang Dipertua, kita ada hampir 200 orang pelajar .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduk, duduk dulu jangan panas hati Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak diberi Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Hak saya untuk pohon penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Hak saya takmbah beri?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Takmboh beri tak apalah, takdok masalah, sabar Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduklah Yang Berhormat. Teruskan Kijal.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Hah .... faham pun Yang Berhormat. Dia faham, kata hak saya nak bercakap, hak saya takmboh beri? Masing-masing ada hak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mempunyai hak untuk pohon penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dan saya punya hak untuk tidak mahu beri penjelasan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak apalah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah duduklah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak usah merah muka begitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dok merah muka pun, takdok hal kita.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Senyum sikit, senyum sikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Senyum sokmo dah, tak nampak tersengih gigi ni, tak nampak? ....(Dewan Gelak) ..... Kita jenis senyum sokmo, mana marah ke orang, jarang marah ke orang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya tak pernah pergi ke Rusia nak jumpa pelajar-pelajar di sana tetapi Presiden PAS pergi ke Rusia bila anak Terengganu ramai di Rusia, apa tujuannya, nak beri biasiswa, nak beri pinjaman, nak beri bantuan? Tidak, hanya untuk menyatakan bahawa Kerajaan BN tidak pakai, tak guna sokonglah PAS, mengganggu-gugat pelajar-pelajar ini nak belajar. Inilah yang merosakkan anak-anak kita. Sebab itu saya mintaklah .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak betul tu. Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukup sampai di sini sayang, jangan lakukan perkara-perkara yang tak seharusnya berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kelab UMNO merata-rawa dah, tak payah pergi tak apa dah kalau takmboh pergi, Kelab UMNO merata-rawa. Kelab PAS takdok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi rakyat pun, pelajar cerdas lening.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cerdik Dato' Yang Dipertua, kita tahu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pelajar cerdas.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita tahu pelajar cerdas. Duduklah, nak cerita, duduk, duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Suruh duduk. Speaker suruh duduk, sini suruh duduk, Allah payah nak bercakap ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah giliran saya kan Allah. Kekgi kita jumpa pulak kat minum air. Kita beritahu Dato' Yang Dipertua, kita ada pelajar yang cerdas sebab itu kita hantar mereka ke luar negara maknanya sistem pendidikan semakin hebat, keadaan pelajar lebih kondusif, kesihatan kita semakin hebat maknanya taraf hidup kita semakin tinggi. Dulu budak-budak kita kecil lening besar belaka dah maknanya cukup vitamin, cukup zat, makanan yang cukup, dulu tak berapa cerdas sekarang sudah cerdas maknanya lebih hebatlah tu. Ini suatu kejayaan Barisan Nasional kohor ramai boleh masuk universiti. Tapi kehebatan itu betullah dia cerdas kadang-kadang itu tidak bijaksana, antara cerdas dan bijaksana itu berbeza Dato' Yang Dipertua. Sebab itu kadang-kadang hak dapat First Class pun suruh buat surat sekeping tak reti sebab bukan bidang dia, dia baca buku sokmo dapatlah First Class tapi nak buat surat tak reti, nak *chair meeting* tak reti, kena belajar cara lain pulak. Dia kadang-kadang ini yang terpengaruh ni. Biarlah dia belajar takdok masalah, dapatkan First Class dulu, nak jadi calon PAS ke atau apa ke ikut pandai dialah, biarlah dia balik dengan Ijazah dia dulu, jangan ganggu. Sebabnya kita sedih, kita berjumpa dengan aktivis dia yang *fail*, kita kesal Dato' Yang Dipertua, kita keluar duit yang banyak. Jadi saya haraplah jangan ganggulah pelajar-pelajar ini nak belajar biarlah mereka belajar, Kerajaan Terengganu bersedia. Tahun ini nak hantar pulak Dato' Yang Dipertua, ke German pulak dalam bidang Automative Engineering, takdok masalah, kita berbelanja RM340 juta untuk tahun ini untuk pelajaran, RM10 juta untuk kertas soalan kita buat, cetakan soalan, percuma semua demi masa depan anak-anak Terengganu. Sebab itu kita lihat bila berlaku demonstrasi, bantahan, seorang-dua saja budak Terengganu, budak-budak luar yang mari sebab budak-budak Terengganu tahu apa yang Kerajaan Negeri berikan kepada mereka dalam bidang pelajaran. Mudah-mudahan Allah beri taufik hidayah kepada mereka ini, mudah-mudahan Terengganu terus cemerlang dalam bidang pendidikan dan bidang-bidang lain. Mudah-mudahan Allah murahkan rezeki Kerajaan dan rakyat Terengganu di bawah Program Rakyat Pentadbiran Dan Pembangunan, insyAllah kita akan melaksanakan banyak program demi rakyat kita Dato' Yang Dipertua. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Wakil Kijal yang telah mengakhiri penggulungan ke atas Titah Diraja pada kali ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian, pihak Kerajaan pun telah selesai penggulungannya, sekarang saya buka untuk undian –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

## **USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*"Bahawa menurut Seksyen 10(4)(b) Akta Acara Kewangan 1957, Akta 61, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju menubuhkan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu dan memasukkan dalam senarai kepada Jadual Ketiga Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957."*

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong Usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ajil sebagai penyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah mendapat sokongan sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Sila. Sekali lagi saya beri peluang jika ada. Tak ada. Jika tak ada, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini tiada perbahasan dan sekarang saya buka untuk undian –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

### **USUL INI DITERIMA.**

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita sebagaimana kata Wakil Pengkalan Berangan tadi, luar biasanya kita cepat bersidang. Saya dah agih masa sebenarnya tapi tidak ada Yang Berhormat yang ingin bercakap, berbahas dan sebagainya, barangkali dalam mood pilihan raya. Jadi untuk hari ini kita ada jamuan minum petang di luar, dijemput semua ke

jamuan minum petang. Jadi insyaAllah kerana selesai persidangan ini lebih awal jadi kita tangguhkan ke pukul 9.30 pagi besok. Sebelum kita bersurai, marilah kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.20 PETANG.

---

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 25 APRIL 2012

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.

WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.

WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.

WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawī bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURABAYA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

**TIDAK HADIR**

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahhir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli sidang sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini marilah kita bersama-sama dengan ikhlas membaca Ummul Kitab mudah-mudahan kita diberi keberkatan daripada Allah S.W.T. Al-Fatihah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan agenda pertama kita pada pagi ini, sukacita bagi pihak Dewan Undangan Negeri kita mengalu-alukan Pemerhati-pemerhati kita pagi ini terutamanya kepada 31 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa Wei Sin Kuala Terengganu, 44 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, khusus daripada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, daripada sekolah ini juga 41 orang, pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Landas, Hulu Terengganu, 37 orang pelajar, Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin juga daripada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu dan 20 orang Ahli Persatuan Belia Komuniti Intelektual, Hulu Terengganu. Selamat datang ke Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu mudah-mudahan banyak manfaat dan pelajaran yang diperolehi daripada Pemerhati yang hadir pada hari ini, insyaAllah.

Memulakan dengan Soalan-soalan Lisan pada pagi 25 April 2012, saya menjemput Yang Berhormat Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahhir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Berapakah kawasan industri yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri seluruh negeri Terengganu dan di antara kawasan-kawasan industri tersebut di daerah manakah yang berdaya maju?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Alur Limbat bertanya: Berapakah kawasan industri yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri di seluruh negeri Terengganu dan di antara kawasan industri-industri tersebut di daerah manakah yang berdaya maju?

Sehingga kini terdapat sebanyak 21 buah kawasan industri yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di seluruh negeri Terengganu ini. Di antara kawasan-kawasan industri tersebut yang dilihat berdaya maju adalah kawasan perindustrian Gong Medang di Besut, Kawasan Perindustrian Wakaf Tapai di Marang, Kawasan Perindustrian Berat di Teluk Kalong, Kemaman, Kawasan Perindustrian Jakar 1, 2 dan 3, di Kemaman dan Kawasan Perindustrian Polimer atau Kerteh Polimer Park di Kemaman dan juga Kawasan Perindustrian Gong Badak dan kawasan Perindustrian Chendering di Kuala Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat. Assalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kerana bagi peluang kepada saya. Disebutkan tadi beberapa kawasan industri yang wujud, yang berdaya maju dalam negeri Terengganu ini. Cuma saya nak tanya pihak Kerajaan, dalam usaha kita nak menarik pelabur luar negara dan juga pelabur tempatan. Apakah halangan-halangan dan masalah yang kita hadapi, halangan-halangan yang dihadapi dalam usaha kita nak tarik pelabur-pelabur ini. Pasal kadang-kadang kita ada katanya pelabur lebih berminat pergi ke tempat-tempat lain berbanding di Terengganu. Jadi apa kalau boleh dikenal pasti halangan-halangan tertentu dalam usaha kita nak tarik pelabur-pelabur tempatan ataupun pelabur luar negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, halangan yang kita boleh lihat yang pertama, memang jelas tidak ada kestabilan politik di negara kita tapi di Malaysia ini kita agak bertuah kerana

kita mempunyai kerajaan sejak hari kemerdekaan yang begitu kukuh dan dapat membagi jaminan kepada pelabur-pelabur untuk melabur, bukan sahaja melabur di Terengganu tapi di seluruh Malaysia. Untuk memberi atau menarik pelabur-pelabur ke negeri Terengganu kita memang menyediakan pelbagai insentif dan jugak kita membuat promosi terhadap kelebihan-kelebihan yang ada di negeri Terengganu terutama dari segi utiliti atau pembekal air dan elektrik yang mencukupi. Pelabuhan-pelabuhan yang kita ada terutama di Kemaman dan di Kerteh dan jugak tanah-tanah yang kita boleh ditawarkan kepada pelabur yang berdekatan dengan pelabuhan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Satu lagi soalan tambahan Dato'?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu lagi, satu lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih Exco yang menjawab. Cuma saya rasakan dia jawab politik tu tak ikhlas tu. Pasal kes kita kena tengok realiti yang berlaku. Saya sebut jugak perkara ini di Parlimen. Jadi, adakah Kerajaan tak tahulah apakah pandangan dan sikap Kerajaan kerana antara alasan yang bila kita jumpa di kalangan-kalangan dari setengah-setengah mereka yang ingin melabur ini mereka menyebut secara khusus. Yang pertamanya, dia kata kekurangan pekerja mahir dalam sektor minyak dan gas, sektor elektrk dan elektronik. Ini pengakuan yang disebut. Jadi adakah Kerajaan itu menganggap begitu jugak dengan apa yang disebut kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, lebuhraya yang menyebabkan kos pengangkutan yang tinggi, jalan hak ada pun teruk, dia kata. Ini benda-benda yang dia komen. Jadi tidak menarik minat di kalangan pelabur, ada lagi banyak lagi alasan lah. Saya kalau boleh nak kita biar ikhlas, kita bincang cara mana nak mengatasi kalau ada halangan ataupun halangan-halangan yang lain yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri biarlah kita fikir secara serius kerana menyebabkan antara punca kurangnya peluang pekerjaan kerana pelabur takmboh mari. Sekarang pun pelabur-pelabur dah mula lari dari negara kita pergi ke tempat lain. Mereka boleh bagi insentif yang lebih baik. Jadi kalau boleh kita bincang secara serius. Bukan soal politik ini, ini soal biar kita sama-sama fikirkan ke arah itu. Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Memang jawapan bukan jawapan politik, anggapan itu yang dibuat tadi itu memang tak tepatlah. Jikalau kita tengok dari kedudukan pelabur di antara negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2010, negeri Terengganu ialah duduk di tempat yang keenam dengan jumlah pelaburan RM2.327 bilion. Dan pada tahun 2011, kita duduk di tempat yang kesembilan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.392 juta. Dan pada tahun ini sehingga bulan Mac, kita menduduki di tempat yang ketiga dengan jumlah pelaburan RM1.167 juta. Jadi yang membangkitkan isu kekurangan tenaga mahir itu satu anggapan yang salahlah sebab di negeri Terengganu ini kita bukan sahaja mempunyai dua universiti tempatan, kita ada juga blok-blok Universiti Kolej TATI. Selain daripada itu, banyak lagi universiti-universiti swasta dan jugak universiti-universiti pelajaran kemahiran teknikal seperti INSTEP di mana banyak tenaga pekerja ini bukan saja setakat bekerja di negeri Terengganu kita dapat eksport pula ke negeri-negeri lain. Jadi tentang jalan raya adalah satu perkaralah yang sentiasa dipermainkan oleh pihak Pembangkang. Jadi jikalau pada masa PAS memerintah dulu jalan raya diteruskan, dibenarkan dibina. Hari ini jalan raya kita sudah siap, tapi sebab pada masa itu Kerajaan PAS nak buat *Motorway* dari Kemaman hingga ke Besut lebar 3 km tak tahu untuk *Motorway* bendaloh, mungkin kapal terbang saya pun tak faham sangatlah cara teknikal, sebab itulah kelewatan untuk kita menyiapkan jalan raya. Pelabur-pelabur yang datang ke negeri Terengganu memang tidak rajin membangkitkan isu kekurangan tenaga mahir, pekerja mahir, tidak membangkitkan kerja jalan-jalan raya yang kurang molek hanya mereka membangkitkan perkara itu memang bukan untuk negeri Terengganu. Kekurangan pekerja mahir dan jugak jalan-jalan yang tidak sempurna hanya terdapat di negeri-negeri yang sebelah utara kita sahaja dan itu yang saya dengarlah dari pelabur-pelabur yang ingin melabur di sini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHOTMAT DATO' YANG DIPERTUA : Ya, silakan Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan mengenai kawasan-kawasan perindustrian yang duduk di DUN-DUN yang tidak dimajukan, apakah status itu? Atau boleh diguna sementara untuk aktiviti-aktiviti yang lain kalau boleh bagaimana caranya?

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, memang terdapat kawasan-kawasan industri yang kurang maju kerana atas sebab-sebab yang tertentu. Yang pertama, kemungkinan kawasan-kawasan yang kurang penduduk di mana pasaran memang kecil. Yang kedua, ada kawasan-kawasan industri ataupun di daerah-daerah yang tidak mempunyai bahan mentah yang mencukupi. Jadi, walau macam mana pun Kerajaan dah merancang untuk menaiktaraf infrastruktur-infrastruktur yang ada untuk kawasan-kawasan perindustrian yang kurang maju itu dan kita jugak memfokuskan untuk menarik industri-industri yang lebih sesuai untuk kawasan itu. Ambil contoh di kawasan industri di Setiu, Saujana kerana adanya bahan mentah silika yang begitu banyak di kawasan itu kita dah berjaya menarik sebuah syarikat untuk membangunkan industri silika di kawasan Setiu dan kita berharaplah dengan fokus kita itu kita akan dapat menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur pada kawasan-kawasan industri yang kurang maju itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya benarkan satu lagi Kemasik, sila.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Jadi, saya pohon penjelasan tentang jawapan daripada Wakil Kerajaan tadi berkenaan dengan kawasan-kawasan industri yang berdaya saing, yang berdaya maju di negeri Terengganu. Jadi, salah satunya disebut tadi kawasan-kawasan industri seperti di Teluk Kalung, kawasan Jakar di Chukai dan jugak di Kerteh Polymer Park. Jadi untuk makluman saya rasa semua bersetuju bahawa dari segi adanya kemudahan infrastruktur yang ada sekarang ini adalah cukup baik untuk membantu menyokong usaha ke arah meningkatkan lagi industri ataupun tapak-tapak industri di negeri Terengganu dan juga saya yakin khususnya di kawasan Kemaman bahawa memang ramai tenaga-tenaga kerja yang mahir. Jadi, soalan saya dari segi pembangunan yang sedang dijalankan atau akan diadakan di Kerteh Polymer Park untuk masa sekarang ini apa benda yang dalam perancangan dan yang sedang berjalan sekarang ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Kawasan Perindustrian Kerteh Polymer Park setakat ini kita sudah ada 3 buah syarikat yang membangunkan kilang di kawasan itu dan baru-

baru ini satu pelaburan *joint venture* atau kerjasama di antara CJ daripada Korea dan jugak AQMA dari Perancis telah diluluskan untuk beroperasi di kawasan itu. Dan sekarang pada masa ini, Kerajaan sedang telah dalam proses perbincangan dengan dua-tiga lagi syarikat yang melibatkan dalam industri serupa dengan CJ-AQMA iaitu di industri Polimer dan jugak industri Bioteknologi daripada Amerika Syarikat untuk berlabur di sini. Dan kita yakin pada tahun ini kita mempunyai peluang yang tinggi untuk dapatkan pelaburan daripada Amerika Syarikat ini. Dan masalah kita ialah bukan kesusahan untuk mendapatkan pelabur tetapi masalah yang pertama kita ialah untuk menyediakan tapak industri yang mencukupi dan penyediaan infrastruktur yang mencukupi untuk membolehkan pelabur-pelabur yang berminat melabur di negeri Terengganu untuk masuk untuk menjalankan operasi mereka dalam tempoh yang terdekat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama daripada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Saya ingat cukup Yang Berhormat, kita dah ada empat tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat tak ada tambahan tadi. Saya jemput Wakil Manir untuk soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan dan para Pemerhati. Soalan saya yang pertama –

*Dari tahun 2008 hingga kini, berapa ramaiakah rakyat negeri Terengganu yang diberi tawaran oleh Kerajaan untuk memiliki tanah pertanian dan tanah tempat tinggal mengikut pecahan daerah?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati-pemerhati sekalian. Untuk pengetahuan Yang

Berhormat Wakil Manir, pada 2008 sehingga 15 April 2012 Kerajaan Negeri Terengganu telahpun meluluskan sebanyak 14,595 lot tanah yang diluluskan kepada rakyat negeri Terengganu yang melibatkan 14,595 pemohon. Pecahan seperti berikut, tanah pertanian 5,166 lot melibatkan 5,166 pemohon. Kedua, tanah tapak rumah 9,429 lot melibatkan 9,429 pemohon yang menjadikan jumlahnya 14,595 lot atau pun 14,595 pemohon. Tidak pernah berlaku sebelum ini Dato' Yang Dipertua, dalam tempoh 4 tahun Kerajaan Negeri Terengganu dapat meluluskan tanah sebanyak itu. Berasaskan pengalaman saya 13 tahun iaitu 9 tahun sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri dan 4 tahun sebagai Menteri Besar dalam tempoh penggal-penggal yang lalu sebanyak ini tanah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Dan mengikut pecahan daerah sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat Wakil Manir adalah seperti senarai berikut. Yang pertama, daerah Besut Dato' Yang Dipertua, tapak pertanian 1,186 lot melibatkan 1,186 pemohon. Yang kedua, tapak rumah 1,133 pemohon menjadikan jumlah tapak pertanian, tapak rumah diluluskan di daerah Besut sebanyak 2,316 dalam tempoh 4 tahun. Kedua, Dungun, tapak pertanian 131 lot, tapak rumah 2,934 lot menjadikan jumlah keseluruhan Dungun 3,065 lot dan 3,065 pemohon yang berjaya. Ketiga, Hulu Terengganu, tapak pertanian 2,226 lot, tapak rumah 915 lot menjadikan jumlah yang diluluskan bagi daerah Hulu Terengganu menjadikan 3,141 pemohon melibatkan 3,141 lot. Keempat, daerah Kemaman, tapak pertanian 640 lot, tapak rumah 1,877 lot menjadikan keseluruhan daerah Kemaman sehingga pertengahan April 2012 sebanyak 2,517 lot melibatkan 2,517 pemohon. Kuala Terengganu, tapak pertanian, 78 lot, tapak rumah 1,333 menjadikan jumlah keseluruhan daerah Kuala Terengganu 1,411 pemohon yang berjaya. Bagi daerah Marang, tapak pertanian 56 lot, tapak rumah 365 jumlah 421 lot. Yang ketujuh, Setiu, tapak pertanian 771 lot, tapak rumah 872 lot menjadikan jumlah di daerah Setiu sebanyak 1,643 lot atau 1,643 pemohon dan ini bermakna tapak pertanian yang diluluskan bagi keseluruhan negeri Terengganu bermula pada tahun 2008 hingga 15 April 2012 adalah sebanyak 5,166 lot atau pemohon tapak rumah 9,412 pemohon dan jumlah keseluruhan sebanyak 14,595 dan ini bermakna 14,595 pemohon yang berjaya mendapatkannya. Terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, bolehkah Kerajaan jelaskan di kalangan para belia dan orang-orang dewasa yang telah diberi lot-lot tersebut.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memerlukan notis untuk memperincikan berapa ramai golongan tua, berapa ramai golongan muda kerana mereka juga terlibat dalam sebahagian pengagihan lot-lot aktiviti pertanian dan aktiviti perumahan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Adakah di kalangan mereka yang terpilih untuk diberi kawasan tanah pertanian itu dari kalangan warga emas?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Termasuk juga Yang Dipertua. Baru-baru ini saya serah di Hulu Terengganu umurnya 89 tahun, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Daripada jumlah rakyat yang telah diberikan lot-lot tanah pertanian dan jugak lot-lot perumahan. Kelmarin ada rombongan yang datang untuk berjumpa dengan Yang Amat Berhormat untuk hantar memorandum kerana melibatkan tanah-tanah mereka diambil balik dan macam mana kes-kes tertentu berhubung tanah. Adakah kerajaan memikirkan selain daripada lot-lot yang diberikan kepada rakyat ini yang mungkin takdok tanah yang memerlukan kepada tanah sebagai tapak rumah mereka yang terlibat dengan pengambilan balik tanah itu juga difikirkan untuk dicari ganti atau sebagaimana sebahagian daripada memorandum semalam. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan prihatin dengan apa yang berlaku tapi keadaan dan soal sikap Yang Dipertua. Tuan-tuan jelas sebagaimana saya menerima memorandum semalam mengenai tanah yang diambil balik di Banggol Donas untuk jalan pintas kepada Banggol Tuan Muda ke Gemuroh yang melibatkan 22 keluarga yang menjadi masalahnya rakyat yang menyokong Kerajaan dan atas pagar, menerima pampasan dan Kerajaan menyediakan tapak rumah untuk mereka dan mereka boleh berpindah dan telahpun berpindah dan sebahagian rumah telahpun disiapkan. Bukan saja Kerajaan bayar tapi beri tapak pula tapi 22 keluarga ini, 22 rumah ini menaikkan bendera, kita hendak bayar pampasan, enggan terima, tapak

yang kita sediakan pun takmboh terima jugak. Ini masalahnya Dato' Pertua, kita tak zalim. Sepatutnya kalau ikut peraturan kita bayar harga tanah, okey, terpulang kepada mereka nak beli kat lain ke tapi kita masih lagi mendengar kehendak rintihan mereka, kita sediakan tapak dan boleh dilihat tapak telahpun siap sebagaimana saudara-saudara sendiri boleh lihat dan saya minta kepimpinan sahabat saya dapat memujuk mereka ini kerana tapak telahpun kita bersedia untuk berpindah dan dari segi bayaran yang akan kita bayar mengikut Peraturan Undang-Undang Pengambilan Balik Tanah 1990 dan kalau masih tak berpuas hati mereka ada hak untuk membawa ke Mahkamah Tinggi, Dato' Yang Dipertua. Itu di antara contohnya Dato' Yang Dipertua. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Soalan tambahan Yang Dipertua, terima kasih. Yalah soal memorandum yang dikemukakan dan penjelasan oleh pihak Kerajaan itu kita akan tengok lepas pada ini, mungkin ada sebab-sebab lain tidak puas hati sehinggakan mereka tidak mahu menerima bayaran pampasan dan sebagainya.

Soalan saya Yang Berhormat Yang Dipertua, jugak semalam dikemukakan jawapan kepada soalan saya oleh Yang Amat Berhormat, bukan sahaja rakyat, Wakil Rakyat pun terima jugak yang disebut, baru dedah 5 Wakil Rakyat tapi semalam saya sebut 13, kalau boleh Yang Amat Berhormat senarai hak 13 tu kalau ada senarai kita pun nak dengar jugak dalam Dewan ini pasal kawan-kawan kita belaka. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Mulia, sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menjawab, bolehkah saya selitkan soalan saya sekali?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang sama? Sila-sila.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, berdasarkan kepada statistik yang ada dengan saya. Didapati dalam era 1999 hingga 2004 beberapa lot yang strategik dalam bandar dan juga di luar bandar telah diluluskan oleh Kerajaan yang memerintah pada masa itu. Kepada pemimpin mereka dan juga Wakil Rakyat. Saya bagi contoh yang pertama Dato' Yang Dipertua, Lot PT 3378, Mukim Bandar untuk tapak Majlis Bandaraya sekarang yang

keluasannya 11,516 meter persegi telah *dialienated* dengan izin, kepada Koperasi Pengguna Insaf Terengganu atau ringkasnya KOINSAF pada 18hb September, 2002 dengan kadar bayaran premium hanya RM340,000.00 dan kategori kegunaan tanah tersebut adalah kategori kegunaan 'Bangunan Pejabat Dan Lain-lain'. KOINSAF ini sebenarnya ditubuhkan pada 29hb. Disember, 2001, Pengerusinya ialah Haji Roslin Abd Rahman, Bendahari PAS Kemaman dan antara AJKnya ialah Haji Hussin bin Ismail, Setiausaha Politik kepada Menteri Besar pada masa itu. Jadi ekoran daripada itu, Kerajaan Negeri semasa era Barisan Nasional terpaksa membayar kos pampasan pengambilan balik hartanah tersebut pada kadar RM300 kaki persegi dan jumlah keseluruhan pampasan daripada pelaburan RM340,000.00 tadi KOINSAF mendapat RM8,061,200.00, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mungkin pada pandangan pihak Pembangkang tidak diberikan atas nama peribadi pemimpin mereka atau Wakil Rakyat mereka tetapi mereka pandai menyamar kononnya berlindung atas nama Syarikat Adnin Malaysia Sdn. Bhd. di mana Lot PT 3431 berkeluasan 254 meter persegi yang kesemua kegunaan tanah tersebut adalah untuk 'Kedai'. Kadar premium yang ditetapkan bagi setiap satu daripada 3 lot yang pertama adalah RM50,000.00 dan lot keempatnya ialah RM76,200.00. Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Adnin Malaysia Sdn. Bhd. adalah Nik Mohd Zawawi bin Salleh yang juga seorang Wakil Rakyat PAS pada ketika itu dan salah seorangnya adalah Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Wan Mahyuddin. Untuk tujuan yang sama iaitu untuk tujuan kegunaan awam, Kerajaan terpaksa mengambil balik tanah tersebut dengan jumlah pampasan bagi lot pertama iaitu lot PT 3428 sebanyak RM465,715.00. Lot kedua, PT 3429, RM372,500.00. Lot ketiga, PT 3430 RM372,500.00 dan lot keempat, PT 3431 jumlah pampasan yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan adalah RM635,000.00. Contoh ketiga, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa soalan dia Dato' Yang Dipertua, soalan dia benda apa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ini belum ada soalan lagi, ini nak beritahu dulu.

YANG BERHOTMAT DATO' YANG DIPERTUA : Sila-sila habiskan Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Marah dah kena atas kepala dia barangkali.

YANG BERTHOTMAT DATO' YANG DIPERTUA : Habiskan Alur Limbat, supaya jangan makan masa.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang ketiga Dato' Yang Dipertua, Persatuan Isteri Wakil Rakyat PAS Terengganu (Khairunnisa') pada ketika itu hanya perlu membayar RM78,480.00 bagi kadar premium untuk separuh bahagian daripada keluasan keseluruhan 4,932 meter persegi, Lot PT 1830, Mukim Batu Burok. Jadi Kerajaan terpaksa membayar kos pengambilan balik tanah RM2,096,100.00. Ini yang ketiga.

YANG BERTHOTMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang keempat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. PAS yang memerintah pada ketika itu telah memberikan tanah dengan keluasan tanah 3,259 meter persegi kepada Ko-Khidmat dengan hanya kadar premium RM22,200.00 dan nilai ketika itu nilai pasaran tanah di kawasan Batu Burok adalah RM500,000.00. Yang kelima Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seluas 50 ekar tanah pertanian di Durian Mentangau ketika itu diluluskan oleh Kerajaan PAS seluas 50 hektar kepada Dr. Sulaiman juga Wakil Rakyat PAS pada ketika itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dan yang keenam Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hah! yang ini.

YANG BERTHOTMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak sangat, cukuplah.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sejumlah 10,000 ekar telah dialienasi kepada NEP Plantation, North-East Plantation yang dipengerusikan oleh Dato' Hishamudin (Harakah) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi saya tak fahamlah kalau stakat beri tanah satu hektar kepada Wakil Rakyat dianggap zalim. 10,000 ekar adakah saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan Yang Mulia ini, adakah beri 10,000 ekar ini, beri tanah yang

berstrategik kepada pemimpin-pemimpin Pembangkang itu dianggap satu perkara kebajikan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, faham. Sila Wakil Kerajaan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Alur Limbat yang menyenaraikan tanah-tanah tersebut tadi dan saya masih lagi mempunyai senarai yang panjang. Saya telah jawab beberapa kali di sini, saya masih teringat Dato' Yang Dipertua satu cerita bila satu Program Kawalan Kampung diadakan pada waktu malam, tiba-tiba seorang berteriak dengan kuat, dengan lantang "Pencuri! Pencuri! Pencuri!" Maka orang kampung keluarlah beramai-ramai untuk mengejar pencuri dan orang yang menyebut itu berkata pencuri telah lari ke dalam hutan tapi setelah disiasat akhirnya orang yang berteriak itulah sebenarnya pencuri, Dato' Yang Dipertua....(tepukan sokongan)....

Bayangkan sebagaimana yang disebut tadi, BN memerintah Terengganu setelah sekian lama dan kita mempunyai tanah-tanah strategik yang bakal dibangunkan untuk kepentingan rakyat pada masa depan termasuk juga saya sebut tadi tapak Mahkamah Lama yang disimpan untuk kegunaan Kerajaan tapi diserahkan kepada koperasi dengan harga yang murah, setakat ini Kerajaan terpaksa ambil balik dengan RM8 juta, dia bayar cuma RM300,000.00 lebih. Disebut juga kepada Isteri Wakil Rakyat bayar RM78,000.00, Kerajaan ambil balik bayar RM2 juta lebih. Inilah sikap sebenar tembelang mereka Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebut tadilah, bila kita lakukan berdasarkan peraturan undang-undang yang ada pegawai bertindak perkara yang sama. Bukan orang politik yang yang pergi tebang tanah, tolak rumah, Pegawai Kerajaan sama. Masa zaman PAS, Pegawai Kerajaan jugak pergi tolak atas arahan PAS tapi dia kata kita zalim dan saya tak pernah sebagai Wakil Rakyat, Exco, Menteri Besar turut turun sama operasi menebas, menolak tanah haram dibuat oleh rakyat tapi bekas Menteri Besar pimpinan PAS pernah turun ke DUN Langkap, ada gambar dan sebagainya, cabut pokok kelapa sawit yang diusahakan oleh orang UMNO. Kalau kita buat dia hantar gambar macam-macam Dato' Yang Dipertua, semalam macam-macam hantar memorandum tebal ni, gambar macam-macam. Sayapun ada gambar jugak Dato' Yang Dipertua kalau nak melawan gambarlah, gambar zaman PAS. Hak rombak rumah, tolak pokok, dia buat. Kata ke dulang paku serpih, kata orang kita yang lebih ....(tepukan sokongan)....

Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang diungkitkan tadi juga, tanah dan sebagainya termasuk tanah Darul Bayah. Saya dah buat kajian kronologinya satu persatu daripadanya, tanah ini asal bukan tanah PAS, tanah ini pernah dipohon oleh seorang bekas Wakil Rakyat UMNO satu ketika dulu yang pernah menjadi Wakil Rakyat di Paka, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kita tolak permohonan ini, dia ada 2 lot, satu lot rumah siap kita bagi, satu lot tanah kosong kita tak bagi. Kemudian dipohon oleh PAS, semasa dalam pemerintahan PAS dan diberi TOL. Tapi kemudian kesilapannya pengurusan Darul Bayah sendiri, tidak menyambung lesen TOL sehingga 2004 sahaja. Kita tahu TOL setahun ke setahun, tanya pegawai-pegawai, dia mati 31hb Disember, boleh merujuk kepada Yang Berhormat Wakil Ladang. Tanah TOL mati setiap tahun 31hb Disember dan perlu disambung dan apabila penyambungan tidak dibuat tanah itu menjadi kembali hak Kerajaan dan semasa itulah 5 orang pemohon ini memohon tanah tersebut dan diberikan lot tapak rumah dan telah dikeluarkan bukan setakat kelulusan, semua mereka mempunyai geran masing-masing Dato' Yang Dipertua. Gerannya ada satu persatu, bagaimana PAS mendakwa Kerajaan zalim, JKK zalim merampas tanah Darul Bayah. Ini suatu yang tidak betul malahan menjadi hak orang tanah ini kalau PAS membuat pagar, buat apa menyaman PAS dan Darul Bayah ini kerana menceroob tanah mereka. Mereka ada hak, ini peraturan tanah undang-undang tanah Dato' Yang Dipertua. Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar, Dato' Yang Dipertua. Inilah hakikat yang berlaku.

Begitu juga semalam saya dapati semasa hendak menyerahkan memorandum pelbagai perkara dibangkit, diungkitkan, termasuk sekali lagi ditimbulkan soal saya, Kerajaan Negeri merobohkan Masjid Bujal. Saya dah sebut berulang kali, kenapa kita orang Islam berjuang menegakkan Islam, bercakap soal parti Islam, memfitnah sepanjang jalan, sepanjang zaman. Tuhan tahu apa yang kita lakukan walaupun kita membohongi rakyat seluruh negara. Saya sebut saya daripada Kijal, Kampung Bujal berada di Kampung Ibok, di Kampung Payoh. Semasa saya menjadi Wakil Rakyat hanya ada 7 buah rumah, sekarang ini ada 13 buah rumah. Tak layak untuk mendirikan sebuah masjid, masjid itu adalah Masjid Kampung Payoh, orang Bujal dalam Kampung Payoh. Dulu orang dari Batu 9 sembahyang di Masjid Payoh, orang di Bukit Teruna sembahyang di Masjid Payoh, sekarang ini Batu 9 ada masjid baru. Bukit Teruna walaupun cukup makmum masih bersembahyang di Masjid Payoh kerana kalau kita buat masjid baru di Bukit Teruna kemungkinan Payoh tak dapat sembahyang kerana tak cukup makmum. Ini sejarah hakikat sebenar berlaku, tapi kenapa tiba-tiba buat markas nak meroboh isytihar masjid.

Ini pembohongan. Saya pernah cabar orang PAS termasuk pemimpin depan ini kalau betul-betul sebagaimana disebut salah seorang yang menyebut kelmarin iaitu masalah masjid di Bujal, kata ke saya zalim iaitu Abu Bakar Abdullah, AJK PAS Kawasan Kuala Terengganu: "Perhimpunan ini bertujuan membantah ke atas kezaliman Kerajaan yang telah merampas tanah rakyat dan Masjid Bujal, Kemaman. Tapi kami akan naik akan datang Menteri Besar Ahmad Said, Menteri Besar Terengganu tidak turun." Sedap bersyarah. Saya cabar pada bakal pemimpin PAS di depan saya bersumpah di hadapan Al-Quran jika ini betul-betul masjid. Jangan main-main, ini bukan masjid, saya berani bersumpah "Wallahi Wabillahi Watallahi" itu bukan masjid. Saya mintak orang PAS bersumpah "Wallahi Wabillahi Watallahi" itu ialah masjid. Jangan main politik, membohong sepanjang masa, sepanjang zaman, malulah kita. Tuhan Maha Mengetahui. Sebab itu Tuhan tak terima sembahyang hajat PAS ramai-ramai....(tepukan sokongan).... Kata ke Mat Said rombak masjid, buat sembahyang hajat perdana suruh ditimpa bala. Alhamdulillah, setakat ini Tuhan tahu itu bukan masjid. Malu gok kita sikit ni, cakap war-war macam orang dok sedor diri, masjid-masjid, zalim-zalim. Apakah kezaliman yang kita lakukan? Cuba tarbiyah diri sendiri sebelum tarbiyah orang lain. Macam-macam disebut, semuanya zalim.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan Dato' Yang Dipertua. Sedap isu ni .... (Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan tak perlu, soalan Yang Berhormat. Soalan tambahan mintak kemudian. Saya mintak Kerajaan habiskan dululah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab isu sedap ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sedappun nak buat macam mana, dok kena tempat. Sila Yang Amat Berhormat habiskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya akan ulas lebih panjang perkara ini Dato' Yang Dipertua semasa penggulangan nanti. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya minta maaf Yang Berhormat Ajil, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya tadi dia tak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, cukup, cukup. Saya nak mintak soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Saya nak suruh dia jawab soalan saya, dia lekong tang ke lain. Dia duk bercakap apa yang disebut oleh Alur Limbat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, itu saya benarkan untuk bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat. Sila duduk Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Sekarang ni saya nak tanya 13 orang nama. Jadi ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia dah jawab tu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia tak jawab, 13 nama tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Urusan dah selesai.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan soal begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi soalan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Arahan saya, Yang Berhormat duduk.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu Yang Dipertua, soalan saya .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Batu Burok untuk soalan seterusnya. Sila Batu Burok.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia tak berani nak menyatakan kebenaran duk cakap hal lain. Beri nama, tanah kepada syarikat dan koperasi bukan tanah individu. Jadi sekarang ini duk bangkit beri ke itu-ini, saya ada jugak senarai yang UMNO, Kerajaan bagi tanah kepada syarikat dan individu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat tak payah nak bawa .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, termasuk beri masa zaman dulu kepada Vincent Tan, Berjaya Group sebutir pulau, tanah *prime area* untuk buat resort. Itu kita tak bangkit. Soalnya sekarang ini, jadi kita mintak, jawab biarlah ikhlas. Kita tanya nama pasal ini beza.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sepatutnya soalan ini saya jawab kelmarin.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kelmarin tak sempat nak jawab.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah tak apalah, hak kelmarin habislah, saya takdok masalah .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak ini berkait dengan soalan tambahan, soalan yang dikemukakan oleh .....

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya boleh beri nama ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah dijawab tadi Yang Berhormat. Kerajaan dah jawab, saya ingat .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takut benda nak beri namanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: .... Cukup panjang dah jawapan tadi. Sila duduk Yang Berhormat. Patuh kepada arahan Yang Dipertua, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam) : Ya, saya patuh tapi Dato' Yang Dipertua biarlah berlaku adil sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih pada adil dah Yang Berhormat. Saya mintak duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kelmarin tak boleh nak cakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tu adillah kepada diri Yang Berhormat. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Waalaikumussalam warahmatullah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sekadar *point of order*, kalau dari segi *etiquettnya*, saya sebagai seorang Wakil Rakyat boleh dapat tanah, saya nak jugak tanah dari segi etikanya. Soalan saya soalan nombor 1 –

*Berapakah jumlah yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi projek pembinaan Zoo di Bukit Takal, Kemaman dan nyatakan jenis binatang yang ada setakat ini di zoo tersebut?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat boleh memohonlah. Yang Amat Berhormat boleh jawab dulu.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak maklumlah *etiquette*, dok *etiquette* pun kita dah keluarkan secara jelas Dato' Yang Dipertua. Rakyat Terengganu berumur 18 tahun ke atas berhak untuk memohon tanah sama ada tapak pertanian ataupun tapak rumah. Termasuk Yang Berhormat, tidak terkecuali.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Termasuk juga Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat, sila-sila soalan seterusnya.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab pertanyaan ADUN Wakil Batu Burok, jumlah yang diperuntukan untuk Zoo Kemaman, untuk makluman, pengetahuan, jawapannya Zoo Kemaman bermula pembinaannya secara kecil-kecilan semenjak tahun 1998 dan sehingga siap Mini Zoo Kemaman ini kos yang dibelanjakan sebanyak RM9 juta dan ada tambahan sejak 2 tahun yang lalu untuk menambahkan kemudahan-kemudahan ini iaitu perbelanjaan tahun 2011, RM2,029,000.00, tahun 2012, RM3,040,000.00 menjadikan RM5,069,000.00 dan keseluruhan belanja setakat ini iaitu sebanyak RM14,069,000.00. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Sila.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pembinaan zoo di Bukit Takal, Kemaman ini adalah suatu yang bagi saya mungkin menjadi *pet project* bagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana di Dewan ini kita telah meluluskan suatu peruntukan yang begitu besar dan kalau mengikut kepada cadangan Taman Zoologi, dengan izin, *facing and construction schedule* yang dijangka akan siap pada tahun 2012 dan awal 2013 keseluruhan perbelanjaan yang kita akan belanjakan adalah RM94,949,373. Ini suatu jumlah yang teramat besar untuk kita menjaga binatang-binatang di Zoo Kemaman ini dalam keadaan terlalu ramai rakyat yang miskin, yang susah. Kalau takdok di tempat lain pun di DUN saya di Batu Burok terlalu ramai yang masih lagi

bergantung kepada Duit Ehsan, Subsidi Atap Biru, Bantuan Sekolah, Bantuan Hari Raya dan pelbagai bantuan sedangkan kita membelanjakan suatu jumlah yang begitu besar untuk binatang-binatang yang diimport dari merata dunia. Kalau mengikut fasal-fasalnya antara binatang yang akan diimport adalah jenis badak sumbu, *rhino* yang harganya mencecah USD100,000 iaitu lebih kurang RM300,000.00 sekor, 3 ekor bermakna RM1 juta kita nak beli badak sumbu, nak jaga badak sumbu dalam keadaan ramai anak-anak pelajar kita yang takdok biasiswa yang terpaksa bergantung kepada PTPTN dan sebagainya. Kita berbelanja besar nak jaga binatang-binatang ini, chimpanzee, babun, siamang dan sebagainya dalam keadaan bantahan-bantahan yang dibuat oleh banyak pihak termasuk Sahabat Alam Malaysia sendiri yang membantah keras pembinaan zoo ini yang dilihat sebagai suatu pembaziran yang amat besar yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Pohon penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau saya sebut pembohong bersiri dia marah. Bila Kerajaan meluluskan RM94 juta? Ini bukan cadangan yang telah dibawa oleh pihak yang terlibat. Tak pernah lulus RM94 juta pun dan tidak ada setakat ini program nak order 3 ekor gajah, 3 ekor badak sumbu RM100,000 lebih apa semua sekali. Ini semua reka belakalah ni, malu gok kita sikit Dato' Yang Dipertua. Dan tahukah Dato' Yang Dipertua, sekarang ini Zoo Kemaman telah menjadi *good partnership* dengan Jabatan PERHILITAN. Semua binatang-binatang utama dihantar secara percuma menjadikan ia *rehabilitation centre* untuk PERHILITAN negara kita. Sebab itu baru ni kita dapat *free* 12 ekor singa yang dirampas di tempat lain dan dihantar ke tempat kita, taper dihantar, lepas ni nak hantar orang utan pula. Sekarang ini reka belaka sokmo ni. Sebab tu saya sebut, kita buat, ni bangkit, nak ungitkan soal pembangunan RM94 juta, pelajaran sebagainya. Pergi ceramah khabor beli itik, beli angsa RM5,000 - 6,000 sekor. Kita akui hak kita beli, kita belilah. Lepas itu kalau nak jual itik bersyarah pulak, kalau nak jual angsa jumpa MB, dia beli angsa mahal-mahal, angsa mana? Bukan sawa-nila hak kita beli tu di kampung. Saya dapat maklumat, ada orang tua pergi dengar ceramah PAS, hak sebut, saya beli angsa RM5,000 - 6,000 sekor daripada Holland dan sebagainya. Orang tua itu kata guana? Orang tua tapi hak cerdik sikit, dia kata nasib baik MB beli boleh gok tengok kita pergi Kenyir. Kalau nak pergi Holland berapa tambang pulak, hak cerdik sikit jawab. Hak ni kata nak jadi seolah nak timbulkan kemarahan rakyat, kebencian rakyat. Ini hakikat yang berlaku, duk sibuk hal biasiswa, hak bazir ini apa semua sekali.

Saya nak beritahu ini Dato' Yang Dipertua, kutipan hasil 2011 yang diperolehi oleh Majlis Bandar Kemaman RM490,699.00. Kutipan tahun ini sehingga 15 haribulan RM188,317.00. Jumlah pelawat tahun lepas 59,066 orang, sehingga pertengahan bulan ini 98,866 orang. Ini bermakna hintung panjang hampir 5,000 orang sebulan dan bukan orang Terengganu saja, orang Kuantan, orang tempat lain, kalau kita pergi hari minggu, hari Ahad empat-lima buah bas orang Pahang mari tengok dan dia mari tengok bukan mari tengok zoo binatang ini saja Dato' Yang Dipertua, bukan nak tengok natang saja, nak tengok orang *retak*. Nak tengok orang Kemaman guana, lepas itu makan pulak, dia beli, makan nasi, makan di restoran, bukan restoran UMNO belaka, restoran PAS makan jugak. Beli keropok bukan keropok orang UMNO saja, orang PAS pun jual keropok jugak. Cuba kita fikir *spill over* Dato' Yang Dipertua dengan izin, kalau tidak orang dok buat Zoo Negara, Singapore tak buat zoo, negara lain tak buat zoo, Taiping pun buat zoo, sampai malam pun buka. Ini merupakan usaha untuk menambahbaikan, kemudahan orang mendatang ke tempat kita. Cuba kita tengok dalam bentuk yang rasional, bertanggungjawab. Kita pergi dekat zoo di Singapore kita senyum, kita pergi Zoo Kuala Lumpur orang dok senyum, sampai-sampai kita buat dok boleh pulak, salah. Ini sikap negatif, buat jambatan membazir, buat jambatan dia gok lalu. Pelikkan ni. Cuba kita tengok dalam bentuk yang positif, peluang pekerjaan yang kita ada, yang dapat kita berikan, tambahan pendapatan kepada penduduk tempatan, eksploitasi sumber yang kita ada. Saya selalu sebut Dato' Yang Dipertua, orang India ada seekor ular senduk, dia cari bakul se, serunai se, dia tiup boleh beri makan satu keluarga dia. Tapi orang Melayu kalau ada seekor ular tedung, nak bunuh sokmo, kejar pulak cari buluh dulu nak katok ular, seolah-olah buluh aje yang boleh mematikan ular, kayu lain dokleh mati. Ini sikap dia, buat tu, bangkit rakyat miskin, marhain dok belajar. Belajar kita beri pelajaran RM340 juta, ini bila saya buat orang PAS gok hantar SMS nak timbulkan kebangkitan rakyat, kekeliruan, Mat Said belanja zoo RM9 juta, beri ke orang belajar RM4 juta. Mana betul RM4 juta, One-off dah RM13 juta, tahun ni RM340 juta, e-Book saja RM25 juta, tapi ini fitnah sepanjang jalan. Bercakap nak menegakkan Islam, perjuang Islam, malu gok kita fitnah orang ni. Sebab tu saya kata buat betul-betul, ini anggaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan, perancangan masa depan, dok lulus lagi pun. Bila Dewan lulus RM94 juta ni? Ini pembohongan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Itu penjelasan, kita lulus di Dewan ini. Bajet yang kita luluskan hampir RM100 juta untuk projek zoo di Bukit Takal. Saya mintak Yang Amat Berhormat rujuk balik dalam buku Bajet. Kita minta rujuk balik, ini bukan pembohongan, ini fakta yang perlu dijawab.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya mintalah Yang Berhormat Batu Burok berhati-hati kerana kita percaya bahawa kita ingin melihat Terengganu terus dikunjungi oleh orang ramai. Kita mesti mempelbagaikan sumber pendapatan kita, kita sebut bahawa kita tidak boleh bergantung kepada minyak dan gas semata-mata. Kalau minyak habis, gas habis apa nak jadi kepada rakyat Terengganu? Kita dipersoalkan, sebab itu kita mempelbagaikan dan apa yang kita ada hari ini kita hendak menjadikan Terengganu pada masa depan ekonominya bergantung kepada sumber pelancongan, kita kena buat kemudahan-kemudahan ini. Sudah tentu permulaan akan kita buat infrastruktur secara berperingkat dan sebagainya, nak buat Tasik Kenyir dan sebagainya. Semalam saya sebut Kenyir begitu jugak, dalam tempoh setahun 50,000 tambahan pelancong datang, dengan tidak ada kemudahan. Jadi saya haraplah, kita semuanya bertanggungjawab untuk melihat negeri Terengganu maju membangun, peluang pekerjaan bertambah. Saya macam Yang Berhormat jugak, Kerajaan tanggungjawab, saya ingin melihat kejayaan, saya ingin melihat orang ramai datang ke Terengganu, saya ingin melihat Terengganu maju, saya juga ingin melihat pendapatan rakyat kita bertambah sebab setiap 5 tahun kita pulangkan kepada rakyat untuk menilai kita, takkan kita nak tipu rakyat, takkan mengkhianati rakyat. Kita ada peraturan undang-undang yang sama. PAS memerintah dulu pun undang-undang yang sama takdok pinda sikit pun. Jadi fahamlah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, pendek aje Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Terima kasih. Saya jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat itu saya rasa agak meleret tapi tidak kepada soalan pokok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormatlah. Ya. Tak usah komenlah hak tu. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, soalan sayalah ni. Dia begini Yang Berhormat, dia apa-apa pun kena ada muqadimah. Jangan duk tekan, main *direct* gitu selalu. Dia ada muqadimah dia. Saya nak sebut sebab sekarang ini perbelanjaan yang kita lulus besar hampir RM100 juta. Dalam Bajet, dalam Bajet itu yang kita lulus dah. Soalnya sekarang ni zoo ini *is not being run professionally* dengan izin. Yang kedua, tidak ada, *it's not a profitable venture*, dengan izin. Ini benda-benda yang kita kena *code* pasal tidak ada zoo yang untung, baik, tak apalah kita rasa kita nak abu aje. Tapi sekarang ni masalah yang ada sekarang ni banyak perkara walaupun kita tahu ia tidak memberikan pulangan kewangan kerana atas dasar mungkin pelaburan nak tarik pelancong dan sebagainya tapi ia tak dijalankan, tidak diuruskan dengan baik. Saya bimbang takut macam tadi disebut hak kata angsa, burung-burung tadi betul semua, *whooper swan* RM5,600 seekor, *black swan* RM3,800 seekor, *red breasted goose* RM4,200 seekor. Ratus ribu kita habis, lepas tu tinggal berapa ekor? Jadi benda yang sama kita peringatkan kerana belanja sekarang ni belanja kos untuk beri makan makanan di zoo itu mencecah RM500,000 *and then* tidak diberikan secara tender terbuka, pakai beri-beri begitu aje. Lepas tu pulak ada satu kes dalam zoo itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya Dato' Yang Dipertua, sabar gok dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila. Yang Berhormat kalau tidak saya suruh berhenti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya ada gelongsor, saya nak tanya ni, ada satu gelongsor air dia bina siap tahun 2010 dalam zoo itu. Lepas tu 6 bulan air dok musing, *it's not circulated*, jadi lepas tu jadi *abandon*, tertinggal begitu. Jadi ini soalan saya kalau boleh biarlah kita pastikan pengurusan kewangan dijalankan dengan profesional dan kita harap tidak merugikan. Kita bangkit ni pasal kes .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sila Yang Amat Berhormat jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah! Dato' Yang Dipertua ni kadang-kadang dia tolong jawab, kadang-kadang dia sekat soalan orang....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tak cukup masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, semalam tak berbahaspun. Banyak masa Dato' Yang Dipertua, beri gok ruang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak berbahas sebab Yang Berhormat tak bangun, tak mintak berucap.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita akui ini perkara ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, saya minta dengan Yang Berhormat saya kata saya nak bercakap, saya nak beri peluang, kawan lambat bangun sikit pun ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sila duduk! Saya dah jelas dah semalam apa yang Yang Berhormat bangkitkan kepada saya dalam Dewan ini. Jangan kurang ajar jawab macam tu. Sila duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepertimana kita tahu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya mintak Yang Berhormat tarik balik, saya tidak kurang ajar, saya bercakap dengan baik, saya minta penjelasan. Jadi Yang Berhormat sendiri ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya mintak duduk. Kalau tak duduk nampaklah Yang Berhormat kurang ajar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya akan duduk tapi Yang Berhormat janganlah sampai sebut kurang ajar. Jadi kalau Speaker buat macam itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk, saya nak jelaskan apa yang Yang Berhormat kurang ajar. Saya dah beritahu Dewan sebenar-benarnya apa yang berlaku, Yang Berhormat bangkit lagi perkara itu maknanya Yang Berhormat tak perlu diajar, Yang Berhormat tak pandai. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah kita akui peringkat awal ada masalah dari segi pengurusan dan sebagainya di Tasik Kenyir ini. Kerana kita serahkan kepada kakitangan Kerajaan, bila waktu malam dia balik, tak uruskan binatang kita dan sebagainya, sekarang ni kita berikan kepada swasta yang urus, okey, takdok masalah. Sebab itu pengalaman mengajar kita, kita check satu persatu, takdok masalah. Dan begitu juga kedatangan pelancong, peringkat awal memang tak ramai, orang tak tahu dan sebagainya. Bila dah terkenal dan sebagainya semakin ramai orang datang dan kita ada skim-skim tertentu macam Zoo Negara jugak, gajah apa semua dia akan ada syarikat-syarikat yang akan sponsor dari segi makanan dan sebagainya. Dan kita sedang berusaha mencari syarikat-syarikat untuk membiayai makanan benda-benda ini, takdok masalah Dato' Yang Dipertua. Beri kita peluang, kita akan buktikan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, *point of order*, Dato' Yang Dipertua. Saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar merujuk balik bahawa peruntukan kita untuk Zoo Bukit Takal ini telah diluluskan dalam Ucapan Bajet bernilai RM100 juta dan tarik balik bahawa saya berbohong dalam hal ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat peruntukan barang kali kita dah lulus, tapi belum dibelanja. Jadi maknanya peruntukan itu tidak dibenar belanja .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang ini saya setuju dengan Yang Berhormat Speaker tapi Yang Amat Berhormat kena perbetul. Jangankan fakta ini kita sebenarnya ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar Yang Amat Berhormat ada nak ini...? Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dah melebihi satu jam peruntukan Soalan Lisan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya ingin kemukakan oleh kerana semalam saya tidak dapat kemukakan, jadi pada pagi ni saya.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah bangkitlah Yang Berhormat hal semalam, ini hari ini Yang Berhormat, saya benarkan, tak payah bangkit benda-benda nak meleret-leret macam tu, nampak Yang Berhormat pandai sikit.

Usul Di Bawah Fasal 30  
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Undangan Negeri Terengganu

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa. Terima kasih. Cadangan di bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin memohon dan mencadang untuk mengemukakan satu Usul Di Bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini ditangguhkan bagi maksud merundingkan suatu perkara yang mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum Wakaf Mempelam. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon *point of order* di bawah Fasal 30(4) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita dengar sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... penarikan balik saman tuntutan royalti petroleum terhadap PETRONAS dan Kerajaan Malaysia oleh Kerajaan Negeri Terengganu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sebelum dibaca Yang Berhormat, saya nak dengar *point of order* sekejap. Apa dia Yang Berhormat Alur Limbat?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): *Point of Order* di bawah Fasal 30(5): "Tidaklah boleh cadangan yang kedua diperbuat di bawah peraturan ini pada satu mesyuarat." Maknanya mesyuarat yang sekarang ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Saya faham Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila duduk dulu Wakaf Mempelam. Saya benarkan Wakaf Mempelam atas perkara ini kerana atas Perkara 17, satu mesyuarat itu kita istilahkan satu hari, untuk hari inilah. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua atas penjelasan kerana pengalaman saya pun begitu, satu persidangan lain, satu mesyuarat lain .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita pernah dua-tiga kali Usul sekali persidangan.

Baik. Perkara yang saya nak bangkitkan ini adalah penarikan balik saman tuntutan royalti petroleum terhadap PETRONAS dan Kerajaan Malaysia oleh Kerajaan Terengganu. Dengan izin ALLAH S.W.T., saya dengan penuh rasa tanggungjawab ingin membawa dan kemukakan Usul di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini agar semua Ahli Dewan dapat membahaskan usul yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hasil daripada perjanjian antara PETRONAS dan Kerajaan Negeri Terengganu pada 22hb. March 1975 "*Payment under section*

4, *Petroleum Development Acts 1974*” dengan izin. Kerajaan Negeri telah menerima bayaran royalti selama 22½ tahun berjumlah RM7.2 bilion bermula dari tahun 1978 sehingga ianya diberhentikan pada bulan September tahun 2000. Kerajaan Pusat telah merampas hak royalti petroleum yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah mencabul kedaulatan negeri Terengganu untuk membelanjakan royalti tersebut. Perbuatan ini jelas bertentangan dengan Perlembagaan dan Undang-undang kerana negeri-negeri Sabah dan Sarawak masih terus mendapat bayaran royalti di bawah perjanjian yang sama. Ekoran dari itu, Kerajaan Terengganu telah mengemukakan saman terhadap PETRONAS dan Kerajaan Malaysia pada 21hb. Mac 2001.

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, dua hari lepas, 23 April 2012 saya terkejut bila dilaporkan oleh *The Age Financial Daily* dengan izin: *Terengganu drops PETRONAS Suit. The Terengganu Government has dropped its long-standing legal battle with National Oils Corporation, Petroleum National Berhad, PETRONAS and the Federal Government over unpaid oil royalty payments amounting to several billion ringgit.* Kerajaan Terengganu buat keputusan untuk tarik balik dan selesai di luar mahkamah tuntutan royalti petroleum terhadap PETRONAS dan Kerajaan Pusat yang difailkan 11 tahun yang lalu iaitu pada 21hb. Mac baru-baru ni.

Dato’ Yang Dipertua, oleh yang demikian saya mendesak Kerajaan Negeri membuat penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Apakah terma-terma penyelesaian yang dipersetujui termasuk bayaran balik yang belum dilunaskan dan juga semua perbelanjaan dan pembayaran yang dibuat menggunakan duit royalti Terengganu. Ini adalah kerana pihak PETRONAS membuat kenyataan, PETRONAS menyatakan dengan izin: *We are not in the position to explain the settlement terms as these are under the preview of the Federal Government and the State Government of Terengganu.* Jadi Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, perkara ini penting, saya mohon kerana masa kita ada Yang Berhormat memberi ruang untuk kita bahas dan kita minta supaya ada penjelasan yang jelas kerana ini melibatkan kepentingan awam, perkara-perkara tertentu dan perlu disegerakan. Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA: Sila ambil, serahkan kepada Bentara. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya mengulas Usul yang dibuat oleh Wakaf Mempelam ini, saya nak perbetul dulu Yang Berhormat Alur Limbat. Saya minta maaf, Perkara 7(1) dan 7(1A) yang saya sebut tadi yang saya

benarkan Wakaf Mempelam tadi. Kemudian Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima sebagaimana yang dibaca oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam atas Fasal 30 Peraturan-Peraturan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, memang mengenai perkara yang melibatkan orang ramai, kemudian perkara yang khusus tetapi Yang Berhormat, saya memutuskan tidak perlu disegerakan kerana saya telah difahamkan oleh Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri bahawa perkara-perkara, semua perkara yang menjadi pertikaian dalam urusan saman Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telahpun diselesaikan oleh Kerajaan Persekutuan. Ia juga memaklumkan kepada saya bahawa kesemua bayaran yang sepatutnya telahpun diterima oleh pihak Kerajaan Negeri juga dimaklumkan kepada saya urusan saman yang sama dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan kita tunggu keputusannya di mahkamah. Jadi Yang Berhormat sekalian, perkara ini tidak perlu dibincangkan dengan segera, ada perkara lain yang perlu kita utamakan. Terima kasih, sila.

Usul Pindaan Penangguhan  
Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan Tertib Pekerjaan Dewan kali ini dapat diselesaikan pada hari ini 25hb. April 2012, saya mencadangkan supaya persidangan pada esok hari 26hb. April 2012 dibatalkan dan Soalan-soalan Lisan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari tersebut dikemukakan pada hari ini juga. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Pengkalan Berangan. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar tadi cadangan yang dikemukakan oleh Seberang Takir dan disokong oleh Pengkalan Berangan mengenai perkara-perkara besok diawalkan pada hari ini.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum persidangan kita ini diteruskan selepas waktu rehat, sukacita saya maklumkan bahawa semua Ahli Yang Berhormat sekalian yang bertanya Soalan Lisan untuk esok hari akan kita bentangkan dan dijawab oleh pihak Kerajaan selepas kita masuk semula bersidang selepas minum pagi. Jadi Yang Berhormat sekalian, saya tangguh dulu dan kita masuk semula jam 11.15 pagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli sidang sekalian, mesyuarat kita diteruskan semula.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita diteruskan semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana Usul yang telah diluluskan tadi, maka sejam pada waktu ini kita peruntukan untuk Soalan-soalan Lisan yang akan dijawab oleh pihak Kerajaan yang sepatutnya dibentang esok diawalkan pada pagi ini. Jadi dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat untuk soalan pertama, Yang Berhormat Wakil Manir. Silakan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Kemelut keruntuhan moral di kalangan muda-mudi sering diperkatakan, apakah yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini?*

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Yang Berhormat Penyokong dan Pembangkang, seterusnya Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang saya hormati sekalian. Soalan pertama daripada Wakil Manir adalah berkenaan kemelut keruntuhan moral di kalangan muda-mudi yang sering diperkatakan. Apakah yang telah dan sedang dilakukan dan akan dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah Program Cakna Belia dan sukan seperti dengan mengadakan aktiviti "Terengganu City Night Game", Karnival Generasi Belia Gemilang Terengganu, Program Bakti Remaja, Program Komuniti Polising dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia dan juga dengan kerjasama pihak Pengangkutan Jalan ataupun JPJ. Dalam masa yang sama juga pihak Kerajaan melaksanakan program latihan khusus untuk belia

seperti berikut, Seminar Kerjaya Sehari, Program Latihan Kemahiran Dan Kerjaya Keusahawanan dan Seminar Kerjaya Keusahawanan. Banyak program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan tadi untuk mengatasi masalah belia-belia hari ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Minta maaf Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan telah membuat penyelidikan dan kajian yang teliti, apakah sebab-sebab atau punca utama berlakunya perkara ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kajian secara teliti ataupun secara menyeluruh memanglah tidak ada tetapi kajian-kajian melalui Jabatan Belia dan sebagainya memang telah ada dan pihak Kerajaan melalui kajian-kajian tersebut telah mengenalpasti beberapa punca berlakunya keruntuhan moral ataupun masalah-masalah sosial di kalangan belia kita di antaranya ialah kurangnya kesedaran ataupun didikan agama selain daripada banyak masa yang terluang di mana dalam masa terluang yang banyak inilah belia-belia kita bercampur bergaul dan akhirnya mereka terseret ke dalam gejala sosial yang dimaksudkan. Maka kerana itulah kita mengadakan pelbagai program untuk mengisi masa-masa yang terluang ini dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membina belia-belia kita untuk mereka mengisi masa lapang mereka di samping mencari kursus-kursus ataupun program-program latihan yang bersesuaian ataupun permainan-permainan yang mereka minati. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Tidak ada. Saya jemput seterusnya untuk soalan yang kedua, Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu –

*Adakah Kerajaan Terengganu pernah menganugerahkan tanah kepada Yang Berhormat bermula tahun 1999 hingga 2004 dan berapa luasnya?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Dipertua, daripada tahun 1999 hingga 2004, tanah yang diberikan kepada Yang Berhormat iaitu pertama sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat ADUN Alur Limbat sebentar tadi, dan spesifiknya saya diberitahu ada satu kes iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan pada 23 Februari 2001 kepada sebuah Syarikat Imbasan Padu Sdn. Bhd. di mana pengesahannya ketika itulah Encik Sulaiman bin Abdullah, kad pengenalan 4030710 yang merupakan ADUN Ladang ketika itu bersama penama Puan Hamidah binti Che Abdul Kadir, kad pengenalan 560715035166, isteri beliau sekeping tanah memegang keterangan PT Lot 914 di kawasan Durian Mentangau, Mukim Rasau Kerteh, Dungun seluas 50.80 hektar kira-kira 125 ekar. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang disebutkan juga oleh Wakil Alur Limbat tadi, semua yang diberi semasa Kerajaan 1999 hingga 2004, saya melihat diberi kepada syarikat ataupun tidak secara langsung kepada individu. Boleh tak kalau saya katakan dalam pemberian tanah ini PAS lebih cerdik daripada UMNO kerana UMNO beri terus kepada individu. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan PAS lebih cerdik dari UMNO tapi UMNO tak sanggup mengkhianati harta rakyat, harta orang ramai kerana Kerajaan telah mengenalpasti tanah-tanah strategik ini untuk kegunaan Kerajaan di masa-masa depan. Sebab itu ditinggalkan begitu tak pohon atas nama UMNO, tak memohon atas nama ahli-ahli tertentu, bila pemohon ini mintak kita bagi tahu ini adalah kegunaan Kerajaan pada masa depan. Tapi PAS mengambil kesempatan, itu baru 5 tahun macam-macam dia buat. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, sebagaimana disebutkan tadilah, ambil bayar RM300,000 lebih, boleh bayaran balik RM4 juta, bayar RM78,000 boleh untung RM2 juta. Kerajaan terpaksa mengambil balik tanah ini kerana kita mempunyai perancangan untuk pembangunan, kalau tidak semakin banyak tanah Kerajaan, tanah orang ramai terpaksa diambil. Ini telah diputuskan untuk pembangunan masa depan. Dan inilah saya rasa kalau orang UMNO buat dia kata pengkhianat, kalau dia buat tidak boleh kata apa, saya minta ampun minta maaf, saya dokleh katalah. Tapi inilah telunjuk lurus kelingking berkait, apa yang dilakukan oleh pemimpin PAS ketika itu, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya ingin bertanya dalam konteks pemberian tanah yang disebut kepada Wakil-wakil Rakyat yang saya ingin supaya kita membuat satu bentuk ruling dalam konteks jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Yang pertamanya, apakah pemberian tanah-tanah kepada wakil Rakyat ini adalah sesuatu yang beretika dan dibenarkan oleh Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan bagaimana cara untuk kita memohon tanah-tanah ini kalau ianya beretika. Yang keduanya, tentang kedudukan tanah-tanah yang diberikan kepada Wakil Rakyat boleh Yang Amat Berhormat menyenaraikan setakat ini Wakil-wakil Rakyat mana yang telah dikurniakan tanah-tanah tersebut. Sekian, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kerajaan membuat polisi yang jelas semua rakyat Terengganu berhak dan boleh memohon tanah Kerajaan, apatah lagi kalau dia kakitangan Kerajaan untuk mendapatkan salah satu, sama ada ia memohon tapak rumah ataupun pertanian. Kalau dia minta tapak rumah tak boleh diberikan tanah pertanian, kalau minta tanah pertanian tak boleh diberikan tapak rumah dan bagi tanah pertanian maksimum 2 hektar dan tapak rumah 1 lot tapak rumah. Bagi mereka yang berusia 18 tahun ke atas dan permohonan dibuka sebagaimana biasa. Tiada halangan dan ini merupakan etika yang ada, bukannya Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil Rakyat membuat sesuatu yang di luar etika kerana kita dah keluar pekeliling dan sebagainya, mereka mohon dan EXCO buat keputusan kerana lebih mudah untuk memberi penghormatan, penghargaan kepada mereka juga sebagai kakitangan awam untuk mendapatkannya dan tiada halangan untuk kita menyatakan nama-namanya. Semua orang tahu dan sekarang pun kalau Yang Berhormat nak tahu dan kalau saya tak jawab pun boleh dapatkan di Pejabat Tanah, tulis nombor i/c terus kita dapat tahu di mana mereka berada. Tapi saya nak maklumkan tiada masalah saya kata, saya nak nyata 13 ini saya senaraikan nama, ini bukan satu penipuan, bukan suatu penyelewengan ini satu penghargaan juga sebagaimana rakyat biasa kita. Pada tahun 2008, 2009 tidak ada, 2010 satu

permohonan diterima diluluskan iaitu Yang Berhormat Mohd Zawawi bin Ismail (Wakil Kuala Berang), jenis tanah 'Pertanian' diluluskan pada 18hb Febuari 2010, tempat 'Kuala Berang' keluasan '1.2160 hektar'. Tahun 2011 ada tiga kelulusan diberikan. Pertama, Yang Berhormat Abdul Rahman bin Mokhtar (Wakil Kuala Besut), 'Tapak Kediaman', tarikh pemberian '20 September 2011', di kawasan 'Kuala Besut', keluasan '0.447 hektar'. Keduanya, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Ali, bekas Yang Berhormat, 'Tapak Kediaman', tarikh pemberian '14 Julai 2011', di Kerteh, keluasan '990,000 meter persegi'. Ketiga, Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Wakil Jerteh), 'Pertanian', tarikh kelulusan '2 November 2011, di kawasan 'Tembila', keluasan '1 hektar'. Tahun 2012, satu Yang Berhormat Professor Dato' Dr. Abdullah Mat Zain (Parlimen Besut), 'Pertanian', tarikh pemberian '22 Januari 2012, di kawasan 'Tembila', keluasan '1 hektar'. Kedua, Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad (Wakil Hulu Besut), 'Pertanian', tarikh pemberian '22 Januari 2012', di kawasan 'Tembila', keluasan '1 hektar'. Ketiga, Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof (Wakil Kota Putera), 'Pertanian', tarikh kelulusan '3 Januari 2012', di kawasan 'Tembila', keluasan '1 hektar'. Keempat, Yang Berhormat Haji Khazan Bin Che Mat (Wakil Batu Rakit), 'Pertanian', tarikh kelulusan '28 Febuari 2012', di kawasan 'Batu Rakit', keluasan '0.9965 hektar'. Kelima, Yang Berhormat Dato' Haji Din bin Adam (Wakil Bukit Besi), 'Pertanian', tarikh kelulusan '25 Januari 2012', di kawasan 'Bukit Besi', keluasan '0.664 hektar'. Keenam, Yang Berhormat Haji Mohamad Nor bin Othman (Parlimen Hulu Terengganu), 'Pertanian', tarikh kelulusan '7hb Mac, di kawasan 'Tanggol', keluasan 2 hektar. Kelapan, Yang Berhormat Dato' Haji Rosol bin Wahid (Wakil Ajil), 'Pertanian', tarikh kelulusan '20 Febuari 2012', di kawasan 'Kuala Berang', keluasan '0.3265 hektar'. Yang terakhir, Yang Berhormat Ir. Rosli Othman (Wakil Kemasik), 'Pertanian', tarikh kelulusan '7 Mac 2012', di kawasan 'Kemasik', keluasan '2 hektar'. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang dimaklumkan oleh Kerajaan tadi, saya duk agak-agak tak sampai pun 10 hektar untuk 13 orang Yang Berhormat berbanding dengan Imbasan Padu yang diterima oleh Encik Sulaiman, bekas ADUN Ladang 50.8 hektar. Bayangkan lebih kurang 125 ekar yang satu orang dapat, mana lebih zalim, atau pun betul tak kalau saya katakan diheboh ke seluruh kampung tentang 13 orang yang terima tanah tak sampai 10 hektar, dialah lebih perompak dari perompak UMNO.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tak ada Yang Berhormat, soalnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok soalan tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan ganggu Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Mana yang lebih zalim, maksud saya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi soalnya mana zalimlah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya tak menggunakan istilah zalim, soal ini peluang dan kesempatan. Itu saja Dato' Yang Dipertua, kita tengok sendirilah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, soalan tambahan. Silakan. Ladang dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tadi disebut tentang, minta maaflah kalau bukan direct soalan....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kena .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dok sikit saja sebab tak boleh nak cakap tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, kalau boleh soalanlah, ini ruang soalan. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan pertamanya nak tahu pertanian yang dikatakan tanah pertanian diberikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Tembila tadi. Apakah tujuan pertanian itu untuk tanaman apa? Sebab saya melihat semua tanah yang

diberikan kepada rakyat adalah untuk tapak rumah, kemudian di tepi laut lot-lot yang diberikan kepada Yang Berhormat ini tanaman dikatakan pertanian. Saya nak tahu untuk tanaman apa, soalan pertama. Soalan kedua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu saja soalan, satu aje, ini tambahan. Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sikit aje Yang Berhormat. Tadi soalan daripada bekas PTG tu. Jadi saya nak jawab saya nak kata sikit pun saya takut nanti aib. Soalan dia Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah kawasan yang diluluskan dalam zon pertanian itu untuk tapak rumah? Tapi yang jelas takkan pihak PTG tak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Mungkin saya kena jawab sebab dia sebut saya tadi. Saya nak jelaskan bahawa tanah yang disebutkan ini bukanlah zon pertanian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Tak apa, pihak Kerajaan yang jawab. Yang Berhormat, Kerajaan jawab. Yang Berhormat belum Kerajaan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): InsyaAllah dok lama dah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat, sudah terang lagi bersuluh. Tapak pertanian, pertanianlah dan ikut peraturan kalau tapak pertanian kita boleh buat rumah sebuah, itu aje. Dari segi kalau kita dapatkan itu kita perlukan notislah, tengok, *check* syarat nyata dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan saya mudah, dia ada kategori pertanian untuk kegunaan apa ada. Tanah tanam kelapa sawit, kelapa, anggur ke, apa ke, hak tu saya nak tahu tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sedar, sebab tu saya kata saya perlukan notis sebab benda itu ada dalam Geran, Geran takdok sini, jadi kena tengoklah, *check*. Apakah kategori syarat nyatanya untuk tanam buah-buahan ke, sawit ke .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau-kalau saya boleh bantu Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak payah, tak payah bantu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bekas PTG nak bantu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tidak diperlukan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, Kemasik sila.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Dato' Yang Dipertua. Jadi terlebih dahulu saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri kerana menganugerahkan tanah-tanah kepada kita Wakil Rakyat, cuma satu yang saya pohon penjelasan berkenaan dengan had umur tadi, adakah 18 tahun layak memohon ataupun 21 tahun layak memohon? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: 18 tahun ke atas, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, 5 soalan dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Saya bukan nak tanya itu, saya nak minta penjelasan sikit pasal Yang Amat Berhormat beri jawapan saya bilang-bilang tak cukup 13. Kalau boleh ulang sekali sepintas lalu, tak cukup 13.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak payah ulanglah Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Batu Burok. Soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 –

*Apakah status terakhir Lebu Raya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, dua kali nama naik, jadi 12 sajalah bukan 13. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang sebentar. Ya, silakan Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan Wakil Batu Burok ialah apakah status terakhir Lebu Raya Pantai Timur yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya?

Lebu Raya Pantai Timur Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jawab ni yang ada sehubungan inilah Lebu Raya Pantai Timur 2 (LPT2). Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kemajuan kerja-kerja Lebu Raya Pantai Timur (LPT2) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat sehingga Mac 2012 adalah 75.6% sebenar berbanding dengan jadual 80.97% dan projek ini dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2014.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat, ada? Silakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tambahan Yang Berhormat. Projek LPT2 ini sepatutnya disiapkan dan telah siap pada akhir tahun 2011 yang lepas dan saya ingin merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Datuk Shaziman Abdul Mansor kerana kos LPT2 ini adalah, kos asalnya adalah RM3.7 bilion. Jadi bila berlaku kelewatan projek ini bermakna perbelanjaan Kerajaan meningkat sekitar 15% setiap tahun. Jadi kalau kita lewat hampir 3 tahun bermakna kita akan ada peningkatan 15% setiap tahun sepanjang 3 tahun dan jumlah ini adalah suatu

jumlah yang cukup besar kalau 15% daripada RM3.7 bilion bermakna tidak kurang daripada RM500 juta yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat kelewatan ini. Jadi saya ingin tahu syarikat-syarikat yang telah melaksanakan projek ini, ada syarikat yang dapat berjalan dengan baik, tidak ada sebarang penangguhan dan dapat menyiapkannya dalam pakej-pakej yang diberikan kepada mereka. Tetapi ada yang tidak mampu untuk menyiapkan projek dalam pakej yang diberikan kepada mereka. Persoalannya yang timbul adalah apakah syarikat-syarikat ini benar-benar merupakan syarikat-syarikat yang wibawa, yang mampu, yang boleh melaksanakan projek lebuhraya ini ataupun hanya menggunakan nama syarikat dan dijual kepada syarikat-syarikat lain untuk melaksanakan projek ini.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang pun ada, semuanya ada 16 pakej dalam kerja ini dan memang pun ada syarikat-syarikat yang berjaya menyiapkan pakej masing-masing. Contoh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana kalau kata nak 16 syarikat tu saya perlu notis. Tapi Pakej 10, 11, dan 12 daripada Bukit Besi ke Gemuroh ada tiga pakej. Yang ini insyaAllah maknanya bulan depan boleh dibuka keseluruhannya, maknanya dari Bukit Besi ke Gemuroh sepanjang 64 kilometer boleh digunakan. Dan pakej-pakej lain daripada Jabor ke Bukit Besi ada yang satu-dua pakej yang siap 100% dan ada pun pakej yang melebihi 85-90% dan adalah sebahagian yang saya sebut semalam jugalah, pakej-pakej yang kata setelah semua usaha dibuat untuk membantu kontraktor kerana kontraktor inilah, kontraktor bumiputera dan tempatan akhirnya pakej ini dipersetujui untuk dibuat *Mutual Termination*. Tentang nak menentukan sama ada kontraktor ini memang *genuine* ataupun dijual projek itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak ada maklumat tentang itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Tepoh dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya bukan nak hak besar-besar sangat, cuma nak

minta pandangan Kerajaan dan boleh atau tidak buat. Sepanjang pemerhatian saya, apabila kita naik lebuh raya khususnya daripada Gemuroh nak pergi ke Telemong dan sebagainya, bila balik ke Gemuroh ini memang lebuh raya itu namanya Jabor ke Gemuroh, nama dia begitu. Cuma apabila sampai saja dekat tol yang akhir, maknanya sedang proses untuk disiapkan nama itu dikatakan Tol Kuala Terengganu. Kalau hak depan lagi Tol Telemong tapi di situ Tol Kuala Terengganu, orang-orang kawasan saya, orang-orang Gemuroh kata dok boleh ke bubuh Tol Gemuroh? Nama pun Lebuh Raya Jabor ke Gemuroh, tiba-tiba Kuala Terengganu, besar Kuala Terengganu. Saya nak mintak boleh tak ditukar sebelum kita jalan sungguh ni. Jadi tol tu Tol Gemuroh, biar orang Gemuroh rasa gok sikit. Yang kedua *signboard* yang ada, tunjuk-tunjuk arah, sampai tu Kuala Terengganu lepas itu ada Batu Enam. Apa penting dibubuh Batu Enam tu? Baik bubuh Gong Badak, lebih besar sebenarnya. Saya rasa Batu Enam itu saya rasa ada masjid arwah Haji Din aje. Saya mintak kalau boleh Kerajaan tengok balik ambillah nama-nama yang lebih baik. Tol tu saya mintak ditukar kepada Tol Gemuroh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, gemuruh saya nak jawab. Permintaan Yang Berhormat Tepoh itu untuk tukar nama tol tu Tol Gemuroh dan juga arah pandu ke Batu Enam, ke Gong Badak insyaAllah boleh dipertimbangkan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau paling tidakpun Yang Berhormat, Gemuroh-Kuala Terengganu dan Batu Enam tambah Gong Badak. Dua-dua dok marah. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH ( Wakil Tepoh ): Bereh-bereh. Terima kasih Dato'.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah sebahagian laluan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 yang sudah dibuka untuk kegunaan orang ramai daripada laluan Ajil ke Bukit Besi sudah pun diwartakan memandangkan banyak kejadian kemalangan yang berlaku di atas jalan raya tersebut. Sebab tuntutan pampasan kemalangan jalan raya banyak bergantung kepada sama ada jalan tersebut sudah di gazet ataupun sebaliknya.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan yang dibuka sekarang ialah Bukit Besi-Ajil, Telemong-Gemuroh. Dan memang pun perkara ini telah berbangkit dalam Dewan yang lepas mengatakan kawasan ini perlu dibuka dan kawasan yang telah diwartakan. Dari segi pandangan kerana berlaku banyak kemalangan dan sebagainya memang kita ada satu unit khas di bawah JKR untuk mengkaji sebenarnya sebab-sebabnya. Antara banyak sebab itu ialah kerana mungkin jalan itu molek dan ramai juga pemandu yang tidak menghormati had kelajuan, itu adalah antara kajian yang kita dapat. Ada lagilah perkara yang berbangkit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya dapat aduan daripada sebahagian atau segelintir mereka yang terlibat dengan kemalangan jalan raya di atas laluan tersebut, ada antara mereka yang memberitahu kepada saya, dia kata kejadian tersebut berlaku kerana mereka diganggu oleh hantu di kawasan Bukit Besi ....(Dewan gelak).... Jadi adakah ianya suatu kenyataan ataupun hanya fantasi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak payah jawablah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukit Besi pelihara hantu!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuma kita ingatkan kepada *insurance company*lah, apabila Dewan ini telah dijawab oleh pihak Kerajaan maksud yang berkenaan telahpun disahkan oleh jabatan, maknanya perkara itu perlu diwartakan. Jangan menjadi alasan kepada *insurance company* bahawa jalan itu tidak, belum diwartakan dan sebagainya. Ada lagi Yang Berhormat? Satu lagi Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Pakej yang disebut yang dijangka siap itu ialah Pakej 10 yang dianugerahkan dan dilaksanakan oleh Syarikat MTD Sdn.

Bhd. dan berjaya dilaksanakan sebagaimana yang saya tanya di Dewan ini, kebimbangan saya dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan dan semalam pun telah disebut sebagai contohnya Bukit Puteri Development Sdn. Bhd. yang menarik diri dalam Pakej 1C dan Pakej 11 dengan nilai RM150 juta. Kebimbangan kita adalah, apakah mereka benar-benar the *player* dengan izin yang melaksana, yang boleh melaksanakan projek-projek ini ataupun mereka ini mendapat kontrak dan dibrokerkan dan dibrokerkan dan akhirnya *broken* lebuah raya kita dan terpaksa Kerajaan *retender* balik dan kerugian ratusan juta kita terpaksa menanggung satu kerugian yang begitu besar. Tidak ada orang yang menolak projek ini tetapi bila berlaku ketirisan yang sedemikian ianya suatu yang begitu malang, cukup-cukup malang. Pohon penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pakej yang tadi betul pakej yang siap tadi 10, 11 dan 12 dan saya terlupa ada satu-dua pakej lagi yang siap tapi masalah kita ini kerana sebelum saya sebut semalam maknanya sekarang LPT2 tidak dibina ataupun tidak dibuat oleh satu syarikat konsesi. Saya nak sebut masalah kita ini tadi, itu yang kita punya Pakej 10, 11 dan 12 kerana disambung pakej itu kebetulan *performance* dengan izin, kontraktor itu bagus maka jalan itu supaya nak 64 kilometer boleh digunakan melalui Pakej 10 dari Bukit Besi sampai Gemuruh. Tapi ada Pakej 8 dan 9 ada juga yang di tengah-tengah tu siap tetapi tidak bersambung kerana ada kontraktor di tengah-tengah tu yang gagal. Berkemungkinan kalau kata hari itu kalau tidak kerana semangat, saya sebut semula tentang nak beri peluang kepada kontraktor bumiputera khususnya di Terengganu, pakej ini dibuat secara keseluruhan sepertimana LPT1. Kemungkinan, makna kontraktor yang berkenaan akan bermula daripada Chainage 0 sampai ke chainage terakhirlah. Jadi jalan itu mungkin taklah terputus macam sekarang. Sekarang ada kerja di tengah itu, satu-dua pakej di tengah itu siap. Tak macam Pakej 10, 11 dan 12. Dan saya sebutkan maknanya dalam menentukan kerana ada alasan kenaikan harga dan sebagainya tapi selepas segala usaha dibuat supaya kontraktor ini dapat siapkan kerja-kerja dia tapi masih adalah dalam 6 pakej tak silap saya yang akhirnya dibuat secara *Mutual Termination* dan *Mutual Termination* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua semalam pun saya sebut ada kelebihan lagi dari segi *Mutual Termination* ni termasuk tidak disenarai hitam dan boleh diberi peluang untuk mengikuti tender semula apabila itu syarat-

syarat nak *Mutual Termination* ni, kalau tidak mungkin kontraktor ini berterusan nak buat tapi tidak ada *progress*. Jadi selepas kita bantu dan selepas semua usaha-usaha dibuat untuk membantu mereka ini dilihat oleh Kerajaan dah tidak berdaya nak menyiapkan, itu yang kata mari *Mutual Termination* dan bila *Mutual Termination* itulah kelebihan *Mutual Termination* itu, mereka tidak disenarai hitam dan mereka boleh diberi peluang untuk mengikuti tender semula. Ini masalahnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tapi dari segi keputusan yang telah dibuat itu sebenarnya kita tak terlibat, ini di peringkat negeri ini yang boleh menentukan kontraktor, kita tak terlibat dari segi keputusan itulah. Dan dari segi perbezaan harga dan kenaikan harga memang kalau kata biasanya kalau kata ditender semula akan ada perubahan harga atas kata harga yang ditawarkan oleh kontraktor selepas ianya ditender semula. Sekian.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dengan izin Dato' Yang Dipertua, kerana nilainya besar dan penting untuk negeri Terengganu saya mohon izin Dato' Yang Dipertua untuk kita dengar daripada Ahli Lembaga Bukit Puteri Development, Y.B Nawi atau Y.B Mohamad Pehimi, kenapa gagal projek ini kalau diizinkan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Perkara 26(1) Yang Berhormat, mengikut peraturan kita tujuan soalan dan maksud sebenar membuat soalan ialah untuk mendapatkan penerangan di atas suatu perintah dan suatu soalan itu tidak boleh dijadikan helah bagi sesuatu perbahasan. Banyak lagilah Perkara 26(2), 2(e), 2(c), 2(1) dan sebagainya. Bila pihak Kerajaan nak jawab, saya ingat okey cukuplah tu. Okey, saya jemput Jabi, Wakil Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor 2 –

*Sehingga akhir 2011 yang lalu, berapakah jumlah sebenar rakyat Negeri Terengganu yang masih tergolong di dalam miskin dan miskin tegar?*

YANG BERTHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bagi menjawab soalan daripada Jabi. Sehingga akhir 2011 yang lalu jumlah rakyat negeri

Terengganu yang tergolong dalam kategori miskin ialah seramai 6,536 orang manakala miskin tegar adalah seramai 289 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan. Yang pertama, mereka yang terlibat dalam miskin dan miskin tegar ini sudah tentu mempunyai anak-anak yang ramai dan di kalangan mereka ada juga yang kematian bapa ataupun kematian ibu yang diistilah ada yang yatim ataupun yatim piatu. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk membina asrama kelompok bagi memastikan anak-anak orang miskin dan miskin tegar ini dapat diletakkan di satu tempat dan belajar secara berpusat dan insyaAllah kalau dapat dilaksanakan pelajar-pelajar ini akan berjaya dunia dan akhirat, hak ni hak masuk Syurga sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih kepada Jabi. Setakat hari ini memang pihak Kerajaan sedang merancang untuk melaksanakan kaedah sebagaimana yang dicadangkan tapi setakat hari ini kita belum ada cara khusus untuk diketengahkan berdasar kepada peruntukan baru yang perlu kita fikir. InsyaAllah, di masa akan datang kita akan tengok secara *detail* untuk memberi keutamaan kepada konsep yang diutarakan dan memang program ini memang telahpun ada dalam perancangan kita untuk dilaksanakan di masa yang akan datang insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): YPK telah melaksanakan beberapa program untuk merubah orang-orang miskin ini supaya keluar daripada kelompok ataupun kepompong kemiskinan. Apakah usaha-usaha YPK yang terdahulu yang sekarang ini nampaknya reda sedikit, saya ambil contoh Program Bantuan Peralatan seperti roda tida, seperti perkakasan-perkakasan yang lain untuk membantu dari segi menjahit, memasak, untuk membuat kuih dan sebagainya dapat dilaksanakan pada tahun ini.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, soalan itu kurang tepat sikitlah. Kalau kata agak

perlahan, sebenarnya memang melalui jabatan YPK memang kita sentiasa mengadakan menambah nilai daripada yang sedia ada di mana saya sendiri telah pun mengambil satu keputusan kepada golongan OKU lebih-lebih lagi yang memerlukan perkhidmatan bantuan dari segi basikal roda tiga yang ingin menceburkan diri dari segi untuk menambahkan pendapatan di mana kita memang tak nafikan dalam tempoh setahun yang lalu kekurangan berlaku dari segi pemberian perkhidmatan seperti basikal roda tiga. Dan baru-baru ini kita telah putuskan supaya perkara ini kita ketengahkan semula kerana banyak permohonan-permohonan yang kita terima yang memerlukan aspek bantuan dalam bentuk motosikal beroda tiga. Dan selain daripada itu juga, perkara-perkara seperti kelas-kelas jahitan dan sebagainya kita teruskan dan kelas-kelas jahitan kita tentukan di setiap DUN supaya peluang-peluang kemahiran dapat kita membantu golongan-golongan yang memerlukan. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Soalan tambahan terakhir Dato' Yang Dipertua. Ada juga kalangan orang-orang miskin ini yang sangat memerlukan pinjaman daripada agensi-ageni Kerajaan. Tetapi ada juga pihak agensi yang sukar untuk memberi pinjaman kepada mereka kerana mereka miskin. Apakah pihak Kerajaan tidak bersedia untuk menolong dari segi pembiayaan kewangan kepada golongan ini.

**YANG BERTHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan):** Sedap jugak, banyak ni. Jadi Dato' Yang Dipertua, dari segi aspek pinjaman kita memang ada menyediakan melalui Jabatan Yayasan Pembangunan Keluarga lebih-lebih lagi kepada golongan miskin yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal kita beri keutamaan kepada golongan ini kerana dalam e-Kasih boleh dikatakan hampir 55% terdiri daripada golongan ibu tunggal. Jadi kita menyediakan perkhidmatan pinjaman ini, pinjaman modal di antara RM1,000 hingga RM10,000. Jadi sesiapa yang berminat, kalau sekiranya ada yang berminat untuk itu bolehlah mengunjungi Yayasan Pembangunan Keluarga yang bersedia untuk memberi bantuan dan pinjaman kepada mereka dan dengan syarat, pinjam mestilah dibayar. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Dato' Yang Dipertua, boleh celah sikit penjelasan, ibu tunggal, Dato' Yang Dipertua. Saya nak dapat penjelasan mengenai ibu tunggal ini, status Koperasi Ibu Tunggal adakah dapat berjalan dengan baik ataupun masih lagi dalam kelemahannya?

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Setakat hari ini saya dimaklumkan koperasi ini berjalan seperti biasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih. Yang Berhormat sekalian atas ketiadaan Wakil Rhu Rendang, saya membenarkan Wakaf Mempelam. Tanya soalan mewakili Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya mengemukakan soalan bagi pihak Yang Berhormat Rhu Rendang, soalan nombor 2. Soalan nombor 1 kalau tak silap saya kena tolak –

*Sila nyatakan status Strawberry Park Kijal yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Setakat manakah tahap pengoperasiannya atas tujuan asal ianya dibeli?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana Terengganu menerusi Lembaga Tabung Amanah Warisan Terengganu telah membeli keseluruhan projek Strawberry Park Kijal dengan harga RM27 juta serta melibatkan tanah seluas 200 ekar. Dan Kerajaan Negeri Terengganu merancang untuk membuka sebuah Pusat Rawatan Perubatan Pelancongan dan kita sedang mengenal pasti rakan kongsi yang sesuai kerana ketika ini terdapat dua syarikat, satu daripada Singapura, satu daripada Malaysia untuk mengadakan usaha sama membuka pusat tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya cuma ingin mengetahui berapakah anggaran kos pembinaan pusat ini sendiri dengan kerjasama syarikat-syarikat yang dijangka dilaksanakan dengan Kerajaan Negeri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, anggaran kita dapat pastikan setakat ini, cuma Kerajaan Pusat buat permulaan bersetuju untuk menyumbang RM50 juta untuk membeli peralatan-

peralatan bagi kemudahan Pusat Rawatan Kesihatan Pelancongan ini, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Baik, saya silakan Tepoh. Seterusnya, ADUN Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang kedua –

*Apakah ramuan atau resepi kejayaan pelajar-pelajar negeri Terengganu dapat mengekalkan kecemerlangan dalam peperiksaan awam yang dilalui dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini?*

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Jadi soalan saya terlepas sokmo, jadi hari ini alhamdulillah baru bolehlah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

Jadi berkait dengan yang disoal oleh Wakil Tepoh ialah yang berkait dengan bagaimana pelajar, resepi pelajar-pelajar negeri Terengganu dapat mengekalkan kecemerlangan. Terima kasih banyak-banyak kerana tidak secara langsung inilah peluang saya untuk menyatakan bagaimana kecemerlangan yang telah diberi pengiktirafan bukan hanya di peringkat negeri, malah juga di peringkat negara sehinggakan UPSR kita 11 tahun berturut-turut telah diberi pengiktirafan sampai kepada Malaysian Books of Record, dengan izinlah. Tetapi yang malangnya kita rasa sedih kerana ada kedengaran suara sumbang menyatakan bahawa kecemerlangan yang kita perolehi itu adalah kerana ada soalan bocor, kerana meniru dan sebagainya. Jadi saya harap dengan penjelasan yang saya beri pada pagi ini kita akan dapatlah menerangkan sepenuhnya bagaimana kejayaan yang telah kita perolehi bukan cara yang tidak betul tetapi adalah cara yang sebetul-betulnya.

Kita sebenarnya ini kerana tidak lain dan tidak bukan resepi utamanya adalah keberanian Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar hari ini telah membelanjakan satu peruntukan yang sangat besar. Kita telah memberikan satu pelaburan yang sangat besar hari ini terhadap pendidikan, dan hari ni kalau kita lihat banyaklah perkara-perkara yang kita laksanakan hari ini dan alhamdulillah ada di antara perkara kita yang kita laksanakan program-program yang kita laksanakan hari ini telah menjadi ikutan dan juga ditiru oleh pihak ataupun negeri-negeri yang lain dan juga oleh Kerajaan Pusat. Di antaranya ialah program ETA ataupun Pembantu Guru Bahasa Inggeris daripada Amerika yang sebelum ini adalah dilaksanakan oleh negeri Terengganu tetapi hari ini telah menjadi satu program ataupun *flagship* bagi Kementerian Pelajaran Negeri Terengganu. Hari ini Kerajaan Negeri Terengganu membelanjakan tidak kurang daripada RM340 juta setahun untuk melaksanakan keseluruhan program-program pendidikan kita. Bermula daripada pelaksanaan TBKIDS, kita laksanakan T-Score, kita laksanakan e-Books, *Vitual Class*, insentif-insentif kepada pelajar-pelajar Terengganu, Program Pintar Al-Quran, peruntukan Sekolah Menengah Elit/Premier dan IMTIAZ kerana untuk kita melaksanakan Program Elit Dan Premier membelanjakan tidak kurang dari RM1 juta setahun untuk melaksanakan program atau Projek IMTIAZ tidak kurang daripada RM8 juta setahun kita belanja. Dan pembangunan sahsiah dan bantuan Yayasan Terengganu, kalau tahun 2011 tahun lepas kita telah membelanjakan RM11,187,587.91. Jadi inilah di antara resepi-resepi yang menyebabkan kecemerlangan yang berlaku dalam Pendidikan Negeri Terengganu selain daripada komitmen yang telah ditunjukkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu yang bertunjangkan kepada "Terengganu Negeri Anjung Ilmu Ke Arah Pencapaian 201052" di mana dalam Program Pembangunan Terengganu Terbilang, Terengganu Negeri Anjung Ilmu tidak kurang daripada RM10 juta setahun kita peruntukkan untuk melaksanakan program ini, di mana dengan tidak secara langsung Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu hari ini dapat merangka dan melaksanakan pelbagai program-program kecemerlangan. Dan lebih-lebih lagi Terengganu hari ini, alhamdulillah kita melihat komitmen cikgu begitu tinggi sekali dan juga kita melihat kesungguhan dan usaha yang kuat daripada anak-anak kita kerana apa? Kerana kita juga menyediakan insentif-insentif bukan hanya kepada pelajar tetapi juga kepada guru-guru dan juga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan program kecemerlangan pendidikan kita pada hari ini. Jadi saya haraplah dengan penerangan yang saya beri hari ini akan menangkislah dengan apa yang disebut selama ini menyatakan ada setengah pihak menyatakan

bahawa kecemerlangan anak-anak kita ini adalah bukan asasnya kepada apa yang kita usahakan tetapi dia kata kerana nasib dan juga kebetulan dan ada juga yang kata kerana meniru dan soalan bocor. Tapi kalau 11 tahun duk meniru dok munasabah hari ini. Dan yang kedua, inilah juga kita nak menangkis....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, nak mintak penjelasan Exco, hari ini sokmo, esok, kelmarin, lagu mana?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi harap-harap gitulah supaya lepas pada ini dok dohlah. Itulah yang kita dapat terangkan supaya sepertimana yang disebut, yang dilaung-laungkan hari ini dikatakan bahawa pilihan raya kita tak bersih dan sebagainya tetapi kalau kita lihat hari ini ada beberapa negeri yang jatuh kepada Pembangkang, jadi saya pun dok tahu jugaklah. Jadi saya harap perkara Pendidikan Negeri Terengganu juga tidak dijadikan satu isu politik dan sebenarnya kita kena akuilah inilah sebenarnya kehebatan yang sedang berlaku kepada anak-anak Terengganu hari ini dan kita kena beri sokongan tanpa mengira fahaman politik supaya landasan yang sudah kita letak pada hari ini terhadap anak kita akan kita teruskan dalam memartabatkan anak bangsa kita ke persada bukan hanya persada negara tetapi juga persada antarabangsa. Jadi itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Terima kasih Wakil Kerajaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang membelanjakan begitu banyak peruntukan untuk kecemerlangan, masa depan anak-anak kita. Cuma saya nak celahlah sebab rakan saya tadi sebut minta Wakil Kerajaan sebab duk sebut hari ini, hari ini. Banyak hari ini, hak esok guana? Ini nak tanya soalan esok ni. Jadi maksud dia begini, pertama kita ucapkan tahniahlah kepada Pengarah Pelajaran yang sebelum ni Encik Razali Daud dan selamat datang kepada Pengarah Pelajaran yang baru iaitu Encik Zakaria Hussin, mudah-mudahan kecemerlangan pelajaran ataupun pencapaian anak-anak kita terus cemerlang di masa akan datang.

Soalan saya, bila melihat kepada resepi-resepi tersebut, antara sekolah yang menunjukkan kecemerlangan khususnya dalam PMR antaranya ialah sekolah-sekolah yang berteraskan kepada agama, sekolah agama termasuklah sekolah

menengah agama negeri, sekolah menengah agama kebangsaan dan jugak IMTIAZ. Sebagai contohnya, saya ambil contoh IMTIAZ Besut, PMR tahun lepas pelajar dia 57 orang sahaja, 39 daripadanya *straight A*, 9A 39 orang, 16 orang 8A dan 2 orang saja 7A, 2B. Kalau begitu saya melihat kecenderungan untuk ibu bapa menghantar pelajar-pelajar ke sekolah menengah agama ini cukup besar. Tetapi kita melihat apa yang ada seolah-olah sekolah menengah agama ini tidak dapat menampung yang ada. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menambahkan sekolah-sekolah menengah agama, termasuklah sekolah menengah agama yang mana yang masih tidak ada lagi di daerah, maksud saya ni sekolah menengah agama SMA, macam di Dungun tidak ada sebagai contohnya, di Kemaman tidak ada. Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk meminta Kerajaan Pusat mendirikan sekolah-sekolah menengah agama seumpama ini di samping sekolah menengah agama di negeri sendiri?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Tepoh tadi. Jadi berkait dengan apa yang disebut Wakil Tepoh itu memang betul-betul. Dan kita akui dengan apa yang berlaku kerana itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaiktarafkan beberapa buah sekolah agama untuk dijadikan sekolah elit dan juga premier tetapi masih lagi dalam perbincangan dan perancangan. Selain daripada itu, kita sekarang ini sedang berunding dengan Kementerian Pelajaran Malaysia terutama pada Unit Agama Pendidikan Agama Islam untuk kita nak mengenalpasti sekolah-sekolah Kerajaan, sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang boleh, yang kita boleh *convert* dia dengan izin, ataupun kita ubahkan menjadi daripada Sekolah Menengah Kebangsaan kepada Sekolah Menengah Agama Kebangsaan. Jadi ada beberapa cadangan yang sedang kita terima dan kita sedang teliti terutama kepada sekolah-sekolah menengah yang kita melihat bahawa bilangan pelajarinya tidak ramai sekarang. Contohnya di kawasan FELDA pun kita ada yang kita dapat cadangan jadi sekarang ini sedang dalam proses perbincangan dan perancangan dan insyaAllah kalau tidak ada apa-apa insyaAllah perkara ini kita akan dapat selesaikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan. Yang pertama, apa yang dijelaskan oleh Wakil Kerajaan tadi ada segelintir pelajar-pelajar kita yang berjaya dalam UPSR yang ditawarkan ke sekolah-sekolah berasrama penuh tetapi apabila mengambil Peperiksaan PMR, pelajar-pelajar kita ada sebahagian kecilnya yang tak dapat 6A, ada dapat 3A, 4A,

2A dan kita bimbang takut pelajar-pelajar inilah yang dikategorikan sebagai pelajar yang disebut-sebut kerana meniru dalam UPSR dan sebagainya. Kalau boleh kita pastikan pelajar kita yang dapat UPSRnya 5A, PMRnya di sekolah-sekolah berasrama penuh ataupun harian biasa dia lebih daripada 6A PMRnya.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Jabi, tentang perkara itu kita sebenarnya tidak bolehlah kita nak menganggap perkara itu akan berlaku sebegitu kerana seperti yang disebut oleh Wakil Jabi saya rasa sebilangannya mungkin tidak ramai bilangannya dan ada beberapa sebab tertentu. Kadang-kadang ada setengah pelajar itu kerana dia sakit atau ada apa-apa perkaralah yang menyebabkan kepada apanya kemajadian perkara itu. Tetapi dari segi keseluruhan kita melihat hari ini bukan hanya budak yang 5A saja yang dapat cemerlang dalam PMR malah yang kita lihat hari ini ada setengah itu yang dapat 1A dalam UPSR dan ada setengah tu yang dapat 5B saja dalam UPSR atau sebagainya masih mampu juga memperolehi keseluruhan A dalam PMR. Jadi perkara ini saya rasa tidak timbul sebenarnya tetapi yang pasti hari ini ialah pelajar-pelajar yang dapat 5A ini insyaAllah Kerajaan Negeri memang dalam proses dan juga kita sekarang ini merangka supaya memastikan mereka ini dapat kita salurkan ataupun kita dapat bawa mereka ke sekolah-sekolah yang sewajarnya, kerana maklumlah dari setahun ke setahun kita dapati kecemerlangan UPSR ini dia meningkat dari tahun ke tahun. Kadang-kadang sampai satu masa ketidakmampuan untuk kita menempatkan mereka ke sekolah-sekolah yang terbaik. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri hari ini sedang memikirkan dan merancang kerana untuk masa akan datang kita memang sedia sedar, sedia maklum bahawa pertambahan yang dapat 5A ini akan bertambah untuk masa-masa yang akan datang kerana itu kita sedang membuat persediaan untuk menyediakan lebih banyak lagi Sekolah IMTIAZ, lebih banyak lagi sekolah elit dan juga premier untuk menempatkan pelajar-pelajar tersebut. Tetapi dalam masa yang sama kadang-kadang dari segi program-program keibubapaan kita akan laksana dari masa ke semasa, maklumlah kita melihat hari ini para ibu bapa nampaknya dia sebahagian daripada ibu bapa kita dia lebih memberikan tumpuan kepada anak-anak di sekolah rendah. Tetapi apabila anak-anak pergi ke sekolah menengah nampaknya kita melihat sebahagian daripada ibu bapa dia kurang beri tumpuan dan kurang beri kecaknaan. Jadi kerana itu pengembelian kita hanya hari ini bukan hanya kepada pelajar, kepada guru dan sekolah tetapi juga kepada ibu bapa dan juga masyarakat. Jadi insyaAllah perkara ini kita akan atasi dari masa ke semasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Ya, Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya berkenaan dengan guru-guru di sekolah menengah agama yang banyak belum terisi yang disebut sebagai Guru-guru Diniyah, apakah masalah sehingga guru ini tidak diisi penuh. Dan juga mengapakah guru besar ataupun Pengetua Sekolah Menengah Agama Setiu tidak diisi setelah guru itu ditukarkan menjadi Pengetua di Marang? Mohon jawapan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi perkara ini, ini perkara yang saya sebut dan apa yang disebut Wakil Ladang tadi bukan hanya berlaku di sekolah agama sahaja. Ia sebenarnya berlaku keseluruhan disebabkan ada dasar-dasar, ada peraturan-peraturan dan ada kelayakan-kelayakan. Jadi pada peringkat awal Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ini, pada peringkat awal itu memang pihak Kerajaan Negeri telah membuat komitmen kepada kementerian untuk mengekalkan pengetua-pengetua yang ada dan apabila sebahagian daripada pengetua-pengetua kita ini apabila melibatkan pertukaran maka dari segi kelayakan, dari segi perkara-perkara pengurusan dan juga pentadbiran diambil kira. Jadi tentang perkara ini di luar bidang kitalah kerana ini diselaraskan dan diuruskan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasihlah Ahli Yang Berhormat. Kita telahpun lebih satu jam untuk Soalan-soalan Lisan. Kita kembali semula kepada urusan mesyuarat. Seterusnya, sila Setiausaha

**PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah memaklumkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa terdapat satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu. Kekosongan ini adalah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Negara yang baru. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat mengemukakan cadangan. Sila Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan serta para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mohon mencadangkan:-

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih Yang Berbahagia To' Puan Hajah Zaiton Binti Haji Mat Amin sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara:

## **BIODATA CALON**

To' Puan Hajah Zaiton Binti Haji Mat Amin adalah anak kelahiran Kampung Atas Tol, Kuala Terengganu. Sudah mempunyai keluarga dan mendapat 6 orang cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal dari Sekolah Kebangsaan Atas Tol selepas itu menyambung pelajarannya ke Sekolah Menengah Agama Khairiah dan seterusnya ke Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Beliau adalah seorang wanita yang amanah dan meminati bidang politik. Oleh kerana sifat amanah yang dimilikinya maka beliau telah dilantik menjadi:-

1. Bendahari Pergerakan Wanita UMNO Perhubungan Negeri Terengganu.
2. Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Marang.
3. Pengerusi Biro Ekonomi dan Kewangan Pergerakan Wanita UMNO Perhubungan Negeri Terengganu.
4. Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan Binjai Rendah, Marang.
5. Ahli jawatankuasa Pengurusan Kewangan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.
6. Pengerusi Penyelaras Pergerakan Wanita UMNO DUN Pengkalan Berangan.

Kegiatan dalam bidang sukarela:-

1. Biro Gerak Prihatin dan Penyayang Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.
2. Pengerusi Skuad Sayang Wanita Negeri Terengganu.
3. Presiden Wawasanita Negeri Terengganu.
4. Ahli Lembaga Pelawat Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.
5. Ahli Jawatankuasa Majlis Wanita Kementerian Kerajaan Tempatan Malaysia.
6. Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Sekolah Tunas Bakti Perempuan Malaysia, Marang.
7. Pengerusi Biro Gerak Prihatin dan Penyayang Pergerakan Wanita UMNO Negeri Terengganu.
8. Pengerusi Biro Kebudayaan Amal Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Terengganu (SERIKANDI).
9. Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) Daerah Marang.
10. Pengerusi Surianita Daerah Marang.
11. Yang Dipertua Pandu Puteri Daerah Marang.

12. Pengerusi Puteri Islam Daerah Marang.
13. Pengerusi MPPR Resources Sdn. Bhd.
14. Pengerusi Majlis Pembangunan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Parlimen Marang ataupun MPWK.
15. Ahli Majlis Daerah Marang.
16. Pengerusi Jiran Wanita (KRT) Binjai Rendah, Marang.
17. Pengerusi Pertubuhan Angkatan Seni Indrasari.
18. Pengerusi Easy Food (KPW) Binjai Rendah, Usaha Sama Pertanian KEMAS dan LKPI.
19. Pengarah Nitch Engineering Sdn. Bhd.
20. Ahli Jawatankuasa Masjid Mukim Binjai Rendah, Marang.
21. Ahli Jawatankuasa Surau Tanah Lot Kampung Binjai Rendah, Marang.
22. Ahli Jawatankuasa JKK Binjai Rendah, Marang.
23. Ahli Jawatankuasa Majlis Kebajikan Parlimen Marang.
24. Ahli Jawatankuasa KRT Binjai Rendah, Marang.
25. Ahli Lembaga Pelawat Penjara Marang.

Lelah rasa Yang Dipertua, banyaknya maknanya hebat ni. Seterusnya, Beliau dianugerahkan sebagai:-

1. Tokoh Belia Negara kategori Wanita (2005).
2. Pingat Bintang Kehormatan Persatuan Pandu Puteri Malaysia (2009).
3. Tokoh Pemimpin Belia Berjasa Kategori Pemimpin Wanita Majlis Belia Negara (2010).

Beliau dianugerahkan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) dan Pingat Pangkuan Negara (PPN) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong juga Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Kebawah Duli Yang Mulia Sultan Terengganu.

Saya kemukan latar belakang ini semoga dengan penyertaan beliau sebagai wakil Terengganu dalam Dewan Negara dapat memberikan suatu sumbangan kepada Negara dan juga kepada negeri Terengganu.

Sekian, saya pohon mencadangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, itulah hebatnya wanita kita Yang Berhormat. Sila, ada penyokong.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Alur Limbat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan dengan butir-butir latar belakang yang sungguh mengkagumkan itu tadi untuk memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan untuk undian. Siapa yang bersetuju dengan cadangan ini sila angkat tangan –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

#### **USUL INI DITERIMA.**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini diucapkan tahniah. Saya percaya individu berkenaan ada di Dewan kita ini, kita ucapkan tahniah dan saya mengisytiharkan bahawa **To' Puan Hajah Zaiton binti Haji Mat Amin** telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada dengan ucapan selamat bertugas untuk kecemerlangan negeri dan rakyat Terengganu. Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG****ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU)(PINDAAN) 2012**Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwat Agama Islam Terengganu 1422 Hijrah bersamaan 2001 Masihi dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memohon cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU  
ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN  
PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) 1422H/2001M.**Bacaan Kali yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwat Agama Islam Terengganu 1422 Hijrah bersamaan 2001 Masihi dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwat Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan bagi mengelakkan sebarang keraguan bahawa kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam Negeri Terengganu adalah mutlak dan tidak tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini.
4. *Fasal 3* bertujuan memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam pelantikan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dan Pengarah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Majlis dan sebagai pelaksana kepada semua dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baru iaitu subseksyen 7(2), ke dalam Enakmen ibu yang bertujuan menambah fungsi Majlis yang boleh memberi kaedah pengertian berhubung apa-apa perkara mengenai adat Melayu yang diamalkan di dalam negeri ini dan tanggungjawab Majlis merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa jika perkara itu berkait dengan hukum Syarak.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah sebagai salah seorang anggota Majlis.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk menjadikan Pesuruhjaya sebagai Setiausaha Majlis dan juga sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan pentadbir Majlis.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk tidak mengadakan keperluan dari segi undang-undang bagiewartakan pelantikan dan pembatalan anggota Majlis dan mencukupi hanya dengan pengeluaran surat pelantikan dan pembatalan.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk menambah perkataan rumah perlindungan di dalam seksyen 27(g) Enakmen.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 46 untuk memberi kuasa budibicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Terengganu.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk menjelaskan maksud mahkamah dalam seksyen 53 adalah merujuk kepada Mahkamah Sivil.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memberi kuasa budibicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah menjadi Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis atas syor Ketua Pendakwa Syarie pula boleh melantik pendakwa-pendakwa syarie dari kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Terengganu.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 1B bagi memperuntukkan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa Syariah di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang ingin menjadi peguam Syarie mestilah beragama Islam termasuk anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971. Seksyen 57 ini juga untuk memasukkan mana-mana Pegawai Syariah dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau mana-mana pegawai yang difikirkan layak oleh pihak Majlis boleh bertindak sebagai Peguam Syarie.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk menambah Jadual Baru berkaitan dengan nisab dan kadar zakat harta dan pendapatan iaitu Jadual Ketiga dan Jadual Keempat.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru seksyen 76A untuk menentukan nisab dan kadar zakat harta dan pendapatan yang dikenakan ke atas seseorang berdasarkan Jadual Keempat.

17. *Fasal 16* bertujuan memasukkan subseksyen baru 87A, bagi memastikan hanya Imam, Khatib dan Bilal yang dilantik atau yang diberikuasa sahaja yang boleh bertindak sebagai Imam, *Khatib* atau *Bilal* bagi mana-mana sembahyang Jumaat dan peruntukan ini dimasukkan bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang tidak diberi kuasa oleh Majlis untuk mengadakan sembahyang Jumaat. Subseksyen baru 87B, pula bagi memastikan hanya khutbah yang diluluskan oleh Majlis sahaja yang boleh dibaca atau digunakan bagi sembahyang Jumaat atau sembahyang lain yang menggunakan khutbah dan tindakan undang-undang boleh dikenakan bagi yang melanggar peruntukan tersebut.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk membolehkan seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun boleh memeluk agama Islam sekiranya dibenarkan oleh sama ada ibu atau bapa atau penjaganya.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 106 bagi memberi kuasa kepada Majlis, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan dan pentadbiran pungutan khairat dan pelupusan hasilnya, pengurusan dan pentadbiran masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara yang berhubungan dengannya tatacara Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam, elaun yang kena dibayar oleh Jawatankuasa Majlis atau jawatankuasa-jawatankuasanya, dan penjagaan dan kawalan anak-anak yatim dan kanak-kanak di bawah jagaan Majlis.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan satu peruntukan baru bagi membolehkan Majlis membuat apa-apa pindaan ke atas Jadual kepada Enakmen.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan Jadual Ketiga dan Jadual Keempat kepada Enakmen.

#### Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah dibaca dan telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan, Sesiapa yang ingin berucap, Yang Berhormat dipersilakan. Ya, Tepoh, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-

ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati serta warga Dewan yang saya hormati sekalian.

Bismillahir Rahmanir Rahim. (Membaca petikan ayat Quran/Doa mukadimah). Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana telah membentangkan satu cadangan pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1422 Hijrah bersamaan 2001 Masihi. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, cadangan ini pada dasarnya melibatkan 21 perkara sepertimana sepertimana yang telahpun dibacakan oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi. Dan saya nak menyebutkan bahawa cadangan pindaan ini mengambil kira keperluan-keperluan semasa serta untuk memastikan soal-soal perjalanan urusan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Terengganu dapat dijalankan dengan lebih baik dan khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan soal urusan-urusan keagamaan dalam negeri ini adalah di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sebagai Ketua Negeri dan Ketua Agama Negeri. Justeru itu, saya nak sebutkan beberapa perkara Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua di antara berapa cadangan yang telah disebutkan sebentar tadi. Pertamanya, bagi maksud untuk kefahaman keseluruhan Ahli-ahli Dewan serta seluruh Pemerhati bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan berbidang kuasa untuk melantik seorang yang dinamakan sebagai Pesuruhjaya Agama dan sekaligus Pesuruhjaya Agama yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan itu akan bertindak sebagai Setiausaha kepada Majlis Agama dan dia jugak adalah merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Sebenarnya perkara ini adalah merupakan suatu perkara yang pernah wujud di dalam enakmen sebelum ini khususnya di dalam Enakmen Hal Ehwal Pentadbiran dan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu Bilangan 12 Tahun 1986.

Yang kedua, dalam cadangan ini meperuntukkan satu cadangan subseksyen 8(1) iaitu memasukkan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah sebagai salah seorang Ahli Majlis yang sebelum ini Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah yang lebih mengetahui tentang persoalan-persoalan yang berlaku di dalam mahkamah serta persoalan-persoalan yang berkaitan dengan soal kesalahan dari segi syariah tidak dapat menyuarakan pandangannya. Hasilnya melalui cadangan ini Yang Berbahagia Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah akan boleh menyuarakan pandangan-pandangan dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan soal-soal kesalahan-kesalahan syariah. Berikutnya juga seksyen 27(G) turut memasukkan satu perkara

yang cukup penting yang tidak pernah wujud sebelum ini iaitu rumah perlindungan. Di mana Majlis Agama sebelum ini dalam erti kata memberikan bantuan serta soal-soal kebajikan lebih ditumpukan kepada mereka yang disifatkan sebagai orang miskin dan anak yatim tetapi kepada mereka yang terlibat dalam khususnya dalam kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang melibatkan hukuman dijatuhkan oleh mahkamah syariah lebih-lebih lagi yang melibatkan kalangan mereka yang berada di bawah umur yang tidak boleh untuk dipenjarakan dan sebagainya perlu untuk diberikan pendidikan dan perlindungan. Maka, pindaan kepada seksyen 27(G) memasukkan perkataan rumah perlindungan adalah bermaksud untuk memastikan mereka supaya mereka yang berada di bawah umur khususnya yang disabitkan melalui mahkamah syariah boleh dijaga dan diberikan perlindungan supaya mereka dapat kesedaran dan apabila keluar daripada rumah perlindungan tersebut mereka akan menjadi seorang insan yang boleh mengawal diri dan mempunyai jati diri ini di antara kehendak ataupun maksud kepada pindaan ini.

Yang keempat, yang saya nak sebutkan ialah dalam erti kata disebutkan tadi antaranya ialah perlantikan Pesuruhjaya Agama dan juga Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa-Pendakwa Syarie dalam konteks Hakim Mahkamah Syariah, Penguatkuasa Syariah boleh dilantik dari kalangan Penjawat Awam Negeri Terengganu sahaja tidak lagi dibuka kepada penjawat awam dalam erti kata perkhidmatan bersama ertinya yang akan mengendalikan Majlis Agama dan Jabatan Hal Ehwal Agama adalah dari kalangan Pegawai-Pegawai Tadbir Agama dan Pegawai-Pegawai Tadbir dalam Perkhidmatan Negeri yang tidak terlibat dengan perkhidmatan bersama dalam erti kata untuk memberikan ruang yang lebih baik kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Negeri sebenarnya. Kemudian, seksyen baru yang saya nak sebutkan di sini ialah seksyen 87(A) dan juga seksyen 87(B) kedua-dua seksyen ini adalah suatu seksyen yang tidak wujud di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu Tahun 2001, Enakmen 2 Bil. 2 Tahun 2001 yang mana Enakmen 2001 ini telahpun dilakukan pindaannya daripada enakmen-enakmen yang asal iaitu Enakmen Bil. 12 Tahun 1986 yang mana sebelum itu Enakmen Bil.12, 1986 ada memperuntukkan tentang soal siapa yang berhak menjadi Khatib, siapa yang perlu mengimamkan sembahyang Jumaat, siapa yang perlu menjadi Bilal yang menguruskan masjid-masjid dan pada masa yang sama masjid yang bagaimana yang sebenarnya dikatakan masjid yang boleh berjumaat. Begitu juga dengan enakmen yang asal 1986, menyatakan bahawa khutbah yang wajar dibaca dalam sembahyang Jumaat

di masjid-masjid yang diluluskan adalah khutbah yang di bawah kendalian, seliaan Jabatan Agama dalam konteks Majlis Agama itu sendiri. Tetapi, pada tahun 2001 pindaan telah dibuat, maksud saya pada tahun 2001 ini Kerajaan yang memerintah negeri Terengganu pada masa itu ialah Kerajaan PAS, mereka telah membuat pindaan dengan menghilangkan seksyen-seksyen yang seumpama ini dalam maksud sebagai contohnya kalau ada orang yang bertindak sebagai Khatib dalam membaca khutbah dia tidak pernah dibenar tidak ada tauliah, tidak dibenarkan oleh Pesuruhjaya Agama, tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan dia boleh membaca khutbah, bila nak diambil tindakan tak boleh nak diambil tindakan sebab dalam enakmen itu tidak ada dinyatakan bahawa orang yang nak baca khutbah mestilah orang yang ada kelulusan daripada Jabatan Agama. Maka dia nak berkhotbah, dia boleh berkhotbah. Kita tidak boleh ambil tindakan, mereka boleh berkhotbah berleluasa, mereka boleh bawa sesiapa saja dan boleh berkhotbah dan sebagainya. Tidak ada sekatan, tidak boleh didakwa. Ini yang ada dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu Pindaan Tahun 2001 yang dibuat pada tahun 2001. Jadi apabila kita sudah membuat pindaan ini kita menyatakan bahawa orang yang boleh bertindak sebagai Imam, Khatib dan Bilal dalam sembahyang Jumaat kepada masjid yang telah diluluskan itu adalah mereka yang diluluskan oleh pihak Majlis Agama dan kalaulah selepas ini kita mintak jugak pihak Jabatan Agama dan kita mintak kepada pihak Pembangkang khususnya untuk ambil perhatian dan ambil kerjasama sebab ini merupakan suatu perkara yang dikehendaki yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Jangan ada di kalangan khususnya pemimpin-pemimpin Pembangkang yang bertindak membaca khutbah dan Imam dan dalam keadaan dengan cara untuk menghasut dan sebagainya. Kalau mereka ambil jugak, melakukan perbuatan yang demikian, di bawah enakmen ini boleh dihukum, hukumannya walaupun tak tinggi yang disebutkan itu sekitar dalam erti kata tidak melebihi RM5000 atau pun penjara tidak melebihi penjara 3 tahun tetapi yang lebih penting bukan soal hukuman yang perlu dikenakan, kalau boleh kita tidak mahu ambil tindakan tetapi tolonglah hormat, tolonglah hormat serta menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa apa yang disebutkan ini adalah merupakan hasrat Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya khutbah-khutbah mereka yang nak membaca khutbah adalah dari kalangan mereka yang dibenarkan kalau tak ada tauliah pun mintaklah permohonan dan sebagainya. Sebab itu kalau mereka yang naik khutbah tak ada kelulusan boleh dihukum dengan enakmen atau seksyen kurungan 87(A) itu tadi. Begitu jugak seksyen 87(B), khutbah yang hendak dibaca hendaklah khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama sebab kita tengok pada hari ini macam-macam

khutbah dalam erti kata kalangan orang-orang yang bersifat Pembangkang ini, PAS khususnya, dia tak endah. Masjid tu masjid Kerajaan, masjid yang ditauliah, yang dibenarkan termasuklah di mana-mana masjid yang saya sebutkan di Rusila ke, di Rhu Muda ke dalam konteks Marang yang pernah saya jadi Kadi Daerah boleh baca ikut-ser aje gitu, hak ni kene eja molek jugak ning iku-ser, ya. Dan seolah-olah bebas jadi kita mintak dengan pindaan ini supaya pihak-pihak tertentu tolong ambil perhatian dan tolong ambil ingatan supaya untuk memastikan kita tidak melakukan perkara-perkara yang dikatakan sebagai atau dalam erti kata tidak mematuhi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Begitu jugak berkaitan dengan soal pembinaan masjid dan sebagainya sebagaimana yang disebutkan, yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi berkaitan dengan soal isu Masjid Bujal sebagaimana yang telah disebutkan suatu ketika dahulu yang dikatakan Masjid Bujal. Saya jugak bersependapat dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bahawa Masjid Bujal itu bukan masjid, tidak pernah tercatat, ia bukannya masjid ia merupakan satu yang asalnya adalah merupakan macam markas yang cuba nak dibina nak dibesarkan dan nak dijadikan sebagai tempat berjumaat dan nak dilakukan sembahyang Jumaat. Tidak ada kebenaran, tiba-tiba oleh kerana pembinaan tersebut dikatakan menyalahi kaedah peraturan, Kerajaan Negeri mengambil tindakan merobohkannya, maka isu yang dikeluarkan ialah Kerajaan Negeri, Kerajaan UMNO zalim kerana Kerajaan UMNO telah merobohkan Masjid Bujal, orang lain buat apa-apa benda hak dok molek, Kerajaan tak roboh, tetapi buat masjid, Kerajaan roboh. UMNO zalim, sedangkan itu bukan masjid, itu merupakan suatu binaan ke arah untuk nak merosakkan perpaduan. Kalau dalam konteks sejarah Sirah Nabi S.A.W. termasuk jugak dalam maksud Masjid Bujal itu sebagai konteks kalau masjid pun Masjid Dhirar. Masjid atau pun bangunan yang diasaskan yang ditubuhkan bertujuan untuk membawa keburukan dalam masyarakat. Binaan masjid yang ditubuhkan untuk memecahbelahkan masyarakat. Nabi pernah mengarahkan supaya masjid yang dibina oleh kaum munafik, Abdullah Saba' dirobuhkan kerana masjid tersebut bukan dibina di atas *usisa ala taqwa*, tidak dibina di atas asas taqwa kepada Allah S.W.T tetapi dibina untuk nak memecahbelahkan masyarakat umat Islam semasa Nabi Muhammad S.A.W. Demikian jugak Masjid Bujal dan yang lain bukan dibina atas dasar taqwa, tetapi dibina lebih kepada asas politik, tak suka kepada Imam UMNO, tak nak ke masjid Kerajaan, kononnya tak sah sembahyang di masjid Kerajaan, maka buat bangunan

baru sembahyang Jumaat di masjid baru. Ini adalah merupakan tindakan ke arah untuk memecahbelahkan umat rakyat Malaysia sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diberi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Tepoh. Benar atau tidak kalau saya katakan bahawa oleh kerana penerangan yang jelas yang diberikan oleh Wakil Tepoh, benda bukan masjid dikatakan masjid, ramai orang-orang dia berarak ikut pemimpin-pemimpin yang kata masjid pada hal benda tu bukan masjid.

Yang kedua, kelmarin, berarak dikatakan bahawa Kerajaan rampas tanah sedangkan tanah itu tidak dirampas cuma tidak disambung bayar TOL sebagaimana dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Benar atau tidak kalau saya katakan bahawa puak-puak PAS, terutamanya pemimpin-pemimpin PAS ini memang fesyen dia kecek pengikut-pengikut dia, betul atau tidak?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan begitu mudah aje nak jawab, betul atau tidak? Betullah. Cuma hak peliknya teka-teki kelmarin. Dia berteka-teki, dia jawab, kita ingat kita nak jawab. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, inilah yang saya katakan sebenarnya, ialah kalau kita kata dia tu Parti Ajaran Sesat dia marah, hari ini ada orang telefon ke saya: "Tolong buang gok kain rentang hak tulis Parti Ajaran Sesat tu." Saya kata: "Kat mana?" "Depan Pejabat DUN tulah." Tak apalah hak tu di depan pejabat saya, ikut pandai sayalah, saya nak buat naikpun, buat apa halangnya. Tapi kalau gitu kita boleh kata, PAS ini kalau takmboh kata Parti Ajaran Sesat pun, Parti Anak Sekilalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat juruskan kepada Rang Undang-Undang kita.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Okey, okey. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab tu saya nak sebutkan bahawa ini ialah berbalik kepada maksud pindaan ini ada keluhuran yang dikehendaki untuk

membawa kepada penyatuan sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Titah Ucapan Diraja sempena Perasmian Sidang Dewan kita dalam 2 hari yang lepas. Dan mudah-mudahan dengan pindaan yang dilakukan ini sedikit sebanyak dapat mengembalikan semula roh ke arah kawalan sebenarnya aktiviti-aktiviti agama khususnya supaya ia tidak dipolitikkan, masjid-masjid perlulah dilaksanakan dalam erti kata untuk pengimarahkan ke arah mencari ketaqwaan di sisi Allah S.W.T. bukan dibina di atas dasar untuk kepentingan politik sebab itu kita amat menyokong serta kita amat berhasrat dan meminta sangat supaya pihak kepimpinan PAS di negeri Terengganu khususnya Wakil Rhu Rendang supaya apa yang diminta oleh rakan-rakan kita tarik baliklah perkara-perkara yang pernah disebutkan amanat atau fatwa 1982 itu supaya dapat kembali mana-mana tempat yang belum lagi dibenarkan berjumaat yang mereka sedang jugak berjumaat, tolonglah ambil perhatian supaya kembalilah kita berjumaat bersama-sama di masjid yang satu di dalam satu kampung. Saya tak katakan tak boleh macam Wakaf Mempelam pernah sebut banyak tempat-tempat lain macam bandar kita banyak dekat masjid tapi dia tidak menghalang ahli jemaah untuk nak cukup jemaah ada dekat-dekat sebab masyarakat yang ramai, umat Islam yang ramai, keperluan kepada tambahan masjid cukup penting, kita bina tambahan masjid kerana keperluan yang amat mendesak, tapi kalau kampung ada dua butir, hak sebutir pun dok penuh dah, tiba-tiba nak buat hak lain lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia beri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Wakil Tepoh. Pasal dia sebut saya takmbah bangun dah, tadi dia sebut Wakaf Mempelam. Saya ialah soal roboh Masjid Bujal, soal macam-macam lah jawapan demi jawapan, lepas itu enakmen yang kita bincang sekarang ni diterangkan oleh Wakil Tepoh menyatakan bahawa pasal kes perlantikan Imamlah, apalah semua sekali. Sedar ke dok, antara punca perpecahan yang berlaku Imam yang Tuanku Al-Sultan lantik ada watak perlantikan daripada Tuanku tetapi atas tekanan-tekanan tertentu Imam yang bertugas itu dipecat, diambil tindakan sehingga Imam ambil tindakan mahkamah, bicara di mahkamah dan menang kes. Saya ada senarai Imam yang menang kes. Jurunikah yang dipecat, Imam yang dipecat. Jadi ini semua sekali .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Aah, dah faham dah, tak apalah, saya tambah selalulah. Faham dah, faham dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Eh! Deras teh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak apalah, ini masa saya, saya berikan saya jawab selalu dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi janganlah duk main tindakan, duk kata .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Setakat itu saja Dato' Yang Dipertua, kita tambah, saja-saja nak usik dia aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulunglah Yang Berhormat Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Amat Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu yang disebutkan apa semua yang diambil tindakan itu adalah kerana dia langgar peraturan, dia dok baca khutbah tapi mungkin dah ada tindakan yang diambil, mungkin Wakil Kerajaan boleh jawab nanti, mungkin ada sedikit kesilapan teknikal boleh dibawa ke mahkamah dan mungkin menang itu cerita lain. Tetapi itu diambil atas roh yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Wakil Kerajaan kita Batu Rakit mungkin boleh menjelaskan perkara ni. Saya nak sebutkan, inilah yang perlu kita faham dalam erti kata marilah kita melihat kepada kepentingan perpaduan, kepentingan soal pengabdian itu yang lebih besar kerana masjid adalah tujuan untuk menyatukan kita sesama kita tetapi bila ada orang buat masjid yang lain sembahyang Jumaat di tempat yang lain .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir mintak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Lepas ni saya dah tak bagi dah laluan, kalau nak bahas, bahaslah kekgi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya takmbah mintak laluan dengan dia, saya nak tanya Speaker panjang lagi ke dia nak bercakap, saya nak keluar sekejap ada hajat. Sebab saya nak bercakap lepas ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya suruh dia gulung dah tu Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Oh, hak tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah tu Yang BERTHORMAT, sila gulunglah.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Nak habis dah ni. Nak keluar tak apa, keluarlah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak keluar dulu sekejap ada hal.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hah, boleh, boleh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila, gulung Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kita pulak terkhabor boleh, mintak maafah Yang Dipertua. Jadi itulah yang saya sebutkan tadi supaya apa yang saya sebutkan Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua lebih kepada untuk memberikan sedikit penjelasan kepada rakan-rakan Ahli Yang BERTHORMAT, Ketua Jabatan dan seluruh warga tentang kepentingan pindaan ini sebenarnya demi untuk nak membawa dan demi mencari keharmonian kerana kita selama ini yang berpecah orang Melayu Islam, kita berpecah atas dasar agama. Sedangkan agama menuntut kita berpadu tapi kita menggunakan point-point agama, kita menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk mencari sebab supaya kita boleh berpecah, kita baca ayat Quran menghukum orang untuk menimbulkan sebab supaya orang membenci orang lain dan akhirnya boleh berpecah sehinggalah sampai ke saat ini. Kita berpecah lebih membawa kepada keburukan sampai tahap kepada mendakwa, pangkah dia masuk Syurga dan sebagainya. Dan

saya nak baca di akhir perbahasan saya ini sepertimana ayat yang telah saya bacakan sebagai mukadimah dalam perbahasan ini. Firman Allah S.W.T. (membaca petikan ayat Quran Surah Al-Baqarah ayat 94 yang bermaksud serta huraian): Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka yakni orang-orang Yahudi atas sekiranya mereka mendakwa mereka sentiasa mengatakan bahawa sesungguhnya Syurga yang ada di hari Kiamat itu hanyalah khusus untuk mereka sahaja, orang lain tidak boleh masuk Syurga yang ada di hari Kiamat itu. Maka mintaklah kepada Yahudi itu memohon supaya dimatikan segera mereka itu untuk dilihat sekiranya mereka itu dari kalangan orang-orang yang benar. Ayat ini diturunkan oleh Allah, antara sebabnya adalah dikaitkan dengan dakwaan-dakwaan yang sering dikemukakan oleh orang Yahudi kerana orang Yahudi ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sering melaungkan merekalah bangsa pilihan, merekalah bangsa yang disayangi oleh Allah, orang lain tak ada nilai sebab itulah Yahudi boleh bunuh Palestin, menjadi satu kewajipan boleh bunuh orang-orang Islam Palestin, tak bersalah orang Palestin tu hina, orang lain hina, Yahudi itulah yang hebat, Yahudi itulah yang dikatakan bangsa pilihan Allah. Mereka bangsa yang terbaik sampai mereka sanggup mendakwa Syurga yang ada yang disediakan oleh Allah itu hanya untuk mereka sahaja yang boleh masuk, orang lain tak boleh masuk, bangsa Arab tak boleh masuk hanya yang boleh masuk dalam Syurga itu adalah mereka sahaja. Sebab tu mereka berleluasa mengatakan orang itu-ini dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lalan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Nak jugak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Tepoh): Ya, mungkin atas kehebatan Yahudi itu tersebutlah ada pemimpin-pemimpin Pembangkang memberi fatwa bahawa boleh bersahabat dengan Yahudi, betul atau tidak?

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): *Confirm*, dengan izin, betul tu. Sebab itu saya tak nak katakan bahawa orang tu Yahudi tetapi dakwaan-dakwaan yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua dakwaan yang kata: Kalau pangkah aku masuk Syurga, dapat pahala. Seolah-olahnya kalau pangkah UMNO/BN berdosa, masuk Neraka dan sebagainya. Ini bukan teka-teki dah ni, ini hak realiti dah ni. Tuduhan-tuduhan seumpama itu menggambarkan

orang yang bercakap itu seolah-olahnya macam perangai Yahudi, saya dok kata Yahudi tapi macam perangai Yahudi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya tak nak bagi laluan dah ni, saya nak tutup dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya nak sebut begini aje Dato' Yang Dipertua, yang lantik Penasihat Yahudi ini siapa, bayar sampai juta-juta setahun.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dia pusing ikut tu pulak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi sekarang ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Bakpe, panas telinga?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekarang ni yang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak diberi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak saya dok beri dah ni, nak habis dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oh, takut jugak. ....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak takutlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah kalau tak takut berilah .....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah marilah, hamba kecil saja tapi bab ini hamba boleh lawan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jadi inilah dakwaan-dakwaan yang saya nak katakan bahawa pernah berlaku benda begini Tuhan nukilkan dalam firman-Nya bahawa orang Yahudi ini duk dakwa dialah yang berhak masuk Syurga, orang lain tak boleh. Hari inipun perangai begini dibawa jugak, puak kitalah yang boleh masuk Syurga, puak lain dok boleh sebab dia dok ikut kehendak ni. Inilah yang berlaku sebab itu tuan-tuan, Yang Amat Mulia Dato' Yang Dipertua kita harus faham tentang perkara-perkara ini. Jangan jadikan firman-firman Allah yang dilihat macam boleh dikenakan pada orang lain maka dibaca. Macam saya baca hari ini ayat ini, nampak macam kena jugak, bukan tujuan kita nak kenakan tapi kalau duk berlawan, main nak kenakan sokmo tak boleh ke manalah kita. Kita baca satu ayat ini baru terasa pedih dah. Dia baca banyak dah ayat baham kita, zalim, toghut dan sebagainya, kita dengar begitu aje. Kita baca hak ni sesat, hak berasa panas telinga dah, nak-nak macam Yahudi berasa panas telinga dah. Jadi begitulah, hala ke dia dok apa, hala ke kita ni dok molek sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hujung, hujungnya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, mudah-mudahan ada kefahaman kepada kita dan kalau ada salah silap saya mohon keampunan daripada Allah S.W.T. Sekian Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya memohon menyokong cadangan pindaan kepada enakmen. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Payah jugak nak jaga kecil-kecil pun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak bertanya berapa ramai lagi nak berucap kepada Rang Enakmen ini? Saya nak tanya untuk saya susun waktu. Yang Berhormat Manir kita tunggu dia duduk sekejap. Ada.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak bertanya boleh tak kalau saya sentuh tentang atau saya tak tahu di mana saya nak sentuh misalnya tentang IQ (Institut Al-Quran) boleh *viable* tak dengan ini?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Enakmen ini sahaja Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang berkaitan dengan agama, tak boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya menguruskan enakmen yang dibentangkan kalau ke lain tak bolehlah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, saya duduklah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya beri peluang kepada Manirlah sebab Manir sahaja yang nak berucap selepas itu dijawab oleh pihak Kerajaan. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati dan hadirin-hadiran sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya ucap terima kasihlah kepada Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya bercakap pada hari ini, kelmarin tak sempat nak bercakap, tak sempat nak angkat tangan, habis.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh begitu Yang Berhormat, Yang Berhormat tak mintak, hari ini Yang Berhormat beri notis saya beri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak sempat nak angkat tangan nak buat guana, kebetulan Yang Dipertua gopoh ada kerja nak balik rumah cepat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak balik Yang Berhormat, sampai malam saya tak balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi ada cepat nak keluar Dewanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak. ...(dalam gelak)... Mungkin Yang Berhormat tak berapa dengar tu, ialah kita fahamlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, boleh jadilah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang pertamanya, saya nak ucap tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengaktifkan semula 2 orang Ahli Dewan yang lama tidak aktif dalam Dewan, yang pertama, Wakil Alur Limbat, yang kedua Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak berkait dengan enakmen tu, Yang Berhormat. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mukadimah tak apalah. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mukadimahnya ada. Kelmarin cakap bab pecah-pecah (perpecahan).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita dalam satu kawasan, satu Parlimen tak apa, beri peluanglah kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Duk kata ke orang PAS buat perpecahan, dia sama sendiri bukan rakyat di bawah ini tapi Ahli Dewan 32 orang banyak ini pun tidak boleh bersatu, jadi dua puak. Tapi dia masih lagi tidak berjaya lagi untuk mengaktifkan Wakil Jertih, alhamdulillah. Itu mukadimah Yang Amat Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, Wakil Manir bercakap sedar tak tu macam tak berapa sedar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah, tak berapa sedar pun tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak ingat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Asal boleh bercakap sudah, tak berapa sedar pun kalau orang boleh faham cukup. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi Yang Berhormat jolok tu macam orang nak buat ada benda lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila teruskan dengan enakmen, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya ucap terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri yang cuba nak mengatur semula Pentadbiran Hal Ehwal Agama atau menokok tambah apa yang kurang tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau mengikut ayat Quran (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Maknanya Allah Taala kata kalau kita nak ubah, nak nasah, nak buang satu-satu ayat dia bawa mari hak lebih baik atau serupa dengannya." Jadi dalam perkara ini walaupun telah disebut secara panjang oleh Wakil Tepoh tentang tujuan-tujuan dan matlamatnya tetapi saya rasa tidak ada banyak perbezaan. Yang perlu ditekan sangat di sini ialah yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan ialah perkara 86(A) dan 87 iaitu berkaitan dengan Khatib, Imam dan cuma tambah hak baru Bilal. Hak dulu Khatib dan Imam untuk Sembahyang Jumaat. Ini adalah ekoran daripada apa yang diucap panjang kelmarin ataupun semalam tentang Sembahyang Dua Imam, tentang perpecahan. Perpecahan tidak boleh diatasi dengan fasal yang dibawa masuk dalam enakmen ini. Nak menghukum Khatib, menghukum Imam, menghukum Bilal yang tidak bertauliah itu tidak boleh mengajak rakyat negeri ini bersatu dan berpadu. Sebab itu adalah lebih baik bagi Kerajaan membuat langkah lain untuk menyatukan rakyat negeri Terengganu.

Bercakap soal perpecahan, dua Imam dan sebagainya, saya dah dari 1982 menjadi Ahli Dewan, 30 tahun yang lalu tapi saya kira dah selesai zaman Tan Sri Wan Mokhtar lagi. Kita dah berbincang panjang di sini sehingga melarat hingga ke Kuala Lumpur apabila Perdana Menteri Malaysia mencabar PAS untuk berdebat dalam isu ini terutama sekali Fatwa Hadi di Banggol Peradong. Maka kita telah menyahut cabaran itu, kita bersedia apa jua tajuk untuk berdebat bukan kita nak menang sebab kita orang Islam kita nak cari penyelesaian. Kalau kami salah sila beritahu tentang kesalahan. Kalau kami betul sila iktiraf apa yang kami kata dan sila betulkan yang mereka salah. Tapi sayang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, debat itu dibatalkan, yang membatalkannya Pemegang Mohor Raja-Raja, diisytihar macam isytihar anak bulan jugak. Macam isytihar anak bulan Ramadan, macam isytihar Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji maka debat itu dibatalkan. Kami bersedia untuk berdebat jangan dengan budak-budak ini saja dalam Dewan ini tapi yang dilantik oleh pemimpin Malaysia mewakili Kerajaan Malaysia dan berdebat dengan kami. Kami bukan nak berdebat kami nak bermuzakarah kalau kami salah kami boleh betulkan, debat itu terbuka mesti disiarkan dalam t.v., surat khabar dan sebagainya sehingga rakyat boleh menilai siapa betul dan siapa tak betul. Ini anak-anak muda jangan cakap besarlah dalam perkara ini, benda dah berlaku tetapi pemimpin kamulah yang membatalkan debat itu, pemimpin kamulah yang tidak berani. Dr. Mahathir Mohamad pada masa itu menyatakan bahawa debat itu terpaksa dibatalkan kerana pemimpin-pemimpin pelapis dalam UMNO pengecut dan penakut untuk berdepan dengan pemimpin-pemimpin PAS. Dan saya pada masa itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua masih muda lagi macam Dato' Yang Dipertua atau pun muda lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang dok dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sekarang takdok orang cabar kalau orang cabar lawan lagi. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, lajak aje yang lebih tu. Dah kita debat semulalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita berdebat semulalah. Takut lajak aje yang lebih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Awak jawatan apa Wakil Ajil, *awe* dekat dah nak pilihan raya ni aktif semula dah, bimbang tu takut Yang Amat Berhormat tak pilih dia jadi calon dalam pilihan raya akan datang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Enakmen Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, kalau tak terpilih boleh masuk PAS, insyaAllah kita *adjust*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pasal debat tadi, kita berdebat semulalah pasal PAS ajaran sesat ke, guana ke. Tu dia tak tua lagi Dato' Yang Dipertua cuma lama sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah tua ke, lama ke tapi saya nak bercakap pasal perubahan dengan memasukkan pasal itu. Dulu pada zaman dulu kita akui kita hapuskan tentang baca khutbah takdok tauliah, Khatib takdok tauliah, Imam takdok tauliah, Bilal takdok tauliah. Begitu jugak khutbah sebab khutbah ini kita perlu mengikut peredaran masa dan peristiwa semasa iaitu isu-isu yang berlaku di tempat ini. Macam cerita Rasulullah S.A.W. sedang dia berkhotbah tiba-tiba seorang Badawi masuk masjid dan dia duduk selalu tidak sembahyang Sunat Tahyatul Masjid. Jadi Nabi yang duduk di atas mimbar itu memberi panduan: Apabila seseorang kamu masuk masjid pada hari Jumaat dan Imam sedang membaca khutbah, sebelum dia duduk hendaklah dia rukuk 2 rakaat, maknanya Sunat Tahyatul Masjid. Boleh tegur, boleh perbetul di situ selalu. Tapi kalau baca khutbah hak tulis dah, siapa-siapa orang masuk pun tak boleh bercakap apa. Inilah kelebihan saudara-saudara sekalian, tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat Tepoh kena faham. Jadi kita khutbah itu boleh terus masuk. Jangan isu lapuk pun kita masuk dalam khutbah. Ada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya kebetulan pergi pada waktu Zuhur ke sebuah kampung, pergi sembahyang di masjid, tiba-tiba Tok Khatib itu baca khutbah tidak kena mengena pun dengan isu semasa. Jadi dia baca bukan bulan puasa, bukan bulan Syawal dia baca bab Syaharul Ramadan. Jadi Tok Imam itu Tok Imam muda pasal dia tengok dalam buku itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masjid mana Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Masjid Kampung Tepoh ..... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Cuba khabor molek bila berlaku tu, bila tarikh tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lama dah, saya tak ingat dah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Eh! Kalau khabor gitu kena buat mari selalu contoh buktinya, kita *check*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dengar cerita saya dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak, jangan sebut begitu, saya nak hak bukti sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini saya cakap sungguh tapi saya nak tunjuk buktinya tak boleh, nak bawa gambar masjid ke sini tak boleh, nak bawa Tok Imam tak boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Manir): Maknanya kalau tak ingat begitu *hala tang ke lainlah* sikit tu, tak berapa itu dah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, tak ingat tarikh, beberapa tahun yang lepas.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah kita bertemu semula di luarlah *deh*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, di dalam, di luar saya boleh belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cerita yang betul tak apa Yang Berhormat, jangan yang reka sudah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini cerita betul. Jadi Khatib itu muda, dia baca khutbah Kerajaan betul dah takdok apa tetapi bulan Ramadan, dia baca bab Ramadan dalam bulan lain. Jadi Tok Khatib tua ni yang sama-sama UMNO belaka bukan PAS, jadi Tok Khatib tua pun pergilah tegur, dia bangun dan pergi tepuk mimbar sambil menyatakan tajuk tak kena tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan di masjid yang lupa baca Fatihah tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lebih kurang macam itulah. ...(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah siapa hak lupa baca Fatihah semasa Sembahyang Jumaat tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak lupa baca Fatihah tu lain. Ini saya cerita pasal Khatib tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah dia Tok Imam, Khatiblah jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah lupa tu tabiat manusia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, kita teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hala ke dia gitu sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apa begitu sokmo! Memang saya boleh jawab apa awak nak tanyapun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah, sabar sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak marah, marah guana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tinggi sikit suara, *slow* sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, angkat sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah guana saya kata begitu terasa hati? Saya kata dekat nak pilihan raya ini aktif, dulu tak aktif pun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, selama ini aktif dah tapi Yang Berhormat takdok dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Selama ini aktif dah cuma Yang Berhormat Manir tak berapa mari ke Dewan, hari ini baru ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat. Teruskan ucapan Yang Berhormat. Tak apalah tak usah jawablah. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, dia nak ganggu saya tak apa Dato' Yang Dipertua, saya sokmo dah kena ganggu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi kenapa kita tidak adakan masalah Khatib bertauliah, Imam bertauliah, Bilal bertauliah kerana kadang-kadang keperluan semasa kita. Kalau Tok Khatib hak tu-le aje, baca khutbah tu-le, orang mengantuk di belakang, hak makmum tu pergi masjid awal, khutbah tidak sesuai dengan keadaan semasa maka makmumpun mengantuk mata, mengantuk punya mengantuk tiba-tiba mungkin terlenu terbatal air sembahyang dia masa Sembahyang Jumaat dia sembahyang juga hak itu salah besar lagi. Jadi oleh sebab itu saya rasa tidak perlu memasukkan enakmen ini, dia

nak ambil tindakan ambillah, tujuan nak hukum orang PAS kerana orang PAS yang takdok tauliah. Orang PAS tak takut, dulupun pernah dipenjarakan di daerah Besut bicara di Kelantan, namanya Hussin. Dia berkhotbah, berjumaat, lepas itu dia kata takdok lesen, dia ditangkap, dibicara dan hukumannya dipenjara tapi bicara hukum itu apa, masa itu tidak sampai RM5,000 lagi, tapi pitih mudah boleh kalau nak bayar denda Tok Imam ini mudah aje, sekejap aje, kita kata 'Derma Bayar Denda Tok Imam', hah! ..... derma mari selalu sebab mereka kata orang ini bagus, dia dipenjarakan kerana berakhlak tidak baik, apanya akhlak tidak baik? Kerana membaca khutbah, menjadi Tok Imam takdok lesen, takdok tauliah, itulah akhlak tidak baik. Orang yang merompak, mencuri, rasuah tidak apa tapi salah juga, dia ada undang-undangnya yang khusus. Tapi kalau kita fikirkan bahawa untuk kemajuan, nak menaikkan taraf masjid biarlah Tok Imam itu dia baca khutbah sungguh hak dari lubuk hati dia, apa yang dia nak beri kepada makmum dia pada hari ini barulah jadi, semangatpun semangat, makmum pun tak mengantuk mata. Jadi kalau untuk nak menakutkan orang PAS tak usah buatlah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat mintak Yang Berhormat boleh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Alur Limbat sila, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia baru diaktifkan. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Manir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena kuat sikit Yang Berhormat takut Manir tak berapa dengar.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Okey, kalau nak bersemangat tu tak apa. Masjid Kubang Lembik dengan Masjid Rusila ada bolehlah pergi ke situ untuk tempat meluahkan semangat tapi dunia ini ada peraturan dia. Jadi soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Wakil Manir ini bersetuju ataupun tidak dengan pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Awam Agama Islam ini terutama Fasal 3, itu yang saya nak tanya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tidak bahas satu persatu, saya bercakap secara umum enakmen ini. Jadi Wakil Alur Limbat dia ahli undang-undang sepatutnya dia boleh faham.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya, memang saya faham. Saya tanya Manir ni setuju ke tidak setuju dengan cadangan pindaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu bukan kerja Alur Limbat, itu kerja Speaker. Apa ambil kerja orang lain, mengaji undang-undang apa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak, saya tanya setuju ke tak setuju, soalan saya mudah aje, jangan tanya saya balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya pun tak boleh jawab bagi pihak Yang Berhormat. Yang Berhormat tu kena jawab setuju ke tak setuju?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Duk tanya setuju ke tak setuju mana boleh saya jawab, saya duk tengah bercakap ni, awak boleh fahamlah hak enakmen saya bercakap ni, saya tak setujulah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak berapa faham fesyen berbelit ni. Setuju ke tak setuju?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Awak ni cakap apa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua mudah saja sama ada Yang Berhormat Manir setuju ataupun tidak setuju dengan cadangan pindaan ini terutama Fasal 3?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ini masa perbahasan ni bukan waktu tanya setuju ke tak setuju.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tak apa Ustaz Nor.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang khianat terhadap Sultan, UMNO, yang kata ke Sultan ni menatang, UMNO.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Guana pelik sangat Bukit Payong ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong! Bukit Payong! Duduk kejap Manir. Manir duduk dulu. Kita nak ke penghujung dah sidang kita ini. Kita faham, kita dah 4 tahun lebih ini penggal kelima. Saya ingat penjelasan diminta oleh Alur Limbat kalau Manir rasa tak perlu jawab, teruskan ajelah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya bukan takmbah jawab, tajuk/fasal/perkara yang saya bahas ini saya tak setujulah maknanya Tok Imam mesti ada tauliah, pembaca Khutbah kena ada tauliah, Bilal ada tauliah, perkara ini saya tak setuju sebab itu saya cakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, teruskanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi Alur Limbat tu dia tukar fikiranlah tu. Dia cakap dengan saya sedap duduk di luar tu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sedap ni. Saya *dang* lawan tak apalah, *dok-dok rok pun*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada seorang Ahli Dewan itu dia cerita, saya tanya pasal apa dalam Dewan ini ada dua puak ni

macam mana? Dia kata tak ramai dah, tinggal hak tinggi seorang dan hak pendek seorang. Dia beritahu ke saya, orang itu royat, saya tak tahu siapa dia, tinggi sekali, pendek sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat itu tak berkaitan Yang Berhormat. Kalau dah habis kita boleh teruskan sidang kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya belum habis, sikit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila perhabis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi bukanlah kerana Tok Imam takdok tauliah, Bilal takdok tauliah, Khatib takdok tauliah yang menyebabkan perpecahan di dalam masyarakat. Jadi oleh sebab itu perkara ini tidak perlu diwujudkan kerana memburukkan lagi keadaan pada masa akan datang sebab saya rasa kalau perkara ini dibuat semata-mata nak menyekat orang-orang PAS berkhutbah, pemimpin-pemimpin PAS berkhutbah, itu tidak perlu kepada undang-undang ini sebab pemimpin-pemimpin PAS ini tidak takut kepada undang-undang ini, dia boleh bayar denda kalau RM5,000 dia boleh bayar, penjara pun kita pernah duduk, semua ini kita dah alami pada tahun 80 an dulu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Satu lagi saya nak cakap sikit, dah tengah hari dah ni. Saya nak mintak penjelasan tafsiran dalam Jadual 3 daripada pihak Kerajaan terutama yang membentang tafsiran bagi binatang, lembu, kambing yang begitu-begini tu dia ada hak meragut rumput di padang ragut. Jadi kalau saya pelihara kambing, pelihara dalam *gok*, beri makan makanan hak beli itu, rumput pun saya cerut, tidak beri makan di padang ragut itu guana cukup syarat ke dok, saya tak payah dah bayar zakat ke macam mana? Kemudian kalau saya pelihara rusa, duk pelihara-pelihara jadi ramai, pelihara ni dia tak makan di padang ragutlah, saya yang cari makan, saya pergi cerut saya beri ke dia, rusa itu semakin ramai maka rusa itu saya nak kira bagaimana kalau nak bayar zakat? Itu sila ada penjelasan. Kalau saya pelihara pelanduk, pelihara kancil macam mana saya nak kira zakatnya? Itu sahaja Wakil Batu Rakit, minta maaf dan masa pun sebagaimana kita tahulah kalau nak bercakap bab-bab lain tak sempatlah. Jadi kalau *bor* nak cakap bab perpecahan,

Sembahyang Dua Imam sepatutnya budak-budak hak mari kemudian ini tanya: "Tokki aku bahas guana dulu", bab perkara ini. Allahuwa'alam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Manir. Saya jemput Yang Berhormat Batu Rakit untuk buat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. Wassalatuwassalamu—alarasulillah wa-ala-alihiwasaahbihi waman-nasarahuwawalah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Pembangkang, para Pemerhati yang terdiri dari Ketua-Ketua Jabatan dan sukarelawan ataupun orang-orang awam, seterusnya hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama-pertama saya nak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada dua pembahas kita pada petang ini. Walau pun enakmen ini agak panjang perkara-perkara yang dipinda tetapi sebenarnya ia mudah difahami dan alhamdulillah saya nampak apa yang dibahaskan oleh Wakil Tepoh tadi menjelaskan lagi apa yang kita sebut atau apa yang dipinda di dalam enakmen itu tadi.

Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut bahawa pindaan ini dibuat untuk mengemaskinkan Pentadbiran Hal Ehwal Agama. Memanglah urusan agama ini telah jelas tetapi sebagai Kerajaan kita mentadbir untuk memperkemaskan dan juga untuk memperbaiki serta menjadikan pelaksanaan sesuatu perkara itu lebih baik dan lebih membawa menafaat kepada masyarakat dan rakyat kita, ianya jelas Dato' Yang Dipertua. Kalau saya nak beri contoh secara mudah macam kahwin. Dalam Islam, kahwin ini jelas ada rukun dia, ada syarat dia. Bila seorang wali, bapa misalnya mengahwinkan seorang lelaki dengan anak dia dengan angkat dan ada saksi maka sahlah perkahwinan itu. Tetapi dari segi pentadbiran undang-undang Islam supaya apa-apa yang mungkin berlaku dan juga apa-apa keberangkalan mungkin yang biasa berlaku dalam perkahwinan ini dapat dikawal, dapat ditadbir dengan baik termasuklah hak anak-anak dan sebagainya maka perkahwinan ini hendaklah didaftarkan, maka pendaftaran urusan perkahwinan ini adalah sebahagian daripada Pentadbiran Hal Ehwal Agama, maka itulah di antara contohnya. Zaman dulu orang kahwin tak daftarpun tetapi kita tengok zaman dulu

dengan zaman hari ini, oleh kerana itulah barangkali di zaman-zaman dulu ramai orang tua kahwin di situ, tinggal di situ, kahwin di sini pula, di situ ada anak, di sini pun ada dan kadang-kadang ada masalah sosial kerana anak-anak ditinggalkan tanpa nafkah dan sebagainya. Maka Enakmen Pentadbiran Undang-Undang khususnya berkaitan dengan kahwin tadi mempermudah dan memperelokkan lagi sistem perkahwinan yang telah disyariatkan dalam agama kita.

Maka begitulah juga dalam pindaan yang kita buat ini berkaitan dengan pentadbiran masjid, Imam, Bilal dan sebagainya. Ini tidak ada tujuan untuk halang orang-orang tertentu daripada membaca khutbah, daripada menjadi Imam dan sebagainya. Orang-orang yang nak membaca khutbah dia boleh kemukakan permohonan, akan ada dikeluarkan tauliah bagi orang yang difikirkan ataupun diterlibatkan menepati syarat-syarat dan sebagainya. Masalahnya ialah Dato' Yang Dipertua, apabila kita tidak ada undang-undang maka agama ini akan menjadi hak semua orang, sewenang-wenangnya orang boleh membaca khutbah ini yang akan merosakkan agama kita. Bayangkan jika orang tidak ada kelayakan dalam agama membaca khutbah, bercakap hal agama macamlah dalam parti Pembangkang hari ini Parti Islam tetapi apabila pimpinannya tidak daripada aliran agama, tidak lagi aliran ulama dan sebagainya maka keluarlah ungkapan-ungkapan yang walau pun parti ini Parti Islam maka ungkapan-ungkapan itu dilihat bertentangan dengan Islam, misalnya, 5hb Mei 2011 kalau tak silap saya Yang Berhormat Ahmad Sabu, Timbalan Presiden PAS bercakap: "Saya lebih rela makan daging babi dengan Guan Eng daripada makan ayam." Ini macam biasa tetapi kalau didengari oleh orang awam amat merosakkan sebab ini tak betul dari segi hukum. Kita duduk dengan orang Yahudi dengan siapapun kalau kita makan benda halal, halalallah. Duduk dengan ulama pun kalau makan haram, haramlah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Lalan Yang Berhormat. Lalan sekali lagi. Ulang sekali lagi hak kata tadi tak berapa jelas. Boleh ulang sekali lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dimaklumkan bahawa antara yang diucapkan oleh Yang Berhormat Ahmad Sabu di dalam satu majlis .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dimaklumkan itu tak betul, dimaklumkan guana, dia cakap di mana, bila?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ya, apa dia?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dimaklumkan, dimaklumkan.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ya, pada 5 Mei 2011.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tunjuk bukti.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Royat dah tu kan, macam hak Masjid Tepohlah mana buktinya. Laillahailallah, hala ke orang nak suruh tunjuk bukti, hala ke dia. Sekurang-kurangnya saya ada jugak tarikh, jadi Wakil Manir sebut di Tepoh saya pun hairan masjid di Tepoh hak mana se tak tahu sebab saya tahu .....

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Masjid Padang Hangus kot, hak dia tu.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Masjid Padang Hangus kot barangkali sebab di Kampung Tepoh saya ingat takdok masjid betul. Sebab Dato' Yang Dipertua kalau nak cakap mengarut boleh tahan nak mengarut tetapi kita di dalam Dewan yang mulia, ada Pemerhati dan sebagainya maka sebab itulah .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya tak mengarut hak masjid di Tepoh tu maknanya kalau nak ajak pergi tengok pun boleh kalau nama dia nama lain tak tahulah, dia lepas pada Kedai Tepoh tu ada .....

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak apalah Wakil Manir boleh ajak Wakil Tepoh selepas pada ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Lepas Kedai Tepoh tu Padang Hanguslah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat Tepoh boleh bawalah nanti.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tapi Dato' Yang Dipertua saya nak beritahu inilah tujuan enakmen ini dipinda, untuk kawalan dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat sekali lagi, Wakil Kerajaan tak ulang ni saya mintak kalau boleh ulanglah, tak berapa jelas hak yang dikatakan tadi tu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dimaklumkan pada 5hb Mei 2011, Yang Berhormat Haji Ahmad Sabu dia pernah kata di dalam satu majlis makan malam dengan pimpinan DAP dia kata: "Baik saya makan babi dengan Guan Eng daripada saya makan ayam dengan Dato' Seri Najib."

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua saya pohon penjelasan. Batang tubuh manusia yang Yang Berhormat sebut takdok dalam Dewan ini dan kenyataan ini kenyataan yang cukup-cukup memualkan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya beri contoh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bukan contoh lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Contoh yang melibatkan nama yang tidak ada dalam Dewan ni, dia tidak boleh menjawab kenyataan itu, dimaklumkan di dalam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, okey.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kita nak bawa satu enakmen Islam ini rahmatanlil-aalamin .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Betullah tu, kalau faham begitu baguslah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ....Bukan kita nak berlawan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Malu kita.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): .... Exco Agama, cakap tentang orang lain yang tidak ada dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Payong! Paling tidak pun .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dengar ke Dato' Yang Dipertua tu, Dato' Yang Dipertua panggil.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya contohkan inilah pentingnya enakmen untuk mentadbir .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Mahkamah! Eh.... (Dewan Gelak) ...

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ...Jika tidak ada ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit, Alur Limbat mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kena beritahu jugak Bukit Payong ni, ini bukan

Pasar Kedai Buloh cara nak berdebat begitu, nak minta apa-apa pun kena mintak dengan Yang Dipertua, ini *style* Kedai Buloh terus.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ....Tak, dia Exco Agama .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Payong, duduk. Duduk dulu Bukit Payong. Sila habiskan Batu Rakit.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, itulah maksudnya bila kita buat enakmen, bila kita buat peraturan-peraturan orang nak baca khutbah mesti ada tauliah sebab kita nak kawal supaya hanya orang yang ditauliahkan boleh membaca khutbah, hanya orang yang berkelayakan boleh jadi Imam, kalau tidak ada kelayakan atau pun jarang-jarang sekali itu yang kadang-kadang lupa baca Fatihah dan sebagainya. Lebih-lebih lagi bila semangat dan sebagainya .....

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Mintak penjelasan dan sebagainya, hak mana, masjid mana hak lupa baca Fatihah tu, ke dalam DUN Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dalam Masjid Kampung Lingai dalam DUN Batu Rakit, perkara ini memang betul-betul berlaku, mula-mula dia kata saya baca dah, lepas itu dia kata tak apalah saya baca *slow*, lepas itu dia kata pulak tak apalah saya tanggunglah hak tu. Jadi saya pun tak faham. Sebab itulah perlu tauliah maknanya orang ini betul-betul telah diyakini, berkelayakan dan sebagainya, itu yang pertama. Dato' Yang Dipertua, kemudian tidak timbul soal kita pinda dan ganti lebih kurang dan sebagainya sebab yang kita pinda ini sudah tentulah kita melihat kepada keadaan yang sesuai dengan tuntutan semasa. Dan saya rasa apa yang kita pinda ini tak kurang daripada yang dulu kerana dia hanya mengembalikan pada semangat yang dulu. Dulu memang dah ada dah enakmen yang menjelaskan bahawa orang yang nak baca khutbah, jadi Imam, jadi Bilal ini mesti ada tauliah. Jadi ini hanyalah kembali kepada yang asal, Jadi tak timbul kalau dengan hak asal jadi kohor teruk. Tak teruk, balik ke hak asal dulu. Jadi itu pun satu, kadang-kadang bila kita bahas kita jadi tak faham apa yang kita bahas. Dia ingat kita pinda ini lebih teruk dari hak dulu. Tak teruk, sama dengan hak dulu atau pun lebih baik daripada hak dulu, itu maksudnya. Hak ayat

yang dibaca itu memang betul dan kita buat pun selaras dengan ayat yang dibaca oleh Wakil Manir walau pun dia tak berapa ingat ayat itu tadi.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Wakaf Mempelam mencelah memberitahu tentang Imam dipecat apa semua. Inilah apabila Imam-imam yang dilantik tidak melihat kepada kesesuaian, dilantik hanya berdasarkan kepada semangat kepartian. Dato' Yang Dipertua, kes yang memang dipecat, dibawa ke mahkamah dia menang memang betul-betul berlaku. Imam ini salah seorangnya dia dari Kampung Bukit Cempaka dalam DUN saya. Dia hari giliran dia baca khutbah dia mari, hari lain kadang-kadang mari, kadang-kadang dok mari. Kita beri peringatan kepada dia, hari dia tak bertugas di Masjid Bukit Cempaka ataupun hari dia tak baca khutbah di Bukit Cempaka dia pergi baca di Masjid Padang Hangus. Jadi akhirnya bila kita pecat yang silapnya mungkin dari segi pentadbiran tapi oleh kerana Kerajaan kita adil dan kerana mahkamah kita adil, mahkamah memihak kepada dia memang silap dari segi prosedur. Kerajaan membayarnya tetapi zalim semacam Dato' Yang Dipertua, sokmo-sokmo dituduh mahkamah di sebelah Kerajaan, kalau di sebelah Kerajaan saja kawan tu, hentam kering dah tapi ini boleh jugak RM50,000 – RM60,000, itu menunjukkan bahawa Kerajaan kita adil.

Kemudian Dato' Yang Dipertua, yang saya ingat satu lagi iaitu apabila kita buat enakmen, kita buat perundangan, kita kena hormati. Dan inilah yang saya rasa bila kita mengundi nanti, bila kita beri sokongan ataupun berkecuali dan sebagainya, apabila undang-undang telah diluluskan di dalam Dewan ini kita kena hormati. Jangan jadi macam Pembangkang, mereka telah meluluskan satu enakmen di dalam Dewan ini juga sewaktu mereka menjadi Kerajaan, mereka menetapkan di dalam enakmen tersebut tidak ada masjid yang boleh dibina tanpa kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama ataupun Kerajaan tapi akhirnya mereka sendiri yang buat masjid tanpa kebenaran Hal Ehwal Agama. Apabila apa yang didakwa sebagai masjid ini kita kata bukan masjid kerana tidak ada kelulusan Jabatan Agama, dari segi syarat-syarat pun tidak mencukupi, jemaah tidak cukup untuk Jumaat maka dia kata kita roboh masjid, kita zalim, kita Yahudi dan sebagainya. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, PAS ini nama sahaja memperjuangkan Islam tetapi dia sesat daripada Islam, dia hanya mempergunakan Islam untuk mengkafirkan orang, untuk menuduh orang zalim dan sebagainya walau pun undang-undang yang dia buat sendiri dia langgar, orang lain jugak kena tanggung akibatnya Dato' Yang Dipertua.

Akhir sekali Dato' Yang Dipertua, zakat binatang. Saya tak tahu Wakil Manir ini dia pun Ahli Jawatankuasa Ulama PAS tanya saya kalau lembu hak pelihara beri makan mesh, beri makan cerut *retek*. Jadi dah jelas dalam Kitab Fekah, kita pun ada fatwa, binatang-binatang yang disyaratkan kena bayar zakat apabila cukup bilangannya, cukup nisabnya, satu lagi binatang itu hendaklah yang ditenak di dalam tanah yang harus, harus ini maknanya tanah yang tidak ada *qas*, kalau pelihara kambing beri makan mesh sokmo ada *qas* ini saya rasa tidak termasuk dalam yang dikenakan zakat walau pun cukup 40 ekor, cukup 30 ekor tapi kalau dia untung banyak mungkin kena atas zakat perniagaan. Saya rasa hak ini rujuk fatwalah tak usah tanya dalam Dewan, Dato' Yang Dipertua. Jadi Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya ucap terima kasih kepada semua wakil-wakil yang telah membahaskan pindaan enakmen ini, terima kasih kepada semua Ahli-ahli, penyokong-penyokong dan terima kasih kepada semua para Pemerhati, saya percaya di penghujung persidangan kita pada kali ini, dan ini mungkin persidangan yang terakhir untuk penggal ini, orang kata pilihan raya tak lama dah. Dan saya dapati ramai Pemerhati yang hadir pada kali ini, saya rasa melalui pemerhatian perjalanan Dewan kita pada kali ini, Pemerhati-pemerhati di luar, Ketua-ketua Jabatan tahu bagaimana Kerajaan kita berkerja pada hari ini dan tahu apakah watak sebenarnya para Pembangkang dalam Dewan ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar tadi perbahasan serta penggulungan oleh pihak Kerajaan mengenai enakmen ini, sekarang saya buka kepada undian –

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang mesyuarat kita dalam Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)(Pindaan) (2012)**.

## TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan yang mulia ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama, perbahasan dan dalam semua bidang selama 3 hari kita bersidang kali ini. Saya memohon maaf sekiranya berlaku kekurangan ataupun apa-apa terkasar bahasa di dalam atau sepanjang saya mengendalikan sidang pada kali ini dan sepanjang penggal ini. Mudah-mudahan apa yang kita rangkan masa berucap dan sebagainya di Dewan ini, insyaAllah akan ditimbang sebagai pahala kebajikan oleh Allah S.W.T.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya hendak berpantun di sini sikit:

Kuala Berang, Rantau Abang, Jabi, Bukit Besi,  
Ladang, Rhu Rendang, Sura dan Permaisuri,  
Umur panjang, sihat badan, ada rezeki,  
Persidangan akan datang kita jumpa lagi.

Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan kali ini dan sebelum kita bersurai, sama-samalah kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.50 TENGAH HARI.

# **LAMPIRAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI  
MESYUARAT YANG PERTAMA  
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23,24,25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.1**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB**  
**WAKIL MANIR**

**SOALAN 1** : Antara anak-anak syarikat kerajaan Negeri Terengganu, yang mana satukah paling maju dan berdaya saing.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 2** : Antara sekolah menengah yang berada di bawah Yayasan Terengganu, sekolah manakah yang paling maju.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD**  
**WAKIL HULU BESUT**

**SOALAN 1** : Apakah kemajuan Projek Lembah Kaprima di Padang Ragut Segading, Hulu Besut, Besut.

**JAWAPAN** : Lembah Kaprima di Padang Ragut Segading, Hulu Besut telah mula beroperasi pada November 2010 dan diusahakan oleh FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd.

Sebanyak 500 ekor kambing baka Jamnapari betina dan 20 ekor baka Jamnapari jantan telah dibekalkan. Sehingga kini, bilangan ternakan kambing adalah sebanyak 215 ekor induk betina, 8 ekor pejantan dan 9 ekor anak. Di samping itu, syarikat ini juga menjalankan aktiviti seperti semaian anak kelapa sawit, pengeluaran baja organik dan jualan ternakan hidup.

**SOALAN 2** : Berapa jumlah Lot dan Luas Tanah Haram yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu semenjak 2004 hingga tahun 2012 mengikut daerah di Terengganu.

**JAWAPAN** : Semenjak tahun 2004 hingga tahun 2012, sebanyak 2,188 lot tanah (1,645.6265 hektar) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pecahan jumlah lot dan luas mengikut daerah ialah:-

| Daerah           | Tahun 2004 hingga Tahun 2012 |                   |
|------------------|------------------------------|-------------------|
|                  | Bilangan Lot                 | Keluasan (Hektar) |
| Besut            | 204                          | 124.9536          |
| Dungun           | 41                           | 29.8655           |
| Daerah           | Tahun 2004 hingga Tahun 2012 |                   |
|                  | Bilangan Lot                 | Keluasan (Hektar) |
| Hulu Terengganu  | 920                          | 751.6851          |
| Kemaman          | 185                          | 90.9665           |
| Kuala Terengganu | 78                           | 47.2684           |
| Marang           | 95                           | 58.0035           |
| Setiu            | 665                          | 542.8839          |
| <b>JUMLAH</b>    | <b>2,188</b>                 | <b>1,645.6265</b> |

**SOALAN 3** : Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk memberi manfaat kepada rakyat Hulu Besut dalam aktiviti Pelancongan Hulu Besut apabila siap Projek Empangan Paya Peda di Hulu Besut.

**JAWAPAN** : Cadangan Kerajaan Negeri adalah untuk mewujudkan aktiviti pelancongan seperti Agro-Tourism yang mana melibatkan projek Taman Herba.

**SOALAN 4** : Berapakah jumlah pendapatan purata bulanan penduduk Negeri Terengganu pada tahun 2012.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 5** : Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi tanah kepada UniSZA di Hulu Besut, apakah projek pembangunan yang akan dirancang oleh UniSZA ke atas tanah tersebut.

**JAWAPAN** : Tanah yang telah diberikan kepada UniSZA di Hulu Besut akan dibangunkan sebagai tapak akademik dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) bagi pelajar-pelajar Fakulti Pertanian dan Bioteknologi yang akan ditempatkan di kampus UniSZA Besut (Tembila). Perpindahan dijangka bermula dalam tahun 2013.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.3.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI**  
**WAKIL BATU BUROK**

**SOALAN 1** : Apakah status terakhir royalti minyak Kerajaan Terengganu dengan Petronas dan kerajaan pusat dan berapakah jumlah "Wang Ehsan" yang diterima oleh kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga pertengahan 2011?

**JAWAPAN** : **DITOLAK menurut perkara 26 (2)(g) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 2** : Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi membuka peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda Terengganu dan berapakah jumlah penganggur yang berdaftar setakat ini di seluruh negeri Terengganu?

**JAWAPAN** : Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membuka peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda Terengganu ialah:

1. Menarik pelabur dari dalam dan luar negeri untuk melabur di negeri ini dalam berbagai sektor terutama perkilangan, pembuatan, pelancongan dan pertanian.
2. Memberi inisiatif langsung seperti latihan pekerjaan kepada lepasan siswazah.

3. Merancang dan mengadakan program-program penempatan pekerjaan, temuduga terus dan klinik kerjaya bagi merangsang minda golongan sasar mendapatkan pekerjaan.

Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja setakat Mac 2012 jumlah penganggur yang berdaftar dengan Pusat Jobmalaysia Negeri Terengganu ialah seramai 19,292 orang.

**SOALAN 3** : Berapakah jumlah wang di bawah 'Kumpulan Wang Disatukan' bagi akaun Negeri Terengganu bagi tahun 2008 hingga November 2011 dan jumlah wang tunai yang ada ditangan kerajaan negeri setakat ini sehingga akhir November 2011?

**JAWAPAN** : **DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 4** : Berapakah jumlah kos pembangunan Tasik Kenyir yang akan dijadikan kawasan bebas cukai pertama bagi tasik di negara ini dan bilakah ia dijangka akan dapat beroperasi?

**JAWAPAN** : Kos pembangunan Tasik Kenyir yang akan dijadikan kawasan bebas cukai adalah dianggarkan **RM311,313,340.94** dan dijangka dapat beroperasi pada **penghujung tahun 2013.**

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI**  
**WAKIL JABI**

**SOALAN 1** : Berapakah peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2011 yang lalu. Apakah jenis pekerjaan yang telah ditawarkan dan belum ditawarkan mengikut daerah-daerah seluruh Negeri Terengganu.

**JAWAPAN** : Jumlah peluang pekerjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk rakyat Negeri ini sepanjang 2011 ialah 10,522 sebagaimana berikut dan semuanya telah dipenuhi.

Bilanga pekerjaan yang ditawarkan mengikut Pejabat Tenaga Kerja (PTK):

| Kategori    | Kumpulan Pekerjaan                 | PTK K.Trg | PTK Kemaman | PTK Dungun | PTK Setiu | Jumlah |
|-------------|------------------------------------|-----------|-------------|------------|-----------|--------|
| Atasan      | Pengurusan                         | 190       | 25          | 20         | 9         | 244    |
|             | Profesional                        | 502       | 240         | 175        | 97        | 1,014  |
|             | Juruteknik & Profesional Bersekutu | 171       | 95          | 56         | 5         | 327    |
| Pertengahan | Perkeranian                        | 245       | 116         | 27         | 17        | 405    |
|             | Perkhidmatan & Jualan              | 720       | 241         | 87         | 169       | 1,217  |

|                           |   |       |       |       |     |               |
|---------------------------|---|-------|-------|-------|-----|---------------|
|                           | Pekerja Mahir,<br>Pertanian,<br>Perhutanan &<br>Perikanan | 548   | 309   | 25    | 34  | 916           |
| Bawahan                   | Pertukangan<br>dan yang<br>berkaitan                      | 710   | 50    | 62    | 12  | 834           |
|                           | Operator Loji<br>Mesin dan<br>Pemasang                    | 575   | 38    | 27    | 8   | 648           |
|                           | Pekerja Asas  | 2880  | 909   | 682   | 446 | 4,917         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |   | 6,541 | 2,023 | 1,161 | 797 | <b>10,522</b> |

**SOALAN 2** : Apakah program-program yang telah diusahakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu mendapat kejayaan cemerlang sepanjang tahun 2011. Bagaimanakah perancangan pada tahun 2012 ini.

**JAWAPAN** : Sepanjang tahun 2011, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah melaksanakan program-program berikut;

1. Hafaz Muqaddam -  
Seramai 1,012 orang kanak-kanak yang berumur 3-4 tahun telah berjaya menghafaz 23 surah lazim pada tahun 2011.
2. Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) -  
Kursus Asas Asuhan kanak-kanak telah dibuat sebanyak 4 siri pada tahun 2011 dan seramai 140 guru-guru Taska Permata Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah mengikuti kursus ini. Daripada 12 siri kursus ini diadakan, hampir 90% guru-guru Taska YPKT telah mengikuti dan lulus dengan jayanya KAAK.

3. Kursus Peningkatan Ekonomi Ibu Tunggal -  
Pada tahun 2011, kursus jahitan dan masakan telah dibuat kepada ibu tunggal seluruh daerah Negeri Terengganu.
4. Khidmat Bimbingan Pakar -  
Khidmat bimbingan pakar juga merupakan suatu program yang dianggap berjaya di mana seramai 2,746 orang client telah mendapat manfaat darinya. Program-program bimbingan pakar ini adalah meliputi tentang penjagaan kesihatan di usia emas, kesihatan mata (optometry), penyakit-penyakit kritikal seperti jantung, diabetes dan darah tinggi dan juga berkaitan kesihatan pediatric.
5. Latihan Kemahiran Jahitan -  
Latihan Kemahiran khususnya dalam bidang jahitan mendapat sambutan yang tinggi dengan penyertaan seramai 1,177 orang pada tahun 2011.
6. Program Jaya Diri (PJD) -  
Sasaran pinjaman kepada peserta ialah sebanyak RM 4 Juta. Pengeluaran Pinjaman ialah sebanyak RM 4,620,000.00 pada tahun 2011. Pecahan pinjaman adalah seperti berikut:
  - a) Berkeluarga : RM4,002,000.00 kepada 882 orang
  - b) Ibu Tunggal : RM618,000.00 kepada 142 orang

7. Ingat Sebelum Terkena -  
Ingat sebelum terkena adalah program untuk menangani masalah gejala sosial dikalangan pelajar-pelajar sekolah. Wakil Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (Bahagian Kaunseling) melaporkan berkaitan dengan keberkesanan program ini dimana pada tahun 2011, tiada laporan berkaitan dengan masalah sosial yang melibatkan pelajar wanita.

Untuk tahun 2012, perancangan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu adalah seperti berikut:

1. Penambahbaikan program hafazan dengan melatih lebih ramai guru-guru untuk membetulkan teknik bacaan dengan memahami kaedah dan cara-cara bagi menarik perhatian dan minat kanak-kanak dalam menghafaz muqaddam.
2. Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) akan dibuka kepada pengusaha-pengusaha taska Swasta/Persendirian kerana YPKT sendiri mempunyai tenaga-tenaga pengajar yang diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).
3. Bagi tahun 2012, program-program kemahiran akan diperluaskan lagi skop dengan memperbanyakkan program-program ibu tunggal keseluruh daerah di Negeri Terengganu.
4. Untuk program bimbingan pakar, YPKT akan memberi perkhidmatan khususnya kepada Warga Emas, Ibu Tunggal dan juga belia dengan menyediakan lebih banyak pakar-pakar khususnya dalam bidang kesihatan.

5. Latihan Jahitan Kemahiran juga akan memperluaskan skop dalam pengambilan pelatih jahitan dan memberi penambahbaikan dalam bidang latihan jahitan agar dapat melahirkan pelatih yang berkualiti apabila tamat latihan di Akademi Jahitan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
  
6. Program Pinjaman Jaya Diri akan mensasarkan pinjaman kepada peserta ialah sebanyak RM 5 Juta pada tahun 2012, dimana Pecahan Sasaran pinjaman adalah seperti berikut:
  - a) Berkeluarga : RM 3 Juta
  - b) Ibu Tunggal : RM 1 Juta
  - c) Belia : RM 1 Juta
  
7. Perancangan ke arah meningkatkan kualiti hidup berkeluarga rakyat Terengganu akan diperluaskan melalui program-program seperti berikut:
  - a) Pasca Perkahwinan "2<sup>nd</sup> Honeymoon"
  - b) Pasca Perkahwinan "Keluarga Bahagia"
  - c) Pasca Perkahwinan "Semarak Kasih"

Juga program ke arah mengurangkan gejala sosial seperti

  - a) Program Saya Anak Terengganu "Taklif"
  - b) Program Saya Anak Terengganu "Ingat Sebelum Terkena"
  - c) Program Saya Anak Terengganu "Kesukarelawanan"
  - d) Program Saya Anak Terengganu "Peningkatan Potensi Diri"

e) Program Kem Keluarga Pintar

Program Pembangunan Masyarakat secara menyeluruh pula akan diadakan seperti:

a) Forum Perdana cakna Keluarga

b) Anugerah Keluarga Mithali

c) Tadarus Keluarga

d) Seminar/Ceramah keibubapaan/keluarga

**SOALAN 3** : Berapa ramaikah pelajar sekolah rendah khususnya pelajar tahun 4, 5 dan 6 yang tidak dapat menguasai 3M ( menulis, membaca dan mengira ) pada tahun 2011 yang lalu mengikut daerah-daerah seluruh Negeri Terengganu.

**JAWAPAN** : Jumlah pelajar bagi tahun 4, 5 dan 6 yang tidak dapat menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira) pada tahun 2011 mengikut daerah-daerah seluruh Negeri Terengganu:

TAHUN 4 2011 -

| BIL | DAERAH       | JUMLAH PELAJAR TIDAK TAHU MEMBACA | JUMLAH PELAJAR TIDAK TAHU MENULIS | JUMLAH PELAJAR TIDAK TAHUN MENGIRA |
|-----|--------------|-----------------------------------|-----------------------------------|------------------------------------|
| 1.  | KEMAMAN      | 301                               | 328                               | 557                                |
| 2.  | DUNGUN       | 144                               | 172                               | 255                                |
| 3.  | BESUT        | 155                               | 167                               | 147                                |
| 4.  | SETIU        | 128                               | 152                               | 286                                |
| 5.  | MARANG       | 101                               | 123                               | 223                                |
| 6.  | K.TERENGGANU | 307                               | 391                               | 325                                |
| 7.  | H.TERENGGANU | 172                               | 227                               | 315                                |
|     | JUMLAH       | 1308                              | 1787                              | 2108                               |

TAHUN 5 2011 -

| BIL    | DAERAH       | JUMLAH<br>PELAJAR<br>TIDAK TAHU<br>MEMBACA | JUMLAH<br>PELAJAR<br>TIDAK TAHU<br>MENULIS | JUMLAH<br>PELAJAR<br>TIDAK TAHUN<br>MENGIRA |
|--------|--------------|--|--|---|
| 1.     | KEMAMAN      | 227  | 293  | 429   |
| 2.     | DUNGUN       | 137  | 180  | 252   |
| 3.     | BESUT        | 151  | 163  | 120   |
| 4.     | SETIU        | 146  | 160  | 256   |
| 5.     | MARANG       | 105  | 116  | 217   |
| 6.     | K.TERENGGANU | 292  | 355  | 316   |
| 7.     | H.TERENGGANU | 134  | 155  | 278   |
| JUMLAH |              | 1326                                       | 1577                                       | 1868  |

TAHUN 6 2011 -

| BIL    | DAERAH       | JUMLAH<br>PELAJAR<br>TIDAK TAHU<br>MEMBACA | JUMLAH<br>PELAJAR<br>TIDAK TAHU<br>MENULIS | JUMLAH<br>PELAJAR<br>TIDAK TAHUN<br>MENGIRA |
|--------|--------------|--|--|---|
| 1.     | KEMAMAN      | 139  | 161  | 238   |
| 2.     | DUNGUN       | 92   | 119  | 119   |
| 3.     | BESUT        | 103  | 106  | 97  |
| 4.     | SETIU        | 92   | 113  | 122   |
| 5.     | MARANG       | 61   | 75   | 123   |
| 6.     | K.TERENGGANU | 169  | 181  | 229   |
| 7.     | H.TERENGGANU | 36   | 35   | 82  |
| JUMLAH |              | 692  | 790  | 1010  |

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.5.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HJ AWANG**  
**WAKIL RHU RENDANG**

**SOALAN 1** : Sila senaraikan jumlah loji air milik Syarikat Air Terengganu (SATU) diseluruh negeri mengikut pecahan daerah dan berapa buah loji air SATU yang akan diswastakan operasinya.

**JAWAPAN** : a) Semua loji air di Terengganu adalah milik kerajaan negeri serta diuruskan oleh Syarikat Air Terengganu (SATU). Berikut adalah senarai loji air yang diuruskan oleh SATU:-

| <b>DAERAH</b>    | <b>NAMA LOJI AIR</b>     |
|------------------|--------------------------|
| Besut            | Loji Air Bukit Bunga     |
| Setiu            | Loji Air Sungai Tong     |
|                  | Loji Air Bukit Kemudu    |
| Hulu Terengganu  | Loji Air Hulu Terengganu |
|                  | Loji Air Jerangau        |
|                  | Loji Air Tasik Kenyir    |
| Kuala Terengganu | Loji Air Losong          |
|                  | Loji Air Kepong I        |
|                  | Loji Air Kepong II       |
| Dungun           | Loji Air Bukit Bauk      |
|                  | Loji Air Tepus           |
|                  | Loji Air Serdang         |
| Kemaman          | Loji Air Bukit Sah       |
|                  | Loji Air Cerul           |

- b) Pada ketika ini, tiada loji air yang diswastakan operasinya.

**SOALAN 2** : Sila nyatakan jumlah kutipan zakat sejak tahun 2008 hingga sekarang mengikut pecahan tahun serta jumlah agihannya mengikut pecahan asnaf dan daerah.

**JAWAPAN** :

**PENCAPAIAN KUTIPAN ZAKAT  
DARI TAHUN 2008 HINGGA KINI (MAC 2012)**

| TAHUN             | JUMLAH (RM)   |
|-------------------|---------------|
| 2008              | 66,200,415.14 |
| 2009              | 73,556,668.90 |
| 2010              | 76,440,798.92 |
| 2011              | 88,274,932.37 |
| 2012 (hingga Mac) | 16,703,879.71 |

**LAPORAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF  
TAHUN 2008 HINGGA 2012**

| BIL           | ASNAF                          | 2008                 | 2009                 | 2010                 | 2011                 | 2012                |
|---------------|--------------------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|---------------------|
| 1             | FAQIR                          | 3,240,742.27         | 4,505,497.22         | 12,858,423.54        | 12,487,688.79        | 1,290,586.54        |
| 2             | MISKIN                         | 13,543,600.02        | 27,745,238.23        | 21,947,385.96        | 21,452,618.02        | 1,887,166.93        |
| 3             | AMIL                           | 9,418,486.39         | 7,374,052.10         | 7,342,070.78         | 9,436,480.12         | 24,374.67           |
| 4             | MUALAF                         | 1,053,404.84         | 1,930,641.58         | 1,802,978.19         | 2,265,037.78         | 276,582.34          |
| 5             | RIQAB                          | 145,766.87           | 18,000.00            | 19,500.00            | 24,500.00            | 0.00                |
| 6             | CHARIMIN                       | 68,012.84            | 55,013.09            | 371,021.98           | 56,000.01            | 14,346.40           |
| 7             | FISABILILLAH                   | 8,325,483.65         | 10,929,742.55        | 17,260,083.74        | 19,477,241.04        | 1,869,005.91        |
| 8             | IBNUSSABIL                     | 13,100.00            | 20,400.00            | 143,198.00           | 175,679.50           | 10,810.00           |
| 9             | Pulangbalik Hasil & Hapus Kira |                      |                      | 9,060.00             | 5,950.62             | 1,500.00            |
| <b>JUMLAH</b> |                                | <b>35,808,578.88</b> | <b>52,578,584.77</b> | <b>52,578,584.77</b> | <b>65,518,695.88</b> | <b>5,374,372.79</b> |

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.6**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH**  
**WAKIL TEPOH**

- SOALAN 1** : a. Berapakah jumlah wakaf/perhentian bas baru yang telah dibina oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sepanjang tahun lepas (2011) hingga kini ?
- b. Nyatakan lokasi wakaf/perhentian bas ini dibina ?
- c. Berapakah kos setiap sebuah wakaf/perhentian bas tersebut ?

**JAWAPAN** : Sebanyak 12 buah wakaf/perhentian yang dibina oleh pihak Majlis bagi tahun 2011.

| Bil | Tempat  | Kos (RM)  |
|-----|---|-----------|
| 1.  | Hadapan Perpustakaan Awam Negeri                    | 20,000.00 |
| 2.  | Hadapan Mydin Mall, Jalan Tengku Mizan              | 19,910.00 |
| 3.  | Hadapan Mydin Mall, Jalan Tengku Mizan (Arah Utara) | 20,000.00 |

| Bil | Tempat   | Kos (RM)  |
|-----|--|-----------|
| 4.  | Hadapan Pasaraya Giant<br>(Jalan Sultan Mohamad)                                 | 19,990.00 |
| 5.  | Jalan Kuala Berang, Wakaf<br>Beruas  | 20,000.00 |
| 6.  | Hadapan Maktab Perguruan<br>Dato' Razali, Batu Rakit                             | 20,000.00 |
| 7.  | Hadapan Sek. Men<br>Kebangsaan Dato' Razali<br>Ismail (Sek. Men. Keb.<br>Bandar) | 20,000.00 |
| 8.  | Hadapan Universiti Malaysia<br>Terengganu, Gong Badak                            | 20,000.00 |
| 9.  | Hadapan Klinik Kesihatan<br>Wakaf Tengah   | 19,950.00 |
| 10. | Hadapan Pejabat Pos Wakaf<br>Tengah  | 19,900.00 |
| 11. | Hadapan Stesen Minyak Shell<br>Padang Air  | 20,000.00 |
| 12. | Hadapan Sek. Men. Keb. Bukit<br>Besar  | 20,000.00 |

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.7**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT**  
**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

**SOALAN 1** : Sila nyatakan status janji yang dibuat dalam Pilihanraya Kecil P.036 Kuala Terengganu pada bulan Disember 2008 oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Najib (ketika itu sebagai TPM) untuk mengembalikan semula bayaran Royalti Petroleum oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 2** : Sila nyatakan jumlah dan jenis mengikut sektor pelaburan asing dan domestik yang dibawa ke Terengganu dari tahun 2005 hingga 2011 dan apakah halangan-halangan yang dihadapi dalam usaha menarik pelabur ke negeri ini.

**JAWAPAN** : Jumlah pelaburan asing dan domestik mengikut sektor dari tahun 2005 – 2011 adalah sebagaimana berikut :-

**JUMLAH PELABURAN MENGIKUT SEKTOR DI TERENGGANU**  
**BAGI TAHUN 2005 HINGGA 2011**

| BIL | SEKTOR                           | JUMLAH PELABURAN |               | JUMLAH PELABURAN (RM) |
|-----|----------------------------------|------------------|---------------|-----------------------|
|     |                                  | ASING (RM)       | TEMPATAN (RM) |                       |
| 1.  | Produk Asas Logam                | 6,418,689,000    | 3,415,675,000 | 9,834,364,000         |
| 2.  | Produk Petroleum                 | 431,790,134      | 1,684,656,000 | 2,116,446,134         |
| 3.  | Produk Kimia                     | 216,024,322      | 921,422,928   | 1,137,447,250         |
| 4.  | Peralatan Pengangkutan           | 102,004,744      | 503,860,000   | 605,864,744           |
| 5.  | Produk Plastik                   | 290,300,000      | 0             | 290,300,000           |
| 6.  | Produk Getah                     | 0                | 250,000,000   | 250,000,000           |
| 7.  | Produk Elektronik dan Elektrikal | 0                | 98,050,464    | 98,050,464            |
| 8.  | Mesin dan Peralatan              | 4,995,600        | 78,982,640    | 83,978,240            |
| 9.  | Produk Kayu                      | 13,101,450       | 43,912,254    | 57,013,704            |
| 10. | Produk Galian Bukan Logam        | 0                | 45,481,097    | 45,481,097            |

| BIL           | SEKTOR                            | JUMLAH PELABURAN     |                      | JUMLAH PELABURAN (RM) |
|---------------|-----------------------------------|----------------------|----------------------|-----------------------|
|               |                                   | ASING (RM)           | TEMPATAN (RM)        |                       |
| 11.           | Produk Logam Buatan               | 0                    | 40,866,935           | 40,866,935            |
| 12.           | Kertas, percetakan dan Penerbitan | 0                    | 39,700,00            | 39,700,000            |
| 13.           | Perabot dan Lekapan               | 0                    | 31,000,000           | 31,000,000            |
| 14.           | Produk Tekstil dan Pakaian        | 0                    | 10,000,000           | 10,000,000            |
| 15.           | Pembuatan Makanan                 | 0                    | 2,930,000            | 2,930,000             |
| <b>JUMLAH</b> |                                   | <b>7,476,905,250</b> | <b>7,166,537,318</b> | <b>14,643,442,568</b> |

Halangan-halangan yang dihadapi dalam usaha menarik pelabur ke negeri ini adalah sebagaimana berikut :-

- i. Kekurangan pekerja mahir dan separa mahir dari kalangan rakyat tempatan dalam Sektor Minyak dan Gas serta sektor Elektrikal & Elektronik di Terengganu.
- ii. Kelewatan penyiapan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan keretapi dan lebuh raya yang menyebabkan kos pengangkutan menjadi tinggi.

**SOALAN 3** : Sila nyatakan jumlah Pegawai Pembangunan DUN dan Parlimen yang dilantik di negeri ini semenjak tahun 2008 hingga kini dan berapakah jumlah elaun bulanan yang dibayar kepada setiap orang daripada mereka.

**JAWAPAN** : 1) Jumlah Pegawai Pembangunan DUN dan Parlimen yang dilantik di negeri ini semenjak tahun 2008 hingga kini adalah sebagaimana berikut :-

- a. Lapan (8) orang Pegawai Pembangunan DUN iaitu seorang bagi setiap Kawasan DUN Manir, Ladang, Batu Burok, Wakaf Mempelam, Bukit Tunggai, Rhu Rendang, Bukit Payung dan Sura.
- b. Dua (2) orang Pegawai Pembangunan Parlimen iaitu seorang bagi setiap Kawasan Parlimen Kuala Terengganu dan Marang.

2) Elaun bulanan adalah sebanyak RM7,000.00 bagi setiap Pegawai Pembangunan Parlimen dan sebanyak RM5,000.00 bagi setiap Pegawai Pembangunan DUN.

**SOALAN 4** : Mengapakah kemudahan asas di Pasar Borong Gong Pauh seperti jalan, bekalan air, bekalan letrik dan kebersihan sekitar tidak diselenggarakan dengan baik dan terabai.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 5** : Sila nyatakan sama ada kajian alam sekitar yang terperinci DEIA (Detail Environmental Impact Assessment) dibuat terhadap projek ternakan udang i-SHARP oleh Syarikat Blue Archipelago di Setiu Terengganu yang menyebabkan dua kali berlaku banjir luar biasa di kawasan tersebut musim tengkujuh yang lalu.

**JAWAPAN** : Pihak Syarikat Blue Archipelago Berhad telah menjalankan kajian alam sekitar yang terperinci (DEIA) sebelum memulakan projek i-SHARP.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL**  
**WAKIL KUALA BERANG**

**SOALAN 1** : Kuala Berang dijangka menjadi Bandar Persinggahan Utama di Hulu Terengganu apabila Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir beroperasi nanti. Apakah perancangan pembangunan dijangka dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu berkaitan dengan hal ini di Bandar Kuala Berang?

**JAWAPAN** : Perancangan pembangunan yang dijangka dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu di Bandar Kuala Berang yang bakal memainkan peranan sebagai bandar persinggahan utama di Hulu Terengganu apabila Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir beroperasi nanti adalah seperti berikut :-

Pembangunan dalam perancangan dan sedang dilaksanakan:-

- i. Taman Warisan Hulu Terengganu di Sungai Berang.
- ii. Kompleks Buah-Buahan di Kampung Gaung.
- iii. Kompleks Sukan Daerah Hulu Terengganu (KSDHT) di Paya Besar.

- iv. Pusat Pentadbiran Daerah Hulu Terengganu di sebelah Hospital Hulu Terengganu.
- v. Pembangunan komersil seperti pejabat, ruang niaga dan hotel di Bandar Kuala Berang melalui kaedah penswastaan.

**SOALAN 2** : Beberapa buah Asrama Kelompok Yayasan Terengganu telah bertukar status kepada pelaksanaan Sekolah Menengah Imtiaz dan lain-lain. Apakah perancangan kerajaan supaya program Asrama Kelompok Yayasan Terengganu ini dapat diteruskan dan beroperasi sebagaimana fungsi asal kerana didapati sangat berjaya memenuhi hasrat penempatan pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah diteruskan disetiap daerah ?

**JAWAPAN** : Pada peringkat awalnya Yayasan Terengganu mempunyai empat buah Asrama Berkelompok Yayasan Terengganu iaitu masing-masing di Besut, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman.

Berikutan keperluan pendidikan semasa, beberapa asrama ini telah ditukarkan statusnya kepada Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu iaitu di Hulu Terengganu dan Dungun. Manakala di Besut, asrama ini telah berpindahmilik kepada Mara dan dijadikan Maktab Rendah Sains Mara Besut.

Pada masa sekarang hanya sebuah Asrama Berkelompok Yayasan Terengganu sahaja yang kekal dengan fungsi asal iaitu Asrama Berkelompok Yayasan Terengganu Kemaman.

Sementara itu, Kerajaan Negeri juga telah membina dua buah lagi bangunan untuk dijadikan Asrama Berkelompok Yayasan Terengganu iaitu di Pelagat, Besut dan Bandar Al-Muktafi Billah Shah. Bangunan yang telah disiapkan pada akhir tahun 2011 juga dijadikan penempatan sementara untuk Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut dan Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Kemaman berikutan keperluan pendidikan Sekolah IMTIAZ.

**SOALAN 3** : Syarikat Sepurnama Sdn Bhd. yang diberi kelulusan oleh Kerajaan Negeri Terengganu didapati gagal membina sebahagian lagi rumah-rumah di Padang Stengge Kuala Berang sehingga kini. Apakah tindakan kerajaan?

**JAWAPAN** : Projek perumahan Rumah Mampu Milik Padang Stengge, Kuala Berang yang diluluskan kepada Syarikat Se Purnama Sdn. Bhd. Dibangunkan di bawah konsep penswastaan. Pembangunan Projek ini terbahagi kepada tiga (3) fasa :-

- i. Fasa I - 124 unit (telah siap dan didiami).
- ii. Fasa II - 123 unit (telah siap dan didiami).
- iii. Fasa III - 234 unit (belum bina).

Pembinaan fasa III belum dimulakan lagi kerana sebahagian besar nama pemohon yang telah ditemuduga serta memenuhi syarat kelayakan telah gagal mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan atas beberapa sebab tertentu, menyebabkan aliran tunai pemaju terganggu. Kontraktor yang dilantik oleh pemaju enggan meneruskan pembinaan fasa III selagi pemaju tidak menjelaskan baki bayaran pembinaan fasa II. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah:-

- i. Menemuduga pemohon-pemohon baru yang berminat serta berkelayakan membeli Rumah Mampu Milik projek ini untuk tawaran jual beli fasa III.
- ii. Mengadakan rundingan dan perbincangan dengan pemaju melalui Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) bagi menerus dan menyiapkan pembinaan fasa III sebanyak 234 unit lagi.
- iii. Meneliti semula dokumen perjanjian untuk tindakan pembatalan kelulusan serta menyenarai hitamkan pemaju berkenaan.

**SOALAN 4** : Kejadian mencuri kabel telekom, barangan berasaskan besi dan pecah rumah didapati kerap berlaku di Hulu Terengganu. Apakah tindakan dilakukan oleh Kerajaan ?

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 5** : Lebuhraya Pantai Timur 2 dari Bukit Besi ke Ajil sering berlaku kemalangan kenderaan. Sila nyatakan punca, bilangan kemalangan sejak dibuka hingga sekarang dan tindakan kerajaan ?

**JAWAPAN** : Sebahagian LPT 2 Pakej 10 iaitu dari persimpangan Bukit Besi sehingga ke persimpangan Ajil telah dibuka kepada trafik pada 22 Ogos 2011. Berdasarkan rekod yang dicatatkan oleh peronda Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sejak Pakej 10 iaitu dari persimpangan Bukit Besi sehingga ke Ajil dibuka pada 22 Ogos 2011 sehingga tempoh berakhir Mac 2012 sebanyak 135 kes kemalangan tanpa melibatkan kematian dilaporkan.

Punca utama kemalangan adalah pemanduan melebihi had laju yang ditetapkan terutamanya ketika waktu hujan mengakibatkan kenderaan mudah terbabas.

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah :-

1. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan bantuan Juruperunding sedang membuat analisa hasil daripada laporan kemalangan yang terkumpul bagi tujuan cadangan pembaikan dan mengenalpasti punca kemalangan dan lokasi konsep berlaku kemalangan.
2. Pihak Kerajaan/LLM telah melantik Peronda Lebuhraya yang berkhidmat 24 jam bagi tujuan memantau keadaan trafik di Lebuhraya. Antara skop tugas Peronda ialah :-
  - i. Memastikan operasi dan keadaan trafik di Lebuhraya sentiasa berjalan lancar.
  - ii. Memastikan tiada haiwan ternakan seperti lembu dan lain-lain berada di dalam rezab Lebuhraya.
  - iii. Melaporkan sebarang kerosakan aset di Lebuhraya akibat kemalangan untuk diambil tindakan segera.
  - iv. Melaksanakan pengurusan trafik dijalankan dengan sempurna apabila berlaku kemalangan bagi mengelakkan kemalangan kedua di lokasi yang sama.
  - v. Bantuan pemandu yang di dalam kecemasan untuk mendapatkan bantuan lanjut.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23,24,25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.9**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR**  
**WAKIL LADANG**

**SOALAN 1** : Apakah tindakan yang telah diambil ke atas pemilik bangunan rumah yang didapati binaannya terkena rezab jalan dan rezab tanah Surau Gelong Bilal.

**JAWAPAN** : Notis Seksyen 425 KTN telah dikeluarkan kepada tuan bangunan pada 11/03/2012.

**SOALAN 2** : Kerajaan Negeri telah berjanji untuk membuat kajian menyeluruh mengenai keberkesanan penggunaan e-Book. Apakah ianya telah dilaksanakan dan apakah terma-terma rujukan (Terms Of References) kajian ini.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 3** : Apakah komponen pembangunan Kuala Terengganu City Centre yang telah dirancang. Bilakah pembangunan ini akan bermula dan berapakah jangkaan kos yang akan dibelanjakan untuk seluruh pembangunan ini.

**JAWAPAN** : 1. KTCC adalah satu pelan induk pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Terengganu yang memfokuskan kepada lima komponen utama seperti berikut:

- i) Kerja-kerja infrastruktur Muara Utara: Tanah tambakan berkeluasan 140 ekar di utara Sungai Terengganu.
  - ii) Kerja-kerja Infrastruktur Muara Selatan dan pembinaan "drawbridge" : Tanah tambakan berkeluasan 40 ekar di selatan Sungai Terengganu.
  - iii) Kampung Ladang/Tanjung: Kampung tradisi sediaada di kawasan Bandar dengan keluasan 185 ekar.
  - iv) Pulau Warisan: Tanah tambakan berkeluasan 15 ekar berhampiran Kampung Cina.
  - v) Corniche Waterfront Corridor: Tanah tambakan selebar 60 meter dari pantai sejauh 5 km dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke Muara Utara.
2. Kerja-kerja infrastruktur utama di Muara Utara dan Muara Selatan adalah termasuk:
    - a. Kerja Tanah
    - b. Perparitan
    - c. Kerja Pembaikan Jalan
    - d. Persimpangan
    - e. Pembentungan
    - f. Bekalan Air
    - g. Bekalan Elektrik
  3. Kerja-kerja fizikal telah dimulakan sejak September 2011.
  4. Anggaran kos bagi keseluruhan kerja-kerja infrastruktur utama di Muara Utara dan Muara Selatan oleh Kerajaan Persekutuan ialah RM 318 juta. Manakala nilai pelaburan berpotensi oleh swasta dianggarkan berjumlah RM 3.6 billion.

**SOALAN 4** : Sila nyatakan sumbangan kewangan yang telah diberi oleh Terengganu Incorporated (TI) kepada setiap agensi/badan berkanun Kerajaan yang berkenaan sehingga kini.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.10**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF**  
**WAKIL KOTA PUTERA**

**SOALAN 1** : Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membenarkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu untuk digunakan bagi penerbangan membawa jemaah Umrah ?

**JAWAPAN** : Ya. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Syarikat Saudi Arabian Airlines dengan kerjasama Syarikat Kuala Lumpur Airport Services untuk menerbangkan jemaah umrah dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu terus ke Jeddah. Penerbangan pertama dijangka pada 26 Mei 2012 dan pulang pada 7 Jun 2012 manakala penerbangan kedua pula ialah pada 19 Julai dan pulang pada 31 Julai 2012.

**SOALAN 2** : Selain daripada bola sepak, lumba basikal dan sepak takraw yang sudah mencapai taraf antarabangsa, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempopularkan dan meningkatkan prestasi ahli sukan badminton dan hoki di Terengganu ?

**JAWAPAN** : Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) adalah sebagaimana berikut :-

### Sukan Badminton

1. MSNT dalam usaha untuk mewujudkan akademi badmintonnya tersendiri dan sebagai langkah awal, MSNT telah melaksanakan program pembangunan berstruktur di mana pemilihan atlet ke setiap daerah telah diadakan pada tahun 2011 melibatkan pemilihan atlet di bawah umur 12 dan 14 tahun bermula 10 Oktober 2011.
2. Melalui program ini, seramai 1244 orang atlet telah terlibat dengan pemilihan awal melibatkan semua daerah daripada bilangan ini seramai 281 (191 lelaki dan 90 wanita) orang terpilih untuk pemilihan akhir yang telah diadakan pada 2 – 4 Disember 2011 di Stadium Tertutup Negeri Terengganu dan seramai 20 orang telah dipilih.
3. Pemilihan telah dibuat oleh jurulatih luar negara daripada Indonesia yang telah diambil berkhidmat dengan Majlis Sukan Negeri Terengganu iaitu Sunarno Martitoyoso dan Ardi Wiranata.

### Manakala bagi sukan hoki pula.

1. Sukan ini telah diberi keutamaan dan dimasukkan dalam 5 sukan-sukan dalam Program Tunas Harapan. Program Tunas Harapan telah dihidupkan kembali dengan diberi nafas baru sejak tahun 2011.
2. Dalam program ini sebanyak dua pusat latihan bawah 12 dan bawah 14 tahun diwujudkan di setiap daerah di bawah latihan jurulatih yang telah dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu dan mendapat kerjasama yang baik daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu.

3. MSNT sudah ada perjanjian dengan Sekolah Sukan Tuanku Mahkota Ismail yang dilunya dikenali dengan nama Sekolah Sukan Bandar Penawar dalam melatih atlet-atlet hoki yang terpilih kerana di sekolah ini kerana jurulatihnya merupakan anak watan Negeri Terengganu.
4. Tahun ini seramai lima (5) orang pemain hoki anak Terengganu berada dalam pasukan Negara yang bermain dalam kelayakan Sukan Olimpik London 2012 yang baru lalu.

**SOALAN 3** : Apakah perancangan kerajaan untuk mengubah lokasi PUSPEN Besut ke lokasi yang agak berjauhan sedikit dengan kawasan penempatan kediaman ?

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 4** : Apakah perancangan yang kerajaan laksanakan untuk melestarikan kejayaan pelajar-pelajar dalam peperiksaan UPSR ?

**JAWAPAN** : Mengoptimalkan penggunaan e-book. Bagi tujuan ini TOP IT dan AKRAM Terengganu diminta membangunkan T-Skor sebagai bahan pembelajaran dan latihan berterusan.

Kerajaan menubuhkan "Think Tank" kecemerlangan pendidikan Terengganu yang melibatkan wakil-wakil Kerajaan Negeri, JPNT, NGO dan komuniti. "ThinkTank" ini bertanggungjawab menyemak semula Plan Strategik Pendidikan Terengganu.

Menambahkan peruntukan PPAI bagi membolehkan JPNT menyediakan lebih banyak bahan bantu pembelajaran.

Memperkasakan kemahiran guru dalam mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris melalui kursus jangka pendek.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.11**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**  
**WAKIL SURA**

**SOALAN 1** : Nyatakan kos pembinaan pemecah ombak dan kos pembaikan jalan di Pantai Telok Lipat.

**JAWAPAN** : Kos Pembinaan pemecah ombak di Pantai Telok Lipat dilaksana oleh dua (2) agensi. Maklumat projek adalah sebagaimana berikut :-

| Jabatan Pengaliran dan Saliran |   | ECER  |  |
|--------------------------------|---|---|--|
| Projek Pemecah Ombak           | Kos : RM2.5 juta<br>Tarikh : 22.11.2011<br>Mula<br>Tarikh : 13.03.2012<br>Siap<br>Peruntukan : Negeri | Projek Kawalan Hakisan Pantai dan Pembaikan Jalan | Dalam Proses tender dan kos akan ditentukan selepas proses tender selesai. Anggaran kos RM50 juta. Pembaikan jalan termasuk dalam skop ECER. |

**SOALAN 2** : Senaraikan projek dan kos memperdalamkan muara sungai mengikut pecahan daerah.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 3** : Senaraikan jenis-jenis pelaburan dalam ECER di Negeri Terengganu dan berapakah nilai setiap satu pelaburan tersebut.

**JAWAPAN** : Terdapat 2 jenis pelaburan dalam ECER di Negeri Terengganu iaitu Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan pelaburan Langsung Domestik (DDI). Berdasarkan rekod, jumlah keseluruhan pelaburan dari tahun 2009 sehingga Mac 2012 adalah sebanyak RM4.46 billion iaitu RM2.14 billion pelaburan langsung domestik dan RM2,32 billion pelaburan langsung asing.

**SOALAN 4** : Nyatakan jumlah keluasan tanah wakaf yang telah dimajukan dan akan dimajukan oleh MAIDAM mengikut pecahan daerah.

**JAWAPAN** : Jumlah keluasan tanah wakaf yang telah dimajukan dan akan dimajukan oleh MAIDAM mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut :-

| DAERAH              | JUMLAH<br>KELUASAN<br>YANG TELAH<br>DIMAJUKAN<br>(HA) | JUMLAH<br>KELUASAN<br>YANG AKAN<br>DIMAJUKAN<br>(HA) |
|---------------------|---|--|
| KUALA<br>TERENGGANU | 2.4420 HEKTAR<br>(7 LOT)                              | 0.1683 HEKTAR<br>(2 LOT)                             |
| MARANG              | 1.7407 HEKTAR<br>(4 LOT)                              | 0.7822 HEKTAR<br>(1 LOT)                             |
| KEMAMAN             | 0.0726 HEKTAR<br>(2 LOT)                              | -  |
| BESUT               | 0.3549 HEKTAR<br>(1 LOT)                              | 0.1775 HEKTAR<br>(1 LOT)                             |
| JUMLAH              | 4.6102 HEKTAR<br>(14 LOT)                             | 1.128 HEKTAR<br>(4 LOT)                              |

**SOALAN 5** : Nyatakan bilangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mengikut pecahan daerah dan jumlah keluasan tanah yang terlibat.

**JAWAPAN** : Sebanyak 4 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 12 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar melalui Kementerian Pengajian Tinggi terdapat di Negeri Terengganu dibina di atas tanah berkeluasan 875.28011 hektar. Pecahan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mengikut daerah adalah sebagaimana berikut :-

**Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**

| BIL                            | NAMA INSTITUSI                           | LOKASI                              | LUAS (ha) |
|--------------------------------|--|-------------------------------------|-----------|
| <b>DAERAH KUALA TERENGGANU</b> |  |                                     |           |
| 1.                             | Universiti Malaysia Terengganu (UMT)     | Kuala Terengganu                    | 33.9000   |
| 2.                             | Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) | Kampus Kota, Kuala Terengganu       | 1.8088    |
|                                |  | Kampus Gong Badak, Mukim Batu Rakit | 37.0500   |
|                                |  | Kampus Gong Badak Mukim Kuala Nerus | 104.000   |
| 3.                             | Universiti Teknologi MARA (UiTM)         | Kampus Kuala Terengganu             | 3.2070    |
| JUMLAH                         |  |                                     | 179.9658  |
| <b>DAERAH DUNGUN</b>           |  |                                     |           |
| 1.                             | Universiti Teknologi MARA (UiTM)         | Sura Hujung, Dungun                 | 85.2990   |
|                                |  |                                     | 17.9640   |
|                                |  |                                     | 18.2650   |
| JUMLAH                         |  |                                     | 121.528   |

**Jumlah Keseluruhan Tapak Kawasan IPTA = 301.4938****Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**

| BIL                            | NAMA INSTITUSI                                      | LOKASI                                      | LUAS (ha)   |
|--------------------------------|---|---|---|
| <b>DAERAH KUALA TERENGGANU</b> |   |   |   |
| 1.                             | Pusat Teknologi Dan<br>Pengurusan Lanjutan (PTPL)   | Jalan Sultan Omar,<br>Kuala Terengganu      | 0.01890<br>0.01210<br>0.01220<br>0.01230<br>0.01240 |
| 2.                             | Kolej Teknologi Antarabangsa<br>Cosmopoint          | Jalan Sultan<br>Ismail,<br>Kuala Terengganu | 0.05781   |
| 3.                             | Akademi Laut Malaysia (ALAM)                        | Mukim Batu Rakit                            | 3.2070  |
| 4.                             | Institut Latihan Perindustrian<br>Petronas (INSTEP) | Mukim Batu Rakit                            | 81.1645   |
| JUMLAH                         |   |   | 81.29021  |

| BIL                   | NAMA INSTITUSI                   | LOKASI                | LUAS (ha)                                |
|-----------------------|----------------------------------|-----------------------|--|
| <b>DAERAH KEMAMAN</b> |                                  |                       |  |
| 1.                    | TATI Universiti College (TATiUC) | Teluk Kalong, Kemaman | 13.3700<br>27.5623<br>26.0200<br>37.7600 |
| 2.                    | Institut RANACO                  |                       | 1.1900                                   |
| JUMLAH                |                                  |                       | 104.7123                                 |

| BIL                  | NAMA INSTITUSI         | LOKASI                         | LUAS (ha) |
|----------------------|------------------------|--------------------------------|-----------|
| <b>DAERAH MARANG</b> |                        |                                |           |
| 1.                   | Universiti UCSI        | Bukit Khor, Marang             | 15.1300   |
| 2.                   | Kolej Multimedia Timur | Kompleks TM Medan Jaya, Rusila | 16.9110   |
| 3.                   | Kolej TESDEC           | Bukit Khor, Marang             | 85.01     |
| JUMLAH               |                        |                                | 117.051   |

| BIL                  | NAMA INSTITUSI | LOKASI               | LUAS (ha) |
|----------------------|----------------|----------------------|-----------|
| <b>DAERAH DUNGUN</b> |                |                      |           |
| 1.                   | Kolej Ketengah | Hulu Paka,<br>Dungun | 99.0828   |
| JUMLAH               |                |                      | 99.0828   |

| BIL                 | NAMA INSTITUSI          | LOKASI                           | LUAS (ha) |
|---------------------|-------------------------|----------------------------------|-----------|
| <b>DAERAH SETIU</b> |                         |                                  |           |
| 1.                  | Kolej Teknologi Bestari | Puterajaya,<br>Bandar Permaisuri | 129.9000  |
| JUMLAH              |                         |                                  | 129.9000  |

| BIL                           | NAMA INSTITUSI | LOKASI  | LUAS (ha) |
|-------------------------------|----------------|---------|-----------|
| <b>DAERAH HULU TERENGGANU</b> |                |         |           |
| 1.                            | Kolej KIST     | Tanggul | 41.7500   |
| JUMLAH                        |                |         | 41.7500   |

**Jumlah Keseluruhan Keluasan IPTS = 573.78631**

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23,24,25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.12**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

**SOALAN 1** : Sila nyatakan hasil kajian oleh syarikat perundingan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri terhadap tahap keselamatan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

**JAWAPAN** : Hasil kajian integriti oleh syarikat perundingan terhadap tahap keselamatan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin adalah seperti berikut:-

**(i) Struktur Bumbung West Stand**

Struktur Bumbung 'West Stand' adalah tidak selamat dan dicadangkan dibuka.

**(ii) Struktur Konkrit**

Terdapat beberapa bahagian rasuk dan tiang yang tidak mencukupi nisbah keperluan/kapasiti pada had muktamad (ultimate limit condition). Ianya perlu dibuat pembaikan, penguatan atau penggantian.

**(iii) Sistem Asas (Foundation System)**

Mencukupi dan mematuhi kehendak rekabentuk. Walau bagaimanapun perlu disemak dengan beban system bumbung baru.

**(iv) Mekanikal dan Elektrikal**

Rekabentuk elektrikal dan mekanikal adalah mematuhi spesifikasi. Ujian kefungsiian perlu dijalankan bagi peralatan di tapak.

**SOALAN 2** : Berapakah jumlah hasil yang dihasilkan setiap bulan dari projek ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Como, Tasik Kenyir. Berapakah jumlah kos keseluruhan projek tersebut.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 3** : Senaraikan nama pemilik tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah bagi projek jalan dan jambatan Kampung Jeram dari Kampung Banggol Tuan Muda ke Kampung Bukit Guntung serta jumlah pampasan yang dibayar oleh kerajaan kepada setiap pemilik tanah.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 4** : Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Berhad sejak ia ditubuhkan sehingga kini dan nyatakan prestasi untung rugi setiap projek yang dilaksanakan.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

- SOALAN 5** : Nyatakan status pembangunan pasar-pasar dibawah;
- a. Pasar Bukit Tunggal
  - b. Pasar Jerteh (Jerteh Souq)
  - c. Pasar Binjai ( Binjai Souq)
  - d. Pasar Manir
  - e. Pasar Borong Bukit Payong ( Terminal Agro)

**JAWAPAN** : Status pembangunan pasar-pasar adalah seperti di bawah:

**a) Pasar Bukit Tunggal**

Sedang dalam pembinaan dan tarikh masuk tapak ialah 2 April 2002.

**b) Pasar Jerteh (Jerteh Souq)**

Pakej A telah siap dan beroperasi.

**c) Pasar Binjai (Binjai Souq)**

**Pakej A** – telah siap dan beroperasi pada tahun 2008.

**Pakej B** – belum dibuka untuk kegunaan orang ramai dan Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dalam peringkat kajian untuk baik pulih bangunan.

**d) Pasar Manir**

Kerja-kerja pembinaan Pasar Manir telah siap dan hanya menunggu ujian Sewage Treatment Plan (STP).

**e) Pasar Borong Bukit Payong (Terminal Agro)**

Telah siap kerja-kerja tanah pada tahun 2010.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.13.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR**  
**WAKIL AIR PUTIH**

**SOALAN 1** : Berapakah jumlah peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah diluluskan pada Kerajaan Negeri Terengganu untuk pembinaan Rumah Awam Kos Rendah serta Rumah Mampu Milik pada RMK-10. Sila nyatakan lokasi projek mengikut DUN?

**JAWAPAN** : Tiada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk pembinaan Rumah Awam Kos Rendah serta Rumah Mampu Milik pada RMK-10.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 23, 24, 25 DAN 26 APRIL 2012**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.14.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH**  
**WAKIL BUKIT PAYONG**

**SOALAN 1** : Sila senaraikan haiwan-haiwan yang dibeli daripada luar Negara dan kos pembelian mengikut jenis haiwan, serta jumlah pembiayaan setiap bulan bagi setiap haiwan tersebut untuk Mini Zoo Bukit Takal.

**JAWAPAN** : Tiada haiwan-haiwan yang dibeli daripada Luar Negara untuk ditempatkan di Mini Zoo Bukit Takal.

**SOALAN 2** : Nyatakan kadar pengangguran terkini di Terengganu mengikut jantina dan daerah.

**JAWAPAN** : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**SOALAN 3** : Berapakah kos pembinaan Masjid Kampung Surau Haji Yaakob dan nyatakan syarikat yang dipertanggung jawabkan untuk membinanya serta jangka siap pembinaan tersebut.

**JAWAPAN** : Kos pembinaan Masjid Kampung Surau Haji Yaakob ialah sebanyak RM4,396,124.00 (kos ATDA) dan kontraktor yang dilantik untk melaksanakannya ialah Hani Nani Sdn. Bhd. Masjid tersebut dijangka siap pembinaannya pada 17 Oktober 2012.

**SOALAN 4** : Berapa buah Bangunan Taska PERMATA yang dibina di atas

tanah milik kerajaan dan berapakah bayaran yang diperolehi oleh kerajaan untuk pemilikan tanah tersebut.

**JAWAPAN** : Sebanyak 10 tapak tanah telah diluluskan kepada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dengan jumlah bayaran sebanyak RM13,449.00.

**SOALAN 5** : Apakah status kajian terhadap Ubi Gadung dan berapa luas serta dimanakah ladang Ubi Gadung diusahakan.

**JAWAPAN** : Status kajian ubi gadong yang terkini adalah:

- i. Kerajaan Negeri telah menerima dua (2) laporan bertulis iaitu Laporan Inception dan Laporan Interim Pertama.
- ii. Laporan Interim Kedua akan dibentangkan oleh pihak UniSZA pada April 2012.

Skop kajian TIDAK meliputi pembukaan sebuah ladang.